05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEDUDUKAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT TAMIL LADANG DALAM NOVEL-NOVEL TAMIL MALAYSIA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

U.DAYALANI A/P UTHAMASEELAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEDUDUKAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT TAMIL LADANG DALAM NOVEL-NOVEL TAMIL MALAYSIA

U.DAYALANI A/P UTHAMASEELAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (KESUSASTERAAN TAMIL)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____
_____
_____
adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

_____
Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____
_____
_____
(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

_____ **_____**
Tarikh **Tandatangan Penyelia**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: _____

_____

No. Matrik /*Matric No.*: _____

Saya / *I* : _____

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris

2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.

3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) from the categories below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
☐	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

_____ _____

(Tandatangan Pelajar/ Signature) (Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana membolehkan laporan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr.Samikkanu Jabamoney Ishak Samuel sebagai penyelia utama yang telah membantu dalam menyiapkan kajian ini. Beliau selaku penyelia utama telah banyak membantu, memberi bimbingan, memberi panduan, tunjuk ajar tanpa mengira masa. Beliau sentiasa memberikan dorongan serta motivasi yang tinggi dalam penulisan kajian ini. Jasa dan budi baik serta kesabaran yang beliau tunjukkan amat dihargai dan dikagumi.Tidak ketinggalan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami En.Krishnan A/L Muniandy (Guru Besar, SJKT Tronoh,Perak.) yang telah mengorbankan masa dan tenaga serta memberikan semangat, motivasi untuk merealisasikan cita-cita saya. Tidak lupa anak-anak tersayang K.Jeevan Varma dan K.Kiran Nisha yang memberi semangat, sokongan serta dorongan dalam menjayakan penyelidikan ini. Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang turut memberi inspirasi, dorongan, semangat dan motivasi dalam menjayakan penyelidikan ini. Teristimewa buat rakan karibku, Dr.Magiswary Dorasamy terima kasih kerana menyemarakkan semangat untuk meneruskan perjuangan Phd. Hanya tuhan sahaja yang dapat membalas segala jasa dan budi anda semua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis akan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang serta menghuraikan unsur ekstrinsik dalam pemaparan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam novel-novel Tamil Malaysia. Kajian ini ialah sebuah kajian kepustakaan yang menerapkan analisis teks dan deskriptif untuk menganalisis tujuh buah novel Tamil Malaysia, iaitu *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum, Tuyara Pātai, Ilaṯciyap Payaṇam, Maṇpulukkaḷ, Noiva Pūkkaḷ, Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ* dan *Selancar Empat.* Perbincangan dibuat berpandukan lima aspek kedudukan sosioekonomi iaitu pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur. Kelima-lima aspek ini dianalisis dengan menggunakan teori realisme berdasarkan unsur intrinsik watak dan latar. Unsur ekstrinsik pula dibincangkan berdasarkan unsur biografi pengarang, masyarakat di persekitaran pengarang dan pemikiran pengarang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti masyarakat Tamil ladang menjalankan pekerjaan seperti penoreh getah, buruh kelapa sawit dan *chokra*; memperolehi pendapatan yang rendah; mempunyai taraf pendidikan dan kesihatan yang rendah, dan mempunyai kemudahan infrastruktur yang kurang memuaskan. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa lima aspek kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang yang dipaparkan oleh pengarang dalam novel merupakan realiti sebenar yang wujud dalam masyarakat Tamil ladang pada ketika itu. Biografi serta pemikiran pengarang dan masyarakat di persekitaran juga didapati mempengaruhi ilham pengarang untuk memaparkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang secara realistik. Kesimpulannya, kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang yang dipaparkan dalam novel-novel Tamil Malaysia menunjukkan realiti sebenar masyarakat ladang di Malaysia. Implikasinya, kajian ini dapat digunakan sebagai panduan oleh agensi kerajaan atau badan bukan kerajaan dalam usaha membaiki kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SOSIOECONOMIC POSITION OF THE ESTATE TAMIL COMMUNITY IN MALAYSIA TAMIL NOVELS

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify and analyze the reality of the sosioeconomic position of the estate Tamil community, as well as to elaborate on the extrinsic elements of the reality of the sosioeconomic position of the estate Tamil community in Tamil Malaysian novels. This study is a library research that applied text and descriptive analysis to analyze seven Tamil novels namely *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum, Tuyara Pātai, Ilaṭciyap Payaṇam, Maṇpulukkaḷ, Noiva Pūkkaḷ, Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ* dan *Selancar Empat.*The discussion was based on five aspects of sosioeconomic position namely employment, income, education, health and infrastructure. These five aspects are analyzed using realism theory based on intrinsic elements of character and background. Extrinsic elements are discussed based on the biographical elements of the author, the society around the author and the thoughts of the author. The findings show that the majority of the Tamil estate community perform jobs such as rubber tappers, oil palm workers and *chocras;* earn a low income; have a low standard of education and health, and have poor infrastucture facilities. In addition, this study also shows that the five aspects of the sosioeconomic position of the estate Tamil community that the authors potrayed in the novel, were the reality that existed in the estate Tamil community at that time.The biographies and thoughts of the author and the surrounding society are also found to influence the authors inspiration to resent a realistic sosioeconomic position of the estate Tamil community. In conclusion, the sosioeconomic position of the estate Tamil community featured in Malaysia Tamil novels reflects the reality of the estate Tamil community in Malaysia.The implication of this study can be use as a guide by government agencies or non-governmental organizations in an effort to improve the sosioeconomic status of estate Tamil communities in Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xvi

SENARAI RAJAH xviii

SENARAI SINGKATAN xix

TRANSLITERASI xxi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 3

1.3 Pernyataan Masalah 12

1.4 Objektif Kajian 17

1.5 Persoalan Kajian 17

1.6 Kepentingan Kajian 18

1.7 Batasan Kajian 19

1.8 Sumber Kajian 20

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Definisi Operasional 21

1.9.1 Kedudukan Sosioekonomi 21

1.9.2 Masyarakat Tamil Ladang 24

1.9.3 Novel 26

1.10 Kesimpulan 28

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 29

2.2 Kajian-Kajian Lepas 30

2.2.1 Kajian Dalam Negara 31

2.2.2 Kajian Luar Negara 47

2.3 Kesimpulan 58

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan 60

3.2 Rekabentuk Kajian 61

3.3 Kerangka Kajian 63

3.4 Kaedah Kajian 65

3.4.1 Kaedah Kajian Kepustakaan 65

3.4.2 Kaedah Analisis Teks 67

3.5 Kaedah Pengumpulan Data 68

3.5.1 Kaedah Analisis Teks 68

3.5.1.1 Pembacaan Data 68

3.5.1.2 Pemilihan Data 69

3.5.1.3 Pembahagian Data 69

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Teori Kajian 70

3.6.1 Teori Realisme 71

3.6.2 Latar Belakang Aliran Realisme 73

3.6.3 Sejarah Perkembangan Realisme Sastera 74

3.6.3.1 Realisme Sastera di Eropah 75

3.6.3.2 Realisme Sastera di Arab 76

3.6.3.3 Realisme Sastera di Indonesia 76

3.6.3.4 Realisme Sastera di India 78

3.6.3.5 Realisme Sastera di Malaysia 79

3.6.3.6 Realisme Sastera Tamil di Malaysia 82

3.6.4 Realisme dan Novel Mengikut Ian Watt 82

3.6.4.1 Watak 85

3.6.4.2 Latar 87

3.6.4.3 Ciri-ciri Realisme 89

3.6.4.4 Ciri-ciri Novel Realisme 89

3.6.5 Teori Kesusasteraan Wellek dan Warren 89

3.6.5.1 Biografi Pengarang 91

3.6.5.2 Masyarakat Persekitaran Pengarang 91

3.6.5.3 Pemikiran Pengarang 92

3.8 Kerangka Teori 93

3.9 Kesimpulan 95

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 96

4.2 Mengenal Pasti dan Menganalisis Realiti Kedudukan 98

4.2.1 Aspek Pekerjaan 100

4.2.1.1 Pekerjaan Menoreh Getah 105

4.2.1.1.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Menoreh Getah dalam Novel Tamil Malaysia (NTM) 108

4.2.1.1.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Menoreh Getah dalam NTM 113

4.2.1.2 Pekerjaan Buruh Kelapa Sawit 119

4.2.1.2.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Buruh Kelapa Sawit dalam Novel Tamil Malaysia (NTM) 120

4.2.1.2.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Buruh Kelapa Sawit dalam NTM 122

4.2.1.3 Pekerjaan *Chokra* (buruh kanak-kanak) 126

4.2.1.3.1 Mengenal Pasti Pekerjaan *Chokra* dalam NTM 128

4.2.1.3.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan *Chokra* dalam NTM 131

4.2.1.4 Pekerjaan *Kangani* 136

4.2.1.4.1 Mengenal Pasti Pekerjaan *Kangani* dalam NTM 137

4.2.1.4.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan *Kangani* dalam NTM 141

4.2.1.5 Pekerjaan Kerani 144

4.2.1.5.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Kerani dalam NTM 145

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.5.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Kerani dalam NTM 150

4.2.1.6 Pekerjaan Guru 152

4.2.1.6.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Guru dalam NTM 154

4.2.1.6.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Guru dalam NTM 157

4.2.1.7 Pekerjaan Pembantu Perubatan *(Dresser)* 162

4.2.1.7.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Pembantu Perubatan *(Dresser)* dalam NTM 163

4.2.1.7.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Perubatan *(Dresser)* dalam NTM 165

4.2.1.8 Pekerjaan Pegawai Perinyu Kesihatan 168

4.2.1.8.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Pegawai Perinyu Kesihatan dalam NTM 168

4.2.1.8.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Pegawai Perinyu Kesihatan dalam NTM 169

4.2.1.9 Pekerjaan Pengurus Ladang 170

4.2.1.9.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Pengurus Ladang dalam NTM 171

4.2.1.9.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Pengurus Ladang dalam NTM 172

4.2.2 Aspek Pendapatan 175

4.2.2.1 Golongan Pendapatan Tinggi 177

4.2.2.1.1 Mengenal Pasti Golongan Pendapatan Tinggi dalam NTM 178

4.2.2.1.2 Menganalisis Realiti Golongan Pendapatan Tinggi dalam NTM 182

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2.2 Golongan Pendapatan Sederhana 184

4.2.2.2.1 Mengenal Pasti Golongan Pendapatan Sederhana dalam NTM 185

4.2.2.2.2 Menganalisis Realiti Golongan Pendapatan Sederhana dalam NTM 189

4.2.2.3 Golongan Pendapatan Rendah 190

4.2.2.3.1 Mengenal Pasti Golongan Pendapatan Rendah dalam NTM 191

4.2.2.3.2 Menganalisis Realiti Golongan Pendapatan Rendah dalam NTM 196

4.2.2.4 Golongan Tiada Pendapatan 202

4.2.2.4.1 Mengenal Pasti Golongan Tiada Pendapatan dalam NTM 203

4.2.2.4.2 Menganalisis Realiti Golongan Tiada Pendapatan dalam NTM 205

4.2.3 Aspek Pendidikan 209

4.2.3.1 Golongan Tiada Pendidikan Rasmi 211

4.2.3.1.1 Mengenal Pasti Golongan Tiada Pendidikan Rasmi dalam NTM 212

4.2.3.1.2 Menganalisis Realiti Golongan Tiada Pendidikan Rasmi dalam NTM 218

4.2.3.2 Golongan Pendidikan Rendah 221

4.2.3.2.1 Mengenal Pasti Golongan Pendidikan Rendah dalam NTM 222

4.2.3.2.2 Menganalisis Realiti Golongan Pendidikan Rendah dalam NTM 226

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.3 Golongan Pendidikan Menengah 228

4.2.3.3.1 Mengenal Pasti Golongan Pendidikan Menengah dalam NTM 229

4.2.3.3.2 Menganalisis Realiti Golongan Pendidikan Menengah dalam NTM 233

4.2.3.4 Golongan Pendidikan Tertiari 234

4.2.3.4.1 Mengenal Pasti Golongan Pendidikan Tertiari dalam NTM 235

4.2.3.4.2 Menganalisis Realiti Golongan Pendidikan Tertiari dalam NTM 237

4.2.4 Aspek Kesihatan 243

4.2.4.1 Makanan 245

4.2.4.1.1 Mengenal Pasti Makanan Masyarakat Tamil ladang dalam NTM 245

4.2.4.1.2 Menganalisis Realiti Makanan Masyarakat Tamil ladang dalam NTM 250

4.2.4.2 Minuman Todi 255

4.2.4.2.1 Mengenal Pasti Minuman Todi dalam NTM 257

4.2.4.2.2 Menganalisis Realiti Minuman Todi dalam NTM 261

4.2.4.3 Kemudahan Kesihatan 263

4.2.4.3.1 Mengenal Pasti Kemudahan Kesihatan dalam NTM 265

4.2.4.3.2 Menganalisis Realiti Kemudahan Kesihatan dalam NTM 271

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.5 Aspek Infrastruktur 276

4.2.5.1 Perumahan 278

4.2.5.1.1 Mengenal Pasti Perumahan dalam NTM 279

4.2.5.1.2 Menganalisis Realiti Perumahan dalam NTM 283

4.2.5.2 Bekalan Air 286

4.2.5.2.1 Mengenal Pasti Bekalan Air dalam NTM 287

4.2.5.2.2 Menganalisis Realiti Bekalan Air dalam NTM 292

4.2.5.3 Kebersihan 294

4.2.5.3.1 Mengenal Pasti Kebersihan dalam NTM 295

4.2.5.3.2 Menganalisis Realiti Kebersihan dalam NTM 299

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Menghuraikan Unsur Ekstrinsik dalam Pemaparan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam NTM 302

4.3.1 Biografi, Masyarakat Persekitaran Pengarang dan Pemikiran Pengarang 304

4.3.1.1 Punniavan, Ko. 307

4.3.1.2 Ilavalagu, I. 313

4.3.1.3 Kumaran, M. 316

4.3.1.4 Muthusamy, C. 319

4.3.1.5 Balamurugan, K. 321

4.3.1.6 Perumal, K. 324

4.4 Kesimpulan 329

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5 KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan 331

5.2 Penemuan 333

5.2.1 Mengenal Pasti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam NTM 333

5.2.1.1 Aspek Pekerjaan 334

5.2.1.2 Aspek Pendapatan 335

5.2.1.3 Aspek Pendidikan 336

5.2.1.4 Aspek Kesihatan 338

5.2.1.5 Aspek Infrastruktur 339

5.2.2 Menganalisis Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam NTM 341

5.2.3. Menghuraikan Unsur Ekstrinsik dalam Pemaparan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam NTM 343

5.3 Cadangan Kajian Lanjut 344

5.4 Kesimpulan 345

RUJUKAN 347

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Jumlah Buruh Kontrak India yang Tiba di Pelabuhan Pulau Pinang.(1881-1890)	9
1.2	Senarai Nama Novel-Novel Tamil Malaysia	20
4.1	Aspek Pekerjaan dan Watak Dalam NTM	104
4.2	Peratusan Kemasukan Orang India Mengikut Kaum,Tahun 1844-1941	117
4.3	Komposisi Jumlah Pekerja India Dari Selatan India Mengikut Kaum di Tanah Melayu, Tahun 1921-1957	118
4.4	Gambaran dan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang: Aspek Pekerjaan	175
4.5	Aspek Pendapatan dan Watak Dalam NTM	177
4.6	Gaji Harian Pekerja India Tahun 1924-1938	200
4.7	Gaji Harian Pekerja Ladang Getah Dari Tahun 1946-2007	201
4.8	Gambaran dan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang: Aspek Pendapatan	209
4.9	Aspek Pendidikan dan Watak dalam NTM	211
4.10	Gambaran dan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang: Aspek Pendidikan	243
4.11	Aspek Kesihatan dan Watak dalam NTM	244
4.12	Gambaran dan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang: Aspek Kesihatan	276
4.13	Aspek Infrastruktur dan Watak dalam NTM	277
4.14	Gambaran dan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang: Aspek Infrastruktur	301

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.15 Unsur Ekstrinsik dalam Pemaparan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam NTM 328

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Kerangka Kajian	64
3.2	Kerangka Teori	94

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

APHA	American Public Health Association
APWA	American Public Works Association
DRN	Dasar Perumahan Negara
ILO	International Labour Organization
IPEC	International Programme on the Elimination of Child Labour
ISCO	International Standard Classification of Occupations
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LCE	Lower Certificate of Education
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MASCO	Malaysia Standard Classification of Occupations
MCE	Malaysian Certificate of Education
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
NLFCS	National Land Finance Cooperative Society
NTM	Novel Tamil Malaysia
PPKM	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RM	Ringgit Malaysia
RMKe-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
SC	Senior Cambridge

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
UNCEF	United Nations International Children's Eduational Fund
UPU	Unit Perancang Ekonomi
V.T	Veerasamy Thirunyanam
WHO	World Health Organization

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

NOTES ON TRANSLITERATION AND DIACRITICAL MARKS

The system adopted here is the same as in the Tamil Lexicon of the University of Madras, Vol. VI, p.XXVIII.

Tamil alphabets and their English symbols with diacritical marks:

VOWELS

அ	:	*a*	உ	:	*u*	ஐ	:	*ai*
ஆ	:	*ā*	ஊ	:	*ū*	ஒ	:	*o*
இ	:	*i*	எ	:	*e*	ஓ	:	*ō*
ஈ	:	*ī*	ஏ	:	*ē*	ஔ	:	*au*

CONSONANTS

க்	:	*k*	ங்	:	*ṅ*	ய்	:	*y*
ச்	:	*c*	ஞ்	:	*ñ*	ர்	:	*r*
ட்	:	*ṭ*	ண்	:	*ṇ*	ல்	:	*l*
த்	:	*t*	ந்	:	*n*	வ்	:	*v*
ப்	:	*p*	ம்	:	*m*	ழ்	:	*l̲*
ற்	:	*r̲*	ன்	:	*n̲*	ள்	:	*ḷ*

SANSKRIT LETTERS

ஜ்	:	*j*	ஸ்	:	*s*
ஷ்	:	*ṣ*	க்ஷ	:	*kṣ*
ஹ்	:	*h*			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Masyarakat Tamil mempunyai hubungan rapat dengan kehidupan ladang di Tanah Melayu. Oleh itu, kehidupan ladang telah sebati dalam jiwa masyarakat Tamil di Tanah Melayu. Tiga generasi masyarakat Tamil ladang menjadi penoreh getah di Tanah Melayu. Kemasukan masyarakat Tamil secara beramai-ramai dari negara India adalah berikutan dengan pembukaan ladang getah di Tanah Melayu pada awal kurun ke-19 (Sandhu, K. S. 1969). Namun, para sarjana berpendapat bahawa kedatangan masyarakat Tamil telah bermula lebih awal lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut *Federal of Malaya Annual Report* (1954), pedagang Tamil telah mula datang ke Tanah Melayu pada kurun pertama lagi. Pedagang-pedagang Tamil ini telah berulang-alik untuk menjalankan perdagangan melibatkan pakaian kapas, bijih besi, manik-manik, kemenyan, kayu cengal dan emas. Mereka telah menggunakan sistem *barter,* iaitu amalan pertukaran barang dalam urusan perdagangan di Tanah Melayu; yang juga dikenali sebagai *"Suvarnabumi",* iaitu bumi emas pada ketika itu. Lama-kelamaan, pedagang Tamil mula menetap di Tanah Melayu. Lantaran itu, mereka berkahwin dengan wanita tempatan lalu mendirikan petempatan di sekitar di Lembah Bujang yang terletak di lembah Sungai Merbok, Kedah. Hal ini merupakan detik permulaan kehadiran pedagang Tamil ke Tanah Melayu.

Menurut Arasaratnam Sinappah (1970), pedagang Tamil telah pun datang ke Tanah Melayu sebelum kehadiran kuasa Barat ke Tanah Melayu. Beliau menyatakan bahawa pedagang Tamil telah belayar ke pusat perdagangan di Tanah Melayu mengikut angin monsun. Pedagang Tamil ini telah belayar ke Kedah, Melaka, kepulauan Wellesley (Pulau Pinang) dan Singapura untuk menjalankan perdagangan. Selain itu, batu bersurat yang mengandungi inskripsi dalam bahasa Tamil lama dari kurun ke-4 dan ke-5 masihi serta candi-candi (kuil) Hindu dan Buddha yang terdapat di tanah besar Pulau Pinang dan di selatan Kedah menjadi bukti kehadiran dan pengaruh masyarakat Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Masyarakat Tamil dari India Selatan berhijrah ke Tanah Melayu dalam tiga gelombang, iaitu pada zaman kerajaan Chola, Kesultanan Melayu Melaka dan penjajahan British. Gelombang pertama bermula semasa zaman kerajaan Chola dari pantai Koromandel di Selatan India dari tahun 846 hingga 1279 sebelum masihi. Gelombang kedua pula berlaku semasa pemerintahan kesultanan Melayu Melaka, iaitu pada tahun 1400 hingga tahun 1511 masihi. Gelombang ketiga ialah semasa penjajahan British, iaitu pada tahun 1786 hingga tahun 1957(Samikkanu, J. dan Kingston, P. 2018).

Gelombang pertama bermula dengan penaklukan negeri Kedah akibat serangan tentera laut Chola yang diketuai oleh Rajendra Chola 1 (Coedes, G, 1968). Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu yang menggelarnya sebagai Raja Churan turut memerihalkan ekspedisi dan serangan tentera laut Chola ke atas kepulauan Melayu. Kerajaan Chola telah memerintah Lembah Bujang selama 33 tahun. Justeru, masyarakat Tamil dianggarkan sudah pun sampai di Asia Tenggara pada sekitar kurun pertama masihi. Nama Tanah Melayu disebut sebagai *Suvarnadvipa* (Semenanjung Emas) dan *Suvarnabhumi* (Bumi Emas) dalam kitab *Ramayana*. Lama-kelamaan, faktor ekonomi telah mendorong mereka untuk membina penempatan baru di Asia Tenggara (Abdul Rahman Abdullah, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajakrishnan, R. dan Rajantheran, M. (1994) juga mempunyai pandangan yang sama. Mereka menyatakan bahawa hubungan awal di antara Alam Melayu dengan Tamadun India secara keseluruhannya berbentuk ekspedisi ketenteraan oleh Rajendra Chola I yang menyerang dan menguasai Lembah Bujang di Kedah.

Manakala, Mohd Supian Sabtu (2002) pula, menegaskan bahawa pengaruh India di Tanah Melayu dibuktikan dengan kewujudan Lembah Bujang di Kedah. Penemuaan arkeologi seperti candi-candi/kuil, seni arca dan patung dewa-dewi Hindu dan artifak di Lembah Bujang membuktikan kewujudan pengaruh ketara Hindu-Buddha. Menurutnya lagi, penemuan arkeologi ini membuktikan bahawa wujudnya hubungan antara pedagang Tamil dengan Tanah Melayu secara amnya dan di Kedah secara khasnya sejak abad ke-4 Sebelum Masihi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat bukti yang jelas tentang kegiatan perdagangan orang India di Alam Melayu. Antaranya ialah penemuan inskripsi Tamil di Takuapa bertarikh abad kesembilan Masihi (di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu). Inskripsi ini menunjukkan sumbangan penting yang dibuat oleh koperasi pedagang Tamil, seperti Manikkiramam di Tanah Melayu (Nilakanta Sastri, K.A., 1932).

Menurut Wheatly, P. (1966), Kedah merupakan kawasan penemuan arkeologi yang banyak. Pedagang Tamil belayar ke Tanah Melayu melalui Kedah. Pada awalnya, Kuala Merbok menjadi tempat yang paling sesuai dan terdekat bagi kapal India berlabuh. Penemuan arkeologi yang tertua di Tanah Melayu telah dibuat di kawasan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Rajantheran, M. (1999) berpendapat hubungan perdagangan antara India dengan Alam Melayu berlaku sejak abad ketiga lagi. Penemuan pelbagai inskripsi yang bertarikh abad keempat dan kelima Masihi menjadi bukti perdagangan di Alam Melayu.

> Arkeologi, bukti kesusasteraan dan rekod-rekod Barat, Cina dan Arab jelas menunjukkan kewujudan hubungan perdagangan yang stabil antara Empayar-Rom India dan India-Alam Melayu. Hubungan perdagangan antara India dengan Alam Melayu disusuli oleh kehadiran sami Buddha di Asia Tenggara sejak abad ketiga Sebelum Masihi lagi. Hubungan perdagangan diperkukuhkan lagi dengan adanya penyebaran agama Buddha. Selain itu, terdapat penemuan pelbagai inskripsi di Alam Melayu yang bertarikh abad keempat dan kelima Masihi, yang kebanyakannya ditulis dalam bahasa Sanskrit.
>
> (Rajantheran, M. 1999, m/s.xii)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gelombang kedua penghijrahan masyarakat Tamil berlaku semasa kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15, apabila Parameswara mendirikan kerajaan di Melaka. Kisah-kisah dalam Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu turut menyentuh hubungan di antara masyarakat Tamil dengan Tanah Melayu secara amnya dan Melaka secara khasnya. Perkembangan sejarah dari abad ke-16 hingga abad ke-18 penuh dengan peristiwa-peristiwa yang memperlihatkan hubungan masyarakat Tamil dengan orang Melayu (Azharuddin, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, pedagang Tamil merupakan pedagang utama di Melaka. Yusoff Iskandar (1979) menyatakan bahawa dalam kalangan orang asing di Melaka, orang Tamil-Muslim sering diberi keutamaan atas dua sebab. Pertama, secara kebetulan komuniti ini merupakan orang asing paling ramai yang bertumpu di Melaka. Kedua, peranan mereka dalam politik tempatan adalah signifikan.

Thomaz, L. F. (1991), berhujah bahawa jumlah masyarakat Tamil di Melaka adalah ramai dan sangat berpengaruh kerana terbabit dalam aktiviti perdagangan. Mereka menguasai perdagangan rempah ratus dan menjalin hubungan erat dengan pedagang-pedagang dari kepulauan Melayu.

Melaka mula muncul sebagai sebuah pusat perdagangan baru menggantikan Srivijaya pada abad ke-15. Melaka telah berjaya mencapai kejayaan yang lebih besar ekoran daripada faktor perdagangan yang semakin berkembang pesat. Kedudukan Melaka yang strategik menjadikannya sebagai sebuah pengkalan luar yang penting bagi kapal-kapal (Bahasa Othman, 1989).

Sementara itu, Azharuddin (2012), menyatakan bahawa masyarakat Tamil sangat berpengaruh di Melaka kerana sebahagian besar mereka terbabit dalam aktiviti perdagangan, terutamanya dalam perdagangan rempah ratus. Masyarakat Ceti juga datang ke Melaka untuk berdagang. Suasana perniagaan yang membawa keuntungan telah menggalakkan mereka terus menetap di Melaka lalu berlaku perkahwinan campur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan gadis-gadis tempatan. Selain itu, Harrison, B. (1996), juga berpendapat tamadun India tersebar luas di Asia Tenggara melalui aktiviti perdagangan.

Gelombang ketiga penghijrahan masyarakat Tamil berlaku apabila British mula menguasai Pulau Pinang pada tahun 1786. British memerlukan tenaga pekerja untuk membersihkan hutan yang tebal di Tanah Melayu. Justeru, British mendapati masyarakat Tamil di negara India Selatan yang miskin dan tidak berpelajaran amat sesuai untuk membuat pekerjaan tersebut. Hal ini kerana masyarakat Tamil bersikap menurut perintah dan tidak membantah (Murasu Nedumaran, 2007).

Tindakan pihak British ini bukan sekadar dipengaruhi oleh pengetahuan dan pengalaman mereka sebagai kuasa pemerintah di India. Malahan pengalaman sebagai pemodal dan pengusaha teh di Sri Lanka yang menggunakan masyarakat Tamil sebagai buruh, turut meyakinkan mereka akan keupayaan dan kegigihan masyarakat Tamil. Selain itu, masyarakat Tamil juga dikatakan boleh bekerja dengan kadar upah yang murah (Anbalakan, K. 2008).

Menurut Azharuddin (2012), kehadiran masyarakat Tamil yang berlaku secara pesat sejak abad ke-19 merupakan hasil daripada tindakan pihak British yang berusaha mendapatkan tenaga buruh yang murah dan boleh mudah diuruskan. Oleh sebab masyarakat Tamil menepati sifat-sifat tersebut, mereka telah dibawa masuk ke Tanah Melayu secara beramai-ramai pada awal abad ke-20. Masyarakat Tamil dari India Selatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditempatkan di ladang sebagai pekerja manakala masyarakat Tamil dari Sri Lanka pula dijadikan sebagai penjawat awam di bandar.

Sejajar dengan perkembangan pesat dalam sektor perladangan, sektor pembinaan jalanraya dan jalan keretapi mula turut digiatkan. Tenaga buruh Tamil sangat diperlukan bagi memenuhi tuntutan tenaga kerja dalam sektor-sektor tersebut. Ladang-ladang seperti ladang kopi, tebu dan lada hitam banyak dibuka pada ketika itu. Selepas ladang getah dibuka pada tahun 1890, permintaan untuk tenaga buruh berlipat ganda (Ramasamy, P. 1992).

Pada awalnya, keluasan kawasan ladang getah hanya 350 hektar sahaja. Namun, pada tahun 1910 keluasannya menjadi 20,000 hektar. Seterusnya, meningkat kepada 43,000 hektar pada tahun 1914. Pada tahun 1940, keluasannya adalah dua million hektar. Justeru, Tanah Melayu menjadi negara pengeluar “Raja getah” yang berkualiti tinggi pada ketika itu (Ramasamy, P. 1992). Maka, ramai buruh Tamil dari selatan India dibawa masuk ke Tanah Melayu.

Buruh-buruh Tamil ini ditempatkan di ladang getah Jadual 1.1 menunjukkan jumlah buruh kontrak India yang tiba di pelabuhan Pulau Pinang dari tahun 1881 hingga 1890. Peningkatan jumlah buruh kontrak India ialah ekoran daripada keperluan buruh yang semakin meningkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

Jumlah Buruh Kontrak India Yang Tiba di Pelabuhan Pulau Pinang (1881-1890)

Tahun	**Jumlah**
1881	879
1882	1453
1883	1450
1884	1539
1885	1642
1886	2748
1887	4736
1888	4684
1889	2747
1890	2960

Sumber: Jackson, R. N. (1961). *Immigrant Labour and the Development of Malaya*.

Penghijrahan masyarakat Tamil ini turut membuka tirai untuk perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Masyarakat Tamil yang berpendidikan mula menghasilkan karya sastera di negara ini. Masyarakat Tamil ini sangat bersinonim dengan lagu-lagu rakyat Tamil dari tahan air asal mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat Tamil mula meluahkan perasaan hati dan rindu serta penderitaan mereka di tanah baru melalui lagu rakyat ini. Lagu rakyat yang dipelajari di tanah air dinyanyikan di ladang-ladang dengan menyelitkan perkataan seperti susu getah, lalang dan biji getah yang ditemui di sini. Lagu-lagu rakyat yang dinyanyikan secara lisan ini, secara tidak langsung menjadi asas kepada kemunculan kesusasteraan Tamil di Malaysia (Murasu Nedumaran, 2007).

Masyarakat Tamil yang menetap di negara ini sedar akan keperluan pendidikan Tamil untuk anak-anak mereka. Ekoran itu, mulai tahun 1816, sekolah Tamil mula dibuka di bandar-bandar seperti Melaka, Penang, Johor, Singapura dan Seberang Prai (Murasu Nedumaran, 2007). Selepas tahun 1912, undang-undang buruh mewajibkan pihak British untuk membuka sekolah Tamil, sekiranya mempunyai jumlah murid yang ditetapkan (Marimuthu, T. 1987). Pembinaan sekolah ini menjadi asas untuk perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia.

Di Malaysia, karya sastera Tamil berbentuk puisi mula bertapak pada tahun 1887. Sebaliknya, novel Tamil pula mula berakar umbi 30 tahun selepas kemunculan puisi (Murasu Nedumaran, 2007). Detik permulaan novel Tamil di Malaysia bermula dengan penerbitan novel sulung berjudul *Karunākaran Allatu Kātalin Mātci* (1917) karya Vengadaratnam, K. Novel kedua pula diterbitkan pada tahun 1918. Pulloli Subramaniam, K. merupakan penulis novel ini yang bertajuk *Bālacuntram Allatu Canmārka Jayam* (Sabapathy,V.1995b). Kedua-dua penulis tempatan ini menjadi perintis dalam arena penulisan dan perkembangan dunia novel Tamil di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun novel-novel yang dihasilkan sebelum kemerdekaan telah menggunakan latar tempat, tema, watak dan plot cerita berlatarkan Tamil Nadu dan Sri Lanka sahaja. Malah, penulis itu sendiri banyak dipengaruhi oleh peristiwa yang berlaku di negara India dan Sri Lanka. Novel-novel tersebut tidak menceritakan kehidupan di ladang. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor. Ramai penulis novel ini ialah masyarakat Tamil dari Sri Lanka yang tinggal di bandar. Oleh itu, mereka tidak memberi keutamaan kepada corak kehidupan di ladang yang dilalui oleh masyarakat Tamil yang berasal dari negara India. Kedua-dua kumpulan masyarakat Tamil ini juga berbeza dari segi ekonomi dan taraf pendidikan (Sabapathy, V. 1995b).

Selepas kemerdekaan, bidang penulisan novel mengalami perkembangan yang pesat. Zaman kemerdekaan membuka satu era baru yang menyuntik semangat baru dalam perkembangan novel Tamil Malaysia. Penulis-penulis baru muncul dalam arena penulisan novel. Penulis baru ini menganggap Tanah Melayu sebagai tanah air mereka. Oleh itu, satu perubahan yang ketara dapat dilihat dalam penggunaan latar tempat. Mereka mula menggunakan latar Tanah Melayu dalam karya yang dihasilkan pada tahun 1950-an (Sabapathy, V. 1995b).

Novel-novel Tamil telah menggunakan tema kehidupan masyarakat ladang di Tanah Melayu. Semangat kemerdekaan yang membara dalam jiwa penulis turut memberikan impak yang mendalam dalam penulisan novel Tamil. Oleh itu, penulisan mereka diwarnai tema tanah air dan kehidupan masyarakat Tamil di sini. Penulis-penulis ini telah menyumbang kepada perkembangan dan penghasilan novel secara berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara penulis yang termasyhur pada masa itu ialah Ramaiah, M., Kumaran, M., Ilavalagu, I., Karaikilar, Sengkudvan, N., Anbananthan, C., Komban, Gurusamy, M., Ilancelvan, M., Thurai Raj, M., Anna Mary, A., Kantan, A., Bir.Muhamad, Kartigesu, S., Sokkalinggam, Mageswary, S., Muthu, L. dan beberapa orang lagi(Sabapathy, V. 1995b).

Ringkasnya, penulis Tamil telah mula memaparkan masalah kehidupan dan penderitaan masyarakat Tamil ladang dalam hasil karya mereka. Penulis telah berkarya berdasarkan perkara yang dilihat, didengar, difikir dan dialami dalam kehidupannya. Sebenarnya, hampir kesemua penulis novel di Malaysia pernah merasai dan bergelumang dengan kehidupan di ladang kerana mereka juga lahir, dididik dan dibesarkan di dalam suasana ladang. Justeru, adalah lebih tepat jika dikatakan kisah dalam novel merupakan pengalaman penulis itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Masyarakat Tamil bersinonim dengan kehidupan di ladang getah di Malaysia. Kini, hanya sebilangan masyarakat Tamil masih tinggal di ladang walaupun ramai mereka telah berhijrah ke pinggir bandar. Menurut Ramasamy, P. (1993), kini sebilangan besar masyarakat Tamil tinggal di kawasan pinggir bandar-bandar utama di Malaysia. Walau di mana mereka tinggal; didapati kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang masih berada pada tahap yang rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa tajuk kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang adalah sesuai untuk menggambarkan kehidupan masyarakat Tamil di ladang. Justeru, pengkaji memilih tajuk ‘Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam Novel-novel Tamil Malaysia’ (NTM). Kajian ini dibuat berdasarkan lima aspek yang meliputi pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur demi meneliti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil. Seterusnya, kelima-lima aspek tersebut dikenal pasti melalui dua unsur intrinsik yang dicadangkan oleh Watt, I. iaitu unsur watak dan latar.

Teori realisme yang diutarakan oleh Watt, I. dikaji dalam konteks novel-novel Tamil Malaysia. Watt, I. (1957) dalam bukunya “*The Rise of the Novel”,* membincangkan dua unsur yang dianggap penting untuk menggambarkan realiti dalam sesebuah novel. Unsur tersebut ialah watak dan latar. Unsur latar membincangkan latar masa dan tempat. Latar masa ialah semasa pemerintahan British dan selepas kemerdekaan. Latar tempat pula ialah ladang getah di tanah Melayu.

Sementara itu, unsur ekstrinsik dalam pemaparan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dikaji berdasarkan biografi pengarang, masyarakat di persekitaran pengarang dan pemikiran pengarang. Ekstrinsik merupakan unsur di luar karya yang mendorong pengarang menghasilkan novel secara realistik. Watt berpendapat bahawa novel merupakan cerminan realiti manusia yang memaparkan kehidupan sebenar manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga dengan Shahnon Ahmad (1991), yang menyatakan bahawa karya sastera merupakan cermin masyarakat. Beliau menganggap sastera sebagai seismograf kehidupan. Hal ini bermakna sastera bukan sahaja mencatat tetapi menganalisis manusia dan masyarakat. Menurut Shahnon, sastera sangat diperlukan untuk melengkapkan nilai dalam sesebuah masyarakat**.** Melalui sastera, masyarakat juga dapat mempelajari sejarahnya untuk memperbaiki kehidupan mereka.

Selari dengan pandangan Shahnon, pengkaji bercadang untuk mengkaji kehidupan masyarakat Tamil di ladang yang dikisahkan dalam karya-karya novel Tamil Malaysia. Terdapat banyak kajian mengenai kedudukan sosioekonomi dan politik kaum India atau buruh India di ladang yang pernah dijalankan. Namun, kajian-kajian tersebut membincangkan masalah sosial,ekonomi dan politik yang dihadapi oleh buruh India di ladang secara menyeluruh.

Justeru, pengkaji ingin menumpukan fokus kepada masyarakat Tamil ladang sahaja. Hal ini kerana, ramai pengkaji memberi tumpuan kepada buruh India secara umum yang terdiri daripada kaum Tamil, Telugu, Malayalee, Sikh dan Sri Lanka. Pengkaji pula, hanya membincangkan masyarakat Tamil ladang sahaja. Maka, pengkaji ingin mengisi lompang dengan mengaplikasikan teori realisme dalam kajian kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam novel-novel Tamil Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini meneliti, menganalisis dan memaparkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang yang terpapar dalam novel-novel hasil karya penulis tempatan. Pengkaji telah memilih tujuh buah novel hasil karya penulis-penulis tempatan yang terkenal dalam bidang penulisan novel Tamil di Malaysia. Penulis tersebut terdiri daripada Muthusamy, C., Kumaran, M., Punniavan, Ko., Perumal, Ka., Ilavalagu, I. dan Balamurugan, K. Kesemua penulis ini telah menghasilkan novel yang berkisar pada kehidupan masyarakat Tamil ladang secara mendalam dan terperinci.

Kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil yang terpapar dalam novel-novel ini secara umumnya bercirikan masyarakat yang mempunyai asas ekonomi yang tidak kukuh, lemah dan daif serta kurang mementingkan pendidikan. Keadaan sosioekonomi sama dapat dikesan pada masyarakat Tamil awal yang berhijrah ke Tanah Melayu. Di samping itu, masyarakat Tamil tidak dapat dipisahkan daripada adat, pegangan, budaya dan agama yang diwarisi berzaman-zaman.

Sehubungan dengan ini, penulis novel Tamil di Malaysia turut memberi tumpuan kepada kehidupan masyarakat Tamil ladang yang dianggap sebati dalam kehidupan mereka. Sesebuah karya yang dihasilkan oleh seseorang penulis mempunyai hubungan yang erat dengan latar belakangnya. Oleh itu, segala perbincangan dan lakaran dalam novel memang menggambarkan sudut pandangan serta pemikiran penulis tersebut. Watak yang dipaparkan merupakan watak yang menyampaikan mesej penulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Azharuddin (2012), menyatakan bahawa kandungan novel seperti *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḻum, Ilaṯciyap Payaṇam* dan *Tuyara Pātai* mengambil kisah sejarah sebagai kisah penceritaannya. Penulisan novel ini juga menggambarkan suasana yang berlaku dalam kalangan masyarakat Tamil pada ketika itu. Menurut beliau golongan penulis ini menjadi pemerhati sosial masyarakat yang penting. Penulis-penulis seperti mereka menjadikan novel sebagai medium yang memaparkan realiti sosial yang melanda masyarakat.

Sementara itu, menurut Kumaran, M. (1971), sudah lama beliau berhasrat untuk menulis sebuah novel sosial yang mengisahkan 50 peratus daripada kisah benar. Hal ini dinyatakan oleh beliau dalam novelnya iaitu *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḻum*. Novel ini diilhamkan dari kisah sebenar yang dilihat oleh penulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa sesebuah karya sebenarnya memperlihatkan pengalaman seseorang penulis itu. Dalam karya itu, perubahan mungkin dilakukan pada nama watak dan latar tempat. Namun, cerita yang dipaparkan merupakan kisah sebenar. Sebenarnya, kita tidak dapat mengetahui sepenuhnya kedudukan sosiekonomi masyarakat Tamil ladang hanya berdasarkan novel-novel tersebut semata-mata. Namun, pengkaji berharap kajian ini memberi ruang kepada pembaca untuk memahami serba sedikit tentang kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam novel-novel Tamil Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam novel-novel Tamil Malaysia (NTM).
2. Menganalisis realiti kedudukan soisoekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM.
3. Menghuraikan unsur ekstrinsik dalam pemaparan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam novel-novel NTM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada tiga persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM?
2. Bagaimanakah realiti kedudukan soisoekonomi masyarakat Tamil ladang dipaparkan dalam NTM ?
3. Sejauhmanakah unsur ekstrinsik memberi kesan kepada pemaparan realiti kedudukan soisoekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan pengetahuan dalam kajian kesusasteraan Tamil di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menambahkan khazanah kajian novel Tamil Malaysia dari perspektif realisme di Malaysia.

Disamping itu, teori realisme dan hubungannya dengan novel Tamil Malaysia dapat diketahui secara mendalam. Selain itu, dapat diketahui mengenai idea realisme yang terpapar dalam novel Tamil Malaysia. Seterusnya menerusi analisis kajian ini, karya sastera Tamil Malaysia dapat dihayati, khususnya karya berbentuk novel dari perspektif realisme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini membandingkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang yang digambarkan dalam novel dengan realiti kedudukan sosioekonomi yang sebenarnya pada ketika itu. Kajian ini mendedahkan kehidupan masyarakat Tamil ladang yang penuh dengan penderitaan, kemiskinan, penindasan dan kekecewaan. Kajian ini juga boleh menjadi rujukan kepada pengkaji akan datang untuk membuat kajian susulan. Diharapkan pengetahuan baharu mengenai teori realisme dijadikan sebagai panduan bagi pengkaji akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Batasan Kajian

Pengkaji telah memilih novel yang berlatarkan kehidupan masyarakat Tamil ladang di Malaysia. Pemilihan novel-novel dibuat berdasarkan novel yang terpilih memenangi hadiah dalam pertandingan novel; yang dianjurkan oleh Persatuan Penulis Tamil Malaysia. Novel tersebut diterbitkan dalam jangka masa dari tahun 1971 hingga tahun 2013. Persatuan Penulis Tamil Malaysia memberikan keutamaan kepada novel yang bertemakan kehidupan masyarakat Tamil ladang.

Novel-novel tersebut terpilih memenangi hadiah kerana memaparkan kehidupan masyarakat Tamil ladang secara terperinci dan mendalam. Selain itu, kehidupan masyarakat Tamil digambarkan secara realistik berdasarkan keadaan sosioekonomi yang sebenar pada ketika itu. Justeru, pemilihan novel-novel tersebut amat sesuai dengan kajian sosioekonomi masyarakat Tamil ladang yang dipilih oleh pengkaji.

Kajian ini dibataskan kepada tujuh buah novel karya novelis Tamil tempatan yang terkenal. Mereka merupakan novelis realisme. Selain itu, novel-novel yang terpilih merupakan novel realiti yang memaparkan kisah sebenar. Jadual 1.2 menunjukkan senarai novel yang dipilih untuk kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2

Senarai Novel-Novel Tamil Malaysia

Bil	Tajuk Novel	Pengarang	Tahun	Muka Surat
1	*Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum*	Kumaran, M.	1971	110
2	*Tuyara Pātai*	Perumal, K.	1978	246
3	*Ilaṭciya Payaṇam*	Ilavalagu, I.	1983	424
4	*Maṇpulukkaḷ*	Muthusamy, C.	2006	182
5	*Noiva Pûkkaḷ*	Punniavan, Ko.	2008	172
6	*Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ*	Balamurugan, K.	2009	239
7	*Selancar Empat*	Punniavan, Ko.	2013	169

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Sumber Kajian

Kajian ini dihasilkan berlandaskan dua sumber, iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer kajian ialah teks-teks tujuh buah novel hasil karya novelis Tamil tempatan yang dipilih oleh pengkaji. Manakala, sumber sekunder pula ialah artikel kritikan, bahan kritikan, buku, majalah, bahan ilmiah, jurnal, tesis, buku-buku sejarah perkembangan sastera Tamil Malaysia dan bahan-bahan rujukan daripada sumber yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Definisi Operasional

Pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsep yang berkaitan dengan kajian ini. Istilah dan juga definisi konsep yang dipilih adalah berdasarkan tajuk kajian ‘Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam NTM’. Berdasarkan tajuk kajian ini, terdapat tiga istilah yang perlu dikaji dan difahami dalam kajian ini. Istilah tersebut yang perlu dihuraikan maksudnya dalam kajian ini ialah kedudukan sosioekonomi, masyarakat Tamil ladang dan novel.

1.9.1 Kedudukan Sosioekonomi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut *Australian Bureau of Statistics* (2011), kedudukan sosioekonomi didefinisikan sebagai ukuran gabungan kedudukan sosial dan ekonomi yang berkaitan dengan peningkatan kehidupan individu atau sesebuah masyarakat. Terdapat beberapa aspek untuk mengukur kedudukan sosioekonomi seperti pendidikan, pekerjaan, kesihatan, pendapatan, lokasi, struktur isi rumah dan kekayaan. Namun, fokus utama kedudukan sosioekonomi dibahagikan kepada tiga aspek yang penting, iaitu pendapatan, pekerjaan dan pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, *The Wiley Encyclopedia of Health, Illness, Behaviour and Society* (2014), pula mendefinisikan kedudukan sosioekonomi sebagai ukuran gabungan status ekonomi dan status sosial yang bersifat positif. Kedudukan sosioekonomi ini difokuskan kepada tiga ukuran sosioekonomi iaitu pendidikan, pendapatan dan pekerjaan.

Seterusnya, menurut Santrock (2007) pula, kedudukan sosioekonomi bermakna mengkategorikan seseorang berdasarkan ciri-ciri yang asas seperti pekerjaan, pendidikan dan ekonomi. Kedudukan ini dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan. Horton, P. B. dan Hunt, C. L. (1993), juga mempunyai pandangan yang sama dengan Santrock. Horton berpendapat bahawa kedudukan sosioekonomi ialah tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan yang menentukan kedudukan seseorang dalam kelas sosialnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, Abdulsyani (1994) pula mempunyai pandangan yang berbeza. Beliau menyatakan bahawa sosial dan ekonomi ialah kedudukan seseorang berdasarkan aktiviti ekonomi, pendapatan, pendidikan, perumahan dan kedudukan dalam organisasi. Kedudukan sosioekonomi ialah kedudukan sosial seseorang dalam masyarakatnya (Polak, 1976).

Manakala, menurut *A Theoretical Foundation* (2012), pengukuran sosioekonomi dan pengenal pastian korelasi yang jelas menunjukkan bahawa sosioekonomi didefinisikan sebagai suatu konstruk yang luas. Oleh itu, sosioekonomi ini diukur dengan menggunakan pelbagai petunjuk secara ideal. Walaubagaimanapun, Sirin, (2005),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpendapat kedudukan sosioekonomi diukur dengan menggunakan pembolehubah yang berlainan dalam kajian yang berbeza.

Selain itu, *American Heritage* (2005), mendefinisikan kedudukan sosioekonomi sebagai status individu ataupun kedudukan kumpulan di dalam sesebuah hierarki struktur sosial. Kedudukan sosioekonomi ini terdiri daripada pekerjaan, pendidikan, pendapatan, kesihatan dan perumahan.

Sementara itu, menurut *International Definition and Measurements of Standard and Level of Living* (1954), terdapat beberapa komponen yang diperlukan sebagai asas untuk mengukur kedudukan sosioekonomi seseorang individu. Antaranya ialah kesihatan, makanan, pekerjaan, pengangkutan, kemudahan perumahan, rekreasi dan kebebasan manusia.

Seterusnya, *American Psychological Association* (2007), pula mendefinisikan kedudukan sosioekonomi sebagai kedudukan sosial, kelas individu atau kumpulan. Kedudukan ini biasanya diukur daripada gabungan pendidikan, pendapatan dan pekerjaan. Kesimpulannya, kedudukan sosioekonomi diukur dari pelbagai aspek yang sesuai mengikut kajian yang dipilih.

Dalam konteks ini, tidak ada satu ukuran yang mutlak yang dapat mendefinisikan kedudukan sosioekonomi dengan sempurna dan diterima umum. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk memilih beberapa aspek kedudukan sosioekonomi yang tepat dan sesuai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan tajuk kajian. Maka, pengkaji telah memilih aspek seperti pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan (makanan, minuman todi dan kemudahan kesihatan) dan infrastruktur (perumahan, bekalan air dan kebersihan). Pengkaji berpendapat bahawa aspek tersebut sesuai dan menepati kajian mengenai kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang.

1.9.2 Masyarakat Tamil Ladang

Pekerja Tamil mula-mula dibawa ke Tanah Melayu pada tahun 1786 apabila sektor perladangan mula diperkenalkan oleh British. Pada abad ke-19, pihak British berusaha mendapatkan tenaga buruh yang murah untuk sektor perladangan getah. British memilih masyarakat Tamil dari India Selatan untuk bekerja di ladang kerana mereka patuh dan tidak ingkar perintah majikan (Sandhu, K. S. 1969).

Veerappan, N. (1988), menyatakan bahawa pada awal abad ke-19 pihak British telah membawa masuk pekerja dari negara India Selatan untuk bekerja di ladang kopi dan tebu di Singapura, Pulau Pinang dan Melaka. Pekerja ini mempunyai fizikal yang kuat untuk bekerja keras di ladang tersebut. Mereka terdiri dari masyarakat Tamil dan Telugu yang menjadi buruh kontrak di Tanah Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selvakumaran, R. (1994) juga mempunyai pandangan yang sama. Menurutnya, pada awal abad ke-18 dan akhir abad ke-19, ramai pekerja dari negara India Selatan dibawa oleh British untuk bekerja di beberapa negara seperti Sri Lanka, Indonesia, Mauritius dan Tanah Melayu. Pada awalnya mereka dibawa untuk bekerja di ladang kopi dan tebu. Selepas itu, mereka dihantar untuk bekerja di ladang getah.

Menurut Kurinjivendhan, R. (2013) ramai pekerja Tamil telah dibawa oleh British dari beberapa tempat di negara India Selatan. Mereka ditempatkan di bawah satu bumbung yang bernama ‘ladang’ di Tanah Melayu. Justeru, pekerja Tamil ini dikenali sebagai masyarakat Tamil ladang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala menurut Murasu Nedumaran (2007), kehidupan masyarakat Tamil ladang amat menyedihkan. Masyarakat Tamil ladang bekerja tanpa mengira masa dan tenaga. Mereka memperoleh gaji yang rendah, kemudahan perumahan yang buruk, makanan yang tidak mencukupi, tidak mempunyai pakaian yang baik dan tidak diberikan rehat yang secukupnya. Malah mereka ditindas oleh majikan British. Jelas bahawa pihak British gagal memelihara kepentingan sosioekonomi masyarakat Tamil di ladang-ladang.

Lantaran itu, masyarakat Tamil ladang hidup dalam keadaan larat dan serba kekurangan dari segi tempat tinggal, makanan, pendidikan dan juga pendapatan. Keadaan serba kekurangan dan larat ini telah mencetuskan pelbagai masalah dalam kalangan masyarakat Tamil di ladang. Antara masalah ketara ialah kemiskinan, konflik kasta,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penindasan majikan, gangguan seksual atas pekerja wanita, taraf sosioekonomi yang rendah, buta huruf, suasana penghambaan dan penyakit.

1.9.3 Novel

Salah satu genre sastera yang paling popular ialah novel. Kata 'novel' berasal daripada kata Itali *novello* yang membawa maksud sesuatu yang baru, berita atau sesebuah cereka yang bercorak baru. Sebenarnya, kata *novello* diambil daripada kata Latin *novella*. Kata *novello* kemudia beralih ke bahasa Perancis dan akhirnya disebut sebagai *novel* dalam bahasa Inggeris. Dilihat dari sudut definisinya, novel boleh diertikan sebagai karya fiksyen yang panjang (Hashim Awang, 1984). Dalam erti kata lain, novel ialah karangan berbentuk cereka, iaitu cerita rekaan yang dikarang dalam bentuk prosa. Oleh itu, novel dikategorikan sebagai prosa naratif (Rahman Shaari, 2001). Dalam bahasa Tamil, novel disebut *putinam* (Veerasamy, D. A. 1987).

Menurut kamus *Tamil Lexicon* (2007) pula, istilah novel digelar sebagai *putinam* yang bermaksud baharu. Selain itu, novel turut dikenali sebagai *nāval, navinam, dan navinakam* dalam bahasa Tamil (Visvanathan, 1976). Novel juga dinyatakan sebagai cerita yang ditulis dengan gaya baharu (*Tamil Lexicon* 2007). Menurut Varatharasan, M. (1990), bentuk novel yang terbaik merupakan sebuah cerita yang umum kepada masyarakat. Beliau juga berhujah bahawa para sarjana berpendapat novel ialah cerita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang memberikan pengajaran yang mendalam. Beliau berpandangan bahawa seseorang yang menghayati novel akan memperoleh kebenaran daripada pengalamannya sendiri.

Apabila kita meneliti sejarah perkembangan genre novel Tamil di Malaysia, tiada sebarang novel yang diterbitkan dalam tempoh masa 1941 hingga tahun 1945 ekoran Perang Dunia Kedua. Tempoh masa tersebut ialah zaman kegelapan dalam dunia novel Tamil Malaysia (Sababathy, V. 1995b).

Menurut Veerasamy, D. A. (1987), novel merupakan genre baru yang menjelaskan sifat dan perlakuan manusia yang dilihat dalam segenap lapisan kehidupan masyarakat. Varatharasan, M. (1990), berpendapat bahawa karya novel mempunyai keistimewaan tersendiri kerana karya ini dibaca dan dihayati oleh masyarakat. Karya novel mampu mengubah sikap masyarakat ataupun membawa keinsafan kepada sesebuah masyarakat. Menurut Watt, I. (1957), novel merupakan suatu bentuk kesusasteraan yang mencerminkan ciptaan dan susunan individu sepenuhnya.

> *"The novel is the form of literature which most fully reflects this individualist and innovating reorientation" (Watt, I. 1957,p.13).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Kesimpulan

Tuntasnya, kajian penulis berfokus kepada kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM. Kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil dalam novel dikupas dari lima aspek kedudukan sosioekonomi. Seterusnya, kajian ini juga memaparkan suasana dan situasi kehidupan di ladang kepada generasi baru yang tidak mempunyai pengalaman hidup di ladang. Selain itu, kajian ini membantu generasi muda memahami masalah sosioekonomi yang sebenar pernah dihadapi oleh masyarakat Tamil di ladang pada zaman penjajahan British.

Membaca karya sastera sebenarnya merupai mempelajari sesuatu kehidupan sosial. Karya sastera dianggap sebagai dokumen sosiobudaya kerana novel mencatatkan kenyataan sosiobudaya sesuatu masyarakat pada masa tertentu. Oleh itu, kajian berkaitan dengan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang menggambarkan kesengsaraan dan penderitaan hidup yang pernah dilalui oleh mereka. Selain itu, realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang juga dapat diketahui.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Creswell, J. W. (2014), berpendapat bahawa kajian literatur membantu menentukan sama ada topik yang dipilih adalah sesuai atau tidak untuk membuat kajian. Selain itu, kajian literatur turut menjadi panduan kepada seseorang penyelidik dalam menentukan skop kajiannya .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian literatur ini bertujuan untuk menjelaskan dengan lebih terperinci kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian, iaitu kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM. Pengkaji telah membuat penelitian terhadap beberapa kajian berkaitan dengan genre novel Tamil yang pernah dijalankan. Tinjauan literatur ini merangkumi kajian terdahulu yang telah dijalankan berkaitan dengan novel di dalam dan di luar negara.

Pengkaji telah menggunakan pelbagai jenis bahan penerbitan dari dahulu hinggalah sekarang. Hasil latihan ilmiah pengkaji-pengkaji lepas juga dirujuk. Penelitian bahan-bahan tersebut membantu pengkaji dari segi ilmu dan menjadi sebagai panduan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Selain itu, pengkaji menggunakan bahan-bahan rujukan sampingan yang diperoleh melalui laman web.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Kajian-Kajian Lepas

Ramai pengkaji dari dalam negara dan di luar negara telah membuat kajian mengenai novel Tamil Malaysia. Pengkaji telah memilih beberapa latihan ilmiah yang dihasilkan di dalam negara. Selain itu, kajian yang dihasilkan di luar negara juga turut dipilih oleh pengkaji. Kajian-kajian lepas ini disusun dari peringkat kedoktoran hingga peringkat sarjana. Dalam kajian-kajian lepas ini, tidak terdapat penggunaan teori realisme yang menjadi teori pilihan pengkaji untuk kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1 Kajian Di Dalam Negara

Rajeswari Vairan telah membuat kajian bertajuk *Feminisme dalam Novel Tamil Malaysia abad ke-21* pada tahun 2015. Kajian peringkat kedoktoran ini dijalankan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini merupakan kajian pertama di peringkat Doktor Falsafah Kesusasteraan Tamil di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pengkaji telah memilih teori feminisme untuk menjalankan kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dengan menggabungkannya dengan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan.

Novel-novel yang diterbitkan dalam tempoh masa tahun 2000 hingga 2012 telah menjadi fokus pengkaji. Dalam tempoh masa ini, sebanyak 24 buah novel telah dihasilkan oleh novelis tempatan. Namun, hanya empat buah novel sahaja, iaitu *Mallikaigaḷ Niram Māruvatillai, Viṭiveḷḷi, Vallamai Tārāyō* dan *Pen Kutirai* dipilih sebagai bahan kajian kerana berjaya mencerminkan teori feminisme. Kajian ini terbatas kepada teori feminisme sahaja .

Kajian tentang tema feminisme ini telah dibuat berasaskan lima aspek, iaitu aspek sosial, budaya, pendidikan, ekonomi dan politik. Pengkaji telah menyentuh masalah arak, keganasan rumah tangga, penderitaan kaum balu, penglibatan wanita dalam aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan sebagai tema feminisme berunsurkan sosial. Manakala, tema budaya pula merangkumi peranan wanita sebagai ibu, isteri, anak dan menantu. Dalam aspek pendidikan pula, feminisme dilihat dari perspektif kualiti hidup, keupayaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengawal diri, kewujudan sokongan sosial, peluang kerjaya dan peranan dalam kemajuan ekonomi.

Pengkaji melihat wanita sebagai tunjang dalam bidang politik. Dalam konteks ini, ketika membincangkan tema feminisme berkaiatan dengan bidang politik, pengkaji turut menghuraikan persoalan berkaiatan dengan peranan, wawasan dan kebangkitan luar biasa kaum wanita Malaysia dalam bidang politik. Pengkaji juga membincangkan kejayaan wanita India di negara ini secara khusus dan kejayaan wanita Malaysia secara umum.

Seterusnya, Sagar Narayanan telah membuat kajian peringkat kedoktoran di Universiti Malaya pada tahun 2009. Kajian beliau yang bertajuk *Corak Pemikiran Sosial Masyarakat India dalam novel Tamil Malaysia (1957-1987)* telah menggunakan teori tringulasi. Beliau telah memilih novel-novel yang diterbitkan dari tahun 1957 hingga 1987 untuk kajian ini. Kajian beliau berjaya mengupas corak pemikiran masyarakat India dalam bidang sosial. Selain itu, kekangan hidup masyarakat India juga turut dikaji oleh beliau.

Dalam kajian ini, beliau telah menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengkaji novel yang dipilih. Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah analisis teks berbentuk deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan maklumat terperinci. Menurut pengkaji, novel-novel Tamil yang dihasilkan oleh berlainan penulis didapati dapat memaparkan corak pemikiran yang berbeza-beza. Novel-novel penulis yang dipilih untuk kajian didapati memaparkan tema yang berbeza-beza mengikut peredaran masa. Menurut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji, novel-novel tahun 1950-an dan 1960-an pula lebih berfokus kepada masalah perpaduan dan pelbagai permasalahan hidup dalam kalangan masyarakat India yang tinggal di ladang.

Oleh itu, pelbagai masalah seperti kesan fragmentasi ladang-ladang, amalan kasta, masalah minuman keras, pengabaian pendidikan serta masalah gangguan seksual terhadap kaum wanita yang bekerja di ladang menjadi tema popular pada ketika itu. Penyalahgunaan dadah pula menjadi tema utama para penulis novel Tamil Malaysia tahun 70-an dan 80-an. Para penulis novel Tamil Malaysia telah menghasilkan novel bertemakan dadah untuk menyahut seruan kerajaan untuk membanteras dadah yang menjadi musuh utama negara. Pengkaji telah menganalisis bahan kajian yang sama dari perspektif teori yang berlainan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Sabapathy Venugopal telah membuat kajian tentang novel Tamil Malaysia untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah pada tahun 1993. Beliau membuat kajian bertajuk *Malaysian Tamil Novels After Independence* 1960-1981 (*Novel Tamil Malaysia Selepas Kemerdekaan 1960-1981)* di Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya. Dalam kajian ini, beliau menganalisis dan mengklasifikasi sejarah perkembangan novel Tamil di Malaysia. Di samping itu, pengkaji juga membincangkan secara mendalam aspek tema, plot, perwatakan, teknik, sudut pandangan dan gaya bahasa yang dibawa oleh penulis-penulis novel tersebut .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah menggunakan novel-novel sebagai bahaan kajian dan teori sejarah di samping kaedah kepustakaan dan kaedah menganalisis teks untuk mengendalikan kajian ini. Pengkaji telah membincangkan aspek berkaitan dengan politik, ekonomi dan sosial dalam kalangan kaum India yang tinggal di ladang-ladang di negara ini. Menurut pengkaji, tema yang diutarakan oleh penulis-penulis pada ketika itu berkisar pada masalah yang dihadapi dalam menempoh kehidupan yang penuh penderitaan dan dihimpit kemiskinan. Sebenarnya, kajian Sabapathy merupakan perintis kepada kajian tentang perkembangan novel-novel Tamil di Malaysia. Lantaran itu, kajiannya menjadi panduan kepada pengkaji-pengkaji baharu yang menerokai genre novel Tamil di Malaysia.

Seterusnya, kajian-kajian peringkat sarjana turut dijadikan sebagai kajian literatur oleh pengkaji. Pama Periasamy telah menghasilkan kajian peringkat Ijazah Sarjana yang bertajuk *Stereotaip Gender Dalam Novel Terpilih Ramani Chandran* pada tahun 2013 di Universiti Malaya. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk menjelaskan penggunaan stereotaip gender dalam novel Ramani Chandran. Teori yang digunakan oleh beliau ialah teori sosiologi. Kaedah kepustakaan dan analisis teks turut digunakan dalam kajian ini.

Pengkaji telah mengupas beberapa aspek unsur stereotaip. Unsur tersebut ialah stereotaip gadis, perubahan stereotaip wanita dan lelaki serta bahan khusus yang mencerminkan stereotaip wanita. Pengkaji telah memilih lapan buah novel hasil karya Ramani Chandran yang merupakan penulis dari India. Pengkaji telah memilih dua buah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

novel dari setiap dekad. Pemilihan ini adalah wajar dan tepat kerana dapat mengkaji unsur, perubahan dan bahan khusus stereotaip gender secara terperinci.

Pengkaji berjaya membuktikan penggunaan streotaip gender yang terpapar dalam novel-novel Ramani Chandran. Pendekatan pengkaji yang menggunakan kaedah kualitatif untuk menjelaskan penggunaan stereotaip gender merupakan satu kelebihan kajian ini. Namun, stereotaip berkaitan dengan kaum lelaki tidak diutamakan dalam kajian ini. Hal ini merupakan kelemahan dalam kajian ini.

Tinjauan literatur yang seterusnya ialah kajian peringkat Ijazah Sarjana yang bertajuk *Isu-isu Sosial yang digambarkan oleh Novel-novel Tamil Malaysia Sekitar 1990-an* yang dihasilkan oleh Kumarasamy Thannirmalai pada tahun 2011 di Universiti Malaya. Pengkaji menggunakan teori sosiologi dan kaedah kepustakaan dalam kajian ini. Kaedah analisis teks juga digunakan dalam kajian ini. Pengkaji membincangkan masalah-masalah sosial yang timbul dalam kalangan masyarakat India pada dekad 1990-an. Beliau turut memberi cadangan untuk mengatasi masalah tersebut. Pengkaji berharap kajian ini akan menjadi satu panduan kepada masyarakat dalam usaha mengatasi masalah yang dihadapi.

Selain itu, kajian peringkat Ijazah Sarjana yang bertajuk *Citra Wanita dalam Novel-novel R.Karthigesu* dihasilkan oleh Manonmani Devi pada tahun 2008 di Universiti Malaya. Pengkaji telah menggunakan teori feminisme di samping kaedah kajian kepustakaan untuk mengendalikan kajiannya. Beliau telah memilih empat buah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

novel, iaitu *Vānattu Vēlikaḷ* (1981), *Tēṯiyirukkum Taruṉaṅkaḷ* (1993), *Antima Kālam* (1998) dan *Kātalināl Alla* (1999) hasil karya novelis tempatan Karthigesu, R. yang merupakan; seorang penulis profolik, pengkritik sastera dan pensyarah. Pengkaji telah mengupas setiap watak wanita dalam novel ini dari segi sosial, ekonomi dan politik.

Pengkaji mendapati bahawa watak wanita dalam novel tersebut dipaparkan sebagai insan yang daif serta tidak berdaya dan berupaya mengubah nasib malang dalam mengharungi pelbagai masalah dan rintangan dalam kehidupan mereka. Kaum wanita digambarkan terikat dengan adat dan budaya. Oleh itu, wanita dikatakan gagal menikmati kebahagiaan dalam kehidupan mereka. Pengkaji telah mengupas pelbagai masalah yang dihadapi oleh kaum wanita dalam hal kekeluargaan, perkahwinan, kemasyarakatan dan pendidikan. Pengkaji berpendapat bahawa kebebasan golongan wanita dalam masyarakat India masih tidak dapat dibanggkan dan masih ketinggalan.

Dalam pada itu, Sinnathamby Muthusally menjalankan kajian peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Malaya pada tahun 2000. Tajuk kajiannya ialah “Peranan Parti Politik ‘Malaysian Indian Congress’(MIC)” dalam pembangunan sosioekonomi kaum India di Malaysia selepas kemerdekaan. Pengkaji telah menganalisa masalah-masalah yang dihadapi dari pelbagai aspek politik dan sosioekonomi masyarakat India di Malaysia secara keseluruhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang berikutnya ialah kajian peringkat Ijazah Sarjana yang dijalankan oleh Achee Subramaniam; bertajuk *Wanita Dalam Novel Tamil Malaysia (1910-1970)* pada tahun 1991 di Universiti Malaya. Teori feminisme dan kaedah kepustakaan digunakan oleh beliau dalam kajian ini. Sebanyak dua puluh buah novel yang merangkumi tempoh masa dari tahun 1910 hingga 1970 telah dipilih sebagai bahan kajian. Analisis data kajian dilakukan dengan menggunakan keadah analisis teks di samping itu, pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif.

Pengkaji telah memfokuskan kajiannya terhadap masalah yang dihadapi oleh kaum wanita dalam keluarga dan masyarakat serta cara-cara mengatasi masalah tersebut. Di samping itu, tradisi masyarakat India dan pemikiran penulis terhadap wanita juga turut dikaji. Dalam kajian Achee ini, tumpuan diberikan hanya kepada aspek watak dan perwatakan. Hal ini jelas apabila pengkaji membahagikan watak-watak dalam novel-novel yang dikajinya kepada tiga watak, iaitu watak utama, watak sampingan dan watak dinamik. Tambahan pula, didapati pendekatan Achee masih terikat pada pandangan tradisional dalam menganalisis imej wanita.

Dalam kajian ini, wanita dibahagikan kepada dua golongan, iaitu golongan yang mengakur pada tradisi lama dan golongan yang berani menyuarakan hak serta menentang penindasan terhadap kaum wanita. Pengkaji mendapati bahawa penulis Kartigesu, R. berusaha meretakkan kongkongan tradisi yang menebal dalam kalangan masyarakat India, terutama kaum wanita. Penulis berpendapat bahawa sistem kasta dan *dowri (*mas kahwin) harus dikikis daripada tradisi kaum India.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji merumuskan bahawa penulis berjaya memaparkan watak wanita sebagai insan yang cekal, dinamik, berwibawa dan berfikiran bebas dalam menempoh era moden ini. Pengkaji berpendapat bahawa kajian ini akan memberi kesedaran kepada golongan yang terus terikat dan berpegang teguh kepada tradisi lama, terutama golongan yang menafikan hak dan kedudukan sah kaum wanita dalam keluarga dan masyarakat.

Di samping itu, Sabapathy Venugopal juga menjalankan kajian peringkat Ijazah Sarjana; pada tahun 1988 di Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya. Tajuk kajian beliau ialah *Early Malaysian Tamil Novels 1910-1960. (Novel Tamil Awal Malaysia 1910-1960).* Pengkaji telah memilih tiga buah novel berjudul *Kōrakāntan, Nīrcu̲l̲al* dan *Mallikā* sebagai bahan kajian. Dalam kajian ini beliau telah mengupas penglibatan kaum India dalam pelbagai bidang seperti sosial, ekonomi dan politik. Di samping itu, pengkaji juga membincangkan peranan penulis novel yang memaparkan watak, tema, peristiwa dan latar tempat yang melibatkan pelbagai kaum untuk mencetuskan semangat perpaduan dan ikatan persaudaran dalam kalangan pembaca.

Keseluruhan novel *Kōrakāntan* menggambarkan corak kehidupan masyarakat Melayu. Watak-watak dalam novel ini terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. Manakala, novel *Nīrcu̲l̲al* dan *Mallika* pula membawa latar masyarakat Melayu. Perkara yang menghairankan pengkaji adalah tidak terdapat sebarang watak utama India dalam novel Tamil ini walaupun dihasilkan oleh penulis Tamil. Pengkaji berpendapat bahawa penulis zaman 1910 hingga 1960 telah berusaha menonjolkan semangat perpaduan kaum menerusi karya mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Rabindra Daniel telah membuat kajian Ijazah sarjana bertajuk '*A Sosioeconomic Study of the Indians in the Rubber and Oil Palm Estates of Perak and Selangor'* di Universiti Malaya pada tahun 1978. Pengkaji mengupas faktor-faktor kemiskinan dalam kalangan masyarakat India ladang di negeri Perak dan Selangor. Antaranya ialah kemiskinan, tahap pendidikan yang rendah, kekurangan kemudahan perubatan, gaji yang rendah, kekurangan khasiat makanan dan keadaan rumah yang buruk.

Selanjutnya, kajian telah dibuat pada beberapa buah buku yang ada kaitan dengan tajuk kajian. Belle, C. V. (2014), telah menghasilkan buku yang bertajuk *Tragic Orphans: Indians in Malaysia* (Anak-anak Yatim Malang India di Malaysia). Buku ini menampakkan sikap prihatinannya untuk menggambarkan sejarah masyarakat India serta kedudukan ekonomi dan politik mereka. Penulis turut menyentuh tentang sejarah, politik dan ekonomi pelbagai etnik di Malaysia.

Analisis yang menarik yang dilakukan oleh penulis ialah bagaimana Malaysia berhadapan dengan pelbagai masalah seperti bahasa, kewarganegaraan, pendidikan, agama, kebudayaan dan pengangguran selepas kemerdekaan. Buku ini dikemaskini berikutan dengan perkembangan baru iaitu menjalinkan hubungan dua hala dengan kerajaan India. Analisis yang komprehensif dibuat mengenai perkembangan terkini dalam bidang sejarah dan politik di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Janakey Raman Manickam telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk *Malaycia Intiyarkaḷin Ikkaṯṯāna Nilai* (Dilema Kaum India di Malaysia) pada tahun 2006. Judul ini dikemaskinikan pada tahun 2013. Buku ini mengandungi koleksi penulisan komprehensif mengenai masyarakat India yang telah menetap selama seratus tahun di negara ini. Beliau menghasilkan buku ini berdasarkan hasil kajiannya dan pengumpulan bahan selama 17 tahun. Buku ini membincangkan isu sosial, ekonomi, pendidikan dan politik kaum India di Malaysia.

Penulis buku ini yang merupakan seorang aktivis sosial yang telah banyak berkecimpung dalam aktiviti sosial dan berpengalaman dalam aktiviti badan bukan kerajaan. Buku ini berjaya mengupas segala cabaran, perjuangan, masalah, penderitaan hidup dan dilema yang dihadapi oleh masyarakat India sejak mula bertapak di bumi Malaysia. Selain itu, buku ini turut membincangkan cara masyarakat India memajukan diri serta sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara sehingga hari ini.

Buku ini berjaya membongkarkan kisah sebenar tentang keperitan hidup kaum minoriti yang menitiskan peluh dan darah serta berkorban tenaga dan nyawa demi membangunkan negara ini sejak berhijrah ke negara ini. Malah, buku ini turut dapat membantu pengkaji yang ingin mengenali sejarah silam nenek-moyang masyarakat India yang berhijrah ke negara ini untuk memulakan kehidupan baru. Buku ini mengandungi pelbagai fakta dan bukti sejarah yang tidak diketahui oleh masyarakat India selama ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Azharuddin Mohamed Dali telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk ‘Sejarah Masyarakat India di Malaysia’ pada tahun 2012. Buku ini mengandungi 13 bab. Masyarakat India yang dikaji bukan sahaja terdiri daripada kaum Tamil, bahkan golongan lain seperti kaum Sikh, India Muslim, Peranakan India (Ceti Melaka) dan masyarakat Chettiar. Buku ini amat berguna kepada pengkaji yang ingin mengkaji tentang masyarakat India di Malaysia. Buku ini menghuraikan sejarah yang dilalui oleh masyarakat berkenaan. Selain itu, kemajuan masyarakat India dari aspek sosial, politik, etnik dan identiti turut dibincangkan.

Buku bertajuk *Rising India and Indian Communities in East Asia* (Pembangkitan India dan Masyarakat India di Asia Timur) telah disunting oleh Kesavapathy, K., Mani, A. dan Ramasamy, P. pada tahun 2008. Buku ini membincangkan sejarah penghijrahan masyarakat India (Diaspora India) ke negara-negara Asia Timur dan juga kedudukan sosioekonomi mereka di situ. Artikel-artikel dalam buku ini dibahagikan kepada dua perspektif, iaitu perspektif sejarah dan kawasan serantau**.**

Dari perspektif sejarah**,** artikel-artikel tersebut membincangkan sejarah penghijrahan diaspora India ke Malaysia, Singapura, Thailand, Mynmar. Brunei, China, Indonesia, Jepun, Kemboja, Vietnam, Loas, Filipina, Korea dan Taiwan. Manakala, dari perspektif kawasan serantau, buku ini membincangkan kedudukan ekonomi, sosial dan politik masyarakat India di negara-negara Asia Timur tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Santhiram, R. telah menghasilkan buku *Educations of Minorities:The Case of Indians in Malaysia* pada tahun 1999. Beliau telah membincangkan masalah pendidikan anak buruh India yang datang ke Tanah Melayu. Masalah pendidikan rendah dan pendidikan menengah anak buruh India telah dikupas secara terperinci dalam buku beliau.

Seterusnya, buku bertajuk *Caste Consciousness Among Indian Tamils in Malaysia* telah dihasilkan oleh Rajakrishnan, R. pada tahun 1984. Buku ini menumpukan pada kasta dan kesedaran terhadap kasta dalam kalangan masyarakat Tamil di negara ini. Buku ini hanya memfokuskan kepada aspek kasta masyarakat Tamil sahaja. Aspek lain tidak dibincangkan dalam buku ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, Ramaiah, M. telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk *Malaycia Tamil- Ilakkiya Varalāru* (Sejarah Kesusasteraan Tamil Malaysia). Buku ini diterbitkan pada tahun 1978. Dalam buku ini, beliau telah menjelaskan sebab-sebab lembabnya perkembangan genre novel Tamil di Malaysia.

Selain itu, Joseph Selvam telah menghasilkan buku yang bertajuk *Malaycia Tamil Ilakkiyam ōr Arimukam* (Sastera Tamil di Malaysia: Suatu Pengenalan). Buku ini diterbitkan pada tahun 1977. Beliau telah membincangkan perkembangan semua jenis hasil karya sastera Tamil termasuk novel di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Dhandayudham, R. telah menerbitkan buku yang bertajuk *Tarkāla Tamiḻ Ilakkiyam* (Kesusasteraan Tamil Zaman Sekarang) pada tahun 1973. Beliau membincangkan perkembangan hasil karya sastera Tamil di Malaysia. Selain itu, beliau juga menghasilkan artikel berkaitan dengan novel *Cemmaṇṇum Nīlamalarkaḷum* (Tanah Merah dan Bunga Biru). Beliau membincangkan kehidupan masyarakat India di ladang dalam novel ini. Di samping itu, beliau turut menghasilkan artikel yang bertajuk *Pālacuntaram Allatu Canmārka Jeyam – ōr āivu (Pālacuntaram Allatu Canmārka Jeyam – Satu Kajian).* Artikel ini ialah kajian umum mengenai novel *Pālacuntaram.*

Dalam pada itu, Rama Subbiah telah menghasilkan buku yang bertajuk *Tamiḻ Malaysiana* pada tahun 1969. Novel-novel yang diterbitkan sebelum tahun 1966 telah disenaraikan dalam buku ini. Nama-nama penulis novel serta isu atau persoalan yang terpapar dalam novel turut dimuatkan dalam buku tersebut. Buku ini membantu para pengkaji yang ingin mengkaji tentang perkembangan novel Tamil di Malaysia.

Seterusnya, kajian telah dibuat pada beberapa buah artikel dalam negara yang ada kaitan dengan tajuk kajian. Sababathy, V. telah menghasilkan beberapa artikel tentang novel. Antaranya, artikel yang bertajuk *Malayciya Tamiḻ Nāval Ilakkiya Valarcikku Tamiḻ ākkam, Ilaṅkai Ăṭriyulla Paṅku.* (Peranan Tamil Nadu dan Sri Lanka Dalam Perkembangan Karya Sastera Novel Tamil Malaysia). Artikel ini dihasilkan pada tahun 1995. Artikel ini membincangkan peranan Tamil Nadu (India) dan Sri Lanka dalam perkembangan karya sastera novel Tamil di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Artikel *Viṯutalaikku Muntiya Malaycia Tamil-Nāvalkalil Kālakkurippum Malaycia Varalātru Ceitikaḷum* (Gambaran Masa dan Maklumat Sejarah Malaysia Dalam Novel-novel Tamil Malaysia Prakemerdekaan) telah dihasilkan pada tahun 1994. Artikel ini membincangkan aspek sejarah dan keadaan negara yang terpapar dalam novel Tamil Malaysia yang dihasilkan sebelum zaman merdeka.

Artikel seterusnya adalah bertajuk *Viṯutalaikku Pintiya Malaycia Tamil Nāvalkaḷil Ilakkiya Mērkolkaḷ - 1957-1982 (*Catatan Sastera dalam Novel Tamil Malaysia Selepas Zaman Kemerdekaan 1957-1982) dihasilkan pada tahun 1994. Penulis membincangkan aspek catatan atau rujukan sastera yang terpapar dalam novel-novel Tamil di Malayisa yang di hasilkan selepas zaman kemerdekaan, iaitu antara tahun 1957 hingga tahun 1982.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Artikel bertajuk *Cayampunātanum Cannāciyarum Ōr Ăivu. (Cayampunātanum Cannāciyarum – Satu Kajian)* dan artikel *Alakānanta Puşpam Novel Ōr Ãivu (Novel Alakānanta Puşpam - Satu Kajian)* dihasilkan pada tahun 1993. Artikel-artikel ini membicarakan tentang novel-novel yang dinyatakan secara terperinci.

Artikel seterusnya ialah *Teţiyirukkum Taruṇaṅkaḷ – Nāval Ōr Ăivu (Novel Teţiyirukkum Taruṇaṅkaḷ: Satu Kajian)* yang dihasilkan pada tahun 1993. Artikel ini membincangkan mengenai novel *Teţiyirukkum Taruṇaṅkaḷ* hasil karya Kartigesu, Re. Selain itu, artikel bertajuk *Malaycia Tamil Nāvalkalil Samutāya Cikkalkaḷ* (Masalah Sosial Dalam Novel-novel Tamil Malaysia) juga dihasilkan pada tahun 1993. Artikel ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membincangkan masalah sosial masyarakat India yang dipaparkan dalam novel-novel Tamil Malaysia.

Satu koleksi artikel ilmiah tentang novel Tamil Malaysia telah diterbitkan oleh Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya. Koleksi tersebut ialah *Malaysia Tamil- Novel Karuttarańka Malar* (Novel Tamil Malaysia –Majalah Seminar Novel Tamil Malaysia). Koleksi artikel ini yang diterbitkan pada 1992 membincangkan perkembangan dan aspek-aspek yang terpapar dalam novel-novel Tamil di Malaysia.

Artikel bertajuk *Viţutalaikku Muntiya Malaycia Tamil Nāvalkaļil Pen Māntarkaļ* (Watak Wanita Dalam Novel Tamil Malaysia Sebelum Zaman Kemerdekaan) dihasilkan pada tahun 1991. Artikel ini membincangkan watak wanita yang terpapar dalam novel yang dihasilkan sebelum zaman kemerdekaan. Watak utama dan watak sampingan yang terdiri daripada kaum wanita dalam novel-novel ini dibincangkan secara terperinci. Pembahagian perwatakan wanita pula dibuat mengikut umur dan juga tradisi yang diamalkan oleh kaum wanita ketika itu.

Selanjutnya sebuah artikel dihasilkan oleh Marimuthu, T. bertajuk *'Tamil Schools: Problems and Prospects'* pada tahun 1987. Beliau membincangkan masalah-masalah berkaitan dengan pendidikan yang dihadapi oleh masyarakat India di negara ini. Hal ini merangkumi ketiadaan pendidikan asas bagi anak buruh India, kekurangan bahan dan tenaga pengajar dan tiada bangunan sekolah. Beliau juga membincangkan sejarah penubuhan sekolah Tamil dan perkembangannya di negara ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Susan Oorjitham, K. S. pula menghasilkan artikel bertajuk *Urban Indians Working Class in Malaysia: Problems and Prospects* pada tahun 1983. Beliau membincangkan masalah pekerja golongan India di bandar-bandar. Hal ini termasuklah masalah gaji yang rendah, tahap pendidikan yang rendah, simpanan wang yang rendah dan mobiliti pekerjaan yang rendah. Beliau merumuskan bahawa pekerja India di bandar berkemungkinan besar dpinggirkan menjadi kumpulan dalam kemiskinan; jika dibandingkan dengan golongan Melayu dan Cina di bandar.

Seterusnya, Loganayagi, N. menerbitkan artikelnya bertajuk *Malaycia Mutal Nāvalkaḻ* (Novel-novel Tamil Awal di Malaysia) pada tahun 1971. Artikel ini membincangkan lima buah novel yang dihasilkan sebelum zaman kemerdekaan. Novel-novel tersebut ialah *Toṯṯa Kalai Marmam, Kanakam, Nīrcuḷal, Tuyara Pātai* dan *Mallikā.* Kesemua novel ini mengisahkan kehidupan wanita India yang tinggal di ladang. Penulis berpendapat bahawa kaum wanita India pada ketika itu berfikiran kolot, tidak berpendidikan dan akur pada penindasan kaum lelaki.

Kuppusamy, C. V. pula menulis artikel yang bertajuk *Malayia Tamiḻ Ilakkiyam* (Sastera Tamil Malaysia). Beliau telah menyampaikan maklumat-maklumat yang penting mengenai perkembangan novel Tamil di Malaysia. Artikel ini dihasilkan pada tahun 1971. Seterusnya, Ramachandran, V. N. telah menghasilkan artikel bertajuk *Some aspects of a Malaysian Tamil Novel* (Beberapa aspek mengenai sebuah novel Tamil Malaysia) pada tahun 1968. Beberapa aspek dalam novel *Kōrakāntan Allatu Tenmalayā Kīriyil Vanta Ilańkai Tuppāli* telah dibincangkan dalam artikel ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, kajian telah dibuat pada beberapa buah jurnal dalam negara yang ada kaitan dengan tajuk kajian. Jayaraman N. V. telah menghasilkan jurnal yang bertajuk *Malaycia Tamil Nāval Vaḻarcci (Perkembangan Novel Tamil Malaysia)* pada tahun 1987. Artikel-artikel dalam jurnal ini menganalisis perkembangan novel Tamil di Malaysia. Seterusnya, penulis turut membincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada perkembangan novel Tamil di Malaysia.

Mohan, R. dan Salmah Omar telah menghasilkan jurnal tentang aspek sosial dan ekonomi buruh India di Pulau Pinang. Jurnal yang bertajuk *'Buruh India: Kajian mengenai Mekanisme Sosial dan Ekonomi di Pulau Pinang Menjelang 1900-1940'* dihasilkan pada tahun 2016. Kajian ini memperlihatkan mekanisme yang mempengaruhi cara hidup buruh India di Pulau Pinang. Antaranya ialah sosial, ekonomi, politik, kebudayaan dan kepercayaan. Namun, jurnal ini menumpukan kepada mekanisme sosial dan ekonomi buruh India Pulau Pinang sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

2.2.2 Kajian Luar Negara

Rajeswari, R. dari Jabatan Pengajian Tamil Luar Negara, Universiti Tamil, Tanjavore, Tamil Nadu, India telah mengkaji mengenai novel Tamil Malaysia pada tahun 2012 bagi memperoleh Ijazah Sarjana. Tajuk kajian beliau ialah *Nīl Tuyil Nāvalil Varalāru Pativukaḻ (Catatan Sejarah dalam Novel Nīl Tuyil).* Kaedah kualitatif telah digunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kajian ini, namun teori yang mendasari kajian ini tidak dapat dikesan. Pengkaji memilih novel ini sebagai bahan kajian kerana berunsurkan sejarah.

Menurut pengkaji, selepas kemerdekaan Tanah Melayu, jumlah novel yang dihasilkan meningkat secara mendadak berbanding dengan bilangan novel yang dihasilkan sebelum zaman kemerdekaan. Tema dalam novel-novel ini berkisar pada masalah sosial, ekonomi dan politik masyarakat India di Malaysia.

Seterusnya, Thilagavathi, R. telah menjalankan kajian mengenai novel pada tahun 2012 bagi memperolehi Ijazah Sarjana di Jabatan Pengajian Tamil Luar Negara, Universiti Tamil Tanjavore, Tamil Nadu, India. Kajian beliau bertajuk *Doktor C.Sokkaliṅkattiṉ ‘Vallamai Tārayō’ Novel Ōr Āivu (Novel ‘Vallamai Tārayō’ karya Dr.C.Sockalinggam - Satu Kajian)* Teori sejarah serta kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks digunakan dalam kajian ini.

Menurut pengkaji, novel tersebut menggambarkan masalah kasta yang wujud dalam kalangan masyarakat India di Malaysia secara terperinci. Selain itu, kesemua watak dalam novel ini ditonjolkan dengan nilai-nilai seperti kasih sayang, tanggungjawab dan kepercayaan kepada Tuhan. Tambahan pula, pertalian persaudaraan yang erat antara anak dengan ayah dan hubungan persahabatan yang intim antara kawan ditonjolkan dalam novel ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, Abinaya, T. telah menjalankan kajian peringkat Ijazah Sarjana pada tahun 2012 di Jabatan Pengajian Tamil Luar Negara, Universiti Tamil Tanjavore, Tamil Nadu, India. Beliau mengkaji novel hasil karya novelist Balagopalan Nambiar. Tajuk kajian ialah *Bālakopālan Nambiyārin ‘Kanavu Kōlańkaḷ’ Novel Ōr Āivu (Novel ‘Kanavu Kōlańkaḷ’ karya Balagopalan Nambiar: Satu Kajian).* Beliau menggunakan teori sejarah dan kaedah kepustakaan serta analisis teks untuk mengendalikan kajiannya. Perkembangan novel di Malaysia selepas Perang Dunia Kedua turut dibincangkan dalam kajian ini.

Novel yang dikaji ini membawa tema persahabatan. Menurut pengkaji, tema persahabatan yang dipaparkan dalam novel ini boleh dijadikan sebagai iktibar oleh masyarakat umum dalam usaha menjalinkan hubungan persahabatan yang intim. Watak utama dalam novel ini mendukung perwatakan yang mengamalkan persahabatan yang murni. Sementara itu, plot cerita dalam novel ini berkembang dalam suasana yang berbaur politik di Malaysia. Kelemahan kajian ini ialah pengkaji hanya menekankan nilai persahabatan sahaja, sebaliknya nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan lain diabaikan.

Di samping itu, Manikkavalli, R. dari Jabatan Pengajian Tamil Luar Negara, Universiti Tamil Tanjavore, Tamil Nadu, India telah membuat kajian mengenai novel Tamil Malaysia di peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Kajian ini disempurnakan pada tahun 2011. Tajuk kajian beliau ialah *Malaycia Naṯṯil Kaṯanta Pattu Āṇṯugaḷil Veli Vantuḷḷa Tamil Nāvalkaḷin Vaḷarci Nilai – Ōr Āivu (Perkembangan Novel Tamil di Malaysia dalam Jangka Masa 10 Tahun).* Kaedah kualitatif telah digunakan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji untuk mendapatkan maklumat. Sebanyak 25 buah novel yang dihasilkan oleh novelis tempatan telah dikaji. Isu-isu sosial serta kedudukan kaum India dalam bidang ekonomi dan politik turut dibincangkan dalam kajian ini.

Mogan, V. juga mengkaji novel hasil karya novelis Kartigesu, R. bagi memperoleh Ijazah Sarjana pada tahun 2012 di Jabatan Pengajian Tamil Luar Negara, Universiti Tamil Tanjavore, Tamil Nadu, India. Tajuk kajian beliau ialah Re.*Kartigesuvin, 'Antima Kālam' Novel – Ōr Āivu (Novel 'Antima Kālam' karya Re.Kartigesu, Satu Kajian).* Beliau telah menggunakan teori sosiologi dan kaedah kepustakaan. Di samping itu, kaedah analisis teks dan kaedah kualitatif deskriptif turut digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menunjukkan bahawa perkembangan novel di Malaysia telah membuka ruang kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Novel pilihan pengkaji bertemakan konsep sosial, iaitu kesanggupan masyarakat India mengorbankan segala-galanya demi kesejahteraan dan kebahagiaan keluarga. Selain itu, novel ini juga menekankan bahawa kaum wanita yang berpendidikan mampu hidup berdikari tanpa bergantung kepada kaum lelaki.

Dalam novel ini, kaum lelaki digambarkan sebagai golongan yang bertungkus-lumus mencari nafkah demi kesejahteraan hidup keluarga mereka. Oleh itu, mereka telah meluangkan kehidupan mereka semata-mata untuk mencari kekayaan dan harta benda lalu gagal meluangkan masa dengan ahli keluarga yang tersayang. Namun, pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapati bahawa kaum lelaki seperti ini akhirnya telah pun sedar akan kesilapan mereka lalu mula meluangkan masa bersama dengan keluarga yang merupakan aset yang tidak ternilai berbanding dengan wang dan harta benda.

Pengkaji juga mendapati bahawa novelis melahirkan perasaan bangga kerana masih terdapat anggota masyarakat India yang tidak mengabaikan bahasa ibunda mereka, iaitu Bahasa Tamil walaupun mereka hidup dalam keperitan. Kelemahan kajian ini ialah pengkaji tidak menjelaskan teori yang digunakan dalam kajian ini.

Seterusnya, Ayalew, B. dari Universiti Addis Ababa, Ethiopia di negara Afrika telah membuat kajian peringkat Ijazah Sarjana pada tahun 2011. Kajiannya bertajuk *Realism In Sahle Sellassie Berhane Mariam's Warrior King And The Afersata.* Beliau telah mengkaji dua buah novel yang dihasilkan oleh novelis Ethiopia iaitu *Sahle Sellassie Berhane Mariam*. Novelis ini mewakili masyarakat Ethiopia di negara itu. Beliau menggambarkan keadaan sosial dan politik masyarakat Ethiopia secara realistik di dalam novelnya.

Pengkaji mendapati kedua-dua novel ini membincangkan keadaan dan peristiwa sebenar yang berlaku di Ethiopia. Pengkaji menganalisis watak dan tema di dalam kedua buah novel tersebut. Malah, watak dalam novel-novel ini merupakan watak sebenar yang wujud dalam sejarah Ethiopia. Selain itu, kajian juga mendedahkan adat, kepercayaan, masalah sosial, ekonomi dan politik masyarakat Ethiopia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kajian bertajuk *Putiyatōr Ulakam: Ōr Āivu (Malaycia Nōvel) (Novel 'Putiyatōr Ulakam' Satu Kajian* (Novel Malaysia) telah dijalankan oleh Ilaiyaraja, I. Atmanathan pada tahun 2006. Beliau mengkaji novel Malaysia untuk memperoleh Ijazah Sarjana di Jabatan Pengajian Tamil Luar Negara, Universiti Tamil, Tanjavore, Tamil Nadu, India. Teori sejarah dan kaedah kepustakaan di samping kaedah analisis teks digunakan dalam kajian ini.

Pengkaji berpendapat bahawa novel ini bercirikan sejarah dan sosial. Novel ini membawa kisah penghijrahan kaum India ke Malaysia, di samping menggambarkan masalah dan keperitan yang dihadapi oleh kaum India semasa bekerja di ladang getah. Pengkaji membincangkan kekejaman penjajah Jepun dan keperitaan hidup ketika itu secara terperinci. Walaupun Malaysia bukanlah tanah tumpah kaum India, namun mereka masih berusaha untuk memperkembangkan bahasa Tamil di Malaysia. Pengkaji menyatakan bahawa novel ini menjadi perintis kepada novel-novel yang bercirikan sejarah. Novel ini akan menjadi panduan kepada pengkaji-pengkaji novel sejarah pada masa akan datang.

Selanjutnya, satu lagi kajian bertajuk *En̲batukaḻil Malaycia Tamiḻ Nāvalkaḻ* (Novel Tamil Malaysia pada tahun 1970-an) peringkat Ijazah Sarjana dihasilkan di Jabatan Pengajian Tamil Luar Negara, Universiti Tamil Tanjavore, Tamil Nadu, India oleh Babu, K. pada tahun 2004. Beliau telah menjadikan novel Tamil Malaysia sebagai bahan kajiannya. Beliau menggunakan teori sejarah dan kaedah kepustakaan. Analisis teks telah digunakan untuk menganalisis data kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji mendapati bahawa novel ini menceritakan kehidupan masyarakat India di Malaysia pada tahun 1970-an. Menurutnya, akibat pergolakan politik yang berlaku selepas peristiwa 13 Mei, 1969. Ramai kaum India menghadapi kesukaran untuk memperoleh peluang pekerjaan kerana tidak memiliki sijil kewarganegaraan. Di samping itu, watak utama dalam novel ini dipaparkan sebagai insan yang sebati dengan nilai kasih sayang dan kepercayaan kepada Tuhan.

Watak itu juga digambarkan mencintai dan menghargai bahasa ibundanya, bahasa Tamil walaupun hidup dalam kesengsaraan dan kemiskinan. Secara ringkasnya, pengkaji memang berjaya membincangkan kehidupan masyarakat India pada zaman 1970-an secara terperinci. Namun, pengkaji gagal menghuraikan secara terperinci akan usaha-usaha masyarakat India untuk menghidupkan bahasa ibunda mereka, bahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kalaiselvi, K. turut mengkaji novel Tamil Malaysia untuk memperoleh Ijazah Sarjana pada tahun 2002 di Jabatan Pengajian Tamil Luar Negara, Universiti Tamil, Tanjavore, Tamil Nadu, India. Tajuk kajian beliau ialah *M. Ramaiyāvin Payaṇańkaḷ Muṭivatillai Novel- Ōr Āivu (Novel Payaṇańkaḷ Muṭivatillai karya M.Ramaiya- Satu Kajian).* Pengkaji menggunakan teori sejarah dan kaedah perpustakaan di samping kaedah analisis teks dalam kajian ini. Namun, kelemahan kajian ini ialah pengkaji gagal menggunakan teori sosiologi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji berpendapat bahawa novel Tamil di Malaysia berkembang dengan pesat selepas zaman kemerdekaan kerana faktor perkembangan pesat media suratkhabar Tamil. Isu kemasyarakatan menjadi tema novel ini, iaitu masalah yang dihadapi oleh kaum India dalam bidang politik. Cerita dalam novel ini berkisar di pelbagai tempat seperti di Johor Baru, Tampoi dan Kuala Lumpur. Melalui ini, para pembaca dapat mengetahui latar tempat yang lazimnya didiami oleh kaum India di Malaysia pada masa itu.

Selain itu, pengkaji dapat mengesan penggunaan kata-kata bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam novel ini yang menggambarkan situasi sebenar di Malaysia pada ketika itu, iaitu penutur bahasa Tamil turut mencampur adukan kata-kata bahasa lain dalam percakapan mereka. Di samping itu, novelis turut menggambarkan sifat perlakuan ahli politik. Ahli-ahli politik dikatakan melakukan angkara seperti penipuan, penyalahgunaan kuasa, penindasan, tamak akan kuasa, dan amalan rasuah. Selain itu, masalah kasta dan arak yang menjadi masalah serius dalam kalangan kaum India turut digambarkan oleh penulis dengan jelas.

Pengkaji berpendapat bahawa sikap dan sifat masyarakat yang ditonjolkan melalui watak-watak dalam novel ini membawa kesedaran kepada kaum India. Menurut pengkaji, kelebihan kajian ini ialah penulis berjaya menyelitkan mesej kepada pembacanya secara umum dan kaum India secara khusus supaya menjalani kehidupan mengikut kemampuan diri masing-masing dan mengelakkan sifat boros. Dari perspektif kelemahan pula, pengkaji telah gagal memberi contoh yang relevan untuk membuktikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa novel Tamil Malaysia berkembang dengan pesat ekoran perkembangan pesat media surat khabar pada ketika itu.

Sementara itu, Nomer, G. B. membuat kajian bertajuk *Realism In Gustave Flaubert's Madame Bovary* pada tahun 2001. Kajian peringkat sarjana ini dihasilkan di Universiti Sanata Dharma di Yogyakarta, Indonesia. Pengkaji membincangkan novel *Madame Bovary* karya novelis realisme iaitu Gustave Flaubert. Pengkaji menganalisis ciri-ciri realisme dan pemikiran realisme yang terdapat dalam novel ini. Pengkaji menggunakan pendekatan moral dalam kajiannya. Beliau membuktikan bahawa novel *Madame Bovary* digolongkan sebagai karya realisme.

Mathiyalagan dari Jabatan Pengajian Tamil Luar Negara, Universiti Tamil Tanjavore, Tamil Nadu, India, telah membuat kajian bertajuk *Malaycia Tamil Nāvalkaḷ - Ōr Arimukam (Novel Tamil Malaysia- Satu Pengenalan)* pada tahun 1985 untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah. Dalam kajian ini, pengkaji membincangkan asal usul dan perkembangan genre novel Tamil di Malaysia.

Selanjutnya, kajian telah dibuat pada beberapa artikel luar negara yang ada kaitan dengan tajuk kajian. Mathavan, S. dari Kolej Matcimai Tanggiya Mannar, Putukottai, India telah menulis artikel bertajuk, *Indraiya Ilakkiyam: Nōkkum Pōkkum* (Kesusasteraan Masa Kini: Tujuan dan Halatuju) pada tahun 2015. Artikel ini membincangkan kesusasteraan Tamil pada masa kini yang mengalami perubahan mengikut zaman. Beliau juga mengutarakan beberapa pendekatan dan teori yang terdapat dalam bidang penulisan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesusasteraan Tamil. Antaranya ialah teori realisme. Teori realisme telah bermula di Perancis dan telah meluas ke pelbagai negara. Mathavan berpendapat teori realisme dapat membawa kepada perubahan fikiran dalam kalangan masyarakat.

Ramasamy, A. dari Universiti Manonmaniam Sundaranar, Tirunelveli, India telah menulis artikel yang bertajuk *Tamil̲il Etārta Ilakkiya Pōkkukaḷ* (Aliran sastera realisme dalam bahasa Tamil) pada tahun 2007. Artikel ini menampakkan trend sastera dalam bahasa Tamil pada masa kini. Antaranya aliran sastera klasik, aliran romantisme, aliran naturalisme dan aliran sastera realisme. Beliau membincangkan aliran realisme secara terperinci. Aliran realisme menolak unsur khayalan dan imaginasi. Realisme menceritakan kehidupan harian masyarakat kelas bawah dan watak sebenar yang wujud pada zaman itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Artikel *Ravindran, C. R. Nāvalkaḷil Naṭappiyal Ne̲ri* (Realisme dalam novel Ravindran, C. R.) telah dihasilkan oleh Jothimani, Mu. pada tahun 2005. Artikel ini membincangkan unsur realisme yang dipaparkan oleh penulis Ravindran, C. R. dalam novelnya *veyilma̲lai*. Novel *veyilma̲lai* menggambarkan kehidupan sebenar masyarakat *Boyer* yang bekerja sebagai pemecah batu kuari di negara India. Mereka menghadapi pelbagai masalah seperti tiada pendidikan, kemiskinan, tidak mendapat gaji yang setimpal dengan kerja, penindasan majikan, gangguan seksual pada wanita, kedudukan sosioekonomi yang rendah dan masalah minuman keras.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengarang novel menonjokan dua watak iaitu Murugesan dan Shanmugam yang berjaya memecahkan tradisi masyarakat Boyer ini. Mereka adalah masyarakat Boyer yang berpendidikan dan bekerja di kilang simen. Kedudukan sosioekonomi Shanmugam dan Murugesan meningkat serta mengubah kehidupan mereka. Hal ini membuka mata masyarakat Boyer. Mereka mula sedar akan kepentingan pendidikan untuk anak mereka.

Seterusnya, kajian dibuat pada beberapa jurnal luar negara yang ada kaitan dengan tajuk kajian. Glick, C. E. telah menghasilkan jurnal yang bertajuk *The Changing Positions of Two Tamil Groups in Malaysia 'Indian' Tamils and 'Ceylon' Tamils* pada tahun 1968. Jurnal ini membincangkan perbezaan antara masyarakat Tamil (kaum India) dan masyarakat Tamil (kaum Ceylon) di Malaysia. Jurnal ini juga mengkaji asal-usul kedatangan masyarakat ini. British membawa masuk masyarakat Tamil dari Tamil Nadu dan masyarakat Ceylon dari Sri Lanka. Terdapat perbezaan antara kedua masyarakat ini dalam aspek taraf pendidikan, gaji yang berbeza, kawasan penempatan, penguasaan dalam bahasa Inggeris dan asal-usul keluarga.

Kowsalya Duraisamy pula menghasilkan jurnal bertajuk *Standard of Living of the Indian Origin Tamils in the Sri Lankan Estate Sector* pada tahun 2014. Beliau membincangkan masalah pekerja India di bandar. Hal ini termasuklah masalah gaji yang rendah, tahap pendidikan yang rendah, simpanan wang yang rendah dan mobiliti pekerjaan yang rendah. Beliau merumuskan bahawa pekerja India di bandar berkemungkinan besar dipinggirkan. Justeru, mereka menjadi golongan yang miskin, jika dibandingkan dengan golongan Melayu dan Cina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jurnal bertajuk *A Theory of Literary Realism* telah dihasilkan oleh Ali Taghizadeh pada tahun 2014. Jurnal ini membincangkan sejarah kesusasteraan realisme moden. Sastera realisme Amerika lebih mengfokuskan kepada peristiwa semasa yang berlaku. Mark pula menyifatkan realisme sebagai keadaan sosial semasa. Realisme James pula berdasarkan kepada perkembangan psikologi watak utama. Beliau membincangkan realisme dalam novel English khususnya novel Daniel Defoe, Henry James, realisme dalam novel Amerika, dalam novel William Dean Howells dan novel Mark Twain.

2.3 Kesimpulan

Kajian-kajian peringkat Ijazah Falsafah Kedoktoran dan Ijazah Sarjana yang dijalankan di dalam negara dan di luar negara membuktikan bahawa banyak kajian mengenai novel Tamil Malaysia dan novel lain pernah dijalankan. Sebenarnya, kajian-kajian ini berjaya memberi gambaran mengenai beberapa aspek dan perkembangan mengenai novel secara umum dan novel Tamil Malaysia secara khusus.

Namun demikian, kajian yang bertajuk ‘Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam novel Tamil Malaysia’ ini merupakan kajian tentang kehidupan masyarakat Tamil ladang berdasarkan novel Tamil Malaysia dengan menggunakan teori realisme. Didapati kebanyakan kajian yang dijalankan adalah mengenai sosioekonomi kaum India di Tanah Melayu. Maka, pengkaji mengisi lompang dengan mengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang berdasarkan teori realisme; dalam novel-novel Tamil.

Sebagai kesimpulan, pengkaji ingin membuka lembaran baru dengan menjalankan kajian tentang kehidupan masyarakat Tamil ladang yang terpapar dalam novel Tamil di Malaysia. Justeru, pengkaji memilih tajuk ‘Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam NTM’ untuk mengendalikan kajian ini. Melalui kajian ini, sumbangan idea mengenai kehidupan masyarakat Tamil ladang yang dicerminkan dalam novel Tamil dapat ditonjolkan demi manfaat generasi akan datang.

Golongan ini mungkin tidak pernah melalui dan merasai suasana serta pengalaman hidup di ladang seperti yang digambarkan dalam novel-novel yang dikaji. Namun, sekurang-kurangnya berpeluang untuk menghayati suasana dan keadaan hidup di ladang termasuk keperitan, penderitaan, cabaran, rintangan dan penindasan yang dialami oleh nenek-moyang mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pendahuluan

Metodologi merupakan set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian atas sesuatu subjek kajian yang tertentu. Kaedah kajian atau metodologi merupakan aspek penting dalam memastikan kajian tersebut dijalankan mengikut kaedah dan prosedur yang betul. Metodologi kajian merupakan bahagian yang perlu diperjelas dan dihujah dengan yakin. Justifikasi pemilihan sesuatu kaedah, teknik dan prosedur perlu diterangkan dengan jelas dan harus mempunyai logik yang boleh diterima (Othman Lebar, 2014). Selain itu, metodologi kajian juga boleh digunakan untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai berlandaskan data sah dan dipercayai (Mohd Najib Abdul Ghaffar, 1999). Dalam bab ini,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidik akan membincangkan reka bentuk kajian, kerangka kajian, kaedah kajian, kaedah pengumpulan data dan teori kajian.

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian boleh dinyatakan sebagai kerangka yang digunakan untuk sesuatu penyelidikan bagi tujuan mengumpul dan menganalisi data (Bryman, A. 2008). Manakala Sabitha Marican, S. (2006), berpendapat rekabentuk kajian ialah pelan tindakan yang menghuraikan kaedah sebuah penyelidikan secara terperinci. Creswell, J. W. (2009) pula menyatakan rekabentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan kaedah kajian. Selain itu, Robinson, C. (2011), berpendapat, rekabentuk kajian berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan komponen tujuan, teori, persoalan kajian dan kaedah kajian. Tujuan rekabentuk penyelidikan disediakan ialah supaya menjadi panduan dalam menjawab persoalan-persoalan penyelidikan (Kerlinger, F. N.1973).

Menurut Othman Lebar (2014), penyelidikan kualitatif boleh didefinisikan sebagai satu proses inkuiri untuk memahami masalah sosial atau masalah manusia, berdasarkan kepada gambaran yang menyeluruh dan kompleks. Penyelidikan ini dibuat melalui pandangan informan yang mendalam serta dalam keadaan yang sebenar dan semula jadi. Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka tingkah laku, perspektif, perasaan dan pengalaman manusia dan apa yang terdapat dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kehidupan mereka. Metodologi kualitatif juga berguna dalam meneroka perubahan atau konflik. Asas penyelidikan kualitatif terletak pada pendekatan interpretif terhadap realiti sosial dan dalam deskripsi tentang pengalaman hidup manusia.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mengkaji lima aspek sosioekonomi masyarakat dengan menggunakan teori realisme (Ian Watt) dan teori kesusasteraan Wellek dan Warren; dalam mengkaji novel Tamil Malaysia berdasarkan objektif kajian. Kaedah yang digunakan memberi keutamaan kepada penerangan. Kajian dalam bidang ini biasanya memberikan penerangan, interpretasi atau makna kepada sesuatu proses komunikasi.

Kaedah ini memberi keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum. Penyelidikan kualitatif tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Dalam usaha mengkaji kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM pengkaji menggunakan kaedah penelitian kualitatif. Kaedah ini menganalisis data kajian secara deskriptif. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Kerangka Kajian

Rajah 3.1 menunjukkan kerangka kajian bertajuk "Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam Novel-Novel Tamil Malaysia (NTM)". Kerangka kajian ini dibahagikan kepada lima aspek sosioekonomi iaitu pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur. Seterusnya, tiga objektif kajian digunakan untuk meneliti kelima-lima aspek tersebut. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Teori kajian yang dipilih ialah teori realisme (Ian Watt) dan teori kesusasteraan Wellek dan Warren. Teori realisme diaplikasi dalam tujuh buah novel Tamil Malaysia yang terpilih. Teori kesusasteraan Wellek dan Warren pula digunakan untuk mengkaji unsur ekstrinsik. Selanjutnya, analisis data dilakukan. Akhir sekali, rumusan dapatan kajian, implikasi dan cadangan dibuat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1. Kerangka Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Kaedah Kajian

Kajian ini ialah kajian analisis deskriptif. Kaedah ini digunakan untuk memberi gambaran yang menyeluruh mengenai teori realisme (Ian Watt) dan teori kesusasteraan Wellek & Warren dalam novel Tamil Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini telah digabungkan dengan dua kaedah secara bersepadu iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Kaedah kepustakaan digunakan untuk memperoleh maklumat yang sesuai dan diperlukan melalui buku, majalah, jurnal, artikel, akhbar, penulisan ilmiah, kertas kerja dan tesis. Bahan rujukan visual seperti bahan daripada internet juga turut digunakan untuk mengukuhkan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Kaedah Kajian Kepustakaan

Kaedah kepustakaan ialah satu laporan penilaian mengenai maklumat terpilih yang terdapat di dalam perpustakaan mengenai topik atau fokus persoalan kajian penyelidik. Ulasan ini perlu dihuraikan, diringkaskan, dianalisis, disintesis, dinilai dan dijelaskan kepustakaan yang dipilih (Lim, C. H., 2007).

Sesebuah kajian ilmiah melibatkan dua kaedah penyelidikan, iaitu kajian kepustakaan dan kaedah analisis teks. Dalam konteks ini, kaedah kepustakaan amat sesuai digunakan bagi tujuan penyelidikan ini kerana kajian ini dibuat berdasarkan teks-teks serta bahan-bahan yang sudah diterbitkan. Kajian kepustakaan ini dijalankan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuat rujukan tentang definisi istilah yang terdapat dalam tajuk yang dikaji. Di samping itu, kajian kepustakaan juga bertujuan untuk mencari kajian literatur penulis-penulis atau pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Antara bahan yang diperoleh adalah seperti buku, bahan ilmiah, tesis, majalah, jurnal, artikel, bahan daripada laman web internet, dan bahan-bahan rujukan daripada sumber yang lain.

Banyak perpustakaan telah dikunjungi oleh pengkaji dalam usaha mencari maklumat untuk menyempurnakan kajian ini. Tujuan utama kunjungan ini adalah mengumpulkan bahan-bahan lama dan baru yang berguna untuk kajian yang akan dijalankan. Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah Perpustakaan Tun Abdul Razak di Ipoh, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak di Tambun, Perpustakaan Daerah Taiping, Perpustakaan Tuanku Bainun Univerisiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia dan Perpustakaan *Muttamiḻ Paṭippakam* (Perpustakaan Khas bagi Buku-Buku Tamil di Sentul) di Kuala Lumpur.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan bahan-bahan rujukan sampingan yang diperoleh dari laman web. Pengkaji merujuk kepada latihan ilmiah pengkaji-pengkaji lepas. Rujukan bahan-bahan tersebut banyak membantu pengkaji dari segi ilmu pengetahuan dan menjadi panduan bagi menyiapkan tesis ini. Pengkaji juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan pelbagai jenis buku dari dalam negara dan di luar negara mengikut tahun-tahun penerbitan yang terdahulu hingga sekarang.

3.4.2 Kaedah Analisis Teks

Menurut Sulaiman Masri (2005), kaedah analisis teks (kandungan) digunakan untuk mengkaji kandungan bertulis seperti buku teks, novel, rencana pengarang, diari serta kandungan lisan seperti ucapan dan wawancara secara lebih objektif, sistematik dan kuantitatif. Analisis teks ini juga bertujuan meneroka tema dan persoalan dalam bahan kajian tersebut. Selain itu, analisis teks ini menitikberatkan kawalan dan keadaan semula jadi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah analisis teks yang merangkumi analisis kandungan digunakan sebagai kaedah penyelidikan. Kaedah analisis kandungan bertujuan untuk menganalisis realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam novel Tamil Malaysia. Kajian ini dilakukan berdasarkan sumber asal, iaitu teks novel yang bercirikan kehidupan masyarakat Tamil ladang dan sudah pun diterbitkan. Novel-novel yang telah diterbitkan antara tahun 1971 hingga tahun 2013 digunakan sebagai sumber asal bagi memenuhi objektif kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data dibuat melalui kaedah analisis teks. Seterusnya kaedah analisis teks dilakukan melalui pembacaan data, pemilihan data dan pembahagian data.

3.5.1 Kaedah Analisis Teks

Kaedah pengumpulan data ialah teknik yang digunakan bagi tujuan mengumpul dan memperoleh data yang dianalisis dalam sesuatu kajian (Johnson, B. dan Christensen, L., 2000). Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah analisis kandungan yang dilakukan secara kualitatif. Kaedah ini digunakan untuk mengkaji kandungan teks secara lebih objektif dan sistematik. Terdapat tiga langkah penting dalam kaedah analisis teks, iaitu pembacaan, pemilihan dan pembahagian data.

3.5.1.1 Pembacaan data

Pengkaji telah membaca dan meneliti novel yang diterbitkan antara tahun 1971 hingga tahun 2013. Seterusnya, pengkaji telah memilih tujuh buah novel yang dijadikan bahan kajian. Hal ini kerana tujuh buah novel tersebut memenangi hadiah pertandingan novel yang berlatarkan kisah kehidupan ladang. Novel-novel tersebut bercirikan realistik yang menggambarkan latar belakang masyarakat Tamil ladang secara terperinci yang menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fokus kajian ini. Dalam proses pembacaan data, pengkaji telah berusaha untuk mengenal pasti lima aspek kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam setiap novel untuk memastikan objektif kajian tercapai.

3.5.1.2 Pemilihan Data

Pemilihan data pula dibuat berdasarkan tiga objektif utama kajian, iaitu mengenal pasti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM berdasarkan lima aspek kedudukan sosioekonomi. Seterusnya, aspek realiti dalam kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dianalisis. Akhir sekali, unsur ekstrinsik dalam pemaparan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dibincangkan.

3.5.1.3 Pembahagian Data

Seterusnya, pembahagian data dibuat dengan menggunakan lima aspek kedudukan sosioekonomi, iaitu pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur. Kelima-lima aspek tersebut diteliti dalam tujuh buah novel yang dipilih. Seterusnya, teori realisme (Ian Watt) dan teori kesusasteraan Wellek dan Warren digunakan untuk melakukan pembahagian data dalam kajian ini. Hal ini telah dijelaskan pada objektif pertama, kedua dan ketiga yang diterangkan dalam bab satu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Teori Kajian

Sabitha Marican, S. (2005), menjelaskan makna teori seperti berikut. Teori ialah set pernyataan yang abstrak dan umum yang disokong oleh hipotesis yang dibuktikan. Sesuatu teori yang baik dapat menjelaskan tentang sesuatu fenomena. Ia memandu untuk mengisi jurang literatur yang dikenal pasti.

Manakala Othman Lebar (2014) pula, menyatakan teori ialah kenyataan tentang apa yang berlalu dengan fenomena yang hendak difahami. Ia bukan sahaja satu kerangka, tetapi menceritakan apa dan mengapa ia berlaku. Teori yang berguna menjelaskan cerita yang bermakna tentang sesuatu fenomena, yang memberi pemahaman baru serta memperluaskan pemahaman kita tentang fenomena tersebut.

Seterusnya, menurut Mana Sikana (2012) kerangka teoritikal adalah merupakan orientasi atau pendirian yang pengkaji bawa ke dalam kajiannya. Ia merupakan struktur, kerangka sokongan atau kerangka kajian. Teori adalah gagasan tentang definisi, konsep, prinsip, kriteria, saranan yang menjelaskan sesuatu topik.

Secara umumnya, teori ialah perkaitan antara beberapa andaian atau pernyataan yang telah diperhati ataupun dikaji secara saintifik dan didefinasikan di bawah sesuatu situasi atau syarat tertentu berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan oleh tokoh-tokoh tertentu (Mok S. S. 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah memilih teori realisme (Ian Watt) serta teori kesusasteraan Wellek dan Warren bagi menjalankan kajian ini. Dua unsur intrinsik dikaji dalam teori realisme. Manakala, tiga unsur ekstrinsik pula dikaji dalam teori kesusasteraan Wellek dan Warren. Oleh itu, pengkaji memberi penerangan mengenai teori realisme (Ian Watt) serta teori kesusasteraan Wellek dan Warren secara terperinci.

3.6.1 Teori Realisme

Menurut Abrams, M. H. (1988), dalam kamusnya, "*Glossary of Literary Terms*", istilah realisme telah digunakan oleh pengkritik sastera melalui dua kaedah yang utama. Kaedah pertama adalah untuk mengenal pasti gerakan kesusasteraan pada abad ke-19, khususnya dalam prosa fiksyen. Gerakan ini dimulakan oleh Balzac di Francis, George Eliot di England dan William Dean Howell di Amerika Syarikat. Manakala, kaedah kedua adalah untuk menggambarkan kehidupan manusia dan pengalaman sastera yang dijadikan sebagai contoh oleh penulis pada ketika itu.

Selain itu, Abrams menyatakan bahawa realisme menggambarkan peniruan kehidupan sebenar secara tepat. Penulis realisme lazimnya menggambarkan watak dari kelas pertengahan yang menjalani kehidupan biasa. Daniel Defoe merupakan novelis realisme yang pertama pada awal abad ke-18. Beliau telah menceritakan pengembaraan luar biasa Robinson Crusoe dan kehidupannya selepas kapalnya karam. Penulis-penulis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

realisme biasanya bercerita mengenai masyarakat biasa dan latar yang benar untuk meyakinkan pembaca bahawa watak tersebut pernah hidup, bercakap dan bertindak sama seperti yang digambarkan dalam novel.

Seterusnya, Baldick, C. (1990) pula berpendapat bahawa realisme ialah gambaran yang menyerupai kehidupan dunia nyata di luar teks. Hal ini biasanya dapat dikenal pasti oleh pembaca itu sendiri. Dengan menghayati sesuatu bahan sastera yang dibaca, pembaca akan membuat tanggapan bahawa watak dan peristiwa sedemikian pernah wujud dalam kehidupan sebenar. Beliau juga menegaskan bahawa realisme ialah suatu teori penulisan mengenai aspek kehidupan biasa yang digambarkan seperti seadanya. Selain itu, realisme juga membawa deskripsi yang mendalam mengenai kehidupan seharian masyarakat, khususnya golongan kelas rendah dan menengah.

Sebaliknya, Stromberg, R. N. (1968) mempunyai pandangan yang berbeza. Beliau menyatakan bahawa realisme dalam kesusasteraan bertujuan menggambarkan kesengsaraan hidup masyarakat miskin yang malang. Seterusnya, Preston, D. E. (1932), pula mendefinisikan realisme sebagai seni yang menggambarkan kenyataan yang dilihat. Oeh itu, adalah amat sukar untuk merumuskan definisi realisme berdasarkan sifat realiti dan dunia nyata (Tallis, R. 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Latar Belakang Aliran Realisme

Istilah realisme dicipta buat kali pertama pada tahun 1820, namun tidak mendapat sebarang makna dalam bidang sastera sehingga tahun 1830. Selepas itu, pertama kalinya perkataan "realisme" dipopularkan oleh seorang pelukis bernama Gustave Courbet (1819-1877) yang merupakan pengetua di salah sebuah sekolah melukis yang baru ditubuhkan di Paris pada tahun 1850 (Dow, L. H. & Skinner, P. G. 1907).

Pada awalnya, pergerakan realisme dalam bidang kesusasteraan telah mendapat inspirasi daripada lukisan yang dicipta oleh Gustave Courbet (1819-1877). Beliau merupakan pelukis Francis yang terkenal dengan lukisannya seperti "*The Stone-Beakers"*(1849) dan *"Burial at Ornans"*(1849). Courbet telah membuat satu pembaharuan dalam bidang lukisan. Beliau telah menggambarkan realiti hidup kaum pekerja dan petani dalam lukisannya. Biasanya peristiwa sejarah digunakan untuk menggambarkan sesebuah lukisan. Pendekatan Gustave Courbet yang menolak tema yang tiada kaitan langsung dengan pengalaman hidup nyata, merupakan satu penyimpangan daripada amalan pelukis-pelukis sezamannya. Selain itu, beliau telah mengadakan satu pameran lukisan yang diberikan nama "*realist*". Realisme Courbet ini telah mempengaruhi beberapa orang penulis dan pelukis di seluruh Eropah. Seterusnya, bidang lukisan telah menjadi perintis kepada pergerakan realisme. Oleh itu, Coubert merupakan pelopor usaha murni ini (Milne, I. M. 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3 Sejarah Perkembangan Realisme Sastera

Apabila realisme mula terkenal dalam bidang lukisan, banyak penulis dan pelukis di Eropah turut terpengaruh dan mula berminat terhadap pembahuruan tersebut. Ekoran daripada ini, realisme dalam bidang kesusasteraan telah diperkenalkan oleh Jules Husson Champfleury (1821-1889). Beliau diiktiraf sebagai pelopor novelis realisme Francis termasyhur pada ketika itu. Beliau terkenal dalam pemaparan watak secara jujur dan realistik dalam novelnya (Levin, H., 1951).

Pada tahun 1857, Champfleury telah menerbitkan koleksi esei bertajuk *Le Realisme.* Usaha beliau telah membuka ruang kepada aliran realisme dalam bidang kesusasteraan. Seterusnya, Edmond Duranty tertarik dengan pemikiran realisme ini. Beliau juga telah menerbitkan beberapa artikel berkaitan dengan realisme. Pada tahun 1856, beliau telah memulakan sebuah jurnal bertajuk "Realisme" (Levin, H., 1951).

"Realisme" disahkan sebagai satu pergerakan yang beraspirasi dari segi praktikal dan teori pada tahun 1857. Champfleury dan Duranty telah memberikan sumbangan besar yang tidak ternilai dalam memperkenalkan mod realisme yang baharu kepada generasi akan datang. Hal ini menjadi titik permulaan kepada pengenalan realisme dalam bidang kesusasteraan (Levin, H., 1951).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3.1 Realisme Sastera Di Eropah

Pergerakan realisme dalam bidang kesusasteraan mula berkembang di negara Francis pada pertengahan abad ke-19 lalu tersebar ke England, Rusia dan Amerika. Sastera realisme dapat digambarkan dengan jelas melalui genre novel. Banyak karya novel realisme telah dihasilkan pada ketika ini. Penulis realisme telah menggambarkan fakta sebenar dan nyata dalam karya mereka (Becker, G. J. 1980).

Penulis ini memberi keutamaan kepada watak dan gambaran yang mendalam mengenai kehidupan seharian. Penulis realisme menggambarkan pelbagai aspek isu masyarakat dengan jelas. Lantaran itu, penulis realisme biasanya menggunakan tema yang membawa masalah atau isu sosioekonomi untuk menggambarkan kehidupan masyarakat miskin (Milne, I. M. 2009).

Penulis realisme yang terkenal dalam realisme kesusasteraan Francis pada abad ke-19 ialah Honore de Balzac. Karyanya *The Human Comedy* (1842-1855) menggambarkan pelbagai peringkat masyarakat Francis secara terperinci dan tepat. Beliau mengangkat tema sosioekonomi dalam novel ini. Beliau juga telah menggambarkan watak-watak yang mewakili pelbagai struktur masyarakat Francis pada zaman itu (Milne, I. M. 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Gustave Flaubert, Emile Zola, dan Guy de Maupassant juga terkenal di Francis. Di Russia pula, penulis realisme yang terkenal ialah Ivan Turgenev, Fyodor Dostoevsky dan Leo Tolstoy. Manakala di England, Charles Dickens, George Eliot dan Anthony Trollope amat terkenal. Di Amerka Syarikat, William Dean Howells merupakan penulis realisme yang terkemuka (David, M. 2007).

3.6.3.2 Realisme Sastera Di Arab

Realisme sastera turut berkembang di tanah Arab. Antara penulis realisme yang terkenal di tanah Arab ialah Yusuf Siba'i. Novelnya "*Ard al-Nifaq*" telah membawa gambaran yang terperinci mengenai masalah masyarakat di tempatnya. Beliau turut memberikan cadangan bagi menyelesaikan masalah yang terpapar dalam karyanya. Seterusnya, dalam novel *al-Sukkariyah*, Mahfuz pula memaparkan gambaran realistik mengenai masyarakat Mesir dan masalah kehidupan mereka secara terperinci (Muzakki Akhmad, 2011).

3.6.3.3 Realisme Sastera Di Indonesia

Seterusnya, pengkaji ingin membincangkan realisme di negara Indonesia. Angkatan 45 telah ditubuhkan oleh penulis-penulis realisme Indonesia pada tahun 1945. Antara penulis realisme yang terkenal di Indonesia termasuklah Pramoedya Ananta Toer. Pramoedya Ananta Toer terkenal sebagai penulis realisme sosialis di Indonesia. Beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah menulis tentang realiti fakta dan kebenaran dalam kehidupan seharian masyarakat di Indonesia. Beliau telah menggambarkan kemiskinan dan penderitaan akibat penjajahan dan kesengsaraan yang dibawa oleh perang saudara (Koh, Y. H. 2011).

Lembaga Kebudayaan Rakyat (Lekra) telah ditubuhkan pada 17 Ogos 1950 untuk mempelopori Realisme Sosialis sebagai alat perjuangan. Organisasi ini dilhamkan oleh golongan seniman seperti D.N. Aidit, M.S. Ashar, A.S. Dharta dan Nyoto. Golongan ini lebih mementingkan realiti dan menghayati kebenaran sosialisme. Penubuhan Lekra dikatakan sebagai reaksi terhadap keadaan politik yang meruncing di Indonesia pada ketika itu (Pramoedya Ananta Toer, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, penulis realisme Andrea Hirata popular melalui karya novelnya “Laskar Pelangi”. Novel tersebut mempunyai keunikan kerana menggambarkan pengalaman dan kisahnya sendiri semasa kecil, di Belitung. Seterusnya, realiti kehidupan dan sosioekonomi masyarakat Belitung dipaparkan dalam novel ini. Di samping itu, novel ini juga mengangkat tema kurangnya peluang pendidikan kepada kanak-kanak di Belitung (Kukuh Yudha Karmanta, 2018).

Seterusnya, penulis realisme Ayu Utami pula terkenal melalui novelnya “Saman” Novel ini telah dihasilkan berdasarkan pengalamannnya sendiri ketika menjadi wartawan dan aktivis. Novel ini merupakan refleksi kehidupan masyarakat khususnya wanita ketika negara dijajah. Wanita yang digambarkan dalam novel ialah gambaran wanita sebenar di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Indonesia; pada tahun 90-an yang digambarkan lebih berani dan bersikap terbuka (Norhayati Abdul Rahman, 2014).

3.6.3.4 Realisme Sastera Di India

Pergerakan realisme telah turut mempengaruhi dunia penulisan karya fiksyen di negara India. Kebangkitan sastera realisme yang pertama muncul di Bengal dan terus berkembang ke Madras, Bombay dan ke tempat-tempat lain di India. Bankim Chandra Chatterjee menjadi perintis kepada ciptaan novel yang berteraskan unsur realisme. Antara novelnya yang memaparkan realisme ialah "*Rajmohan's wife*", "*Anandmath*" dan "*Devi Chaudharani*" dan novel-novel lain lagi (Srinivasa Iyengar, K.R. 1962).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Realiti hidup masyarakat India dari aspek agama, budaya, sosial dan ekonomi digambarkan secara terperinci dan seadanya dalam novel-novel di India. Ramai novelist realisme masyarakat Punjabi yang muncul pada ketika itu terdiri daripada Raj Lakshi, Toru Dutt, Kali Krishna, Kshetrapal Chakravarti, R.K.Narayan, Rabindranath dan Sarat Chandra Chaterjee. Novelis-novelis ini telah memaparkan kehidupan sebenar yang dilalui oleh masyarakat kelas rendah di India (Srinivasa Iyengar, K.R. 1962).

Sementara itu, novelis Tamil di India juga turut menyumbangkan karya realisme. Antara penulis realisme masyarakat Tamil yang termasyur di negara India ialah Sinnabarathi, K., Jayaletchumi, C., Ravindran, R., Pooranasanthiran, S., Veerasamy, N.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

V. dan ramai lagi. Penulis realisme ini telah memamparkan realiti hidup masyarakat India dari aspek sosial, ekonomi, politik, budaya dan agama (Ramasamy, A. 2014).

3.6.3.5 Realisme Sastera Di Malaysia

Realisme sastera mula berkembang di Malaysia dan Singapura apabila diterapkan oleh pengarang dan penyair ASAS 50. Pengarang ASAS 50 memperjuangkan keadilan sosial. Lantaran itu, karya mereka biasanya bertemakan isu kemasyarakatan. Antara isu sosial yang termuat dalam novel mereka ialah ketidakadilan sosial, darurat dan nasionalisme. Penulis realisme ini memberi keutamaan kepada golongan masyarakat miskin yang tertindas (Mana Sikana, 2013b).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persatuan ASAS 50 atau nama penuhnya Angkatan Sasterawan 50 ditubuhkan pada 6 Ogos 1950. Penubuhan ASAS 50 telah diilhamkan oleh Mohd.Arif Ahmad (MAS) di Singapura. Ahli-ahlinya bertujuan memperkembangkan bidang bahasa dan sastera Melayu, di samping mempertingkatkan martabat sastera dan budaya. Antara penulis ASAS 50 yang profilik ialah Masuri S.N., Usman Awang, Abdul Wahab Muhammad (Awamil-Sirkam), Wijaya Mala, A.Samad Said Ismail, Kamaluddin Muhammad (Keris Mas), Munir Ali (Rosmera), Muhammad Ariff Ahmad (MAS), Jah Lelawati, Noor S.I., A.S.Amin dan Jimmy Asmara (Mana Sikana, 2013b).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ASAS 50 membawa aliran baharu, iaitu realisme dalam perkembangan bahasa dan sastera. Realisme ialah aliran sastera yang memperjuangan isu dan masalah masyarakat. Oleh itu, kumpulan ini berpegang kepada falsafah "Seni Untuk Masyarakat". Di Malaysia, nama Shahnon Ahmad tidak asing lagi dalam bidang penulisan sastera realisme. Karya Sasterawan Negara Shahnon mencerminkan realisme dari aspek kemunduran dan kemiskinan masyarakat melayu. Malah, novel-novelnya memaparkan kisah penderitaan golongan desa, terutama kaum tani dan menuntut pembangunan untuk golongan ini. Novel Rentung dan Ranjau sepanjang jalan merupakan novel realisme yang terkenal dan dikagumi. Beliau memaparkan realiti sezaman dan memaparkan watak sebenar yang mengalami keperitan dan menempoh pelbagai rintangan dalam meneruskan kehidupan pada ketika itu (Mohd.Yusof Hasan, 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Aminah Mokhtar merupakan novelis realisme era ke-20. Beliau telah memaparkan realiti masyarakat Melayu yang hidup berpuak-puak dan mempunyai sifat asabiyah yang kental. Novelnya,"Iman Markisa" memaparkan masalah sosial masyarakat yang merupakan suatu realiti di kampung Kiambang. Antara masalah sosial yang terpapar dalam novel beliau ialah najis dadah, ajaran sesat, berjudi, minum arak, bersabung ayam dan sebagainya. Di samping itu, Aminah juga mengimbas kembali sejarah masa silam tanah air seperti perjuangan Abdul Rahman Limbong dan Datuk Bahaman (Berita Harian, 8 Mei, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, Zainal Rasyid turut melakar nama dalam penulisan realisme di Malaysia. Zainal telah menghasilkan " Empunya Hikayat" yang menghimpunkan 13 buah cerpen yang memperlihatkan ciri-ciri karya realisme baru. Karyanya "Empunya Hikayat" itu dibahagikan kepada dua fasa. Frasa pertama terdiri daripada lima buah cerpen dekad yang lepas. Manakala, fasa kedua terdiri daripada lapan buah cerpen dekad mutakhir. Fasa pertama menggambarkan realisme baharu dalam bentuk primitif, iaitu berasaskan keaslian budaya (Berita Harian, 9 Ogos, 2014).

Manakala, fasa kedua disajikan dengan gaya dan bentuk yang berteraskan realiti sejarah. Realiti yang digambarkan adalah berdasarkan realiti kenyataan yang sebenarnya. Realisme baharu yang dibawa oleh Zainal adalah bertujuan mengkritik persekitaran sosiopolitik demi memperjuangkan hak dan kepentingan masyarakat. Sebenarnya, karya beliau telah membawa kefahaman baharu mengenai kehadiran realisme dalam sastera Malaysia. Di samping itu, terdapat beberapa orang penulis yang menggerakkan realisme baharu ini termasuk novelis profilik Jasni Matlani melalui kumpulan cerpennya Laron (Berita Harian, 9 Ogos, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3.6 Realisme Sastera Tamil Di Malaysia

Novel-novel Tamil yang dicipta oleh pengarang pada era 90-an mengangkat tema sosial dan ekonomi. Maka pengarang menggunakan penulisan realisme dalam ciptaan novel-novel tersebut. Pengarang memaparkan realiti kehidupan dan masalah masyarakat India ketika itu. Antaranya ialah novel *Ilaṯciyap Payaṇam, Tuyara Pātai, Maṇpulukkaḷ, Cemmaṇṇum Nîla Malarkaḷum, Selancar Empat, Noiva Pūkkaḷ* dan lain-lain lagi (Sabapathy, V. 1995b).

3.6.4 Realisme Dan Novel Mengikut Ian Watt.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watt, I. (1957), dalam bukunya "*The Rise of the Novel*" telah membincangkan mengenai realisme dan novel. Beliau mentakrifkan realisme sebagai ciri yang membezakan karya novel pada awal abad ke-18 daripada karya fiksyen sebelum itu. Menurutnya lagi, sesebuah novel dianggap realistik sekiranya berusaha menggambarkan pengalaman manusia dari pelbagai aspek. Watt, I. percaya bahawa realisme dalam novel tidak bergantung kepada jenis kehidupan yang digambarkan, sebaliknya bergantung kepada cara kehidupan itu dihuraikan.

> *" The novel's realism does not reside in the kind of life it presents, but in the way it presents it" (Ian Watt, 1957. pg.37).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Ian Watt juga menegaskan beberapa aspek yang perlu diutamakan dalam sesebuah novel realisme. Antaranya ialah watak dan latar, khususnya latar masa dan tempat. Dalam konteks kajian ini, pengkaji juga turut memilih watak dan latar sahaja. Latar akan difokuskan kepada latar masa dan tempat. Hal ini selari dengan penjelasan Ian Watt bahawa salah satu ciri novel ialah huraian yang realistik atau terperinci, terutamanya mengenai penggambaran watak dan latar.

> *One of the hallmark of the novel is particularity of description or realistic particularly especially concerning the presentation of character and background (Watt, I. 1957. pg.17).*

Di samping itu, novel juga dibezakan daripada bentuk fiksyen yang lain apabila keutamaan diberikan kepada perwatakan individu dan huraian terperinci akan persekitaran mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *The novel is distinguished from othe forms of fiction by the amount of attention it habitually accords, both of the individualisation of its characters and to the detailed presentation of their environment (Watt, I.1957. pg.18).*

Seterusnya, Locke, J. (1803) pula berpendapat bahawa watak dalam sesebuah novel hanya boleh dihuraikan secara individu sekiranya ditetapkan latar masa dan tempat yang tertentu. Maka, Ian Watt merumuskan novel sebagai peniruan kehidupan manusia mengikut falsafah realisme dalam usaha untuk memastikan dan melaporkan kebenaran atau perkara nyata.

> *The novel's imitation of human life "follows the procedures adopted by philosophical realisme in its attempt to ascertain and report the truth"(Watt, I. 1957, pg.31).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, George, G. (1961), melalui kajiannya merumuskan bahawa salah satu keperluan penulis realisme terdahulu adalah menggambarkan watak individu yang telah dikenali dalam kehidupan mereka. Penulis menggunakan watak tersebut tanpa mencipta watak baru. Oleh itu, terdapat persamaan antara pendapat Watt, I. dengan George. Menurut Watt, I. watak digambarkan dengan nama sama seperti yang dikesan dalam kehidupan sebenar.

> *Presenting a character as a particular individual by naming him exactly the same way as particular individual are named in ordinary life (Watt, I. 1957, pg.18).*

Unsur intrinsik terdiri daripada plot, watak, perwatakan, sudut pandangan dan latar. Pengkaji hanya memilih dua unsur sahaja, iaitu watak dan latar. Seterusnya, kedua-dua unsur ini disesuaikan dengan unsur-unsur realisme yang terpapar dalam novel-novel dikaji berasaskan cadangan Watt, I. Pengkaji menggunakan dua unsur yang penting dalam pemaparan realisme dalam novel, iaitu watak dan latar.

Pendapat Watt, I. ini turut dapat diperhatikan dalam bab satu bukunya yang bertajuk "*Realisme and the Novel Form*". Beliau menyatakan bahawa unsur utama dalam novel ialah gambaran watak dan latar, khususnya latar masa dan waktu. Menurut beliau, satu keistimewaan dalam sesebuah novel ialah penggambaran yang terperinci dan realistik mengenai watak dan latar. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah memilih dua unsur intrinsik iaitu watak dan latar. Seterusnya, watak dan latar yang terpapar dalam novel-novel yang menjadi bahan kajian ini disesuaikan mengikut unsur realistik yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membina sesebuah novel yang dicadangkan dalam buku Watt, I. Pengkaji akan membincangkan unsur watak dan latar itu secara terperinci.

3.6.4.1 Watak

Watak dibahagikan kepada watak utama, watak sampingan, watak statik dan watak dinamik (Di Yanni, R. 2001). Watak yang terpenting dalam sesebuah cerita ialah watak utama yang bersifat protagonis, iaitu watak yang sentiasa menjalankan aksi dan tindakan positif, baik dan disenangi oleh watak-watak lain. Manakala, antagonis pula merupakan watak yang bertentangan dengan protagonis. Konflik yang berlaku antara protagonis dengan antagonis akan menghasilkan konflik dalam sesebuah cerita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, watak sampingan pula membantu watak utama. Watak utama dan watak sampingan yang statik tidak akan mengalami perubahan sepanjang cerita. Sebaliknya, watak dinamik merupakan watak yang menunjukkan perubahan tingkah laku, sikap dan tujuan sepanjang cerita. Watak ini tidak mempunyai perkaitan dengan watak-watak lain.

Sementara itu, Birkert, S. P. (1993) pula mengemukakan definisi watak yang berbeza. Beliau menyatakan bahawa watak sebagai orang yang dibayangkan dalam cerita dan dibacakan dalam halaman buku. Pierre, L. (1984), menjelaskan bahawa watak dalam sesebuah cerita merupakan watak yang biasanya dilihat dalam kehidupan seharian. Watak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ialah manusia yang digambarkan dalam sebuah karya sastera (Gill, R. 1997). Karya sastera ialah refleksi kehidupan pengarang dan juga refleksi kehidupan watak dalam karyanya (Guerin, 2005).

Walaupun terdapat pelbagai watak, namun pengkaji tidak memilih semua jenis watak. Watak yang dipilih daripada novel ialah watak yang menggambarkan lima aspek kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil di ladang. Pemilihan watak adalah berdasarkan kepada keperluan aspek kedudukan sosioekonomi seperti pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.4.2 Latar

Di Yanni, R. (2001), menyatakan bahawa latar merupakan dunia sesebuah cerita. Tempat dan masa dalam cerita ditetapkan oleh pengarang. Manakala, Gill, R. (1997) pula berpandangan bahawa latar ialah tempat berlakunya peristiwa tertentu. Brooks, C. (1952) pula menjelaskan bahawa latar ialah latar belakang fizikal yang merupakan elemen utama dalam sesebuah cerita. Sementara itu, Wellek, R. dan Warren, A. (1948), mempunyai pandangan yang berbeza. Menurut Wellek, latar ialah persekitaran yang dilihat. Menurut Nurgiyantoro, B. (2010), latar dibahagikan kepada tiga, iaitu latar masa, tempat dan sosial. Dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya memilih latar masa dan tempat sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.4.3 Ciri-ciri Realisme

Milne, I. M. (2009) telah menggariskan beberapa ciri realisme. Antara ciri tersebut ialah gaya penulisan naratif, latar, watak dan tema. Penulisan gaya naratif merujuk kepada cara sesebuah cerita disampaikan. Ramai penulis realisme cuba menggambarkan realiti secara objektif dan tepat. Milne mengambil contoh penulis realisme, khususnya penulis Francis seperti Balzac, Flaubert, Zola dan Maupassant. Penulis-penulis ini menerangkan sesuatu elemen secara jelas dan terperinci dengan menggunakan istilah yang tepat dalam novel mereka.

Sebenarnya, latar merupakan elemen yang penting dalam sastera realisme. Penulis realisme berusaha untuk mendokumentasikan setiap aspek budaya kontemporari mereka sendiri menerusi pernyataan yang tepat serta latar yang spesifik. Penulis realisme memberi perhatian khusus kepada penggambaran tepat mengenai pekerjaan dan keadaan hidup watak dalam setiap lapisan masyarakat (Milne, I. M. 2009).

Lantaran itu, penulis memilih latar seperti bandar dan kawasan terpencil yang berkaitan dengan segenap lapisan masyarakat. Penulis realisme memaparkan keadaan hidup dan pekerjaan petani di kawasan pedalaman di seluruh Eangland secara terperinci. Penulis juga menggambarkan peristiwa sejarah yang berlaku pada abad ke-18 dan 19. Penulis realisme Charles Dicken telah menghasilkan novel sejarah bertajuk "*A Tale of Two Cities*" yang berlatarkan London dan Paris sebelum dan semasa revolusi Francis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga dengan karya "*War and Peace*" yang dicipta oleh Leo Tolstoy, seorang penulis Rusia termashyur. Novel ini dianggap sebagai karya sastera unggul dalam kesusasteraan dunia dan salah sebuah hasil karya terbaiknya. Novel ini menceritakan sejarah pencerobohan Perancis ke atas Rusia dan kesan era Napoleon atas masyarakat Tsarist di Rusia pada awal tahun 1800.

Ramai penulis realisme terkenal dengan penciptaan watak yang menggambarkan pelbagai lapisan masyarakat. Misalnya, novelis realisme Francis yang terkenal, Balzac telah menggambarkan setiap aspek masyarakat Francis dalam novelnya "*The Human Comedy".* Watak yang dipaparkan dalam novel ini dicipta daripada pelbagai latar sosioekonomi masyarakat yang wujud ketika itu (Milne, I. M. 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salah satu tema yang lazimnya diutarakan oleh penulis realisme ialah konflik kelas sosioekonomi. Ramai penulis berusaha menggambarkan watak daripada pelbagai tahap masyarakat dan perbezaan antara orang kaya dengan orang miskin. Seterusnya, penulis juga menggambarkan latar tempat pada zamannya secara tepat dan terperinci. Selain itu, tema moral biasanya digunakan oleh penulis dalam karya mereka. Penulis realisme juga memberi tumpuan kepada tema kehidupan berkeluarga dalam pelbagai peringkat masyarakat (Milne, I. M. 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.4.4 Ciri-ciri Novel Realisme

Menurut Bucher, K. dan Manning, M. L. (2006), terdapat beberapa ciri novel realisme yang menggambarkan novel realistik yang baik. Antaranya ialah novel realisme mencerminkan kehidupan sebenar manusia berdasarkan pengalaman seharian. Novel realisme juga memberi keutamaan kepada cara menangani masalah kekeluargaan. Pada dasarnya, novel realisme yang baik berfokus kepada masalah masyarakat dan cabaran yang dihadapi oleh mereka.

Watak yang digambarkan dalam novel realisme mestilah berkaitan dengan kehidupan sebenar yang membawa gambaran tepat mengenai keadaan masyarakat semasa. Peristiwa yang berlaku di sekitar sesuatu latar tempat dan masa tertentu dalam novel mencerminkan budaya serta kedudukan sosial dan ekonomi masyarakat tertentu pada suatu masa tertentu (Bucher, K. dan Manning, M. L. (2006).

3.6.5 Teori Kesusasteraan Wellek dan Warren

Kesan unsur ekstrinsik dikaji dengan menggunakan teori Kesusasteraan Wellek, R. dan Warren, A. (1948). Teori ini menggariskan lima unsur ekstrinsik. Namun, pengkaji hanya memilih tiga unsur ekstrinsik sahaja, iaitu biografi pengarang, masyarakat persekitaran pengarang dan pemikiran pengarang. Hal ini adalah kerana ketiga-tiga unsur ini sesuai dan menepati kajian yang dibuat oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati bahawa semua penulis novel yang dipilih untuk kajian ini memaparkan gambaran bahawa anggota masyarakat Tamil ladang telah berada pada tahap sosioekonomi yang rendah serta berdepan dengan kehidupan yang serba kekurangan. Kelima-lima aspek yang berkaitan dengan kedudukan sosioekonomi turut memperlihatkan status masyarakat Tamil yang rendah. Lantaran itu, masyarakat ini tidak berpeluang mempertingkatkan status kehidupan mereka. Kekangan memperoleh peluang pekerjaan, pendapatan dan pendidikan serta kesukaran menikmati kemudahan kesihatan dan infrastruktur menjadi penghalang kepada usaha peningkatan kedudukan sosioekonomi mereka.

Oleh itu, unsur ekstrinsik dikaji dengan menggunakan teori Kesusasteraan Wellek, R. dan Warren, A. (1948). Teori ini menggariskan lima unsur ekstrinsik. Unsur tersebut ialah sastera dan biografi pengarang, sastera, psikologi, masyarakat persekitaran pengarang, pemikiran pengarang serta karya seni. Namun, pengkaji hanya memilih tiga unsur ekstrinsik sahaja, iaitu biografi pengarang, masyarakat persekitaran pengarang dan pemikiran pengarang kerana bersesuaian dan menepati tajuk kajian. Tiga unsur ini sesuai untuk mengkaji kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.5.1 Biografi Pengarang

Aspek biografi pengarang akan membincangkan latar belakang, asal-usul, persekitaran dan pendidikan pengarang. Biografi pengarang memainkan peranan yang penting dalam penggambaran watak dalam novelnya. Menurut Wellek, R. dan Warren, A. (1948), biografi menggambarkan keperibadian dan kehidupan pengarang. Selain itu, biografi juga merefleksikan kepintaran, moral, keintelektualan dan emosi pengarang. Wellek juga menegaskan bahawa penulisan seseorang pengarang berfokus kepada peristiwa sebenar yang berlaku dalam kehidupan sendirinya. Pengarang juga akan merujuk kepada pelbagai dokumen dan surat sebagai eviden nyata (saksi mata). Pengarang juga mungkin merealisasikan impiannya dengan menggambarkan kehidupannya sendiri ataupun menggunakan topeng untuk mencerminkan kehidupan orang tertentu.

> *Dream of an author to show his actual life, or it maybe the 'mask' the 'anti-self' behind which his real person is hiding (Wellek, R. & Warren, A. 1948.p.6).*

3.6.5.2 Masyarakat Persekitaran Pengarang

Menurut Wellek, R. dan Warren, A. (1948), sastera merupakan wadah yang mencerminkan institusi sosial. Karya sastera meniru dunia subjektiviti manusia. Wellek berpendapat perhubungan antara sastera dengan masyarakat dapat dikaitkan dengan frasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

De Bonald, iaitu sastera ialah gambaran masyarakat (*Literature is an expression of society*). Karya sastera dikatakan meniru kehidupan manusia yang berteraskan realiti dan subjektiviti individu.

Sesungguhnya, kesusasteraan mempunyai hubungan yang rapat dengan institusi sosial seperti masyarakat. Dalam sesebuah karya novel, pengarang menggambarkan kehidupannya sendiri kerana beliau mewakili masyarakat zamannya. Wellek menambah lagi, pembaca moden memperoleh maklumat penting mengenai masyarakat daripada bahan bacaan seperti novel. Balzac dan Turgenev telah menghasilkan novel yang menggambarkan masyarakat mereka secara terperinci (Wellek, R. dan Warren, A. 1948).

Dalam konteks kajian ini, pengarang mengangkat kehidupan masyarakat Tamil yang bekerja di ladang getah di Tanah Melayu. Kehidupan sebenar di ladang getah dicerminkan dalam novel tersebut. Selain itu, kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil juga dipaparkan secara terperinci untuk tatapan para pembaca.

3.6.5.3 Pemikiran Pengarang

Sastera biasanya dilihat sebagai medium yang menyampaikan pemikiran pengarang. Wellek menganggap sastera sebagai wadah yang mencerminkan pemikiran pengarang. Di samping itu, pengarang juga menyampaikan pesanan moral berdasarkan realiti sosial dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ekonomi masyarakat Tamil. Menurut Wellek, R. dan Warren, A. (1948), hubungan antara kesusasteraan dan pemikiran boleh difahami melalui pelbagai cara.

Antaranya, sastera dianggap sebagai satu bentuk falsafah yang membentuk pemikiran. Oleh itu, pengarang menggarapkan pemikirannya dalam novel untuk membawa perubahan dalam fikiran masyarakat yang ditujukannya. Harapannya agar membawa perubahan dan peningkatan dalam kehidupan mereka (Wellek, R. dan Warren, A. 1948).


3.8 Kerangka Teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerangka teori dibina untuk kajian ini bertajuk "Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam NTM". Teori realisme (Watt, I.) dan teori kesusasteraan Wellek, R. dan Warren, A. digunakan untuk menganalisis tujuh buah novel Tamil Malaysia yang terpilih itu. Teori realisme digunakan untuk mengkaji dua unsur intrinsik yang dicadangkan oleh Watt, I. Dua unsur tersebut ialah watak dan latar. Dalam konteks latar, pengkaji berfokus kepada latar masa dan latar tempat. Manakala teori kesusasteraan Wellek, R. dan Warren, A. pula digunakan untuk mengkaji unsur ekstrinsik dalam pemaparan realiti dalam novel. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2. Kerangka Teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, teori realisme (Watt, I.) dan teori kesusasteraan Wellek dan Warren telah digunakan untuk mengkaji tujuh buah novel Tamil Malaysia. Pengkaji mengupas lima aspek kedudukan sosioekonomi dalam novel Tamil Malaysia. Kajian yang dijalankan ini secara tidak langsung dapat memberi gambaran secara khusus mengenai aplikasi teori realisme (Watt, I.) dan teori kesusasteraan Wellek dan Warren dalam novel-novel Tamil Malaysia.

Kesempurnaan sesuatu kajian adalah berkait rapat dengan ketepatan kaedah kajian yang bersistematik, tersusun dan mantap. Teori realisme (Watt, I.) digunakan untuk mengkaji realiti manakala teori kesusasteraan Wellek dan Warren digunakan untuk mengkaji unsur ekstrinsik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan dapatan kajian yang diperoleh daripada hasil kajian yang dianalisis. Pengkaji mengenal pasti kedudukan dan menganalisis realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang secara terperinci. Selain itu, unsur ekstrinsik dalam pemaparan kedudukan sosioekonomi juga dikaji. Kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dikaji melalui lima aspek, iaitu pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur. Kesemua aspek ini diteliti berdasarkan tujuh buah novel Tamil Malaysia**,** iaitu *Ilaṯciyap Payaṇam (1970), Cemmaṇṇum Nîla Malarkaḷum (1971), Tuyara Pātai (1978), Maṇpulukkaḷ (2006), Noiva Pûkkaḷ (2008), Nakarntu Koṇṯirukum Vācalkaḷ (2009)* dan *Selancar Empat (2013).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Novel-novel ini dihasilkan oleh penulis-penulis realisme berdasarkan pengalaman diri sendiri dan peristiwa yang benar-benar berlaku.

Analisis kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama meliputi usaha mengenal pasti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam novel-novel Tamil Malaysia (NTM). Kedudukan sosioekonomi dikaji melalui lima aspek iaitu pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur. Seterusnya teori realisme digunakan untuk mengenal pasti lima aspek sosioekonomi tersebut melalui dua unsur intrinsik iaitu watak dan latar. Latar tempat dan latar masa dibincang dalam kajian ini.

Bahagian kedua pula menganalisis realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang yang terpapar dalam NTM. Bahagian ketiga ialah menghuraikan unsur ekstrinsik dalam pemaparan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM. Unsur ekstrinsik diterangkan dengan menggunakan Teori Kesusasteraan Wellek dan Warren. Tiga unsur ekstrinsik dipilih daripada teori tersebut. Antara unsur tersebut ialah biografi pengarang, masyarakat di persekitaran pengarang dan pemikiran pengarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Mengenal Pasti Dan Menganalisis Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang

Pengkaji akan memulakan perbincangan berdasarkan objektif pertama kajian, iaitu mengenal pasti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM. Terdapat beberapa aspek yang digunakan dalam menentukan tahap kedudukan sosioekonomi sesebuah masyarakat. Beberapa sarjana seperti Horton dan Hunt, Santrock, Abdulsyani dan Sirin mengutarakan pelbagai aspek kedudukan sosioekonomi seperti yang dinyatakan dalam Bab 1. Walau bagaimanapun, tidak ada satu ukuran yang spesifik yang dapat menentukannya. Oleh itu, pengkaji bercadang memilih beberapa aspek seperti pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur yang amat berkait rapat dengan kedudukan sosioekonomi masyarakat. Pengkaji berpendapat bahawa aspek-aspek tersebut sesuai untuk menilai dan menentukan tahap kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang di Malaysia. Seterusnya, dua unsur intrinsik iaitu watak dan latar dikaji menggunakan teori realisme yang disarankan oleh Watt, I. Unsur latar pula berfokus kepada latar masa dan tempat.

Setelah mengenal pasti aspek kedudukan sosioekonomi berdasarkan watak dan latar yang dicadangkan oleh Watt, I. ; seterusnya, pengkaji menganalisis realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang. Realiti berkaitan dengan aspek pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur yang terpapar dalam novel-novel yang dikaji dianalisis berdasarkan fakta sebenar yang diperoleh. Fakta tersebut diperoleh daripada buku, majalah, laporan penyelidikan, kertas kerja seminar dan latihan ilmiah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, pengkaji seperti Arasaratnam Sinnappah, Sandhu, K. S., Jain, R. K. dan Anbalakan, K. telah banyak menghasilkan penulisan mengenai kedudukan sosioekonomi masyarakat India di ladang secara umum. Berbeza dengan kajian mereka, pengkaji hanya memfokuskan kajian kepada kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang sahaja secara spesifik. Lantaran itu, pengkaji memberi tumpuan kepada masyarakat Tamil ladang sahaja.

Demi mencapai hasrat ini, teori realisme yang dipelopori oleh Watt, I. digunakan dalam kajian ini. Ketika menggambarkan kedudukan sosioekonomi pengarang novel berusaha memaparkan watak sebenar yang wujud pada zamannya. Pengarang juga menonjolkan latar tempat dan masa yang sebenar berlaku sesuatu peristiwa; atau cerita pada zaman penjajahan British dan selepas kemerdekaan. Latar tempat tersebut ialah ladang getah yang wujud ketika itu. Nama sebenar ladang tersebut dan bandar berhampirannya juga turut dinyatakan dalam karya mereka.

Lantaran itu, peristiwa sebenar yang berlaku di tempat dan pada masa tertentu dirakamkan oleh pengarang dalam novel-novel terpilih. Pengarang telah menggunakan dokumen sejarah, peristiwa sejarah dan hasil penerbitan media cetak sebagai sumber maklumat untuk menggambarkan realiti kedudukan sosioekonomi dalam karya masing-masing. Peristiwa sejarah yang dikesan dalam karya pengarang adalah berdasarkan tarikh dan tempat berlaku sesuatu peristiwa sebenar untuk mewujudkan keadaan realiti dalam karya mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Aspek Pekerjaan

Kementerian Sumber Manusia telah membangunkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2008 *(Malaysian Standard Classification of Occupations) [MASCO-08]* pada tahun 2008. Piawaian tersebut merupakan struktur pekerjaan dan guna tenaga di Malaysia. *MASCO* dibangunkan mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Antarabangsa *(ISCO),* Pertubuhan Buruh Antarabangsa *(International Labour Organization) [ILO]* yang digunapakai di seluruh dunia. Justeru, kesemua pekerjaan dalam kajian ini telah dikelaskan berdasarkan *MASCO-08*.

Menurut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (2012), pekerjaan dikelaskan mengikut klasifikasi "Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia *[Malaysia Standard Classification of Occupations] (MASCO)* 2008" yang berasaskan kepada *"International Standard Classification of Occupations (ISCO-08)". MASCO-08* mentakrifkan pekerjaan sebagai satu set tugas dan kewajipan yang dilakukan oleh seseorang. Pekerjaan dikategorikan melalui empat tahap kemahiran yang berasaskan kepada tahap pendidikan seperti pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan tertiari. Struktur pengelasan pekerjaan pula dikategorikan kepada sepuluh kumpulan utama. Antaranya ialah pengurus, profesional, juruteknik, pekerja sokongan perkeranian, pekerja perkhidmatan dan jualan, pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan, pekerja kemahiran dan pertukangan, operator loji dan mesin, pekerjaan asas dan pekerjaan angkatan tentera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pekerjaan merupakan aspek pertama yang dikaji berkaitan dengan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang yang dikenal pasti dalam kajian ini. Menurut *Collins English Dictionary* Edisi ke-10 (2019), pekerjaan didefinisikan sebagai kerja seharian untuk mencari nafkah kehidupan seseorang. Manakala Bintarto (1986) pula menyatakan bahawa pekerjaan merupakan aktiviti manusia untuk memperoleh taraf hidup yang baik. Oleh itu, pekerjaan setiap individu berbeza mengikut tahap pendidikan dan kemahiran yang dimilikinya.

Sementara itu, Kurinjivendhan, R. (2013), menyatakan satu struktur organisasi pekerjaan telah dirancang oleh British di Tanah Melayu untuk memudahkan pentadbiran masyarakat Tamil ladang. Struktur organisasi pekerjaan di ladang getah dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama ialah pengurus ladang berbangsa British. Pengurus itu dibantu oleh tiga orang penolong pengurus yang juga berbangsa British. Kategori kedua ialah kerani yang terdiri daripada kaum Sri Lanka dan Malayaee. Manakala, kategori ketiga ialah *kangani* atau mandur yang terdiri daripada kaum Tamil. Selain itu, seorang pembantu perubatan (*dresser*) dan seorang guru biasanya ditempatkan di setiap ladang. Beginilah organisasi pekerjaan masyarakat Tamil yang ditentukan oleh British di ladang getah.

Apabila diimbas kembali latar belakang masyarakat Tamil dari negara India, didapati kebanyakan mereka tidak mempunyai pendidikan asas. Mereka berasal dari residensi Madras (kini dikenali sebagai Tamil Nadu) di India Selatan. Sementara itu, masyarakat Tamil dari Sri Lanka dan masyarakat Malayalee dari Kerala mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahap pendidikan yang tinggi berbanding dengan masyarakat Tamil dari residensi Madras. Maka, pihak British telah menetapkan jenis pekerjaan di ladang getah berdasarkan stratifikasi kaum masyarakat tersebut.

Stratifikasi kaum adalah berdasarkan tahap pendidikan mereka. Kaum Tamil dari Sri Lanka, kaum Kristian dan kaum Malayalee yang berpendidikan telah dilantik untuk bekerja sebagai kerani dan pembantu perubatan di ladang. Kaum Tamil India Selatan dan Telugu yang tiada pendidikan asas menjadi penoreh getah dan buruh kasar ladang (Rajeswari Ambalavanar, 1981).

Sementara itu, Stenson, M. R. (1980) juga mempunyai pandangan yang sama. Beliau menyatakan bahawa di kawasan ladang getah terdapat pengurus British serta kaum Sri Lanka dan Malayalee yang bekerja sebagai kerani. Kaum Tamil dan Telugu pula bekerja sebagai pekerja ladang.

Masyarakat Tamil yang berpendidikan telah bekerja sebagai kerani, *kangani*, guru, pegawai perinyu kesihatan, pembantu perubatan dan pengurus ladang yang didapati mempunyai kedudukan sosioekonomi yang tinggi. Manakala, golongan masyarakat Tamil yang berpendidikan rendah dan tiada pendidikan asas seperti penoreh getah, pekerja ladang kelapa sawit, buruh kasar dan *chokra* (buruh kanak-kanak) didapati mempunyai kedudukan sosioekonomi yang rendah. Pekerjaan tersebut tidak dapat meningkatkan status kehidupan masyarakat Tamil ladang. Pengkaji berpendapat bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pekerjaan tersebut mencerminkan tahap kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil yang rendah dalam kalangan masyarakat di ladang.

Peristiwa yang sebenar merupakan aspek utama dalam pendekatan realisme. Unsur watak dan latar amat penting untuk menggambarkan kebenaran peristiwa tersebut. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan mengupas aspek pekerjaan melalui unsur watak dan latar. Watak dalam novel merupakan watak sebenar yang menjalankan pekerjaan tertentu seperti digambarkan dalam novel-novel yang dikaji. Namun, nama watak ditukarkan oleh pengarang. Untuk unsur latar pula, pengkaji memilih latar tempat dan latar masa sahaja. Latar tempat bagi kesemua novel yang dikaji ialah ladang getah yang wujud di Tanah Melayu pada ketika itu. Nama ladang getah dalam novel ialah nama sebenar yang wujud sehingga kini. Latar masa pula merupakan masa pemerintahan penjajahan British dan juga selepas kemerdekaan di Tanah Melayu.

Kajian ini memberi tumpuan kepada aspek pekerjaan masyarakat Tamil ladang. Oleh sebab itu, pengkaji telah memilih aspek pekerjaan yang berkaitan dengan masyarakat Tamil ladang. Sebanyak sembilan pekerjaan yang berkaitan dengan masyarakat Tamil ladang dikenal pasti dalam novel Tamil Malaysia, iaitu penoreh getah, buruh kelapa sawit, *chokra* (buruh kanak-kanak*)*, guru, kerani, *kangani*, pembantu perubatan (*dresser*), pegawai perinyu kesihatan dan pengurus ladang. Kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dapat dilihat berdasarkan aspek pekerjaan ini. Jadual 4.1 menunjukkan sembilan jenis pekerjaan yang dikaji dan nama watak tersebut dalam NTM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Aspek Pekerjaan dan Watak Dalam NTM

Novel / Asek Pekerjaan dan Watak	*Cemmaṇṇum Nîla Malarkaḷum*	*Tuyara Pātai*	*Ilaṯciyap Payaṇam*	*Maṇpulukkaḷ*	*Noiva Pûkkaḷ*	*Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ*	*Selancar Empat*
1.Menoreh getah	Kanniapan	Pekerja Tamil Ladang	Ibu Mathavan	Addukkaran	Ibu Santuru	Sitambaram dan Saratha	Muniamah
2.Buruh Kelapa sawit	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Muniamah
3.*Chokra* (buruh kanak-kanak)	Mari	Tiada	Tiada	Tikkuvayan	Xavier	Ganesan	Tamu
4.Guru	Kanniapan	Sivalingam	Samy	Muniraju	Tiada	Murugesu	Tiada
5.Kerani	Raman Nair	Nama Tidak dinyatakan	Kerani Besar	Raman Kutti	Bapa Santuru	Nama tidak dinyatakan	Nama tidak dinyatakan
6.*Kangan*i	Tiada	Nagan	Tarmalingam	Vellaiyan	Munusamy	Nama tidak dinyatakan	Irulapan
7.Pembantu Perubatan (*dresser)*	Tiada	Arulanantar	Kerani Besar	Tiada	Nama tidak dinyatakan	Tiada	Nama tidak dinyatakan
8.Pegawai Perinyu Kesihatan	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Velu	Tiada	Tiada
9.Pengurus Ladang	Tiada	Tiada	Mathialagan	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.1 Pekerjaan Menoreh Getah

Dalam senarai *MASCO-08* (2010), pekerjaan menoreh getah tidak dinyatakan. Sebaliknya, terdapat pekerjaan buruh ladang tanaman. Pekerjaan ini dikategorikan sebagai pekerjaan asas. Pekerjaan ini biasanya memerlukan penggunaan perkakas tangan dan tenaga fizikal. Misalnya, penoreh getah memerlukan pisau torehan, kemahiran tertentu dan tenaga fizikal untuk menoreh pokok getah. Jika seseorang tidak mahir menoreh getah, maka tidak akan memperoleh susu getah yang banyak yang juga akan menentukan jumlah gajinya di samping akan merosakkan pokok getah pula.

Pokok getah yang dikenali dengan nama saintifiknya *Hevea Brasiliensis* ialah pokok dalam famili *Euphorbiaceae* dan merupakan ahli terpenting dalam genus Hevea. Pokok ini penting dari segi ekonomi kerana hasil susunya boleh dikumpulkan dan merupakan sumber utama getah asli. Menurut *New English Encyclopedi*a (2014) pula, pekerjaan menoreh getah ialah proses mengeluarkan susu getah daripada pokok getah. Keratan dibuat pada kulit pokok dan satu saluran dipotong supaya susu getah mengalir melalui saluran ini.

Menurut Johinder Singh Jessy, (1961), pada mulanya, beberapa benih biji getah dihantar ke Kew Gardens di England dan ke Singapura. Sejumlah sembilan biji getah telah dibawa ke Kuala Kangsar, Perak untuk ditanam di halaman rumah Residen British Perak, Sir Hugh Low. Akhirnya, benih tersebut berjaya tumbuh menjadi pokok getah. Bagaimanapun, penanaman getah secara komersil bermula pada tahun 1902 dan terus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkembang hingga menyumbangkan pendapatan eksport yang paling tinggi bagi Tanah Melayu sehingga 1970-an.

Pada tahun 1905, tanaman getah telah diperkenalkan di Tanah Melayu oleh Ridley, H. N. Beliau merupakan nama yang tidak asing dalam sejarah pengenalan dan penanaman getah di Tanah Melayu. Beliau dikenali sebagai Bapa Perusahaan Getah Asli yang telah banyak menyumbang kepada perkembangan tanaman getah di Tanah Melayu. Beliau telah memperkenalkan cara eksploitasi susu getah dan pisau torehan. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Taman Botani di Singapura pada tahun 1888 (Sandrakantham, P. 2011).

Pada mulanya, usaha H.N. Ridley untuk menarik perhatian terhadap penanaman getah telah gagal. Akhirnya, dua faktor telah membantu usaha H.N.Ridley. Faktor pertama ialah kejatuhan harga kopi selepas tahun 1897. Faktor kedua pula keperluan getah untuk industri kereta, motor dan basikal yang mula berkembang pesat di dunia. Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke- 20, sumber ekonomi Tanah Melayu berlandaskan getah dan juga bijih timah. Tanah Melayu telah menjadi negara pengeluar getah kedua terbesar di dunia (Johinder Singh Jessy, 1961).

Ledakan industri kereta di Amerika telah mengakibatkan permintaan terhadap getah asli. Oleh itu, keinginan untuk memperoleh keuntungan yang berlipat ganda daripada industri getah yang semakin pesat maju telah mendorong penjajah British membawa masuk masyarakat Tamil secara beramai-ramai untuk bekerja di ladang-ladang getah (Stenson, M. R. 1980)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketujuh-tujuh buah novel Tamil yang dipilih oleh pengkaji turut menggambarkan bahawa pekerjaan menoreh getah sebagai pekerjaan utama dalam kalangan masyarakat Tamil ladang. Pengkaji telah mengenal pasti pekerjaan menoreh getah dalam kesemua tujuh buah novel-novel yang dikaji itu. Kesemua novel menggambarkan pekerajaan menoreh getah sebagai pekerjaan dominan dalam kalangan masyarakat Tamil ladang. Pengkaji menggunakan unsur watak, latar masa dan latar tempat dalam kesemua novel tersebut untuk mengenal pasti pekerjaan menoreh getah itu.

Latar masa ialah zaman pemerintahan British dalam dua buah novel iaitu *Tuyara Pātai* dan *Maṇpulukkaḷ.* Sementara itu, latar masa selepas kemerdekaan terdapat dalam *Cemmaṇṇum Nîla Malarkaḷum, Ilaṭciyap Payaṇam, Noiva Pûkkaḷ, Nakarntu Koṇṭirukum Vācalkaḷ* dan *Selancar Empat*. Manakala, latar tempat pula ialah ladang getah seperti yang dinyatakan dalam setiap novel.

Aktiviti harian sebagai penoreh getah yang bermula seawal 4.30 pagi dan berakhir pula pada 2.00 petang digambarkan secara terperinci dalam novel-novel ini. Selain itu, cara-cara menoreh getah juga dinyatakan secara terperinci. Susu getah yang dikumpulkan itu dikatakan dituang di dalam baldi besi. Muatan susu getah yang berat di dalam baldi dikandar oleh pekerja menuju ke setor menimbang susu. Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa betapa sukarnya pekerjaan seseorang penoreh getah itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.1.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Menoreh Getah dalam NTM

Dalam novel *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḻum* pekerjaan menoreh getah dikenal pasti oleh pengkaji melalui watak Kanniapan dan ibunya. Mereka ialah penoreh getah di Ladang Bukit Tanah Merah. Kanniapan pulang ke tempat kelahirannya, iaitu Ladang Bukit Tanah Merah selepas tamat kontrak kerja sebagai guru sandaran di sekolah Tamil Kerling, Kuantan, Pahang. Akhirnya, dia bercadang untuk menjadi penoreh getah.

> *அம்மாவுடன் சென்று மரம் வெட்டி பழக்கம் உண்டு. சில நாட்கள் பயிற்சி செய்தால் எல்லாம் அத்துப் பிடி. இந்த வேலை இல்லாவிட்டால் ஸ்டோரில் அதுவும் இல்லாவிட்டால் வெளிக்காட்டு வேலை (குமாரன், எம்.1971, ப.11).*

> Ada pengalaman menoreh getah ketika membantu ibu. Sekiranya berlatih menoreh beberapa hari, dapat menoreh dengan baik. Kalau tidak ada kerja menoreh, boleh cari kerja di setor getah. Kalau tiada kerja di setor, boleh menjadi buruh kasar (Kumaran, M. 1971, ms.11).

Seterusnya, dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam* pekerjaan menoreh getah dikenal pasti melalui gambaran watak ibu Mathavan. Dalam novel ini diceritakan secara terperinci bahawa penoreh getah terpaksa bangun seawal pukul 5.00 pagi. Apabila loceng dibunyikan pada pukul 5.00 pagi, ibu Mathavan bergegas bangun. Dia perlu membangunkan suami dan anak-anaknya. Dia juga perlu menyediakan alatan menoreh getah seperti pisau menoreh getah, baldi besi dan batu pengasah pisau menoreh. Di samping itu, dia juga perlu membancuh kopi, menyediakan sarapan dan memanaskan kari untuk dibawa sebagai bekalan. Wisel akan dibunyikan sebagai panggilan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkumpul di *parade* (perhimpunan pagi) di hadapan pejabat ladang. Pengarang jelas menggambarkan suasana di *parade* itu.

> *மாதவனின் அம்மா பரப்பரப்பாகக் காண்டாவை எடுத்து இரு முனைகளிலும் வாளியை மாட்டிக் கொண்டு பெரட்டுக்கு ஓடினார். பெரிய கிராணி பெயர்ப் பட்டியலை விரைவாக வாசித்தார். "அடா" என்றும் "யா" என்றும் தொழிலாளிகள் தங்கள் பெயர்களைப் பதிந்து கொண்டனர் (இளவழகு, ஐ.1983, ப.71).*

> Ibu Mathavan bergegas lari menuju ke *parade* sambil mengandarkan baldi besi di hujung kayu kandar. Kerani besar membacakan senarai nama pekerja dengan pantas. Penoreh getah mendaftarkan diri dengan menjawab"ada" atau "ya" (Ilavalagu, I. 1983, ms.71).

Selain itu, pekerjaan menoreh getah turut dikesan dalam novel *Noiva Pûkkaḷ*. Pekerjaan menoreh getah digambarkan melalui watak ibu Santuru. Ketika keluar untuk bekerja pada pagi itu, ibunya meminta Santuru supaya datang ke ladang untuk membantunya menoreh. Selepas ibunya beredar, Santuru bangun, bersarapan lalu menuju ke blok getah, tempat ibunya menoreh. Santuru berasa belas kasihan melihat ibunya melangkah menurun bukit sambil mengandarkan baldi besi yang penuh limpah dengan susu getah. Penulis jelas menggambarkan betapa sukarnya pekerjaan ibu Santuru itu.

> *காண்டாவின் இரு முனைகளிலும் தளும்ப தளும்ப பால் வாளியை மாட்டிக்கொண்டு, அம்மா மலையிலிருந்து ஒவ்வோர் அடியாய் வைத்து இறங்குவதைப் பார்க்க பரிதாபமாய் இருந்தது. அவள் முகத்தில் களைப்புத் தெரியவில்லை. இதற்கு காரணம் இருந்தது. இருவருமாய்ச் சேர்ந்தே காலையிலேயே மரங்களைச் சீவி முடித்ததால் பால் சற்று அதிகமாகவே சுரந்திருக்கும் (புண்ணியவான், கோ. 2008, ப.21).*

> Kasihan melihat ibu menuruni bukit dengan langkah berhati-hati sambil mengandar baldi susu yang penuh limpah di kedua-dua belah kayu kandarnya. Tidak kelihatan penat pada riak wajahnya. Ada sebab di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> sebaliknya. Banyak susu getah dapat diperoleh kerana kami berdua dapat menoreh getah pada awal pagi (Punniavan, Ko. 2008, ms.21).

Dalam pada itu, dalam novel *Maṇpulukkaḷ* pengkaji turut dapat mengenal pasti bahawa masyarakat Tamil di ladang bekerja sebagai penoreh getah. Watak Addukaran digambarkan mengeluh akan kesukaran bekerja sebagai penoreh getah.

> *நானூறு மரத்துல குனிஞ்சி நிமுந்து, பொணமா கணக்குற ஆளு ஒசர ஏணிய தோள்ல சொமந்து மலக்காட்டுல ஓடி நானூறு தடவ ஏணில ஏறி எறங்கி மரத்த சீவி....பால் எடுத்து வாளிய காண்டால மாட்டி தோள்ல வச்சு வெறுங்கால்ல கித்தாகாட்டு ஒத்தயடிப் பாதயில லொங்கு லொங்குனு மூச்சு வாங்க பால் கொட்டாய்க்கு ஓடி பால ஊத்தனும் (முத்துசாமி, சீ. **2006,** ப. 57).*

> Terpaksa tunduk dan bangun di hadapan 400 pokok getah. Tangga yang seberat mayat dan tingginya seperti orang dewasa perlu diusung dan turun-naik 400 kali sambil meredah belukar di bukit untuk menoreh getah. Susu getah dikumpulkan, dituang di dalam baldi lalu digantung pada kandar kayu. Selepas itu, terpaksa berjalan berkaki ayam di atas laluan tanah sambil termengah-mengah mengandar susu getah menuju ke setor (Muthusamy, C. 2006, ms.57).

Tambahan pula, melalui novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ* pekerjaan menoreh getah dikesan melalui watak Saratha dan Sitambaram. Mereka harus sampai di *parade*, iaitu tempat berkumpul pada 5.30 hingg 6.00 pagi. Selepas itu, mereka akan dihantar ke blok tertentu untuk menoreh. Pekerjaan mereka dinyatakan dengan jelas oleh pengarang.

> *பெரடுக்குப் போய் பெயர் கொடுத்தவுடன், தண்டல் அவர்களின் பெயருக்கு நேராகப் புள்ளி வைத்து விடுவார்.பிறகு சாரதாவும் சிதம்பரமும் முதல் டிவிஷன் ஏ புளோக்கிற்குச் சென்று விடுவார்கள். இருவரும் காலை மணி 9.30 வரை மரத்தைச் சீவிவிட்டு அதன் பிறகு தான் சாப்பிடுவார்கள் (பாலமுருகன்,கே. 2009, ப.50).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Setelah mendaftarkan nama di '*parade', kangani* akan meletakkan titik di sebelah nama mereka. Kemudian, Saratha dan Sitambaram akan pergi ke blok A di *Division* pertama. Mereka akan menoreh sehingga pukul 9.30 pagi. Kemudian mereka akan bersarapan (Balamurugan, K. 2009, ms.50).

Selain itu, pekerjaan menoreh getah turut dikenal pasti melalui watak Muniamah dalam novel *Selancar Empat*. Muniamah dan masyarakat Tamil di ladang itu hanya tahu menoreh getah sahaja kerana tidak pernah membuat pekerjaan lain. Pengarang turut memaparkan pekerjaan menoreh getah yang dijalankan oleh Muniamah dengan jelas dalam novelnya.

> *மரங்கள் சீவி முடியும் தருவாய். இன்னும் ஒரு நிரைதான் பாக்கி. முப்பது மரங்களுக்குள் இருக்கும்.இருபது நிமிடத்தில் சீவி முடித்துவிடலாம்.பின்னர்சற்று நேரம் ஓய்வெடுத்துவிட்டு, பசியாறிவிட்டு விசில் சத்தம் கேட்டவுடன் பாலெடுக்க வேண்டும்(புண்ணியவான், கோ. 2013, ப.161).*

> Kerja menoreh getah hampir tamat. Hanya tinggal satu barisan pokok sahaja. Terdapat lebih kurang 30 pokok. Boleh dibereskan dalam 20 minit. Selepas itu, mereka berehat sebentar lalu bersarapan. Apabila kedengaran bunyi wisel, mesti mula mengumpulkan susu getah (Punniavan, Ko. 2013, ms.161).

Akhir sekali, pekerjaan menoreh getah dikenal pasti dalam novel *Tuyara Pātai* melalui watak masyarakat Tamil yang bekerja sebagai penoreh getah. Watak *Kangani* Nagan memaksa penoreh getah ladang itu untuk bekerja lebih masa. Mereka diminta menoreh getah seawal 3.00 pagi untuk menampung kerugian majikan British. *Kangani* berbuat demikian untuk memperoleh habuan atau duit komisyen daripada majikannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

இந்த வருசத்துல துரைக்கு ரொம்ப நட்டமாயிடுச்சாம். சீக்காளும் பிள்ளைதாச்சியுமா ஆஸ்பத்திரிக்கு ரொம்ப ஆளு போயிடுச்சாம். அதுனாலே துரைக்கு ரொம்ப கஷ்டம். பாலு வெட்டாளு கொறஞ்சதுனாலே, இந்த வருசப் பாலு கணக்கு ரொம்பக் குறையுதாம். அதுக்கு ஈடுகட்ட 'ராவுவெட்டு' வைச்சு நட்டமில்லாமெ தோட்டத்தை நடத்துனும்ன்னு துரை சொன்னாறு. சிமினி விளக்கு பிடிச்சிக்கிட்டு வெட்டச் சொல்லிப்புட்டாரு (பெருமாள், கா. 1978, ப.80).

Tahun ini majikan mengalami kerugian yang besar. Ramai pula pesakit dan wanita yang mengandung pergi ke hospital. Oleh itu, *Torai* (panggilan untuk pengurus British) mengalami kesusahan. Oleh sebab kurangnya penoreh, pengeluaran getah sudah merosot. *Torai* meminta supaya menoreh getah pada awal pagi untuk mengatasi kerugian yang dialami. Penoreh diminta menggunakan lampu minyak ketika menoreh getah (Perumal, K. 1978, ms.80).

Pengkaji berjaya mengenal pasti pekerjaan penoreh getah berdasarkan latar dan watak yang terpapar dalam kesemua novel terpilih. Latar masa yang digambarkan dalam dua buah novel ialah zaman pemerintahan British. Manakala, latar masa dalam lima buah novel ialah zaman selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Sementara itu, latar tempat yang dinyatakan ialah ladang getah di Tanah Melayu. Kebanyakan watak ialah penoreh getah yang terdiri daripada masyarakat Tamil yang telah berhijrah ke Tanah Melayu.

Pengkaji turut mendapati bahawa pekerjaan penoreh getah telah digambarkan secara terperinci dalam semua novel. Di samping itu, pengkaji telah banyak mengesan kata-kata seperti "seawal 4.30 pagi, loceng dibunyikan, *parade*, lampu minyak, alatan menoreh getah, baldi besi, kayu kandar, blok A, barisan pokok getah, cara menoreh getah, mengumpulkan susu getah, dituang di dalam baldi, mengandar, berkaki ayam dan setor" yang mempunyai kaitan dengan pekerjaan menoreh getah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.1.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Menoreh Getah dalam NTM

Pengarang berjaya membawa gambaran realistik tentang pekerjaan penoreh getah dalam novel-novel yang dikaji. Latar dan watak yang dipaparkan oleh pengarang merupakan watak sebenar yang wujud pada zaman pemerintahan British di Tanah Melayu. Gambaran realistik tentang pekerjaan menoreh getah dapat dibuktikan dengan mengimbas kembali sejarah penghijrahan masyarakat Tamil dari negara India Selatan ke Tanah Melayu. Catatan sejarah membuktikan bahawa kerja menoreh getah ialah pekerjaan yang dilakukan oleh kebanyakan kaum Tamil ladang di Tanah Melayu. Sebenarnya, sejarah kedatangan awal masyarakat Tamil dirakamkan oleh beberapa orang sarjana seperti Sandhu, K. S. (1969) dan Arasaratnam Sinnappah (1970) dalam buku masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Buku Sandhu, K. S. (1969) dan Arasaratnam Sinnappah (1970) menjadi khazanah dan rujukan penting untuk mengetahui realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang di Tanah Melayu. Selain itu, terdapat beberapa kajian dan penulisan buku yang berkaitan dengan kemasukan imigran Tamil ke Tanah Melayu. Hasil penulisan ini membuktikan bahawa masyarakat Tamil telah dibawa oleh penjajah British dari negara India Selatan ke Tanah Melayu untuk bekerja di ladang getah. Lantaran itu, kerja menoreh getah telah menjadi pekerjaan utama masyarakat Tamil ladang getah di Tanah Melayu. Realiti ini jelas dipaparkan oleh pengarang novel-novel yang dikaji itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Sandhu, K. S. (1969) berpendapat bahawa kemasukan masyarakat Tamil ke Tanah Melayu bermula pada tahun 1786 setelah pihak British menguasai Pulau Pinang. British mula memperkenalkan bidang perladangan di Pulau Pinang. Pada mulanya, masyarakat Tamil dibawa untuk bekerja di ladang kopi, tebu dan lada hitam di Pulau Pinang.

Pernyataan ini turut disokong oleh Arasaratnam Sinnappah (1970). Menurut beliau, masyarakat Tamil dari negara India Selatan dibawa ke Tanah Melayu untuk bekerja sebagai buruh di ladang tanaman tebu, kopi dan getah. Pada hakikatnya, pengalaman perladangan yang menguntungkan di Sri Lanka menjadi punca British memulakan bidang perladangan di Tanah Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pihak British lebih memilih buruh Tamil dari negara India Selatan kerana mengetahui bahawa buruh Tamil bersikap tidak menentang dan sentiasa akur pada perintah (Sandhu. K. S. 1969). Pernyataan Sandhu jelas membuktikan bahawa buruh Tamil dari negara India Selatan menjadi pilihan utama pihak British.

> *The South Indian labourer was preferred because he was malleable, worked well under supervisions and was easily manageable (Sandhu, K. S.1969, p.57).*
>
> Buruh India Selatan lebih disukai kerana senang dipengaruhi, bekerja dengan baik di bawah pengawasan dan mudah diuruskan (Sandhu, K. S. 1969, ms.57).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, sumber ekonomi Tanah Melayu berpusat pada getah dan juga bijih timah. Justeru, Tanah Melayu telah menjadi negara pengeluar getah kedua terbesar di dunia (Johinder Singh Jessy,1961). Pandangan Johinder disokong oleh Stenson, M. R. (1980). Beliau juga berpendapat bahawa keperluan buruh Tamil meningkat setelah getah diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1905. Berikutan keadaan ini, pihak British memerlukan buruh yang ramai dan murah untuk bekerja di ladang getah. Mereka diperlukan untuk membersihkan hutan tebal di Tanah Melayu untuk menanam pokok getah.

Selain itu, terdapat beberapa sebab lain masyarakat Tamil India Selatan menjadi pilihan utama British untuk bekerja di ladang getah. Antaranya, mereka bersikap mematuhi arahan, bekerja keras di bawah pengawasan dan mudah diuruskan. Mereka sanggup menjalankan kerja dengan gaji yang murah. Mereka juga sanggup menerima suasana kehidupan ladang yang berupa penjara. Pekerja ini dikatakan sanggup menerima suasana sedemikian kerana terdiri daripada masyarakat Tamil dan Telugu berkasta rendah yang pernah ditindas di tanah air mereka (Sandhu, K.S.1969).

Di samping itu, Sir Frederick Weld juga mempunyai pandangan yang sama dengan Sandhu. Menurut Parmer, N. J. (1960), Sir Frederick Weld mencadangkan imigran dari India dibawa untuk bekerja kerana mereka merupakan golongan pendiam dan bangsa yang mudah diperintah. Beliau juga memberi amaran bahawa buruh Cina sering mencetuskan masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, terdapat tiga sebab lain yang menjadi faktor utama mendorong penghijrahan buruh Tamil dari negara India Selatan. Pertama, Tanah Melayu adalah berhampiran dengan tanah air mereka. Kedua, India dan Tanah Melayu ialah tanah jajahan British. Ketiga pula, golongan miskin di India Selatan dilayan bagai hamba kerana kedudukan sosioekonomi mereka adalah sangat rendah dan menyedihkan. Justeru, golongan ini sanggup berhijrah ke Tanah Melayu disebabkan keadaan yang terdesak ini (Stenson, M. R. 1980).

Selanjutnya, sejarah membawa masuk masyarakat Tamil ke negara ini untuk bekerja di ladang getah dilakukan mengikut tiga tahap tertentu. Pada tahap pertama mereka dibawa sebagai buruh kontrak (*indentured labour).* Pada tahap kedua, mereka dibawa mengikut Sistem *Kangani*. Sistem ini dimansuhkan pada tahun 1936. Akhir sekali, mereka dibawa masuk di bawah Sistem Buruh. Menurut Kondapi, C. (1951), di bawah Sistem Kontrak segala perbelanjaan membawa imigran India ditanggung oleh majikan. Namun, perbelanjaan itu akan dipotong daripada gaji buruh tersebut. Sistem Kontrak ini menimbulkan bantahan pelbagai pihak kerana pekerja didesak untuk bekerja keras dan ditindas oleh majikan.

Tambahan pula, kesemua novel yang dikaji telah membawa gambaran bahawa kebanyakan masyarakat Tamil telah bekerja sebagai penoreh getah. Data yang diperoleh turut membuktikan akan realiti gambaran tersebut. Bilangan pekerja Tamil di ladang adalah tinggi berbanding dengan kaum lain. Pekerja daripada kaum India (yang majoritinya kaum Tamil) di ladang getah adalah sebanyak 75%, manakala 20% ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaum Cina dan 5% ialah kaum Jawa. Hakikat ini turut dibuktikan oleh Sandhu, K. S. (1969).

Menurutnya, jumlah masyarakat Tamil di Tanah Melayu yang sebanyak 119,000 orang pada tahun 1901 telah meningkat sebanyak tiga kali ganda pada tahun 1921 (Sandhu, K. S. 1969). Sandhu memperkukuhkan pendapatnya berdasarkan laporan *Malaysian Sociological Research Insitute* 1979. Berdasarkan jadual 4.2, masyarakat Tamil ialah golongan majoriti dalam kalangan orang India di Tanah Melayu dari tahun 1844 hingga 1941. Oleh itu, amatlah jelas bahawa kaum majoriti yang bekerja di ladang getah juga terdiri daripada masyarakat Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Peratusan Kemasukan Orang India Mengikut Kaum, Tahun 1844-1941

Jumlah Kemasukan (orang)	Kaum (Peratus) Tahun 1844-1941				
	Tamil	Telegu	Malayalee	Kaum Selatan India Lain	Kaum Utara India
2,725,917	85.2	6.8	6.4	0.8	0.8

(Sumber: Sandhu, K. S. (1969). *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement 1786-1957.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 menunjukkan komposisi jumlah pekerja dari selatan India mengikut kaum di Tanah Melayu dari tahun 1921 hingga 1957. Majoriti kaum India di Tanah Melayu dari tahun 1921 hingga 1957 ialah masyarakat Tamil. Dalam tempoh tersebut, majoriti pekerja di ladang getah juga adalah terdiri daripada masyarakat Tamil.

Jadual 4.3

Komposisi Jumlah Pekerja India Dari Selatan India Mengikut Kaum di Tanah Melayu, Tahun 1921-1957

Kaum	1921	1931	1941	1957
Tamil	387,509	514,778	460,985	634,000
Telegu	39,986	32,536	24,000	27,000
Malayalee	17,190	34,898	44,339	72,000
Kaum lain	2,000*	4,000*	15,968	20,000*
Jumlah	**446,685**	**586,212**	**545,385**	**755,322**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Nota*: Data anggaran)
(Sumber: : Sandhu, K. S. (1969). *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement 1786-1957.*

Di samping itu, majoriti pekerja Tamil yang datang ke Tanah Melayu adalah dari residensi Madras, India. Bilangan pekerja Tamil terus meningkat sejajar dengan perluasan kawasan tanaman getah. Di tambah pula, keuntungan yang terus berlipat ganda telah menggalakkan para majikan terus membawa masuk pekerja Tamil ini. Namun, apabila keadaan ekonomi dunia merosot antara tahun 1930 hingga 1933, ramai pekerja telah dihantar balik kerana industri getah turut terjejas (Cheah, B. K. 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, Rajeswari Ambalavanar (1981), turut memperkukuhkan pendapat ini dengan menyatakan bahawa kebanyakan masyarakat Tamil dari India Selatan telah ditempatkan di ladang sebagai penoreh getah. Selain itu, masyarakat Tamil ladang ini diibaratkan sebagai *'sucked orange'* yang bermakna "sisa buah oren yang telah diperah airnya". Hal ini dinyatakan oleh Arasaratnam Sinnappah (1970) dalam bukunya. Panggilan *'sucked orange'* ini digunakan khasnya untuk merujuk kepada masyarakat Tamil untuk menggambarkan keadaan fizikal yang lemah. Hal ini adalah kerana segala tenaga mereka telah diperah untuk mengaut keuntungan. Oleh itu, jelaslah bahawa gambaran tentang pekerjaan penoreh getah yang dipaparkan dalam novel-novel Tamil ialah suatu realiti yang benar-benar wujud pada zaman pemerintahan British.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.2 Pekerjaan Buruh Kelapa Sawit

Menurut *MASCO-08* (2010), pekerja kelapa sawit dikenali sebagai buruh pertanian atau buruh ladang tanaman. Pekerjaannya adalah melakukan kerja-kerja perladangan dengan menggunakan peralatan tangan yang memerlukan tenaga fizikal yang banyak. Pekerja kelapa sawit menggunakan galah aluminium atau buluh panjang yang dipasang pisau sabit untuk mengait tandan kelapa sawit.

Menurut *Collins English Dictionary* (2017), pekerja kelapa sawit didefinisikan sebagai buruh yang melakukan kerja berat dengan menggunakan kekuatan fizikal badan. Pekerja kelapa sawit terpaksa mengait buah kelapa sawit yang tingginya lima hingga sepuluh meter dengan menggunakan galah panjang yang dipasang pisau sabit. Sabit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diikat pada hujung galah yang kukuh dan panjang. Galah itu diperbuat daripada buluh atau aluminium ringan. Pekerjaan ini biasanya dibuat oleh kaum lelaki kerana amat sukar dan memerlukan tenaga fizikal yang kuat.

4.2.1.2.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Buruh Kelapa Sawit dalam NTM

Dalam konteks kajian ini, hanya dua buah novel sahaja, iaitu novel *Noiva Pûkkaḷ* dan *Selancar Empat* yang memaparkan masyarakat Tamil sebagai pekerja ladang kelapa sawit. Tanaman kelapa sawit telah mula menggantikan getah apabila perusahaan getah mula merosot di pasaran komoditi kerana getah tiruan telah mendapat tempat di pasaran dunia. Ekoran daripada itu, fragmentasi ladang getah telah berlaku. Fragmentasi ladang bermakna pemecahan tanah ladang getah kepada bahagian atau plot kecil lalu dijual kepada pengusaha kecil.

Pekerjaan buruh kelapa sawit dapat dikenal pasti dalam novel *Selancar Empat* melalui watak Muniamah. Muniamah dan pekerja lain diberi notis pemberhentian kerja kerana berlaku fragmentasi ladang. Muniamah dan pekerja tersebut tidak pernah membuat pekerjaan lain selain menoreh getah. Mereka juga tiada tempat untuk ditujui kerana terpaksa keluar dari tempat yang didiami selama ini. Mereka telah dibawa oleh tauke Cina untuk bekerja di sebuah ladang di Tanah Felda, iaitu Selancar Empat, di negeri Pahang. Mereka terpaksa bekerja sebagai buruh kelapa sawit. Hal ini merupakan satu pengalaman yang baru bagi mereka. Kesukaran kerja di ladang kelapa sawit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digambarkan melalui watak Muniamah. Muniamah membandingkan kerja menoreh getah dengan buruh kelapa sawit.

> *குலை ஒவ்வொன்றும் நூறு கட்டி தேறும். காண்டாவின் இரண்டு பைகளிலும் இரண்டிரண்டு குலைக்கு மேல் வைத்து சுமந்து செல்வது செத்த பிணமாய் கனத்துக் தொலைத்தது. காண்டாவே வில்லாய் வளைந்து ஒடிந்து விடும்! ஒவ்வொரு முறையும் தூக்கி வந்து கிடக்கில் கொட்டும் போது மூச்சு இரைத்தது. சுமையில் கூனாய் விழுந்த முதுகை நிமிர்த்தும் போது ஒரு கணம் உயிர் போய்விட்டு வந்தது. கித்தா காட்டு வேலையை இதனோடு ஒப்பிட்டுப் பார்த்தாள். பட்டையைச் சீவுவதோ, பால் சுமப்பதோ இத்தனை கடினமாக இருந்ததில்லை (புண்ணியவான், கோ. 2013, ப.56).*

> Setiap tandan kelapa sawit seberat 100 kati. Amat berat sekali kerja mengandar lebih daripada dua tandan kelapa sawit pada kedua-dua belah hujung kayu kandarnya. Beratnya ibarat mayat manusia. Adakala kayu kandar itu pun melengkung bagai busur lalu patah. Setiap kali tandan-tandan buah kelapa sawit digandar, tercungap-cungap nafasnya. Apabila tulang belakangnya yang membongkok akibat berat dipikul tadi mula menegak semula, kesakitan yang ditimpa itu seolah-olah dirinya mati seketika. Muniammah membandingkan kerja menoreh dengan kerja ini. Menoreh getah atau mengandar susu getah tidak sesukar kerja kelapa sawit ini (Punniavan, Ko. 2013, ms.56).

Sebuah lagi novel yang memaparkan pekerjaan buruh kelapa sawit ialah *Noiva Pûkkaḷ*. Pekerjaan buruh kelapa sawit dikenal pasti melalui watak Santuru. Pada awalnya, Santuru bekerja sebagai penoreh getah. Tanaman kelapa sawit mula menggantikan tanaman getah di ladang itu. Akhirnya, Santuru terpaksa bekerja sebagai buruh kelapa sawit. Pekerjaan ini amat sukar berbanding dengan kerja menoreh getah.

> *தொழிலாளர்களுக்கு ரப்பர் மரம் வெட்டும் தொழிலை விட இது சற்று கடுமையான வேலை. ஒவ்வொரு குலையும் முப்பதிலிருந்து ஐம்பது கிலோ கனம் இருக்கும். இது அறுவடை செய்தவுடன் செம்மண் சாலையோரத்தில் கொண்டு வந்து சேர்ப்பதும், டிரக்டரில் ஏற்றிவிடுவதும் சற்று சிரமமான பணி (புண்ணியவான், கோ. 2008, ப.120).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Pekerjaan buruh kelapa sawit lebih sukar daripada kerja menoreh getah. Berat setiap tandan kelapa sawit itu adalah 30 hingga 50 kilo. Setelah dikaitkan, tandan-tandan kelapa sawit itu dipikul dan dikumpulkan di tepi jalan merah. Kemudian, perlu diangkut masuk ke dalam traktor. Kerja-kerja ini amat berat (Punniaavan, Ko. 2008, ms.120).

4.2.1.2.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Buruh Kelapa Sawit dalam NTM

Pengarang bagi kedua-dua novel tersebut jelas menggambarkan realiti pekerjaan buruh kelapa sawit dalam karya mereka. Tanaman kelapa sawit mula menggantikan getah apabila harga getah jatuh di pasaran dunia. Kemelesetan ekonomi di pasaran dunia pada tahun 1920 dan 1930 turut menyumbang kepada kemerosotan harga getah. Sejarah penanaman kelapa sawit di Tanah Melayu bermula pada tahun 1911. Henri Fauconnier merupakan perintis kepada ladang kelapa sawit di Malaysia. Beliau telah membawa biji-biji benih kelapa sawit *(*Elaeis Guineensis*)* dari Sumatra lalu mula mencuba tanaman itu di Rantau Panjang, Kuala Selangor. Seterusnya, pada tahun 1917, beliau menubuhkan ladang komersial yang pertama di Ladang Tennamaram, di Batang Berjuntai, Selangor. Hal ini menandakan era permulaan tanaman kelapa sawit di Tanah Melayu (Fauconnier, H. 2015).

Pekerjaan sebagai buruh kelapa sawit agak sukar bagi masyarakat Tamil ladang. Mereka pernah bekerja sebagai penoreh getah sahaja sejak tiga abad yang lalu. Mereka hanya mempelajari pekerjaan tersebut dan tidak mahir melakukan sebarang pekerjaan lain. Realiti hidup yang berkaitan dengan kesukaran dan keperitan buruh kelapa sawit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

turut dipaparkan melalui peristiwa sebenar yang berlaku di Felda Selancar Empat yang terletak di sempadan Pahang-Johor.

Dalam novel *Selancar Empat*, penoreh getah diberi notis pemberhentian kerja setelah berlaku fragmentasi ladang getah. Akhirnya, seorang agen telah membawa mereka ke kawasan Felda di Segamat. Malangnya, di situ mereka ditindas dan dijadikan hamba. Seramai 20 orang pekerja dibawa ke kawasan terpencil di ladang Felda untuk bekerja sebagai pekerja kelapa sawit.

Peristiwa ini merupakan satu realiti yang dihadapi oleh masyarakat Tamil ladang yang menjadi buruh kelapa sawit. Majalah Nadi Insan (1983), telah mendedahkan kisah masyarakat Tamil di Selancar Empat. Majalah itu menyiarkan laporan siasatan Biro Bantuan Guaman, Johor Bahru mengenai kes penindasan buruh di Selancar Empat. Temubual dengan mangsa penindasan dicatatkan dalam majalah itu. Mangsa yang bernama Ramasamy menyatakan bahawa masa bekerja ialah antara lapan hingga sepuluh jam setiap hari. Mereka tidak diberikan cuti bekerja. Pekerja mestilah mengait sejumlah 115 batang pokok kelapa sawit setiap hari (Majalah Nadi Insan, Ogos 1983).

Oleh itu, keperitaan hidup pekerja buruh kelapa sawit dalam novel Selancar Empat merupakan kisah sebenar di negara ini. Sementara itu, suratkhabar *The Strait Times* (1983), turut melaporkan penindasan buruh kelapa sawit tersebut. Situasi di ladang kelapa sawit di Selancar Empat menggambarkan bahawa pekerja tersebut menjalani kehidupan seperti mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gambaran realiti tentang kesukaran pekerjaan sebagai buruh kelapa sawit telah diperkatakan oleh ramai penulis di Tanah Melayu ketika itu. Menurut Sandrakantham, P. (2011), ladang kelapa sawit mula menggantikan kebanyakan ladang getah di Tanah Melayu. Akibatnya, ramai penoreh getah kehilangan pekerjaan. Menurutnya lagi, ketika itu pokok-pokok getah di Tanah Melayu sudah berusia lebih daripada 20 tahun. Pokok getah hanya dapat mengeluarkan susu getah selama 25 tahun sahaja. Oleh itu, kemungkinan besar pokok getah itu akan ditebang dalam jangka masa lima tahun lagi. Ladang-ladang yang ditanam getah kini mula diambil alih oleh tanaman kelapa sawit. Malaysia mula muncul sebagai negara pengeluar kelapa sawit terbesar di dunia.

Selain itu, menurut Janakey Raman (2013), harga getah pula tidak stabil di pasaran antarabangsa. Oleh sebab itu, minyak kelapa sawit mula menggantikan getah sebagai komoditi eksport utama negara. Kebanyakan ladang getah mula digantikan dengan tanaman kelapa sawit. Perbelanjaan penanaman dan pengeluaran hasil kelapa sawit dikatakan lebih rendah berbanding dengan getah. Keperluan minyak kelapa sawit mula meningkat di pasaran dunia. Pada tahun 1989, kelapa sawit menjadi eksport utama negara menggantikan getah. Pada tahun 1990 pula, kelapa sawit sahaja menjadi tanaman utama di kebanyakan ladang.

Sementara itu, menurut Visvanathan, R. (2013), kelapa sawit yang berasal dari Afrika, mula diperkenalkan pada tahun 1850. Pada tahun 1917, tanaman itu mula ditanam secara komersial. Selepas perang dunia pertama, harga getah telah jatuh di pasaran dunia. Ekoran daripada itu, Kumpulan Guthrie mula menanam kelapa sawit pada tahun 1924.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 1930, pengeluaran minyak kelapa sawit mencecah 3350 tan. Jumlah ini meningkat menjadi 58,300 tan pada tahun 1939. Selepas perang dunia kedua, sebanyak 36,000 hektar tanah ditanam dengan kelapa sawit. Selepas perang dunia, hasil ciptaan getah sintetik menyebabkan harga getah jatuh. Hal ini menjadi faktor utama ladang kelapa sawit menggantikan getah dengan pokok kelapa sawit.

Selain itu, Amarjit Kaur, R. (2013), juga berpendapat bahawa penanaman getah yang dimulakan sejak 1860 berterusan sehingga abad ke-20. Selepas itu, tanaman getah telah diambil alih oleh tanaman kelapa sawit. Fragmentasi ladang-ladang getah dan pekerjaan sebagai buruh kelapa sawit yang menuntut kekuatan tenaga fizikal telah mendorong kaum Tamil di ladang mula berpindah ke kawasan bandar untuk mencari kehidupan baru. Berikutan ini, ladang-ladang kelapa sawit mula menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja. Oeh itu, Malaysia dan negara penghantar tenaga pekerja telah mengadakan perjanjian mobiliti buruh antara negara. Sejak tahun 1980, pekerja Indonesia dan Bangladesh telah mula menggantikan tenaga pekerja India di ladang-ladang.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa pengarang telah berjaya memaparkan realiti yang berkaitan dengan pekerjaan buruh kelapa sawit dalam novel mereka. Tanaman kelapa sawit telah mula diusahakan selepas kejatuhan harga getah. Kemunculan tanaman kelapa sawit juga mendorong masyarakat Tamil ladang terus berpindah ke bandar-bandar berdekatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.3 Pekerjaan *Chokra* (buruh kanak-kanak)

Menurut *Meriam Webster Online Dictionary* (2016), *chokra* bermakna kanak-kanak lelaki yang dijadikan sebagai pekerja. Perkataan *chokra* berasal daripada bahasa Hindi (*Oxford University Press,* 2018). Pekerjaan *chokra* ini diberikan kepada kanak-kanak yang berumur antara 10 hingga 12 tahun. Tabung Pendidikan Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations International Children's Educational Fund)* [*UNICEF*] telah mengklasifikasikan pekerja kanak-kanak kepada tiga kategori.

Antaranya ialah kanak-kanak yang bekerja bersama dengan keluarga, bersama dengan keluarga tetapi di luar rumah dan yang bekerja bukan bersama dengan keluarga. Namun, Artikal 32, Hak Asasi Kanak-kanak Sedunia (1989) menjelaskan bahawa hak asasi kanak-kanak adalah untuk melindungi diri mereka daripada sebarang eksploitasi ekonomi dan kerja yang mengganggu kesihatan, di samping mempertahankan hak pendidikan dan peningkatan dirinya.

Sementara itu, *Tamil Lexicon Dictionary* (2018), mendefinikan *chokra* sebagai kanak-kanak lelaki, khususnya pekerja kanak-kanak lelaki di Asia Selatan. Menurut Rinju Rasaily (1998) dalam kajiannya, *chokra atau lokra* bermakna kanak-kanak yang merupakan buruh murah di New Delhi. Beliau membuat kajian kes di Ladang Teh Phuguri, New Delhi, India.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks sejarah penghijrahan pekerja India dari negara India Selatan, pada awalnya kemudahan pendidikan tidak disediakan untuk anak-anak pekerja India ladang di Tanah Melayu. Masyarakat Tamil bercadang untuk pulang ke negara asal selepas tamat kontrak kerja. Sebenarnya, ramai pekerja yang berhijrah ke Tanah Melayu pada peringkat awal telah pulang ke negara India. Namun, terdapat juga segelintir golongan yang memilih untuk menetap di sini. Mereka telah berkahwin dengan wanita di negara ini lalu menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah pertiwi mereka (Sandrakantham, P. 2011).

Namun, kemudahan pendidikan tidak disediakan untuk anak-anak mereka sehingga Kod Buruh diperkenalkan pada tahun 1912. Sebelum itu, kanak-kanak akan turut mengikuti ibu bapa untuk membantu mereka di ladang getah. Kanak-kanak yang berusia antara 10 hingga 12 tahun telah melakukan kerja seperti mencuci mangkuk getah, menebas rumput dan kerja-kerja lain sebagai *chokra*. Kanak-kanak tersebut tidak berminat ke sekolah kerana lebih suka melakukan kerja sebagai *chokra* kerana gembira mendapat gaji pada usia yang muda (*History of the Development of Schools in Selangor, 1975*).

Dalam pada itu, pekerjaan sebagai *chokra* dikenal pasti dalam lima buah novel sahaja, iaitu dalam novel *Noiva Pûkkaḷ, Selancar Empat, Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ, Cemmaṇṇum Nîla Malarkaḻum* dan *Maṇpulukkaḷ.* Kesemua pengarang tersebut telah menggunakan perkataan *chokra* untuk merujuk kepada pekerjaan kanak-kanak yang dipaparkan dalam novel mereka. *Chokra* melakukan kerja seperti membersihkan rumput-rumpai, membaja pokok kacang yang ditanam di antara pokok getah, membersihkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daun-daun kering yang menyumbat longkang, membaja pokok-pokok getah dan sebagainya.

4.2.1.3.1 Mengenal Pasti Pekerjaan *Chokra* (buruh kanak-kanak) dalam NTM

Dalam novel *Noiva Pûkkaḷ*, watak Xavier digambarkan sebagai *chokra*. Xavier mempunyai lapan orang adik-beradik. Beban keluarga telah mendesaknya bekerja sebagai *chokra*. Oleh itu, Xavier mengambil keputusan untuk berhenti bersekolah.

> *சொக்ரா வேலைக்கு ஆள் எடுக்கும் போதெல்லாம் சேவியர் வேலைக்குப் போவது பற்றியே யோசித்துக் கொண்டிருப்பான். சொக்ரா(சிறார்) வேலைக்கு ஆளெடுக்கும் போதெல்லாம், படிப்பைப் பாதியிலேயே, கை கழுவிவிட்டுவேலையில் சேர்ந்து விடுவார்கள். (புண்ணியவான், கோ. 2008, ப.25).*
>
> Setiap kali, kanak-kanak diambil untuk bekerja sebagai *chokra*, Xavier turut berfikir untuk bekerja. Apabila diambil sebagai pekerja *chokra*, kanak-kanak itu telah berhenti bersekolah. (Punniavan, Ko. 2008, ms.25).

Seterusnya, pekerjaan *chokra* turut dikenal pasti dalam novel *Selancar Empat* melalui watak Tamu. Ladang getah yang menjadi tempat tinggal tiga generasi masyarakat Tamil ladang telah dijual. Mereka diberi masa enam bulan untuk meninggalkan ladang dan mencari pekerjaan lain. Oleh itu, mereka bercadang untuk bekerja di ladang kelapa sawit milik majikan Cina kerana tidak memiliki sijil kewarganegaraan. Di situ, mereka ditindas dan dikerah bekerja tanpa dibayar gaji. Sebenarnya pekerjaan *chokra* dibuat oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak-kanak berumur melebihi 11 tahun.. Namun, anak Muniammah, Tamu yang berusia enam tahun juga disuruh bekerja mengutip buah kelapa sawit yang luruh.

> *கொழந்தைய வுட ஆயக்கொட்டா ஏதும் இல்லியா....?”“ஒண்ணுதான் இருக்கு...பழம் பொறுக்க கூடக் கூட்டிட்டுப் போங்க, ஒதவியா இருக்கும்!” “வெள்ளைக்காரன் சொக்ரா வேலைக்கு கூப்பிட்டா அனுப்பிடுவீங்கல?” “பதினோறு பன்னெண்டு வயசுக்கு மேல தானங்க சொக்ரா வேலைக்கு கூப்பிடுவாங்க...இது பிஞ்சுய்யா” என்றான் மாறப்பன்.“இங்க ஆயக்கொட்டா ஏற்பாடெல்லாம் பண்ண முடியாது. ஒண்ணு வுட்ல உட்டுட்டுப் போங்க, இல்ல கூட்டிக்கிட்டுப்போங்க (புண்ணியவான்,கோ. 2008, ப.43).*

> “Tiadakah tempat asuhan untuk menghantar anak ini?”“Ada satu cara sahaja…bawalah bersama kamu untuk membantu memungut buah yang luruh.” “Kalau orang putih panggil untuk kerja *chokra* kamu hantar, bukan?” “Hanya selepas umur sebelas atau duabelas sahaja boleh bekerja sebagai *chokra.* Budak ini terlalu muda”…kata Marappan.“Di sini tiada rumah asuhan. Pilih sama ada tinggalkan di rumah atau bawa bekerja (Punniavan, Ko. 2008, ms.43).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pekerjaan *chokra* turut dikenal pasti dalam novel *Maṇpulukkaḷ*. Watak Tikkuvayan digambarkan bekerja sebagai pekerja *chokra* semasa mula bekerja di ladang. Namun, Tikkuvayan gigih mempelajari kerja-kerja buruh kasar dengan membuat pekerjaan *chokra* sahaja. Biasanya, pekerja *chokra* hanya membuat kerja-kerja yang ringan sahaja. Hal ini diceritakan oleh watak Puddukaran kepada watak Addukaran.

> *அப்பனோட கைய புடிச்சிகிட்டு, இந்த தோட்டத்துக்குள்ளே நொழஞ்சப்ப இந்தத் திக்குவாயன் சின்ன சொக்கறடா ஆட்டுக்காரா.... சொக்கறா சம்பளத்துல வெளிக்காட்டு வேல செஞ்சான்...(முத்துசாமி, சீ. 2006, ப.93).*

> Ketika Tikkuvayan tiba di ladang ini bersama ayahnya, dia telah menjadi sebagai ‘*chokra’* kecil. Tikkuvayan telah melakukan kerja buruh kasar di ladang getah dengan gaji *chokra* sahaja (Muthusamy, C. 2006, ms.93).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, pekerjaan kanak-kanak turut dikenal pasti dalam novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ*. Watak Ganesan digambarkan selalu dipaksa oleh bapanya untuk bekerja sebagai *chokra*. Bapanya, Sitambaram telah memaksa Ganesan untuk ponteng sekolah untuk membantunya di ladang. Masalah hutang dan perbelanjaan untuk isteri yang akan bersalin, memaksa Sitambaram membawa anaknya untuk bekerja.

> *நம்ப எடத்துல... அந்த அலமேலு பையனுங்க அஞ்சல பையனுங்க எல்லாம் போயி பழக்கப்பட்டவனுங்கதான்டா... சுக்குலுக்கு ஒரு லீவு போடுயா...இங்க வந்தீன கொஞ்சம் காசு கெடைக்கும்...அம்மா குட்டி புள்ளய பெக்க போது...கொஞ்சம் செலவுக்குலாம் ஆகும் (பாலமுருகன், கே.2009, ப.205).*

> Anak-anak Alamelu dan Anjalai di ladang ini sudah biasa bekerja. Tak perlu pergi ke sekolah hari ini, ambillah cuti. Sekiranya awak datang, boleh dapat sedikit wang. Ibu akan bersalin.Wang ini boleh digunakan untuk perbelanjaan ibu (Balamurugan, K. 2009, ms.205).

Akhir sekali, pekerjaan *chokra* turut dikenal pasti dalam novel *Cemmaṇṇum Nîla Malarkaḷum* melalui watak Mari. Kawan Kaniapan, iaitu watak Mari, telah diberhentikan sekolah lalu dibawa untuk membantu ibunya di ladang getah. Begitu juga dengan kawan-kawan Mari yang lain. Ibubapa terpaksa berbuat demikian kerana kemiskinan dan keperluan hidup. Akibatnya, masa depan anak mereka musnah tanpa pendidikan.

> *மூன்றாம் வகுப்பில் படிக்கும்போது 'படித்தது போதும்' என்று அவனுடைய அம்மா தனக்கு ஒத்தாசையாக இருக்கும் பொருட்டு அவனையும் அழைத்துச் சென்று விட்டாள். மாரி கூட போன மற்றப் பையன்களும் இப்படித் தான் படிக்கிற வயசுல மங்கு துடைக்க அழைத்துச் சென்று அவர்களைச் சீரழித்து விட்டார்கள். வேண்டுமென்று சீரழிக்கவில்லை. வாழ்க்கை நிலை அப்படி.(குமாரன், எம். 1971, ப.16).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Semasa tahun tiga, ibu Mari telah memberhentikanya dari sekolah lalu membawanya untuk membantu dalam kerja-kerja di ladang. Kawan-kawan Mari turut menimpa nasib yang sama. Mereka telah dibawa untuk membersihkan mangkuk susu getah. Masa depan anak-anak ini musnah. Mereka dipaksa bekerja pada usia yang sepatutnya belajar di sekolah. Ibu bapa terpaksa berbuat demikian kerana desakan keperluan hidup (Kumaran, M. 1971, ms.16).

4.2.1.3.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan *Chokra* (buruh kanak-kanak) dalam NTM

Menurut Jomo, K. S. (1992), realiti tentang pekerjaan *chokra* atau buruh kanak-kanak terpapar dalam *"Malaysian Population Cencus Report"* pada tahun 1980. Laporan bancian tahun 1980 menunjukkan bahawa lebih daripada 43,000 kanak-kanak yang berumur antara 10 hingga 14 tahun bekerja untuk menyara keluarga mereka. Sejumlah 10,214 kanak-kanak yang berasal dari ladang getah bekerja sebagi buruh kanak-kanak. Beliau merumuskan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kanak-kanak ladang menjadi pekerja buruh. Antaranya ialah situasi ekonomi keluarga, keadaan sosioekonomi ladang serta kekurangan sokongan dan perlindungan daripada institusi sosial berkenaan.

Seterusnya, Sinniah (2000), menyatakan bahawa laporan bancian penduduk Malaysia (*Malaysian Population Cencus)* tahun 1990 menunjukkan peningkatan mendadak buruh kanak-kanak. Menurut beliau laporan Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 1999 turut menunjukkan bahawa bilangan kanak-kanak yang bersekolah adalah rendah berbanding dengan kanak-kanak yang melakukan pelbagai pekerjaan. Sementara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

itu, Pang, Y. F. (1993), dalam kajiannya mendapati perangkaan tahun 1993 menunjukkan bahawa kanak-kanak didapati bekerja di sebanyak 20 buah ladang getah dan kelapa sawit di daerah Kuala Selangor. Menurut beliau, ibu bapa kanak-kanak tersebut bekerja sebagai penoreh getah dan pekerja kelapa sawit.

Selain itu, Jomo, K. S. (2010), menerusi kompilasi artikelnya menerangkan keadaan realiti tentang buruh kanak-kanak di Semenanjung Malaysia yang terlibat dalam kerja-kerja domestik, di warung-warung dan di industri berskala kecil serta sektor perladangan. Kajian lain yang dilakukan oleh Jomo, K. S. dan Josie Zaini (1984) juga menyatakan bahawa kanak-kanak yang tidak mendapat akses pendidikan atas faktor ketidakmampuan menjadi punca kanak-kanak tersebut menjadi pekerja buruh. Kajian itu mendapati bahawa sebanyak 75 peratus pendapatan keluarga tersebut digunakan untuk perbelanjaan makanan dan selebihnya untuk hal pengangkutan, pakaian dan perubatan di samping hanya sedikit sahaja diperuntukkan untuk pendidikan.

Sementara itu, Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod, Marhanum Che Mohd Salleh, Ashgar Ali Muhammad dan Azizah Mohd (2016), membuat kajian mengenai penderaan buruh kanak-kanak di Malaysia. Mereka merumuskan bahawa kanak-kanak terdesak untuk bekerja disebabkan oleh beberapa faktor seperti taraf pendidikan ibubapa yang rendah dan pendapatan yang tidak mencukupi. Kajian mereka turut membuktikan keadaan realiti tentang jumlah buruh kanak-kanak yang mencatat kadar yang tinggi di beberapa buah negeri di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization*) ILO telah mewujudkan Program Antarabangsa Penghapusan Pekerja Kanak-Kanak (IPEC) pada tahun 1992. Tujuan program ini adalah untuk melindungi kanak-kanak. Menurut *ILO,* kanak-kanak dipaksa bekerja dalam suasana tidak baik demi mencari nafkah untuk diri sendiri dan keluarga mereka.

> *The International Labour Organization (ILO) created the International Programme on the Elimination of Child Labour (IPEC). ILO-IPEC had defined child labour as "… work situations where children are compelled to work on a regular basis to earn a living for themselves and their families, and as a result are disadvantaged educationally and socially…" In other words, these children are forced to carry out activities that are normally regarded as adult responsibilities. The work that they do harms or exploits them in some ways – physically, mentally, morally or by blocking access to Education*
>
> *(The International Labour Organization (ILO), 1992)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Pertubuhan Buruh Antarabangsa mewujudkan "Program Antarabangsa Penghapusan Pekerja Kanak-Kanak *(IPEC)". ILO-IPEC* telah menetapkan buruh kanak-kanak sebagai "... situasi kerja di mana kanak-kanak terpaksa bekerja di tempat kerja biasa untuk mencari nafkah untuk diri sendiri dan keluarga mereka, dan akibatnya adalah kurang baik dari segi pendidikan dan sosial ..." Dengan kata lain, anak-anak ini terpaksa menjalankan aktiviti yang biasanya dianggap sebagai tanggungjawab dewasa. Kerja yang dilakukan oleh mereka membahayakan atau mengeksploitasi mereka secara fizikal, mental, moral atau menghalang akses kepada pendidikan.
>
> (Pertubuhan Buruh Antarabangsa, 1992)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, menurut Naga Devi (2005), fenomena kadar buruh kanak-kanak yang tinggi dalam kalangan masyarakat ladang adalah disebabkan oleh pencapaian akademik yang rendah. Lantaran itu, mereka tidak berpeluang untuk meneruskan pendidikan ke tahap yang tinggi. Akhirnya, mereka memilih untuk bekerja di ladang.

Gambaran realiti tentang pekerjaan *chokra* juga dapat dilihat pada *Federation of Malaya Annual Report* (1955). Laporan ini menunjukkan bilangan pekerja mengikut industri utama. Laporan itu turut menunjukkan bilangan pekerja India di ladang-ladang getah di Tanah Melayu. Mengikut laporan tersebut jumlah pekerja lelaki dewasa adalah 137,885, jumlah pekerja wanita pula 114,937 dan buruh kanak-kanak berjumlah 15,159.

Sementara itu, pada tahun 1937, seorang British yang prihatin terhadap masyarakat Tamil, iaitu Hugh Leslie Hedge yang berkhidmat di Lembaga Peperiksaan Tanah Melayu (*Malayan Examinations Syndicate)* telah mewajibkan kanak-kanak yang bekerja untuk menghadiri kelas petang, kerana tidak mahu mereka ketinggalan dalam pendidikan (Kalaimuthu, K. 2008).

Selain itu, Veerapan, N. (1988) pula berpendapat bahawa hampir separuh daripada jumlah kanak-kanak yang berumur antara 10 hingga 12 tahun telah mengikuti ibu bapa untuk bekerja di ladang. Justeru, kewujudan pekerja kanak-kanak adalah satu realiti. Seterusnya, Kurinjivendhan, R. (2013), menyatakan bahawa pada awalnya masyarakat Tamil bercadang untuk pulang ke negara India selepas tamatnya kontrak pekerjaan. Oleh itu, mereka tidak memikirkan hal pendidikan. Anak mereka pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuat pekerjaan ringan di ladang. Tambahan pula, majikan telah menggalakkan kanak-kanak yang berumur sepuluh tahun dan lebih untuk bekerja di ladang. Oleh itu, ramai masyarakat Tamil telah menggunakan peluang ini untuk membawa anak mereka bekerja kerana faktor kemiskinan.

Manakala Muthammal Palanisamy (2002), menghuraikan bagaimana bapanya, Ayyan yang ketika itu masih kanak-kanak menjadi buruh *chokra* di Ladang Wangi. Ladang Wangi ini milik Golden Group yang terletak di daerah Dinding, di negeri Perak. Pada ketika itu, bapanya datang ke Tanah Melayu bersama ibubapanya. Dia dan kanak-kanak lain memotong rumput dan membersihkan kawasan ladang; dengan bayaran gaji yang rendah. Penulisan Muthammal membuktikan kehadiran *chokra* (buruh kanak-kanak) di tanah Melayu ketika itu. Di samping itu, di Malaysia mengikut Akta kanak-kanak dan orang muda (Pekerjaan) 1966, memperuntukkan bahawa seseorang yang berumur 18 tahun keatas sahaja layak untuk bekerja.

Pengarang telah berjaya menggambarkan realiti pekerjaan *chokra* dalam karya mereka. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa buruh kanak-kanak atau *chokra* yang digambarkan dalam novel sebenarnya wujud di Tanah Melayu pada zaman penjajahan British dan juga zaman selepas kemerdekaan. Gambaran kewujudan buruh kanak-kanak itu disampaikan melalui watak dan latar masa serta tempat yang dipaparkan dalam novel tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.4 Pekerjaan *Kangani*

Menurut Arivananthan, M. (2004), perkataan *kangani* membawa erti pemerhati ataupun *foreman.* Di bawah Sistem Kangani yang berkuatkuasa pada tahun 1890, *kangani* merekrut pekerja dari negara India. Pekerja akan dibayar wang pendahuluan. Wang pendahuluan ini akan dipotong daripada gaji mereka. Kangani merupakan orang tengah untuk pihak majikan British. Dia merupakan *mandur* atau penyelia yang mengawasi pekerja di ladang getah.

Kangani ialah seorang ketua kumpulan buruh *(estate foreman)* yang diberi kuasa oleh pengurus ladang untuk mengawal dan mendisiplinkan buruh di bawah jagaannya dengan menggunakan cara kekerasan. *Kangani* memang terkenal dengan sikap dan tindakan menindas pekerja ladang getah. Majikan telah memberikan kuasa mutlak kepada kangani. *Kangani* memerhatikan segala tindak-tanduk pekerja. Pekerja yang engkar perintah akan dikenakan hukuman berat(Ramasamy, P. 1991).

Sementara itu, Jain, R. K. (1970), turut menyokong pendapat ini. Pekerja yang tidak menurut perintah akan didera oleh *kangani*. Terdapat kes mangsa penderaan yang terpaksa dihantar ke hospital. Terdapat juga pekerja yang terus meninggal dunia di hospital. Beliau juga menjelaskan bahawa *kangani* merupakan orang yang meminjamkan wang untuk pekerja yang dibawanya. Wang tersebut adalah untuk perbelanjaan pengangkutan dan penempatan di ladang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Novel Tamil yang berkisar pada kehidupan ladang, memang tidak terlepas daripada menceritakan watak *kangani*. Watak ini tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan masyarakat Tamil ladang. Enam buah novel yang dikaji turut memaparkan watak ini dan menggambarkan pekerjaan *kangani* secara terperinci. Manakala, sebuah novel, iaitu *Cemmaṇṇum Nîla Malarkaḷum* langsung tidak memaparkan watak *kangani*.

4.2.1.4.1 Mengenal Pasti Pekerjaan *Kangani* dalam NTM

Dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam* pekerjaan *kangani* dikenal pasti melalui gambaran watak *kangani* Tarmalingam. Pada setiap pagi, penoreh getah hendaklah sampai awal ke "*parade*" (perhimpunan pagi). Tepat pukul 6.00 pagi pagar menuju ke ladang getah akan ditutup. Sesiapa yang datang lambat perlu berjumpa *kangani* dan juga kerani. Mereka akan memarahi pekerja itu.

> *மணி ஆறுக்கு மேல் ஆயிற்று. இரு தொழிலாளர் வந்தனர்.கங்காணி தர்மலிங்கம் நின்றிருந்தார். "ஏன் இப்படி செய்றீங்க, தோட்டத்து நெலை உங்களுக்கு தெரியும் தானே? வீணாப் பேச்சு வாங்கிக் கட்டிக்கிறீங்க?" என்றார் அவர் (இளவழகு, ஐ. 1983, ப.78).*

> Masa sudah melewat pukul 6.00. Dua pekerja datang lambat. *Kangani* Tarmalingam sedang berdiri berhampiran dengan pagar. Kenapa kamu buat begini? Tidakkah kamu tahu peraturan ladang? Kenapa kamu sengaja mencari teguran? (Ilavalagu, I. 1983, ms.78).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, dalam novel *Maṇpulukkaḷ* dikenal pasti pekerjaan *kangani*. Pengurus ladang, iaitu Vargese memanggil watak *kangani* ke pejabat untuk menasihatinya. Dia menasihati *kangani* supaya mengerah pekerja tanpa belas kasihan. Nasihat Vargese jelas menggambarkan pekerjaan seseorang *kangani*.

> *இங்க பாருங்க... இந்த தோட்டத்து சனங்கள நல்லா வேல வாங்கறதுக்குதான், சீமயில இருக்கிற நம்ம மொதலாளி தொர, நம்மள இங்க வேலக்கி வச்சிருக்காரு. நீங்க ஒழுங்கா இந்த சனங்கள் வேல வாங்கணும். பாவம் பாக்க வேணாம். கண்டிப்பா இருங்க... அப்பதான் வேல வாங்கமுடியும். அதான் முக்கியம்...புரிஞ்சுதா(முத்துசாமி., சீ. 2006, ப.149).*

> Dengar sini…kita dilantik oleh majikan *torai* yang berada di negaranya untuk mengerah pekerja supaya bekerja dengan baik. Kamu harus menguruskan pekerja ladang ini supaya mereka bekerja dengan baik. Jangan tunjukkan belas kasihan. Mesti bersikap tegas. Baharulah kamu boleh memaksa mereka bekerja keras. Itulah yang penting. Faham..(Muthusamy, C. 2006, ms.149).

Malahan, melalui novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ* turut dapat mengenal pasti pekerjaan *kangani*. Nama watak *kangani* tidak dinyatakan dalam novel ini. Pengarang menjelaskan tugas *kangani* di ladang getah itu. *Kangani* akan memeriksa pokok getah dan memukul batang besi yang menandakan masa untuk mengutip susu getah.

> **எப்பொழுதும் கங்காணி வந்து தீம்பாரைச் சுற்றி ஒரு தடவை பரிசோதனை செய்துவிட்ட பிறகுதான் மரத்தில் கட்டப்பட்டிருக்கும் இரும்பு துண்டை ஓங்கி அடிப்பார். அந்த மணி சத்தம் கேட்டவுடன் தான் எல்லோரும் பாலைச் சேகரிக்கத் தொடங்குவார்கள் (பாலமுருகன்,கே. 2009, ப.56).**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Selalunya *kangani* datang memeriksa semua pokok getah. Selepas itu, barulah dia akan memukul batang besi yang tergantung pada pokok. Setelah mendengar bunyi ini, semua penoreh akan mula mengutip susu getah (Balamurugan, K. 2009, ms.56).

Selain itu, pekerjaan *kangani* turut dikenal pasti melalui watak *kangani* Irulapan dalam novel *Selancar Empat*. Selepas fragmentasi, semua pekerja telah diberhentikan kerja. Hampir separuh pekerja telah meninggalkan ladang dan berpindah ke tempat lain untuk mencari pekerjaan baharu. Masyarakat Tamil yang masih tinggal di ladang memiliki kad pengenalan merah, iaitu tidak memiliki sijil kewarganegaraan. Mereka tidak akan diambil bekerja di ladang lain. Akhirnya, *kangani* Irulapan bercadang untuk membawa kumpulan pekerja ini bekerja di ladang Tauke Cina. *Kangani* Irulapan memaklumkan kepada watak Muniamah bahawa pembangunan akan berlaku di tempat mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *“இங்கே பெரிய பேக்டிரியெல்லாம் வரப்போதாம்.வெளிநாட்டு மொதலாளிங்க பேக்டிரி கட்டப் போறாங்களாம். பேக்டிர்யெல்லாம் கட்டி முடிக்க மூணு வருஷமாகுமாம்... அதுக்காக தோட்டத்த மூணு மடங்கு அதிக லாபத்துக்கு வித்திருக்காங்க. இருளப்பன் கங்காணி கையைக் காட்டிய திசையைப் பார்த்தாள்(புண்ணியவான்,கோ. 2013, ப.20).*

> Sebuah kilang yang besar akan dibina di sini. Majikan dari luar negara akan membina kilang itu. Kilang itu akan siap dibina dalam masa tiga tahun. Oleh sebab itu, ladang dijual dengan harga tiga kali ganda. Muniammah melihat ke arah yang ditunjukkan oleh *kangani* Irulappan, iaitu tempat kilang itu akan dibina (Punniavan, Ko. 2013, ms.20).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, pekerjaan *kangani* juga dikenal pasti dalam novel *Tuyara Pātai*. Penulis novel menggambarkan pekerjaan *kangani* melalui watak Nagan. Cikgu Sivalingam dan pengasuh kanak-kanak di ladang, iaitu ayamma sedang berbual mengenai watak *kangani* Nagan. Cikgu Sivalingam menjelaskan cara *kangani* memperdaya masyarakat Tamil dengan kata-kata manis. Selain itu, *kangani* juga mendapat komisyen untuk setiap pekerja yang dibawa.

> *மலாய்நாட்டுக் காடுகளை அழித்துச் சீராக்கி செம்மைப்படுத்த, ஆங்கிலேயர் முதலாளிமார்களின் கையாளாகக் கருப்புக் கோட்டும்,சிவப்புத் தலைப்பாகையும் அணிந்த கங்காணிமார்கள்; தென்னிந்திய தொழிலாளர்களை 1880ஆம் ஆண்டு, மலைநாட்டிற்கு அழைத்து வந்தனர். மலைநாட்டு மரம், செடிகளில் பணம் காய்த்துக் குலுங்குகிறது என்று,'தலைகாசு' வரிப்போட்டு, தன் பையை நிரப்பினர் கங்காணிமார்கள்(பெருமாள்.கா,1978, ப.45).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Dalam usaha membersihkan hutan tebal di Tanah Melayu, pihak British telah mempergunakan *kangani* sebagai agen mereka. Kangani biasanya memakai kot hitam dan thallapa (ikatan kepala) berwarna merah. Pada tahun 1880, *kangani* telah membawa pekerja Tamil dari India Selatan. *Kangani* telah memperdaya masyarakat Tamil dari India Selatan dengan menyatakan bahawa pokok di Tanah Melayu berbuah emas. Kangani telah mendapat komisyen yang lumayan untuk setiap pekerja yang dibawanya (Perumal, K.1978, ms.45).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, pekerjaan *kangani* turut dikenal pasti dalam novel *Noiva Pûkkaḷ.* Penulis novel ini menggambarkan pekerjaan itu melalui watak *kangani* bernama Munusamy. Watak Velu telah mendapat pekerjaan sebagai pegawai perinyu kesihatan di Kulim, Kedah. Velu telah mengirimkan surat kepada ibunya di ladang untuk memaklumkan hal ini. Surat itu telah disampaikan oleh *kangani* kepada ibu Velu. Hanya *kangani* sahaja dapat membawa surat-surat dari pejabat ladang.

> *"மாரியாயி...ந்தா.. ஒன்புள்ள லெட்டர் போட்டிருக்கான். முனுசாமி கங்காணி தான் கடிதம் கொண்டு வந்திருந்தார். மொத்தமாய் எஸ்டேட் ஆபிஸில் வந்து சேர்ந்திருந்த கடிதங்களை யாராவது ஒருவர் கரிசனையோடு கண்டெடுத்து கொண்டு வந்தால் தான் ஆச்சு. இல்லையென்றால் அப்படியேதான் கிடக்கும். கிராணிகளுக்கு அதற்கெல்லாம் நேரமில்லை (பெருமாள். கா,1978, ப.69).*

> Mariyayi..nah…anak kamu ada kirimkan surat. *Kangani* Munusamylah yang membawa surat itu. Semua surat untuk para pekerja akan dihantar ke pejabat ladang. Surat-surat ini hanya sampai ke tangan pekerja ladang, jika ada seseorang yang baik hati mengambil surat tersebut dari pejabat. Jika tidak, surat akan terbiar di pejabat sahaja. Kerani tidak ada masa untuk menguruskan hal tersebut (Perumal, K. 1978, ms.69).

4.2.1.3.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan *Kangani* dalam NTM

Para pengarang novel telah berjaya memaparkan gambaran tentang pekerjaan *kangani* yang wujud dalam karya-karya mereka. Watak *kangani* yang dipaparkan dalam novel merupakan seseorang ketua pekerja benar-benar wujud di Tanah Melayu pada ketika itu. Gambaran realistik tentang pekerjaan *kangani* dapat dikesan daripada sejarah kedatangan masyarakat Tamil ke negara ini melalui Sistem *Kangani* yang diperkenalkan pada tahun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1890. Sistem *Kangani* diperkenalkan selepas sistem buruh kontrak dimansuhkan(Sandhu, K. S. 1961).

Di bawah Sistem *Kangani*, *Kangani* bertindak sebagai agen bagi pihak pengurus ladang. Dia ditugaskan untuk merekrut rakan dan saudara-mara dari negara India untuk bekerja di Tanah Melayu. *Kangani* juga dikenali sebagai *mandur*, *tandal* atau penyelia untuk mengawal dan menguruskan tenaga pekerja ladang. Dia akan melaksanakan segala arahan pihak pengurus demi memperoleh habuan lumayan daripada majikannya. Di samping itu, dia bertindak keras dan mengerjakan pekerja yang ingkar perintahnya (Sandu, K. S. 1961).

Kangani diberikan lesen dan kuasa untuk meraih pekerja di negara India. Pekerja ini lazimnya terdiri daripada sanak-saudara dan kenalan kampung halamannya di India. *Kangani* akan menghulurkan wang pendahuluan untuk menanggung tambang kapal dan kos penghantaran lain. Pekerja akan menandatangani kontrak selama lima tahun. Wang pendahuluan yang diberikan akan ditolak daripada gaji setelah mereka mula bekerja di ladang. *Kangani* akan mendapat komisyen sebanyak 10 Rupee untuk setiap pekerja yang dibawanya (Kurinjivendhan, R. 2013).

Menurut Sandhu, K. S. (1969), sistem Kangani telah dimansuhkan pada 1938 kerana berlaku penindasan atas pekerja. Namun, sistem Kangani telah berjaya meningkatkan bilangan pekerja yang diperlukan di ladang-ladang getah. Pada tahun 1909, bilangan pekerja Tamil yang datang ke Tanah Melayu ialah sebanyak 21,963

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

orang. Ramai pekerja telah diperdaya oleh *kangani* dengan janji manis dan tipu helah. Di ladang-ladang, pekerja ini dikawal begitu ketat oleh *kangani*. Malah, mereka mesti sentiasa patuh kepada arahannya di samping menunduk dan bertingkah laku sopan di hadapannya.

Seterusnya, menurut Arivananthan, M. (2004), di bawah Sistem Kangani, majikan akan mengagihkan sejumlah pekerja yang diperlukan oleh kangani untuk melakukan kerja-kerja di ladang. Oleh itu. *kangani* akan sering berulang-alik ke kampung asalnya di negara India untuk mencari saudara dan orang kampungnya untuk bekerja di Tanah Melayu. Segala kos perjalanan dan perbelanjaan akan ditanggung oleh pihak majikan. Tambahan pula, *kangani* akan mendapat komisen atas setiap pekerja yang dibawanya. Dia menaburkan janji-janji manis kepada masyarakat Tamil untuk mendorong mereka ke Tanah Melayu. Janji manis itu mudah dipercayai oleh masyarakat yang tidak berpendidikan dan miskin itu.

Di samping itu, *Proceedings of Government of Madras* (1870) menjelaskan tugas seseorang *kangani* secara terperinci. *Kangani* diberi lesen yang sah untuk merekrut pekerja. Tugas utama *kangani* ialah mencari pekerja dari kampungnya di negara India, menguruskan hal perjalanan dan menghantar mereka ke ladang getah di tanah Melayu. Majikan akan memberikan komisen sebanyak 10 Rupee untuk setiap pekerja yang dibawa. Melalui Sistem *Kangani* ramai pekerja dibawa oleh *kangani* untuk bekerja di ladang-ladang getah. Pekerja ini mempercayai kata-kata dan janji manis *kangani*. Mereka hanya mengetahui keadaan sebenar selepas tiba di Tanah Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Veerapan, N. (1988) juga mempunyai pandangan yang sama mengenai *kangani*. Setelah Sistem Kangani dikuatkuasakan, *kangani* telah dilantik sebagai wakil sah pihak majikan British untuk membawa pekerja dari negara India. Di bawah sistem ini, setiap kali seramai 20 orang pekerja akan dibawa bersama dengan keluarga mereka. Pasangan yang baharu berkahwin juga turut dibawa. Setibanya pekerja ini, *kangani* akan memperoleh wang komisennya daripada majikan.

Menurut Selvakumaran, R. (1994) pula, *kangani* akan memastikan semua pekerja ladang berada di bawah kawalannya. *Kangani* juga akan memberikan pinjaman wang kepada pekerja tersebut dengan mengenakan kadar bunga tertentu. Pekerja ini sememangnya tidak mampu membayar balik kesemua hutang mereka. Oleh itu, mereka terpaksa berhutang wang kepada kangani serta berhutang budi. Justeru, jelaslah gambaran realiti akan pekerjaan kangani yang memang wujud pada zaman kolonial British. Realiti ini digambarkan oleh para pengarang melalui watak dan latar yang dipaparkan dalam novel-novel mereka.

4.2.1.5 Pekerjaan Kerani

Menurut *MASCO-08* (2010), kerani ladang (*estate conductor*) diertikan sebagai penyelia ladang. Tugas operasi seseorang kerani ladang merangkumi penyeliaan kerja-kerja, pemasaran hasil dan penyelenggaraan kemudahan kejuruteraan ladang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada zaman pemerintahan British, kerani merupakan orang penting kepada pengurus ladang yang terdiri daripada orang British. Majikan British memberikan kuasa kepada kerani untuk mengurus dan mentadbir ladang getah. Seseorang kerani biasanya digambarkan sebagai orang yang garang. Biasanya, kaum Malayalee dan kaum Tamil dari Sri Lanka yang berpendidikan memegang jawatan kerani di ladang (Kurinjivendhan, R. 2013). Kesemua tujuh buah novel menggambarkan pekerjaan kerani dalam kalangan masyarakat Tamil di ladang**.**

4.2.1.5.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Kerani dalam NTM

Dalam novel yang berjudul *Cemmaṇṇum Nîla Malarkaḷum* pekerjaan kerani dapat dikenal pasti melalui watak Raman Nair. Watak Kanniapan pulang ke ladang Bukit Tanah Merah, selepas tamat kontrak sebagai guru sandaran. Dia bercadang untuk mencari pekerjaan di ladang. Maka, dia perlu memohon kepada kerani Raman Nair untuk mendapatkan pekerjaan di ladang. Pengarang menjelaskan bahawa keranilah yang berkuasa untuk melantik seseorang pekerja ladang.

> *கிராணியிடம் சொல்லி ஸ்டோரில் வேலை கிடைக்குமா என்று கேட்க வேண்டும். அதில் கிடைக்காவிட்டால் மரம் வெட்டப்போக வேண்டியதுதான். அதுவும் இல்லாவிட்டால் வெளிக்காட்டு வேலை (குமாரன், எம்.1971, ப.31).*

> Saya perlu memohon kepada kerani untuk bekerja di stor getah. Sekiranya tidak mendapat kerja itu, terpaksa pergi menoreh getah. Kalau itu pun tidak dapat, saya kena buat kerja-kerja buruh kasar (Kumaran, M. 1971, ms.31).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam*, pekerjaan kerani dikenal pasti melalui watak kerani kanan di sebuah ladang yang tidak dinyatakan namanya. Watak Mathavan merupakan setiausaha dalam kesatuan pekerja ladang. Mathavan sentiasa membela nasib pekerja ladang. Suatu ketika dahulu, Mathavan mengadu bahawa kerani rendah telah memukul seorang pekerja ladang. Dia mendesak supaya kerani rendah itu meminta maaf daripada pekerja itu atas tindakannya yang melampaui batas.

Namun, kerani kanan tidak bersetuju akan tindakan Mathavan yang membela nasib pekerja. Kerani tersebut meminta ibu bapa Mathavan untuk menasihatinya supaya meninggalkan jawatan setiausaha. Kerani itu berjanji menawarkan jawatan kerani rendah kepada Mathavan. Ibu bapa Mathavan telah termakan akan pujukan dan janji kerani kanan itu. Namun, Mathavan tidak termakan pujukan dan janji itu kerana dia sedar akan motif sebenar kerani kanan itu. Motifnya adalah menghapuskan kesatuan pekerja ladang dan tidak mahu sesiapa membela nasib para pekerja.

> *“மாதவன் படிச்ச பிள்ளை. அடுத்த டிவிஷனிலே ஒரு சின்ன கிராணி வேலை காலியா இருக்கு. அதை மாதவனுக்கே கொடுக்கலாம்னு சிபாரிசுசெய்யப் போறேன். என்ன சொல்றீங்க?” என மாதவனின் பெற்றோரைப் பார்த்துக் கேட்டார் பெரிய கிராணி (இளவழகு, ஐ. 1983, ப.91).*

> “Mathavan ialah seorang anak yang berpelajaran. Ada jawatan kosong untuk jawatan kerani rendah di *division* (bahagian) sebelah ladang itu. Saya akan mencadangkan supaya Mathavan diberikan jawatan itu. Apa pandangan kamu?” tanya kerani kanan itu kepada ibu bapa Mathavan (Ilavalagu, I. 1983, ms.91).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pekerjaan kerani turut dikenal pasti dalam novel *Noiva Pûkkaḷ*, melalui watak bapa Santuru. Watak Santuru teringat akan kisah hidup cerita masyarakat Tamil yang disampaikan oleh bapanya. Menurut ayahnya, masyarakat Tamil dari negara India dibawa untuk membersihkan hutan tebal di Tanah Melayu. Malangnya, ramai pekerja telah mati akibat penyakit malaria. Selain itu, jika seseorang pekerja berlengah-lengah ketika menjalankan kerjanya, orang itu akan dipukul oleh orang putih. Masyarakat Tamil pada ketika itu dikatakan hidup bagai hamba. Mereka juga menjadi mangsa kejian pihak kerani dan kangani.

> *வேலை செய்ய தயங்கும் போது வெள்ளையர்களிடம் அடி வாங்கி கொத்தடிமையாகவும் காலத்தை கழித்திருக்கிறார்கள். கிராணி, தண்டல்மார்கள் ஏச்சுக்கும் பேச்சுக்கும் ஆளாகியிருக்கிறார்கள் (புண்ணியவான், கோ. 2008, ப.14).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Apabila enggan bekerja, orang putih akan memukul mereka lalu mereka terpaksa meneruskan kehidupan mereka bagai hamba. Mereka juga dimaki hamun oleh kerani dan *kangani* (Punniavan, Ko. 2008, ms.14).

Dalam pada itu, dalam novel *Maṇpulukkaḷ* telah dikenal pasti pekerjaan kerani melalui watak Raman Kutti. Watak Muniapan telah mencuri di rumah Vediapan. Hal ini telah diadu kepada kerani kanan Raman Kutti. Kerani kanan telah memukul Muniapan setelah terbukti kesalahannya.

> *பெரிய கிராணி தொண்டய செருமி, முனியப்பன் பாத்து கேக்கறாரு.'டேய் முனியா...நேத்து ராத்திரி நீ எங்கடா இருந்தே? வேடியப்பன் வுட்டு பக்கமா போனியா? வுட்லதான் தூங்கிட்டி இருந்தேன் ஐயா. எனக்கு அங்க என்னய்யா வேல? சடார்னு, நாக்காலிய பின்னால தள்ளி, எழுந்து வந்து, முனியப்பன் கன்னத்துல நாலு அர வச்சு, கால்ல எத்தி கீழ தள்ளி,ஏசனாரு கிராணி (முத்துசாமி. சீ. 2006, ப.113).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kerani kanan dengan suara lntang bertanyakan Muniapan.“Muniya, di manakah kamu ada pada malam semalam? Adakah kamu pergi ke rumah Vediapan?”. Muniapan menjawab,“Saya sedang tidur di rumah sahaja, tuan. Kenapa saya perlu ke rumah Vediapan? Kerani itu, tiba-tiba menolak kerusinya ke belakang lalu terus melempang pipinya berkali-kali. Kerani itu juga menendang jatuh orang itu sambil mencarut (Muthusamy, C. 2006, ms.113).

Tambahan pula, melalui novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ*, pengkaji dapat mengenal pasti pekerjaan kerani di setor getah. Penoreh getah akan membawa susu getah ke setor. Kerani dan *kangani* akan memeriksa kepekatan susu getah dengan menggunakan ‘*degree’*. ‘*Degree’* ialah alat penyukat kepekatan susu getah. Apabila susu dicampurkan air, ‘*degree’* itu akan menunjukkan ukuran kepekatan sebanyak 1¼. Kerani telah mengesan bahawa Kanagasabai telah mencampurkan air dalam susu getahnya. Dia diberi amaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *கங்காணியும் கிராணியும் ஆலக்கரையை நோக்கி வந்தனர். “யப்பா, அந்த டிகிரியைப் போட்டு பாரு, பால் ரொம்ப கலப்படம்னு செய்தி வருதுப்பா”. டேய், யெவனோடடா இந்த வாளி? அவனுக்கு டிகிரி ஒன்னே கால்தான் காட்டுதடா. இன்னிக்கு எவனும் தப்பிக்க முடியாதுடா. டேய் ஒனக்கு வோர்னிங், அடுத்த தடவனா நீ மரம் வெட்ட போவ வேணாம்டா” இது யாரோடடா? ஒன்னே முக்கால் காட்டுதுடா, கலக்காத பாலுடா (பாலமுருகன், கே. 2009, ப.60).*

> Kangani dan kerani berjalan menuju ke kilang setor susu getah.”Tolong masukkan *degree* ke dalam susu getah. Terdapat banyak aduan mengenai susu dicampuri air. Siapa punya susu ini? *Degree* menunjukkan 1 ¼. Tiada sesiapa boleh menipu hari ini. Dei, kamu diberi amaran. Lain kali kau tak boleh menoreh getah lagi. Yang ini siapa punya? *Degree* menunjukkan 13/4. Inilah susu getah yang tulin (Balamurugan, K. 2009, ms.60).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, pekerjaan kerani turut dikenal pasti dalam novel *Selancar Empat* melalui watak kerani kanan yang tidak dinyatakan namanya. Pekerjaan kerani dapat diketahui melalui perbualan antara watak Irulapan dengan watak Mookan. Masyarakat Tamil ladang itu diberi notis tiga bulan supaya keluar dari ladang kerana ladang itu sudahpun dijual. Perkara ini telahpun diketahui oleh kerani kanan lebih awal. Namun, kerani telah merahsiakan perkara ini tanpa menghiraukan masa depan pekerja ladang.

> *பெரிய கிராணிக்கு முந்தியே எல்லாந் தெரியும்...ஆனா ஒண்ணும் தெரியாத மாரி...நம்ம முன்னுக்கு வேசம் போட்டிட்டான்...அவன தெடப்படுத்திக்கிட்டு, நம்மல மறந்துட்டான்..நம்மகிட்ட ஒரு வார்த்த சொல்லியிருந்தா அப்பியே உஷாராயிருக்கலாம் (புண்ணியவான், கோ. 2013, ப.23).*

> Kerani kanan memang telah mengetahui hal ini lebih awal. Namun, dia telah berpura-pura bahawa tidak tahu apa-apa. Kerani sudahpun membuat persediaan untuk berpindah ke tempat lain, malangnya kita dilupakannya. Sekiranya kerani maklumkan hal ini lebih awal, kita juga dapat bersiap sedia," kata Irulapan kepada Mookan (Punniavan, Ko. 2013, ms.23).

Akhir sekali, pekerjaan kerani turut dikenal pasti dalam novel *Tuyara Pātai*. Penulis novel menggambarkan pekerjaan kerani melalui watak kerani yang tidak dinyatakan namanya. *Kangani* Nagan telah pergi ke rumah kerani sambil membawa sebotol arak dan masakan kari kambing sebagai hadiah. Kerani gembira menerima hadiah tersebut. Seterusnya, *kangani* memohon jasa baik kerani untuk mendapatkan dua tong todi sempena perayaan di kuil ladang. Kerani pun bersetuju memenuhi permintaannya itu. Pengarang menggambarkan bahawa watak kerani merupakan orang yang perlu dipohon untuk melakukan sesuatu aktiviti di ladang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

“அய்யா சின்ன உதவி செஞ்சாப் போதுமுங்க. ஒரு ரெண்டு தோம்பு கள்ளு சாமி கணக்குல குடுக்கணுங்க” என்று பணிவாகக் கேட்டார் நாகன் கங்காணி. “அதுக்கென்ன கங்காணி. நாளைக்கே துரையிடம் கேட்டு ரெண்டு தோம்பு கள்ளு சாமி கணக்குலே கொடுக்க ஏற்பாடு செய்யறேன்” என்றார் கிராணியா (பெருமாள். கா, 1978, ப.166).

“Tuan, saya nak minta sedikit pertolongan. Bolehkah tuan mendapatkan dua tong todi sempena perayaan di kuil ladang nanti”, kata kangani dengan penuh sopan.“Tak ada masalah *kangani*. Esok saya akan minta kebenaran *Torai* (Majikan orang putih) untuk menyediakan dua tong todi di bawah akaun kuil ladang” (Perumal, K. 1978, ms.166).

4.2.1.5.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Kerani dalam NTM

Realiti pekerjaan kerani dapat dilihat pada pernyataan Veerapan, N. (1988). Beliau berhujah bahawa kebanyakan kerani adalah terdiri daripada masyarakat Malayalee yang beragama Kristian. Majikan British dan kerani akan menunjukkan kuasa mereka dengan mencarut dan menindas pekerja di ladang tanpa perasaan keperimanusiaan. Menurut beliau lagi, pekerjaan kerani juga disandang oleh masyarakat Sri Lanka pada ketika itu.

Menurut *The Encyclopedia of the Indian Diaspora*, (2006) kerani di kebanyakan ladang di Tanah Melayu, terdiri daripada kaum Malayalee dan Jaffna Tamil. Pengurus British akan menetapkan peraturan ladang dan membuat keputusan berkaitan dengan masalah pekerja ladang. Kerani pula bertanggungjawab untuk melaksanakannya. Selain itu, organisasi sesebuah ladang terdiri dari seorang British sebagai pengurus dan tiga orang British lagi yang bertugas sebagai penolong pengurus. Mereka dibantu oleh kerani.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Biasanya, kerani-kerani yang dilantik itu adalah berketurunan Sri Lanka ataupun Malayalee yang berpendidikan Inggeris.

Sementara itu, Jain, R. K. (1970), juga berpendapat bahawa masyarakat Tamil Jaffna yang berasal dari Sri Lanka dan kaum Malayalee bekerja sebagai kerani di ladang. Masyarakat Malayalee bekerja sebagai pekerja berkemahiran tinggi. Dalam sektor perladangan, mereka bekerja sebagai kerani di ladang. Mereka juga bekerja dalam sektor awam sebagai kakitangan profesional. Kebanyakan kaum Tamil dari Sri Lanka tinggal di bandar. Mereka bekerja sebagai penyelia di ladang (Rajeswary Ampalavanar,1981).

Seterusnya, menurut Stenson, M. R. (1980), dalam struktur organisasi ladang, terdapat seorang pengurus Eropah, kerani-kerani yang terdiri daripada kaum Tamil dari Sri Lanka atau Malayalee. Manakala, masyarakat Tamil atau Telugu pula menjadi buruh ladang. Pada awalnya, masyarakat Tamil dari Sri Lanka telah menjadi kerani di ladang getah. Pada tahun 1920, mereka pula digantikan oleh kaum Malayalee.

Masyarakat India yang berpendidikan seperti kaum Malayalee dan Sri Lanka juga dilantik menjadi kerani di ladang getah. Kerani dihormati dan ditakuti oleh pekerja ladang. Kerani biasanya digambarkan bersifat tegas dan garang. Dia merupakan orang yang perlu dirujuk ketika membuat sebarang permohonan bagi mendapatkan sesuatu kemudahan. Kerani pula akan berbincang dengan majikan British sebelum memberikan kata putus. Misalnya, masalah air atau pembinaan jambatan di ladang mesti dirujuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada kerani. Pekerja juga wajib memohon kebenaran kerani terlebih dahulu untuk menjalankan sebarang aktiviti di ladang (Kurinjivendhan, R. 2013).

Pengarang berjaya menggambarkan pekerjaan kerani sebagai realiti yang wujud pada zaman kolonial dan selepas kemerdekaan. Realiti ini dipaparkan oleh pengarang melalui watak-watak, latar tempat dan latar masa pada zaman tersebut. Pekerjaan kerani diceritakan oleh pengarang secara terperinci dari segi sikap dan juga tugasnya di sesebuah ladang.

4.2.1.6 Pekerjaan Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MASCO-08 (2010), membahagikan profesion perguruan kepada sembilan jenis pekerjaan. Salah satunya ialah guru pendidikan rendah. Kajian ini juga berfokus kepada guru bahasa Tamil di sekolah rendah di ladang. Menurut *MASCO*-08 (2010), tugas guru pendidikan rendah ialah mengajar pelbagai mata pelajaran di peringkat pendidikan rendah dan menyusun aktiviti pendidikan.

Seterusnya, Kamus Dewan (2010) pula, mendefinikan guru sebagai pengajar, pendidik atau pengasuh. Seorang guru merupakan pembimbing dalam proses pembelajaran. Guru merupakan ahli masyarakat yang mempunyai perhubungan sosial yang berkait rapat dengan masyarakat berstatus (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, Jaafar dan Tamuri (2013), berhujah peranan guru ialah sebagai pemangkin dalam transformasi sistem pendidikan sesebuah negara bagi melahirkan generasi yang berintelek tinggi, berbudaya saing dan kompetif dalm semua aspek. Manakala, Mok, S. S.(2010), pula berpendapat guru merupakan ahli ikhtisas dalam bidang perguruan yang menjalankan tugas mendidik di sekolah sebagai pengajar, pembimbing, pemudahcara, inovator dan pengurus yang secara tidak langsung mempunyai peranan dalam aspek ekonomi dan masyarakat.

Namun, pada era British di Tanah Melayu, guru yang mengajar di ladang getah kebanyakannya tidak bertauliah. Justeru, golongan masyarakat yang berpendidikan seperti kerani, *kangani*, pembantu perubatan dan lepasan sekolah menengah telah menjadi guru di sekolah ladang. Sukatan pelajaran yang digunakan adalah berdasarkan kurikulum di negara India (Kurinjivendhan, R. 2013).

Kesemua tujuh buah novel memang menggambarkan pekerjaan guru dalam kalangan masyarakat Tamil ladang. Lazimnya, terdapat seorang guru di setiap ladang. Biasanya, guru tersebut berasal dari negara India. Dia juga mendapat pendidikan rendah di negara India. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa masyarakat Tamil yang berpendidikan rendah dari India Selatan bertugas sebagai guru di ladang getah Tanah Melayu. Selain itu masyarakat Tamil ladang yang berpendidikan rendah juga menjadi tenaga pengajar di sekolah ladang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.6.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Guru dalam NTM

Dalam novel yang berjudul *Cemmaṇṇum Nîla Malarkaḷum* watak Kanniapan dipaparkan sebagai guru. Dia bekerja sebagai guru sandaran tidak terlatih sejak tiga tahun belakangan. Jawatan guru sandaran adalah tidak tetap. Setiap tahun pada bulan Disember, guru sandaran akan ditamatkan kontraknya. Kanniapan pernah bertugas di tiga buah sekolah. Kanniapan telah bertugas setahun di Nilai, tahun seterusnya di Kajang dan akhir sekali di Pahang.

> *ஒவ்வொரு ஆண்டும் தலைமையாசிரியர் அனுதாபத் தீர்மாத்துடன் வழிதான் அனுப்பி வைப்பார். நிலாயில் ஒரு வருடம், காஜாங்கில் ஒரு வருடம். இப்பொழுது கடைசியாக பகாங்கில் ஒரு வருடம்.”சார் எப்படியாவது எல்.சி.இ, பாஸ் பண்ணி தஞ்ச மாலிம் கோர்ஸ்லே சேர்ந்திடுங்க” என்று தலைமையாசிரியர் வழியனுப்பும் போது சொன்னார் (குமாரன், எம். 1971, ப.10).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Setiap tahun guru besar mengadakan majlis perpisahan untuk Kaniapan lalu mengucapkan selamat jalan dengan perasaan sedih. Kaniapan bekerja setahun di Nilai, setahun di Kajang dan akhirnya setahun di Pahang.”Cikgu, cubalah berusaha lulus dalam peperiksaan L.C.E, dan mohon kursus perguruan di Tanjung Malim”, itulah kata-kata guru besar semasa majlis perpisahan diadakan (Kumaran, M. 1971, ms.10).

Seterusnya, dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam*, pekerjaan guru turut dikenal pasti melalui gambaran watak cikgu Samy. Cikgu Samy yang menjadi guru di ladang itu akan berpindah. Oleh itu, satu majlis perpisahan diadakan oleh watak Mathavan. Cikgu Samy berasa sedih kerana ramai ibu bapa tidak hadir ke majlis itu. Namun, Mathavan sebagai bekas muridnya tetap menghormati dan mengenang jasa baik gurunya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

இந்த ஜனங்கள் வரலியேனு கவலைப்படாதீங்க சார்! இந்தத் தோட்டத்து ஜனங்களின் பிரதிநிதிகளாக நாங்க வந்திருக்கோம்னு ஆறுதல் அடைய வேணும். நீங்க எங்கே போனாலும் உங்கள நாங்க மறக்கமாட்டோம் சார்! உங்ககிட்டே படிச்சிக்கிட்ட தமிழ் எங்களுக்கு உங்க நெனப்பை ஊட்டிக்கிட்டே இருக்கும் ஆமா!. என உணர்ச்சி ததும்பச் சொல்லி ஆசிரியருக்கு விடையளித்தான் மாதவன் (இளவழகு, ஐ.1983, ப.281).

Cikgu usah rasa sedih kerana ramai ibu bapa tak hadir ke majlis ini. Kami mewakili masyarakat ladang ini. Kami tak akan lupakan cikgu, walaupun pergi ke mana-mana sahaja. Bahasa Tamil yang kami pelajari daripada cikgu akan sentiasa mengingatkan cikgu. Mathavan berucap dengan penuh emosi dalam majlis perpisahan itu (Ilavalagu, I. 1983, ms.281).

Selain itu, pekerjaan guru turut dikenal pasti dalam novel *Maṇpulukkaḷ.* Pekerjaan guru digambarkan melalui watak cikgu Muniraju. Cikgu Muniraju mengajar bahasa Inggeris dalam kelas malam. Kelas malam dikhaskan untuk murid-murid tua, iaitu murid yang berumur 13 tahun dan ke atas. Murid-murid itu tidak berpeluang belajar di sekolah rendah disebabkan kemiskinan dan sekarang mereka berkeja sebagai *chokra* atau pekerja dewasa di ladang itu. Oleh itu, apabila usia mereka sudah meningkat, boleh belajar dalam kelas malam ini.

Cikgu Muniraju ialah bekas murid dari sekolah di ladang itu juga. Dia telah menamatkan pelajaran di Sekolah Menengah aliran Inggeris di bandar. Sementara mencari pekerjaan, Muniraju mengajar bahasa Inggeris kepada masyarakat Tamil yang tua dalam kelas malam. Biasanya, seseorang anggota masyarakat Tamil yang berpelajaran akan menjadi guru di sesebuah ladang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

முனிராஜு வாத்தியார் ராத்திரில கேஸ் லைட் வெளக்கு வச்சு, குச்சிக்காட்டு ஸ்கூல் புள்ளங்களுக்கு எழுதி பாடஞ்சொல்லிக் கொடுப்பாரு. முனிராஜு டவுன் இங்கிலீஸ் ஸ்கூலுக்கு போய் படிச்சி இப்ப வேல தேடிகிட்டு இருக்கிற பையன் (முத்துசாமி., சீ. 2006, ப.50).

Pada waktu malam, cikgu Muniraju mengajar budak-budak sekolah di bawah lampu minyak. Muniraju telah belajar di Sekolah English di bandar. Kini, dia sedang mencari pekerjaan (Muthusamy, C. 2006, ms50).

Di samping itui, dalam novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ*, pekerjaan guru dikenal pasti melalui watak Murugesu. Watak Sitambaran selalu membawa anaknya, Ganesan ke ladang untuk membantu dalam kerjanya. Sikap ayahnya telah mendorong Ganesan selalu ponteng sekolah. Pada suatu hari, Sitambaram ke sekolah untuk berjumpa dengan guru kelas Ganesan. Guru Besar dan cikgu Murugesu meminta Sitambaram menghentikan sahaja Ganesan dari sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

“ஒங்க மகன் இங்க என்னா படிச்சான்?”ஒரு வுட்டுப் பாடமும் செய்றதுல்ல.. புக்க காணா அடிச்சிட்டு வந்து நிக்கிறான்... இதுல ரொம்ப லீவு ஏறி போச்சு..(பாலமுருகன், கே. 2009, ப.209).

Anak encik tidak belajar apa-apa di sini. Tidak pernah membuat kerja rumah. Selalu menghilangkan buku sekolah. Tambahan pula, dia banyak mengambil cuti (Balamurugan, K. 2009, ms.209).

Akhir sekali, pekerjaan guru telah dipaparkan dalam novel *Tuyara Pātai*. Penulis novel menggambarkan pekerjaan guru melalui watak ‘cikgu’ Sivalingam. Cikgu Sivalingam dilahirkan dan dibesarkan di ladang itu. Dia bekerja di ladang itu. Pada waktu malam pula, dia mengadakan kelas malam untuk membantu kanak-kanak di ladang itu. Dalam novel ini, ‘cikgu’ Sivalingam tidak menjawat jawatan guru, sebaliknya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggendalikan kelas percuma untuk kanak-kanak di ladang. Oleh itu, beliau digelar sebagai ‘cikgu’.

> *மைனா தோட்டக் குழந்தைகளுக்கு இலவசமாக கல்வி போதித்து கண் திறந்து வைக்கும் உத்தமர் சிவலிங்க வாத்தியார் (பெருமாள். கா, 1978, ப.35).*

> Cikgu Sivalingam merupakan insan mulia yang telah menyinari kehidupan ramai kanak-kanak ladang ini, melalui pendidikan. Dia telah mengajar secara percuma (Perumal, K. 1978, ms.35).

4.2.1.6.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Guru dalam NTM

Pengarang telah berjaya menggambarkan pekerjaan guru melalui watak guru dalam novel mereka. Menurut Cheah, B. K. (2001), sehingga tahun 1923, kemudahan sekolah tidak disediakan untuk kanak-kanak masyarakat Tamil di ladang. Kod Buruh yang dikuatkuasakan pada tahun 1912 mewajibkan pihak majikan ladang menyediakan kemudahan pendidikan. Sekolah di ladang biasanya ditempatkan di bangunan yang usang. Guru juga tidak mempunyai latihan mengajar. Namun, inilah merupakan sistem persekolahan untuk lebih daripada 70% anak-anak masyarakat Tamil ladang. Hal ini merupakan satu realiti yang benar-benar wujud pada zaman penjajahan British.

Seterusnya, Janakey Raman (2016), turut menyokong pendapat Cheah, B. K. Menurutnya, Kod Buruh 1912 memaksa pihak pengurusan ladang untuk menyediakan kemudahan sekolah dan guru sekiranya terdapat sepuluh atau lebih orang kanak-kanak yang layak bersekolah. Pada awalnya, sistem di sekolah Tamil berorientasikan negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

India. Guru-guru telah dibawa dari negara India. Kurikulum bahasa Tamil juga berdasarkan negara India. ‘Guru’ yang mengajar di sekolah ladang terdiri daripada orang yang tidak mempunyai kelayakan ataupun tidak pernah menghadiri kursus. Malah, pada awalnya, *kangani*, kerani ladang dan pekerja pejabat turut menjadi guru sementara (Colletta, N. J.1978).

Pada awalnya, tiada bangunan yang khusus untuk sekolah. Oleh itu, kelas diadakan di pusat penjagaan kanak-kanak, rumah pekerja, kedai runcit dan kuil. Pada ketika itu, sami kuil, *kangani*, kerani dan pekerja yang berpendidikan asas di ladang pernah dilantik menjadi guru sementara. Oleh itu, tahap pendidikan didapati kurang memuaskan (Janakey Raman, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, menurut Sandhu, K. S. (1969), pada tahun 1905 harga getah meningkat di pasaran dunia. Keperluan susu getah telah turut meningkat. Berikutan ini, British memerlukan lebih ramai pekerja. Oleh itu, mereka terpaksa menyediakan beberapa kemudahan untuk menarik pekerja untuk bekerja di ladang. Salah satu kemudahan tersebut ialah sekolah. Kerani ladang, *kangani* dan pekerja sambilan telah menjadi tenaga pengajar di sekolah itu.

Manakala, Sandarakantham, P. (2011), juga sependapat dengan Colletta, N. J. (1978). Mereka menyatakan bahawa pada awalnya tiada guru bertauliah di sekolah ladang. Sami kuil yang berpendidikan Tamil dan *kangani* menjadi guru sambilan di sekolah ladang. Pada tahun 1935, kursus perguruan pertama diadakan. Guru-guru yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lulus darjah lima telah dipilih untuk menghadiri kursus perguruan. Pada ketika itu, darjah lima merupakan tahap pendidikan tertinggi di sekolah rendah. Pada tahun 1948 pula, darjah tujuh telah dimulakan di sekolah Tamil. Guru-guru yang lulus darjah tujuh diterima untuk mengikuti kursus perguruan selama tiga tahun di maktab perguruan.

Selain itu, Veerapan, N. (1988) turut menyatakan bahawa sekolah Tamil pertama ditubuhkan di Pulau Pinang pada 21 Oktober 1816. Murid yang berumur antara tujuh hingga 14 tahun belajar di sekolah ladang sehingga darjah lima. Guru sambilan yang tidak berkelayakan dibayar oleh majikan ladang. Malah, sekolah-sekolah ladang tidak mempunyai bangunan yang kekal, sukatan pelajaran dan guru yang berkelayakan. Malah, kanak-kanak terpaksa belajar di pusat jagaan kanak-kanak, kuil, kawasan kilang dan pentas drama. Guru yang mengajar mereka ialah sami kuil, *kangani*, kerani dan pekerja yang mempunyai pendidikan asas.

Seterusnya, Sandrakantham, P. (2011) berpandangan bahawa sebelum perang dunia pertama, kelas diadakan di bangunan lama, rumah jagaan kanak-kanak, bangunan kuil dan di bawah pokok. Di samping itu, Samikkanu, J. dan Kingston, P. (2018) pula berpendapat bahawa kod buruh yang dikuatkuasakan pada tahun 1912 telah menjadi asas untuk perkembangan sekolah Tamil di ladang. Sekiranya terdapat seramai sepuluh kanak-kanak yang berumur tujuh hingga 10 tahun, majikan wajib mendirikan sekolah di ladang itu. Pada ketika itu, kelas diadakan di rumah asuhan kanak-kanak, pentas drama, kuil dan kawasan kilang. Sami kuil, *kangani*, kerani dan pekerja yang berpendidikan rendah menjadi guru di sekolah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, pihak majikan ladang tidak berhasrat untuk membaiki keadaan sekolah Tamil. Oleh sebab itu, kelas dijalankan di bilik sementara seperti di kuil atau di dewan tertentu. Manakala, kerani, *kangani*, *dresser* dan sami kuil menjadi guru. Sekolah akan dijalankan selama dua atau tiga jam sahaja. Subjek asas seperti matematik dan bahasa Tamil diajar oleh guru. Buku teks dari negara India digunakan di sekolah ini. Pada tahun 1938, kursus perguruan yang pertama diadakan. Kursus ini diadakan di beberapa buah negeri. Para sami kuil dan *kangani* yang mengajar di sekolah ladang telah menyertai kursus ini (Samikkanu, J dan Kingston, P. 2018).

Selanjutnya, pada tahun 1922, Maktab Perguruan Sultan Idris, di Tanjung Malim telah dibina. Kursus perguruan bahasa Melayu telah dimulakan secara rasminya. Namun, tiada kursus diadakan untuk guru bahasa Tamil. Oleh itu, guru-guru dari negara India telah dibawa ke Tanah Melayu. Selain itu, k*angani*, kerani dan anggota masyarakat yang berpendidikan asas telah menjadi guru di sekolah ladang. Pada tahun 1937, sebanyak 25% daripada guru yang mengajar di 347 buah sekolah Tamil didapati telah mengikuti kursus perguruan. Selepas negara merdeka pada tahun 1957, guru-guru yang berkelulusan pendidikan rendah telah ditawarkan untuk mengikuti kursus perguruan Bahasa Tamil selama tiga tahun. Kursus ini dijalankan secara sambilan. Pada tahun1960, kursus perguruan sepenuh masa untuk guru bahasa Tamil diadakan di Jalan Kuantan, Kuala Lumpur (Samikkanu, J dan Kingston, P. 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, jawatan guru sandaran telah diwujudkan bagi guru yang tidak mempunyai kelulusan dalam Bahasa Melayu. Mulai tahun 1962, adalah ditetapkan bahawa sesiapa yang memiliki sijil *Lower Certificte of Education* (LCE) atau Sijil Rendah Pelajaran serta lulus mata pelajaran bahasa Melayu dalam peperiksaan tersebut sahaja layak memohon menjadi guru. Selepas tahun 1967 pula, hanya orang yang lulus dalam *Senior Cambridge (*SC), *Malaysian Certificate of Education* (MCE) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja diterima untuk mengikuti kursus perguruan. Di samping itu, kelulusan dalam mata pelajaran bahasa Melayu menjadi prasyarat untuk permohonan ke sektor awam, termasuk perguruan (Samikkanu, J dan Kingston, P. 2018).

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa kesemua pengarang novel yang dikaji telah berjaya memaparkan keadaan realiti berkaitan dengan pekerjaan guru sekolah Tamil di ladang dan tahap pendidikan di sekolah itu. Sebilangan orang yang digelar sebagai ‘guru’ bukanlah guru yang bertauliah, sebaliknya disandang oleh seseorang yang mempunyai pendidikan asas dalam Bahasa Tamil demi mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak kolonial British.

Di samping itu, guru Tamil dan sukatan pelajaran dari India telah mencorakkan sistem pendidikan pada ketika itu. Namun, selepas kemerdekaan, sistem pendidikan Tamil di seluruh negara, termasuk di ladang, mengalami perkembangan dan perubahan yang menakjubkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.7 Pekerjaan Pembantu Perubatan (*Dresser*)

MASCO-08 (2010), menghuraikan pekerjaan pembantu perubatan sebagai orang yang membantu dalam tugas penjagaan kesihatan. Di bawah tajuk pembantu penjagaan kesihatan, salah satu pekerjaan yang dikelaskan ialah pembantu hospital atau pembantu perubatan. Tugas pembantu perubatan yang dinyatakan oleh *MASCO-08* ialah membantu seseorang individu mendapatkan penjagaan kesihatan di bawah arahan profesional kesihatan. Pembantu ini bekerja dalam pelbagai persekitaran seperti di hospital dan di agensi penjagaan kesihatan.

Pada abad ke-19, profesion ini telah mengalami perubahan nama jawatan mengikut jawatan profesion pada ketika itu. Pada mulanya, orang yang menjalankan jawatan ini digelar sebagai Pembantu Rumah Sakit (1963). Kemudian, nama ini ditukar kepada Pembantu Hospital (1970). Seterusnya, ditukarkan nama kepada Pembantu Perubatan (1985) dan mulai 20 Mac 2007, disebut sebagai Penolong Pegawai Perubatan (Lembaga Pembantu Perubatan, 2010).

Menurut arkib *The Healthcare Development* (2012) di negara ini, pihak British telah memperkenalkan pekerjaan *dresser* pada tahun 1823 di Pulau Pinang. Sebelum ini, *dresser* dikenali dengan nama *apothecary*, iaitu orang yang menyedia, menjual dan mengedarkan ubat. Nama itu kemudian ditukar kepada s*ub-assistant* (penolong pembantu). Kata *dresser* bermakna orang yang merawat luka (*one who dresses the wound).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, terdapat empat buah novel yang menggambarkan pekerjaan pembantu perubatan di ladang getah. Novel tersebut adalah *Noiva Pûkkaḷ, Selancar Empat, Ilaṭciyap Payaṇam* dan *Tuyara Pātai.*

4.2.1.7.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Pembantu Perubatan (*Dresser*) dalam NTM

Pekerjaan pembantu perubatan dikenal pasti dalam novel *Noiva Pûkkaḷ*, melalui watak *dresser* di ladang itu, yang tidak dinyatakan nama. Terdapat sebuah hospital bersatu (g*roup hospital)* yang terletak berhampiran dengan sekolah di ladang itu. Dua orang *dresser* atau pembantu perubatan bekerja di hospital itu. Hanya seminggu sekali sahaja doktor akan melawat pesakit di ladang itu. Dalam novel ini, watak Tulasi digambarkan asyik muntah. Ibu Tulasi berasa risau melihat keaadaan anaknya. Dia mengajak Tulasi berjumpa *dresser*.

> *"டிரஸ்ஸர் ஐயா ரொம்ப நல்ல மனுசன். நல்ல மருந்து கொடுப்பாரு, வாம்மா..." (புண்ணியவான், கோ. 2008, ப.101).*

> Tuan *dresser* sangat baik orangnya. Beliau akan berikan ubat yang baik. Marilah anak…(Punniavan, Ko. 2008, ms.101).

Dalam novel *Selancar Empat* pula pekerjaan pembantu perubatan dikenal pasti melalui perbualan pekerja di ladang getah itu. Pekerja di ladang itu diberi notis tiga bulan untuk mencari pekerjaan lain kerana ladang tersebut sudah pun dijual. Mereka bersedia untuk berpindah ke tempat yang tidak diketahui. Namun, mereka bimbang akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemudahan di tempat baharu nanti. Kemudahan yang difikirkan oleh mereka adalah seperti sekolah, hospital, *dresser* dan rumah asuhan kanak-kanak. Di ladang sekarang, sekiranya mereka sakit boleh mendapatkan ubat melalui *dresser*.

> *போற எடம் எப்படி இருக்கும்னு தெரியல...இங்கியாவது புள்ளைங்க படிக்க ஸ்கூல், சீக்கு செவாப்புன்னாஸ குரூப் ஆஸ்பித்திரியில டிரஸ்ஸர் பாத்து மருந்து வாங்கிக்கிலாம். நஞ்சானையும் குஞ்சானையும் ஆயாக்கொட்டாயில வுட்டுட்டு நிம்மதியா வேலைக்கு போகலாம். போற எடம் எப்படியோ..ஏதோ..(புண்ணியவான், கோ. 2013, ப.25).*

> Bagaimanakah agaknya keadaan di tempat baru nanti. Kalau di sini, ada sekolah untuk anak-anak. Kalau sakit, ada g*roup hospital*. Boleh jumpa *dresser* untuk dapatkan ubat. Anak-anak kecil boleh dihantar ke rumah asuhan sebelum pergi kerja dengan hati tenang. Tak tahulah keadaan di tempat baru nanti…(Punniavan, Ko. 2013, ms.25).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dalam novel *Tuyara Pātai*, pekerjaan pembantu perubatan dikenal pasti melalui watak *dresser* Arulananthar. Beliau digambarkan sebagai seseorang yang baik hati. Selama 20 tahun di ladang ini, '*dresser'* itu bukan sekadar mengubati penyakit mereka, malahan sikap prihatin dan layanan mesra beliau menjadi ubat penawar hati masyarakat Tamil ladang itu.

> *கடந்த 20 ஆண்டுகளுக்கு முன் மைனாத்தோட்டத் தொழிலாளர்களின் பிணி தீர்த்து, உழைப்பவர்களின் உடன் நோயை மட்டுமல்லாது, உள நோயையும் தீர்க்கும் கருணையாளராக விளங்கினார் சின்ன டாக்டர்(டிரசர்) (பெருமாள், கா. 1978, ப.137).*

> Selama 20 tahun, penyakit pekerja Ladang Myna diubati oleh 'doktor kecil', iaitu *dresser*. Selain memberi ubat, *dresser* juga melayan pesakit dengan mesra dan ceria. Hal ini menjadikan 'doktor kecil' dianggap sebagai insan mulia dalam kalangan masyarakat Tamil ladang (Perumal, K.1989, ms.137).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, pekerjaan pembantu perubatan telah dikenal pasti dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam.* Penulis novel ini menggambarkan pekerjaan pembantu perubatan melalui watak *dresser* di Ladang Padang. Muthusamy dan anaknya Periasamy yang selalu mabuk akibat minum todi, sering bergaduh di ladang itu. Pada suatu hari, mereka mencetuskan pergaduhan yang serius. Muthusamy menghentak kepala anaknya dengan kayu api. Anaknya pula membelasah kaki bapanya. Mereka berdua berlumuran darah. Penduduk di situ telah membawa mereka ke hospital ladang. Kerani kanan yang menjadi *dressar* di hospital ladang itu, membaluti luka mereka sambil meradang.

> *அலுவலகத்துக்குப் பின் புறத்திலேயே மருந்தகம் இருந்தது; தோட்டத்துப் பெரிய கிராணியே டிரசராகவும் இருந்தார். அடிப்பட்டவர்களைப் பார்த்ததும் அவருக்கு ஆத்திரம் வந்திருக்க வேண்டும். குடிகார பசங்க! என்று முணுமுணுத்தபடியே மருந்து கட்டினார் (இளவழகு, ஐ. 1983, ப.45).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Hospital terletak di belakang pejabat ladang. Kerani kanan ladang itu menjadi pembantu perubatan (*dresser)* di situ. Pastinya dia berasa marah melihat kedua-dua orang yang tercedera itu. Kaki mabuk! D*resser* itu naik radang sambil membaluti luka mereka (Ilavalagu, I. 1983, ms.45).

4.2.1.7.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Pembantu Perubatan (*Dresser*) dalam NTM

Realiti pekerjaan pembantu perubatan *(dresser)* dapat dilihat pada gambaran watak dalam novel-novel tersebut. Pengarang memaparkan pekerjaan *dresser* yang wujud dalam keadaan sebenar di ladang pada ketika itu. Walaupun di ladang terdapat hospital, biasanya hospital bersatu disediakan untuk beberapa buah ladang. Namun pihak majikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ladang tidak menyediakan perkhidmatan pembantu hospital dan doktor untuk menguruskan hal perubatan mereka. Doktor pelawat dikatakan melawati pesakit seminggu sekali. Hanya pembantu perubatan yang kadang kala terdiri daripada kerani kanan merawat dan mengedarkan ubat kepada pekerja ladang (Visvanathan , R. 2013).

Realiti pekerjaan *dresser* dapat dilihat pada pernyataan *The History and Development of Surgery in Malaysia, (*1978). Menurut pernyataan tersebut, pada tahun 1908, 52 hospital telah didirikan di Persekutuan Tanah Melayu. Manakala, banyak hospital didirikan oleh pengurusan ladang getah. Seramai 37 pegawai perubatan berbangsa Eropah dan 38 pembantu perubatan dilantik pada tahun 1910.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, menurut *The Borneo Post* (2012), pula, British telah memperkenalkan ‘dresser’ pada tahun 1823 di Pulau Pinang. Pada awalnya pekerjaan dresser dikenali dengan nama *‘apothecaries’* di negara Britain. ‘*Apothecaries’* bermakna seseorang yang menyediakan, menjual dan mengedarkan ubat. Kemudian nama itu ditukar kepada ‘*Sub-assistant surgeon’* dan akhirnya disebut *dresser*.

Sementara itu, Varatharasu, M (1941), juga menyatakan tentang pekerjaan *dresser*. Pada penghijrahan awal, masyarakat Tamil ke Tanah Melayu tidak disediakan kemudahan kesihatan di ladang. Justeru, banyak kematian dilaporkan akibat pelbagai penyakit. Terdapat hanya sebuah hospital, lebih dikenali sebagai *group hospital*, bagi beberapa buah ladang. Malangnya, perkhidmatan doktor tidak disediakan. Hanya *dresser* yang tidak berkelayakan dilantik menguruskan para pekerja yang sakit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, kerani kanan dikatakan menjalankan tugas sebagai *dresser*. Ubat cecair koina diberikan sebagai penawar untuk semua penyakit. Ramai pekerja yang meninggal dunia akibat minum ubat koina. Sebenarnya, keadaan ini adalah bertentangan dengan penetapan *MASCO-08,* iaitu "tugas pembantu perubatan yang dinyatakan oleh *MASCO-08* ialah membantu seseorang individu mendapatkan penjagaan kesihatan di bawah arahan profesional kesihatan".

Manakala, Veerapan, N. (1988) juga telah menjelaskan pekerjaan *dresser*. Menurutnya, kaum Malayalee dilantik menjadi *dresser* di syarikat swasta milik British. Selain itu, ramai kaum Malayalee menjadi *dresser* (pembantu perubatan) di ladang getah. Amarjit Kaur, R. (2012) juga turut menyatakan mengenai pekerjaan *dresser*. Beliau membincangkan tentang bahaya yang dihadapi dan kesihatan pekerja di ladang getah. Beliau menyatakan bahawa *dresser* atau pembantu hospital yang tidak terlatih telah menguruskan hospital ladang di bawah penyeliaan doktor terlatih yang melawat ladang itu seminggu sekali.

Pengkaji mendapati bahawa pengarang telah menggambarkan realiti sebenar tentang pekerjaan *dresser* dalam novel masing-masing. Kebanyakan d*resser* adalah tidak terlatih. Malangnya, orang yang tidak kena mengena dengan bidang perubatan seperti kerani kanan menjalankan tugas mengedar ubat dan mengubati pekerja yang sakit. Selain itu, mereka diberi ubat minimal seperti koina untuk mengubati sebarang penyakit. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa masyarakat Tamil di ladang tidak mendapat perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang rapi. Malahan, pihak majikan ladang telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengabaikan kesihatan mereka demi menjimatkan kos pengurusan ladang untuk mengaut keuntungan.

4.2.1.8 Pekerjaan Pegawai Perinyu Kesihatan

Menurut *MASCO–08 (2010),* pekerjaan penolong pegawai kesihatan persekitaran dikelaskan di bawah bidang inspektor dan sekutu kesihatan alam sekitar. Tugas utama merangkumi mencegah risiko kesihatan persekitaran. Tugas pegawai ini merangkumi kawalan penyakit bawaan vektor, kesihatan pekerja, kesihatan antarabangsa, kebersihan alam sekitar, kawalan mutu makanan, kawalan penyakit berjangkit dan perkara yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.8.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Pegawai Perinyu Kesihatan dalam NTM

Hanya sebuah novel sahaja yang menjelaskan pekerjaan pegawai perinyu kesihatan, iaitu *Noiva Pûkkaḷ*. Pekerjaan sebagai pegawai perinyu kesihatan dikenal pasti melalui watak Velu. Velu telah mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM. Oleh itu, dia telah memohon pekerjaan dalam perkhidmatan awam. Bukan mudah untuk anak masyarakat Tamil mendapat pekerjaan sebegini. Seseorang perlu mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM. Akhirnya, Velu mendapat tawaran pekerjaan sebagai pegawai perinyu kesihatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

வேலை கிடைத்த புதிதில் இந்த வேலை இந்தியர்களுக்குக் கிடைத்ததே பெரிய அதிர்ஷ்டம் என்று மூத்த அதிகாரிகள் பலர் அவனிடம் கூறியிருக்கிறார்கள். நல்ல எதிர்காலத்தைத் தரவல்லது இந்தப் பயிற்சி (புண்ணியவான், கோ. 2008, ப.73).

Ramai pegawai kanan memuji Velu kerana bertuahnya anak masyarakat Tamil mendapat pekerjaan ini. Pekerjaan ini menjamin masa depan yang baik untuk Velu (Punniavan, Ko. 2008, ms.73).

4.2.1.8.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Pegawai Perinyu Kesihatan dalam NTM

Realiti tentang pekerjaan pegawai perinyu kesihatan yang dipaparkan dalam novel ini diperakui oleh pengarang itu sendiri. Penulis Punniavan, Ko. melalui temubual telefon menyatakan bahawa cerita dalam novelnya merupakan kisah sebenar yang berlaku di ladang getah tempat tinggalnya iaitu Ladang Bukit Mertajam *Rubber Estate* (BMR). Watak Velu yang mendapat pekerjaan sebagai pegawai perinyu kesihatan ialah rakannya sendiri di ladang getah itu. Menurut beliau, jarang sekali anak masyarakat Tamil kelahiran ladang getah mendapat peluang pekerjaan itu.

Profesion Pegawai Kesihatan Persekitaran bermula pada tahun 1870. Pada tahun 1960, jawatan ini digelar sebagai *Sanitary Inspector* atau *Town Board Inspector*. Pada tahun 1980 pula gelaran ini bertukar kepada Merinyu Kesihatan atau Inspektor Kesihatan. Akhirnya pada tahun 2002, nama itu ditukar kepada Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran atau PPKP. Tugasnya penting bagi meningkatkan taraf kesihatan rakyat di negara ini. Tugas utama mereka merangkumi pencegahan risiko kesihatan persekitaran,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggalakan dan perlindungan kesihatan awam dan persekitaran dalam bidang penyakit, kebersihan, keselamatan makanan, perumahan dan kesihatan persekitaran, kualiti air minuman, sanitasi air dan penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam (Persatuan Kesihatan Persekitaran Malaysia, *(Enviromental Health Officer Malaysia*) *[EHOM]* 2018).

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa penulis Punniavan, Ko. telah berjaya menyampaikan realiti tentang pekerjaan pegawai perinyu kesihatan melalui pengalamannya sendiri. Realiti pekerjaan tersebut juga dapat diketahui melalui kajian dan sumber Kementerian Kesihatan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.9 Pekerjaan Pengurus Ladang

Menurut *MASCO-08* (2010), pekerjaan pengurus dikategorikan dalam kumpulan utama. Salah satu pekerjaan dalam kumpulan ini ialah pengurus pengeluaran pertanian. Tugas pengurus pengeluaran pertanian merangkumi merancang dasar, peraturan, menganalsis data, merancang dan mengurus operasi harian dan sebagainya.

Pada zaman kolonial, kebanyakan pengurus ladang ialah pihak British. Namun, pada suatu ketika terdapat satu perubahan yang signifikan berlaku apabila segelintir masyarakat Tamil ladang menyedari akan kepentingan pendidikan. Pendidikan membolehkan seseorang menjawat jawatan yang tinggi. Hal ini berlaku semasa fragmentasi ladang berleluasa di Tanah Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakan ladang dijual oleh British kepada peniaga Cina. Seorang anak masyarakat Tamil telah berjaya membeli ladang tersebut dengan usaha gigihnya. Hal ini turut terpapar dalam novel *Ilaţciyap Payaṇam.* Hanya sebuah novel sahaja yang menggambarkan pengurus ladang berbangsa Tamil.

4.2.1.9.1 Mengenal Pasti Pekerjaan Pengurus Ladang dalam NTM

Hanya sebuah novel sahaja, iaitu novel *Ilaţciyap Payaṇam* karya Ilavalagu, I. membawa kisah anak penoreh getah menjadi pengurus ladang. Pekerjaan pengurus ladang dikenal pasti melalui watak Mathialagan, iaitu adik Mathavan. Mathavan bertekad untuk meningkatkan status keluarganya yang bekerja sebagai penoreh getah. Mathavan hanya belajar sehingga tingkatan dua sahaja kerana kemiskinan keluarganya. Namun, dia telah berusaha sungguh-sungguh agar ketiga-tiga adiknya mendapat ijazah.

Mathialagan telah mendapat ijazah dalam bidang pertanian di salah sebuah universiti tempatan. Dengan usaha gigih, Mathavan telah membeli sebuah ladang getah. Akhirnya, Mathavan berjaya menjadikan ladangnya sebagai ladang contoh yang mengutamakan kebajikan penoreh getah. Itulah impian Mathavan selama ini. Watak Mathialagan telah dilantik menjadi pengurus ladang getah tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

'பாட்டாளித் தோட்டம்' என்னும் பெயர் தோட்டத்துக்குச் சூட்டினான் மாதவன். தம்பி மதியழகன் பி. ஏ. ஹானஸ் பட்டம் பெற்று அண்ணனின் கனவை நனவாக்கினான். மதியழகன் தோட்டத்தின் நிர்வாகத்தைக் கவனித்தான். தோட்டத்து மக்களுக்கு நன்மை தரும் பல திட்டங்களை நிகழ்தினார்கள் (இளவழகு, ஐ. 1983, ப.408).

'Ladang Pekerja', ialah nama yang diberikan oleh Mathavan kepada ladang getahnya. Adik Mathialagan telah merealisasikan impian abangnya apabila mendapat Ijazah Sarjana Muda Kepujian. Dia telah menguruskan pentadbiran ladang getah abangnya. Mereka telah menyediakan beberapa aktiviti yang berfaedah untuk masyarakat Tamil di ladang itu(Ilavalagu, I. 1983, ms.408).

4.2.1.9.2 Menganalisis Realiti Pekerjaan Pengurus Ladang dalam NTM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Pengarang novel *Ilaṯciyap Payaṇam* telah membawa kisah bahawa pekerja ladang juga mampu menjadi pemilik ladang dan anak mereka pula berupaya menjawat pekerjaan sebagai pengurus. Kisah ini ialah gambaran sebenar tentang usaha gigih seorang bekas pekerja ladang yang pernah menjadi pemilik beberapa buah ladang. Pengarang dikatakan mendapat inspirasi daripada tokoh dermawan Dato'Seri K. Sithambaram Pillai yang berjaya membeli beberapa buah ladang getah bekas milik British semasa berlaku fragmentasi. Selain itu, Dato' Seri K. Sithambaram Pillai juga membuktikan akan realiti pekerjaan pengurus ladang di Tanah Melayu (Pavalar Thirukkural Manian, 2015).

Dato' Seri K. Sithambaram Pillai berasal dari kampung Omantur, Tirucci, di negara India dan berhijrah ke Tanah Melayu pada tahun 1916. Pada mulanya, beliau bekerja di kedai runcit Ladang Arcadia berhampiran dengan pekan Bagan Dato dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gaji RM 8 sebulan. Bermula dari situ, beliau melibatkan diri dalam perniagaan secara aktif. Berkat pengalaman dan kerajinan, akhirnya beliau berjaya membuka kedai runcit pertama di Ladang Sepanol. Perniagaan beliau diperluas lagi dengan keyakinan dan usaha yang gigih. Akhirnya, beliau berjaya membuka kedai runcit yang besar di Teluk Intan (Pavalar Thirukkural Manian, 2015).

Seterusnya, beliau turut menunjukkan minat untuk membeli ladang di Tanah Melayu. Beliau berjaya membeli ladang pertama di Hutan Melintang, Perak. Ladang itu dinamakan sempena nama ibunya, iaitu Ladang Kamachi. Selepas itu, beliau telah membeli tiga buah ladang lagi di negeri Perak. Antaranya ialah Ladang Sussex di Teluk Intan, Ladang Bonapdane di Bidor dan Ladang Batu Enam di Changkat Jong, Teluk Intan. Pada ketika itu, beliau seorang sahaja yang memiliki kawasan tanah seluas 2300 ekar di daerah Hilir Perak (Sandrakantham, P. 2011). Gambaran realiti ini tentang pekerjaan pengurus ladang dapat dibuktikan berdasarkan realiti tokoh dermawan Dato' Seri K. Sithambaram Pillai.

Di samping itu, beliau juga telah mendirikan sebuah sekolah Tamil di Teluk Intan. Pembukaan sekolah SJKT Sithambaram Pillai dirasmikan oleh Sultan Perak pada 10 Julai 1954. Sehingga kini, sekolah Tamil itu masih wujud di Teluk Intan, Perak. Beliau turut mendirikan sebuah rumah kebajikan di Ladang Sussex yang menempatkan 100 kanak-kanak dan 100 orang tua (Pavalar Tirukkural Manian, 2015). Seterusnya, Kalaimuthu, K. (2008), juga sependapat dengan Pavalar Tirukkural Manian. Menurut Kalaimuthu, beliau merupakan seorang dermawan dan tokoh perniagaan ladang getah. Maka, pengarang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah menggambarkan realiti pekerjaan pengurus ladang dalam novelnya daripada peristiwa sebenar di Tanah Melayu.

Rumusannya, pengkaji telah mengenal pasti sembilan jenis pekerjaan dalam NTM melalui aspek pertama kedudukan sosioekonomi iaitu aspek pekerjaan; berdasarkan objektif pertama. Pekerjaan tersebut adalah menoreh getah, buruh kelapa sawit, *chokra* (buruh kanak-kanak), *kangani*, kerani, guru, pembantu perubatan *(dresser),* pegawai perinyu kesihatan dan pengurus ladang. Hampir kesemua anggota masyarakat Tamil ladang yang dipaparkan dalam novel-novel tersebut digambarkan bekerja sebagai pekerja ladang sahaja seperti penoreh getah, buruh kelapa sawit dan *chokra*. Manakala, pekerjaan kerani dan pembantu perubatan dilakukan oleh masyarakat Malayalee dan Sri Lanka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, berdasarkan objektif kedua, realiti tentang pekerjaan tersebut telah dianalisis oleh pengkaji. Sebenarnya, dapat disimpulkan bahawa kesemua pekerjaan yang dipaparkan dalam novel tersebut merupakan gambaran sebenar pada ketika itu. Pekerjaan tersebut wujud di Tanah Melayu pada zaman penjajahan British dan juga zaman selepas kemerdekaan. Pada realitinya, kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil pada ketika itu berada pada tahap rendah kerana hampir kesemua masyarakat Tamil bekerja sebagai pekerja ladang.

Di samping itu, anak-anak mereka juga diberhentikan persekolahan lalu menjadi pekerja *chokra* (buruh kanak-kanak) disebabkan kemiskinan keluarga. Justeru, tahap sosioekonomi masyarakat Tamil ladang adalah amat rendah dan membimbangkan di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

samping sentiasa berada dalam kemiskinan. Jadual 4.4 menunjukkan hasil kajian gambaran kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam novel dan realiti kedudukan sosioekonomi sebenarnya dalam aspek pekerjaan.

Jadual 4.4

Gambaran dan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang: Aspek Pekerjaan

Bil	Aspek Pekerjaan	Gambaran kedudukan sosioekonomi dalam novel	Realiti kedudukan sosioekonomi sebenar
1	Menoreh getah	Rendah	Rendah
2	Buruh kelapa sawit	Rendah	Rendah
3	*Chokra* (buruh kanak-kanak)	Rendah	Rendah
4	Guru	Sederhana	Sederhana
5	Kerani	Sederhana	Sederhana
6	Kangani	Sederhana	Sederhana
7	Pembantu Perubatan *(Dresser)*	Tinggi	Tinggi
8	Pegawai Perinyu Kesihatan	Tinggi	Tinggi
9	Pengurus Ladang	Tinggi	Tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Aspek Pendapatan

Menurut *Business Dictionary* (2018), pendapatan boleh didefinisikan sebagai wang yang diterima sebagai gaji atau upah selepas membuat sesuatu pekerjaan. Selain itu, boleh juga didefini sebagai wang bunga (keuntungan) atau wang sewa tanah. Manakala, Brooks, J. R. (2017), menjelaskan bahawa pendapatan dapat digeneralisasikan dengan membuat perbandingan. Brooks membincangkan mengenai pendapatan yang tinggi dan rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beliau membandingkan pendapatan individu, ketidaksamarataan pendapatan dan jurang pendapatan antara lelaki dengan wanita.

Aspek kedua dalam kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang ialah pendapatan. Aspek pendapatan ini dikaji berdasarkan empat kategori, iaitu golongan pendapatan tinggi, golongan pendapatan sederhana, golongan pendapatan rendah dan golongan tiada pendapatan. Pengkaji telah mengenal pasti aspek pendapatan melalui watak-watak dalam semua novel terpilih. Watak yang berpendidikan digambarkan menerima pendapatan yang tinggi. Manakala watak yang tiada pendidikan menerima pendapatan rendah. Latar tempat ialah ladang getah. Latar masa pula zaman pemerintahan kolonial British dan juga zaman selepas kemerdekaan di Tanah Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak yang digambarkan menerima pendapatan tinggi dalam novel adalah seperti pengurus ladang (British), pengurus ladang (Tamil), pegawai perinyu kesihatan, ceti, dan peniaga. Pendapatan sederhana diperolehi oleh kerani, pembantu perubatan (*dresser),* guru dan kangani. Manakala, watak yang berpendidikan rendah dan tiada pendidikan asas pula memperoleh pendapatan rendah. Antaranya ialah penoreh getah, buruh kelapa sawit dan *chokra* (buruh kanak-kanak). Jadual 4.5 menunjukkan aspek pendapatan dan watak dalam NTM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Aspek Pendapatan dan Watak Dalam NTM

Novel / Aspek Pendapatan dan Watak	*Cemmaṇṇum Nîla Malarkaḷum*	*Tuyara Pātai*	*Ilaṯciyap Payaṇam*	*Maṇpulukkaḷ*	*Noiva Pûkkaḷ*	*Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ*	*Selancar Empat*
1.Golongan pendapatan tinggi	Mathews (ahli politik)	Pengurus British	Mathavan (Pengurus ladang)	Pengurus British	Velu (Pegawai Perinyu Kesihatan)	Orang tua Ceti	Peniaga runcit (Cina)
2.Golongan pendapatan sederhana	Kanniapan (Guru)	Nagan Kangani	Kerani (Tiada nama)	Kangani	Santuru	Kanagasabai	Kangani
3.Golongan pendapatan rendah	Pekerja Tamil Ladang	Pekerja Tamil Ladang	Pekerja Tamil Ladang	Rajamma	Bapa Santuru	Sitambaram	Orang tua Sattu
4.Golongan tiada pendapatan	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Muniamah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2.1 Golongan Pendapatan Tinggi

Menurut *Collins English Dictionary* (2019), pendapatan tinggi didefinisikan sebagai seseorang yang memperolehi pendapatan yang lebih tinggi daripada pendapatan purata. Aspek pendapatan tinggi ini dikesan dalam kesemua novel. Golongan pendapatan tinggi dapat dikaitkan dengan jenis rumah dan makanan yang dinikmati oleh majikan berbangsa British. Unsur intrinsik, watak dan latar menggambarkan golongan pendapatan tinggi ini. Golongan pendapatan tinggi ini dikaitkan dengan watak seperti pegawai perinyu kesihatan, pengurus ladang (British), pengurus ladang (Tamil), peniaga (peruncit) dan ceti (peminjam wang). Unsur latar tempat golongan pendapatan tinggi dapat dilihat pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lokasi rumah mereka yang mewah dan terasing dengan masyarakat biasa. Latar masa yang digambarkan ialah semasa pemerintahan British dan selepas merdeka.

4.2.2.1.1 Mengenal Pasti Golongan Pendapatan Tinggi dalam NTM

Dalam novel *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum*, golongan pendapatan tinggi dikenal pasti melalui watak Mathews yang digambarkan sebagai ahli politik dan sukarelawan. Mathews menggalakkan belia ladang untuk menyertai program pembangunan tanah apabila berlaku fragmentasi. Watak Kanniapan kagum dengan sikap Mathews kerana walaupun berpendapatan tinggi; dia masih mengambil berat tentang kebajikan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *பொது வாழ்வில் இருந்து கொண்டு, நல்லது செய்பவர்களும் இருக்கத் தான் செய்கிறார்கள். மேத்யூஸ் ஆயிரம் வெள்ளி சம்பளம் இருந்தும் பொதுமக்களின் நலனில் ரொம்ப ஈடுபாடு உள்ளவர்(குமாரன், எம். 1971. ப.76).*

> Ada juga insan mulia yang membuat kebaikan walaupun terlibat dalam politik.Walaupun bergaji RM 1000, namun Mathews sangat prihatin terhadap kebajikan masyarakat (Kumaran, M. 1971, ms.76).

Seterusnya dalam novel *Ilaṭciyap Payaṇam*, golongan pendapatan tinggi dikenal pasti melalui gambaran watak Mathavan. Dia merupakan anak penoreh getah yang berjaya membeli ladang getah dengan usaha gigihnya. Bagi membeli ladang tersebut Mathavan terpaksa menjual kedai makan, ladang kecil yang dibeli dahulu, kedai buku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan juga pernigaan kain. Sebagai pemilik ladang getah seluas 1000 ekar menunjukkan Mathavan memperoleh pendapatan tinggi.

> *மாதவன் மிகப்பெரிய முயற்சியோடு அந்தத் தோட்டத்தை வாங்கினான். அவனது சாதனையைக் கண்டு எல்லோரும் வியப்படைந்தார்கள். ஆயிரம் ஏக்கர் பரப்பளவு உடைய அந்த ரப்பர் தோட்டம், மாதவனுக்குச் சொந்தமானது (இளவழகு, ஐ. 1983, ப.403).*

> Mathavan berjaya membeli ladang itu dengan usaha yang gigih. Semua kagum dengan kejayaan Mathavan. Dia menjadi pemilik tanah seluas 1000 ekar itu (Ilavalagu, I. 1983, ms.403).

Selain itu, golongan pendapatan tinggi ini turut dikenal pasti dalam novel *Noiva Pūkkaḷ.* Golongan pendapatan tinggi ini dikaitkan dengan watak Velu. Velu telah mendapat pekerjaan sebagai pegawai perinyu kesihatan. Pada ketika itu amat sukar untuk anak kelahiran masyarakat Tamil ladang mendapat kerja dalam sektor awam. Ibu Velu membandingkan gaji Velu yang lebih tinggi daripada kerani ladang.

> *"மாதச்சம்பளம் முன்னூற்றைம்பது கெராணிமார்களுக்குக் கூட இல்லை." என்று அவன் அம்மா பெருமைப் பட்டுக் கொண்டாள் (புண்ணியவான், கோ. 2008, ப.44).*

> "Gaji bulanan kerani ladang tidak melebihi RM350.00", kata ibu Velu dengan penuh bangga (Punniavan, Ko. 2008, ms.44).

Dalam pada itu, dalam novel *Maṇpulukkaḷ* dikenal pasti golongan pendapatann tinggi melalui watak pengurus ladang berbangsa British. Mereka hidup dalam keadaan serba mewah hasil daripada titik peluh pekerja ladang getah. Hal ini dapat dikesan melalui perbualan *kangani* Karupiah dengan Addukaran. *Kangani* menceritakan kehidupan mewah majikan orang putih di negaranya. Kemewahan itu adalah hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada keuntungan akibat harga susu getah yang semakin meningkat. Kehidupan mewah ini dikatakan akibat pendapatan tinggi yang diperoleh oleh majikan British.

> *இப்ப தொர ஊரு ரொம்ப வசதியா ஆயிடுச்சாம்...நல்ல ஊடு, நிம்மதியாக தூங்க மெத்த கட்டிலு, ஊரு சுத்த காடி, எப்பவும் புதுசு புதுசா துணிமணி, பாலு வெண்ண தயிறு மாட்டெறச்சினு ஒசந்த சாப்பாடு, சீக்கு வந்தா பாக்கறதுக்கு நல்ல ஆஸ்பத்திரி டாக்டரு, நல்ல மருந்து...' (முத்துசாமி. சீ. 2006, ப.128).*

> Sekarang *Torai* (majikan) hidup mewah. Rumahnya selesa, ada katil bertilam untuk tidur nyenyak, kereta untuk berjalan-jalan, sentiasa berpakaian baru, dapat menikmati makanan yang mewah seperti susu, keju, dan daging lembu, terdapat hospital, doktor dan ubat yang baik jika sakit (Muthusamy, C. 2006, ms.128).

Manakala, melalui novel *Nakarntu Koṇṭirukum Vācalkaḷ* pula dapat mengenal pasti golongan pendapatan tinggi melalui watak ceti. Masyarakat ceti terkenal sebagai peminjam wang. Watak ceti yang berusia tua digambarkan sebagai peminjam wang di Ladang Bukit Lembu. Sitambaran pernah meminjam wang daripadanya beberapa kali. Kali ini, dia berhutang lagi kerana isterinya sakit bersalin. Ceti mendapat pulangan tinggi kerana mengenakan kadar bunga yang tinggi atas wang pinjamannya. Ceti mengingatkan Sitambaram bahawa walaupun hutangnya semakin meningkat, dia masih tidak melunaskan bayarannya. Namun, ceti itu tetap menghulurkan pinjaman wang kerana berasa kasihan akan keadaan Sitambaram.

> *"எவ்ளபா வேணும்? கடன் ஏறிகிட்டே போது வேற. கொடுத்துர்றேன் கொடுத்துர்றேனு சொல்லிகிட்டு எல்லாம் ஏறி போச்சு..."சிவப்பு சுருக்குப் பையுடன் செட்டி தாத்தா பணத்தை எண்ணிக் கொண்டிருந்தார் (பாலமுருகன், கே. 2009, ப.92).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Berapakah kamu mahu? Hutang semakin meningkat. Kamu berjanji nak bayar tetapi hutang terus naik", kata orang tua Ceti sedang mengira wang yang dikeluarkan dari beg merah (Balamurugan, K. 2009, ms.92).

Sementara itu, golongan pendapatan tinggi juga dikenal pasti dalam novel *Selancar Empat*. Dalam novel tersebut, watak pasangan suami isteri tua yang berbangsa Cina ialah peniaga kecil yang menguruskan kedai runcit di Ladang Selancar Empat. Watak ini tidak diberikan nama. Mereka menjual barangan runcit yang asas untuk masak-memasak. Minuman todi juga dijual di kedai itu. Masyarakat Tamil dipaksa membeli kesemua barang keperluan di kedai itu. Bayaran untuk barangan tersebut akan dipotong daripada gaji mereka. Pendapatan tinggi yang diperoleh watak peniaga Cina ini digambarkan oleh pengarang melalui perniagaan mereka.

கொட்டடியை அடுத்து ஒரு கடை மட்டுமே இருப்பதாகவே தெரிகிறது அந்தக் காட்டில்.ஒரு சீனக் கிழவனும் கிழவியும் கடை வியாபாரத்தைக் கவனித்துக் கொண்டிருந்தனர் (புண்ணியவான்,கோ. 2013, ப.69).

> Di sebelah pondok, kelihatan sebuah kedai sahaja di dalam hutan ini. Sepasang suami isteri Cina tua menjalankan perniagaan di kedai itu (Punniavan, Ko. 2013, ms.69).

Akhir sekali, golongan pendapatan tinggi telah dikenal pasti dalam novel *Tuyara Pātai* melalui watak Pengurus British. Hal ini digambarkan melalui rumahnya. Right Honourable Srinivasa merupakan wakil negara India telah datang ke Tanah Melayu untuk meninjau keadaan masyarakat Tamil di ladang. Beliau tinggal di rumah banglo istimewa yang disediakan oleh British. Banglo mewah tersebut menggambarkan pendapatan tinggi pengurus British.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

பளிங்கும் கண்ணாடியும் பள பளக்க அமைந்துள்ள மைனாத் தோட்டத்தின் முதலாளியின் பெரு மாளிகையில் முதல் தரமான விருந்தினராய் தங்கினார் ரைட் ஆனரபிள் சீனிவாச சாஸ்திரி அவர்கள் (பெருமாள். கா, 1978, ப.24).

Right Honourable Srinivasa Sastri dilayan sebagai tetamu istimewa oleh Pengurus British Ladang semasa lawatan beliau ke Ladang Myna. Sebuah banglo mewah yang diperbuat daripada batu marmar dan kaca yang berkilau-kilau; disediakan sebagai tempat tinggal beliau (Perumal, K. 1978, ms.24).

4.2.2.1.2 Menganalisis Realiti Golongan Pendapatan Tinggi dalam NTM

Pengarang memaparkan watak-watak seperti *torai* (pengurus British), pengurus Tamil, ceti, peniaga dan pegawai perinyu kesihatan sebagai golongan yang berpendapatan tinggi berbanding dengan jumlah gaji yang diterima oleh para pekerja ladang getah. Pada zaman kolonial British, terdapat stratifikasi pekerjaan mengikut kaum. Kaum tertentu mendominasi sesuatu pekerjaan (Stenson, M. R. 1980).

Pengarang memaparkan realiti golongan pendapatan tinggi dalam novel-novel mereka melalui watak dan latar tempat. Latar tempat memberikan gambaran yang terperinci mengenai golongan pendapatan tinggi. Lokasi rumah majikan dan pekerja menunjukkan golongan pendapatan tinggi ini. Rumah majikan diasingkan daripada rumah pekerja. *Torai* (pengurus British) ladang memiliki banglo mewah yang terletak di puncak bukit. Rumah kerani pula terletak jauh sedikit dari banglo majikan dan rumah pekerja (Kurinjivendhan, R. 2013). Latar masa yang dinyatakan ialah era kolonial British dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga selepas kemerdekaan. Pengarang telah berjaya memaparkan realiti tentang golongan pendapatan tinggi yang dinikmati oleh golongan majikan di ladang getah.

Varatharasu, M. (1941), menyatakan majikan British membina mahligai yang mewah di London hasil daripada titik peluh pekerja ladang getah di Tanah Melayu. Pernyataan ini membuktikan bahawa majikan British meruakan golongan pendapatan tinggi serta menikmati kehidupan yang penuh mewah.

Pendapat ini disokong oleh Veerapan, N. (1988). Beliau berhujah kaum Malayalee dan Sri Lanka yang berpendidikan telah mendominasi pekerjaan kerani dan *dresser* yang membawa pendapatan tinggi. Jumlah pendapatan yang diperoleh pastinya lebih tinggi daripada purata pendapatan masyarakat Tamil ketika itu. Selain itu, aspek pendapatan tinggi juga dikaitkan dengan cara pakaian, makanan, keadaan fizikal rumah dan pendidikan anak-anak.

Manakala, Stenson, M. R. (1980) menyatakan bahawa kaum *Chettiar* (Ceti) menjadi peminjam wang di Tanah Melayu. Kaum *Chettiar* pernah menjadi peniaga dan memberi pinjaman kewangan kepada peniaga Cina dan Sultan Melayu. Antara golongan ini, kaum Nattukotai *Chettiar* merupakan golongan yang berpengaruh di Tanah Melayu. Pernyataan ini menunjukkan realiti bahawa watak Ceti yang dipaparkan dalam novel-novel sebenarnya berpendapatan tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, Rajeswary Ambalavanar (1981), turut menyokong pendapat Stenson. Beliau menekankan bahawa kaum *Chettiar* (Ceti) yang berasal dari Madras merupakan peminjam wang. Kaum *Chettiar* merupakan salah satu golongan masyarakat Tamil yang berhijrah ke Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Kumpulan *Nattukotai Chettiar* ini terkenal dengan aktiviti perdagangan pada masa itu.

Maka dapat dirumuskan bahawa, golongan pendapatan tinggi yang digambarkan oleh pengarang dalam novel seperti majikan (British), pegawai perinyu kesihatan, ceti dan peniaga merupakan realiti pada ketika itu. Pengarang berjaya menggambarkan realiti secara realistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2.2 Golongan Pendapatan Sederhana

Menurut *The Bureau of Labour Statistic* (2018), pendapatan sederhana didefinisikan sebagai titik pertengahan bagi sesuatu pendapatan. Hal ini bermakna, pekerja tersebut menerima pendapatan pertengahan iaitu di antara pendapatan rendah dan pendapatan tinggi. Pada zaman penjajahan British golongan pendapatan sederhana dapat diketahui daripada pekerjaan seperti kerani, *kangani* dan guru di mana jawatan mereka lebih rendah dari pengurus ladang.

Aspek pendapatan sederhana ini dikesan dalam kesemua tujuh buah novel. Golongan pendapatan sederhana dapat dikenal pasti melalui pendapatan yang kurang dari majikan. Namun golongan pendapatan sederhana memperoleh pendapatan lebih tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dari golongan pekerja ladang. Unsur intrinsik, iaitu watak dan latar dipilih untuk menggambarkan golongan pendapatan ini. Golongan pendapatan sederhana ini dikaitkan dengan watak seperti *kangani*, guru dan kerani.

4.2.2.2.1 Mengenal Pasti Golongan Pendapatan Sederhana dalam NTM

Dalam novel *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum*, golongan pendapatan sederhana dikenal pasti melalui watak Kanniapan yang bekerja sebagai guru sandaran. Dia pulang ke Ladang Bukit Tanah Merah selepas tamat kontrak sebagai guru sandaran. Kanniapan berjumpa kawannya, Mari yang bekerja sebagai penoreh getah di ladang itu. Kanniapan bertanyakan kerja Mari sebagai penoreh getah. Mari mengeluh bahawa gajinya tidak mencukupi. Mari memuji Kanniapan yang bergaji tinggi dari penoreh getah. Walaupun gaji Kanniapan tinggi dari penoreh getah, namun gaji guru dianggap sebagai pendapatan sederhana kerana tidak lumayan seperti majikan ladang.

> *“ஏன் சார் வவுத்தெரிச்சலைக் கேட்கிறீங்க. மாடா ஒளைச்சலும் செலவுக்குப் பத்திலே சார், என்ன இருந்தாலும் ஒங்க வேலை மாதிரி இருக்கணும் சார். வருசத்திலே பாதி நாளு தான் வேலை. சம்பளம் பாட்டு வந்துகிட்டு இருக்கும்” (குமாரன், எம். 1971, ப.15).*

> “Keadaan saya amat menyedihkan cikgu. Walaupun bekerja keras, gaji masih tak cukup. Alangkah bagusnya kerja guru, ya. Bekerja hanya separuh hari sahaja, tetapi gaji tetap sama (Kumaran, M. 1971, ms.15).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam*, golongan pendapatan sederhana dikenal pasti melalui gambaran watak kerani. Mathavan menerima tawaran untuk pekerjaan kerani. Ibu dan bapa Mathavan membayangkan kehidupan mewah dan pendapatan tinggi yang akan dikecapinya, jika anaknya menerima pekerjaan kerani. Maka, pekerjaan kerani digambarkan sebagai kerja yang berpendapatan sederhana kerana lebih tinggi dari pendapatan penoreh getah.

> *ஆண்டியப்பனும் வேலம்மாளும் பூரிப்படைந்தார்கள். சின்ன கிராணி வேலை என்றால் கை நிறைய சம்பளம் கிடைக்கும். இன்னும் திருமணம் ஆக வேண்டிய அவனது தங்கையருக்கும் நல்ல இடமாகவும் அமையும். இதையெல்லாம் எண்ணியபோது அவர்களது மனம் மகிழ்ந்தது (இளவழகு, ஐ. 1983, ப.91).*

> Andiapan dan Velamal sangat gembira. Sekiranya bekerja bagai kerani pasti mendapat gaji tinggi. Mudah untuk melangsungkan perkahwinkan adik-adik perempuan Mathavan. Mereka berasa gembira ketika membayangkan kehidupan tersebut (Ilavalagu, I. 1983, ms.91).

Selain itu, golongan pendapatan sederhana ini turut dikenal pasti dalam novel *Noiva Pūkkaḷ*. Golongan pendapatan sederhana ini dikaitkan dengan watak Santuru. Tanaman kelapa sawit telah menggantikan getah di ladang Santuru. Dia telah mendapat pekerjaan sebagai kerani kecil di ladang kelapa sawit. Watak Santuru membandingkan pendapatan rakannya, Velu yang bekerja sebagai pegawai perinyu kesihatan. Pendapatan Velu ialah RM350. Manakala Santuru hanya menerima RM150 sebagai golongan pendapatan sederhana.

> *செம்பனைத் தோட்டத்தில் சின்ன கிராணி வேலை கிடைத்தது. வேலு மாதிரி அதிக சம்பளமொன்றுமில்லை. நூற்றைம்பது வெள்ளி மாதச்சம்பளம்(புண்ணியவான், கோ. 2008, ப.119).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Santuru mendapat kerja kerani kecil di ladang kelapa sawit. Gajinya tidak tinggi seperti gaji Velu. Gajinya sebulan hanya RM150 (Punniavan, Ko. 2008, ms.119).

Dalam pada itu, dalam novel *Maṇpulukkaḷ* telah dikenal pasti golongan pendapatan sederhana melalui watak Mukki Pacamma. Pengurus ladang telah memberikan pekerjaan *kangani* kepada suaminya, iaitu Vellaiyan. Sejak hari itu, Mukki Pacamma sangat gembira dan bangga dengan status isteri *kangani* di ladang itu. Dapat dilihat bahawa pekerjaan *kangani* mempunyai kedudukan lebih tinggi daripada penoreh getah. Maka, pendapatan *kangani* adalah lebih tinggi dari penoreh getah. Oleh itu, *kangani* merupakan golongan berpendapatan sederhana.

> *மானேஜர், தன்னோட புருஷனுக்குத் தண்டல் வேல போட்டு குடுத்த பின்னால மூக்கி பச்சம்மா காலு தரயில நிக்காம் போச்சு...தோட்டத்துல நம்ம மவுசு கூடிவரும் (முத்துசாமி. சீ. 2006, ப.151).*

> Mukki Paccamma, berasa sangat gembira apabila pengurus ladang memberi pekerjaan kangani kepada suaminya. Dia bangga kerana statusnya adalah tinggi dari pekerja ladang (Muthusamy, C. 2006, ms.151).

Malahan, melalui novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ* pula dapat mengenal pasti golongan pendapatan sederhana melalui watak Kanagasabai. Dia memuji watak Sitambaram yang mempunyai hubungan baik dengan kerani dan *kangan*i ladang itu. Oleh itu, suatu hari nanti Sitambaram boleh memohon kerja *kangani* untuk anaknya Ganesan. Maka, Kanagasabai meminta anak Sitambaram iaitu Ganesan supaya membuat pekerjaan menoreh getah dengan tekun. Pekerjaan *kangani* digambarkan mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

status lebih tinggi dari penoreh getah. Maka, pendapatan *kangani* juga lebih tinggi dari penoreh getah dan digolongkan sebagai pendapatan sederhana.

> *“டேய் கணேசா! நல்லா மரம் வெட்ட கத்துக்கடா...ஒங்கப்பன் இங்கியே ஒன்ன ஒரு தண்டலா ஆக்கிருவாரு... அதான் தண்டலு கெராணி எண்ணிக் கொண்னு எல்லாத்தையும் கைகுள்ள போட்டு வச்சிருக்காரே!” கனகசபை கூறினார்(பாலமுருகன், கே. 2009, ப.208).*

> “Dei Ganesan! Belajarlah menoreh getah dengan baik. Suatu hari nanti bapa akan jadikan kamu *kangani* di ladang ini. Bukankah bapa kamu mempunyai hubungan yang baik dengan *kangani* dan kerani” kata Kanagasabai (Balamurugan, K. 2009, ms.208).

Sementara itu, golongan pendapatan sederhana juga dikenal pasti dalam novel *Selancar Empat*. Dalam novel tersebut, golongan pendapatan sederhana dikenal pasti melalui watak kerani yang tidak dinyatakan nama. *Kangani* telah meminta Muniamah untuk bekerja di rumah kerani jika mahu permit kerja di ladang disambung selama enam bulan. Hal ini adalah kerana Muniamah tidak mempunyai sijil kewarganegaraan.

Banglo kerani dan peralatan rumahnya menggambarkan kerani sebagai golongan pendapatan sederhana. Antaranya ialah pinggan mangkuk yang berkualiti, peti televisyen dan mesin basuh. Peralatan tersebut tidak terdapat di rumah Muniamah. Malah, anak kerani pula bersekolah di bandar. Maka, dapat dilihat perbezaan golongan pendapatan sederhana seperti kerani dengan penoreh getah seperti Muniamah.

> *கிராணி பங்களாவைச் சுற்றி கத்தரிக்கப்பட்ட செடி வேலி. வாசலில் கால்வைத்த சலவைத்தரை சில்லிட்டது. தொலைக்காட்சி ஒடிக்கொண்டிருந்தது. அலமாரியில் நிறைய பீங்கான் தட்டுகள். துணி துவைக்க வாஷிங் மிசின்(புண்ணியவான்,கோ. 2013, ப.67).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Banglo kerani dikelilingi dengan pagar pokok yang dicantas pendek. Lantai mozaik rumah terasa sejuk apabika dipijak. Terdapat sebuah televisyen. Kelihatan banyak pinggan mangkuk berharga di dalam almari.Mesin basuh untuk membasuh kain (Punniavan, Ko. 2013, ms.67).

Akhir sekali, golongan pendapatan sederhana telah dikenal pasti dalam novel *Tuyara Pātai*. Watak Manikam yang bekerja sebagai kerani setor digambarkan sebagai golongan berpendapatan sederhana. Bapa Manikam pula bekerja sebagai *kangani* di ladang. Watak Manikam membandingkan kerani setor dengan pekerjaan Muthukarupan sebagai penoreh getah. Dengan bangga dia membandingkan statusnya yang lebih tinggi dari penoreh getah. Maka, dapat dilihat pekerjaan kerani sebagai golongan berpendapatan sederhana.

> *“அடே...முத்துக்கருப்பா, உன் நிலையை எண்ணிப்பார்! நீ நானிடும் ஏவல் கேட்டு வேலை செய்யும் தொழிலாளி. நான் உன்னிடம் வேலை வாங்கும் அதிகாரி (பெருமாள். கா, 1978, ப.75).*

> “Adei! Muthukarupa… fikirkan sedikit kedudukan kamu! Awak ialah pekerja yang bekerja mengikut arahan saya. Saya pula pegawai yang memberi arahan kepada kamu (Perumal, K. 1978, ms.75).

4.2.2.2.2 Menganalisis Realiti Golongan Pendapatan Sederhana dalam NTM

Pengarang menggambarkan realiti golongan pendapatan sederhana melalui watak-watak seperti kerani, guru, dan kangani. Watak-watak ini adalah golongan yang berpendapatan sederhana berbanding dengan jumlah gaji yang diterima oleh para pekerja ladang getah. Pada zaman kolonial British, terdapat stratifikasi pekerjaan mengikut kaum. Kaum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tertentu mendominasi sesuatu pekerjaan. Orang Tamil dari Sri Lanka bekerja di jabatan-jabatan kerajaan, terutamanya sebagai kerani (Azharuddin, 2012).

Sementara itu, *kangani* pula mendapat komisyen dengan setiap pekerja yang dibawa dari negara India. *Kangani* juga digambarkan memakai emas dan berpakaian cantik. Masyarakat Tamil di negara India terpedaya melihat cara pakaian dan emas yang dipakai oleh *kangani* (Sandrakantham, P. 2011). Maka pengarang membawa realiti golongan pendapatan sederhana melalui watak dan latar dalam karyanya.

4.2.2.3 Golongan Pendapatan Rendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cambridge Dictionary (2018), mendefinisikan golongan pendapatan rendah sebagai seseorang yang mendapat upah atau gaji yang rendah. Semua novel yang dikaji memaparkan bahawa masyarakat Tamil ladang sebagai golongan pendapatan rendah yang tidak setimpal dengan kerja berat yang dilakukan. Majikan British mengerah tenaga pekerja di ladang getah. Pendapatan yang diperoleh oleh pekerja tidak mencukupi untuk menyara keluarga mereka. Pendapatan rendah ini mencetuskan masalah hutang yang membebankan kehidupan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat Tamil hidup dalam kemiskinan yang mengakibatkan kedudukan sosioekonomi yang rendah. Masyarakat Tamil yang tiada pendidikan asas dan buruh kanak-kanak digambarkan mendapat pendapatan yang rendah. Mereka terdiri daripada golongan penoreh getah, buruh kelapa sawit dan *chokra* (buruh kanak-kanak).

Aspek pendapatan rendah ini digambarkan secara jelas dalam setiap novel. Apabila tiba hari gaji, semua penjual berkumpul di ladang untuk memungut duit hutang. Pekerja ladang terpaksa berhutang kerana pendapatan mereka tidak cukup untuk menyara keperluan asas keluarga mereka. Misalnya, pendapatan rendah ini dikatakan tidak cukup untuk menampung perbelanjaan makan minum keluarga mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2.3.1 Mengenal Pasti Golongan Pendapatan Rendah dalam NTM

Dalam novel *Tuyara Pātai,* golongan pendapatan rendah dikenal pasti oleh pengkaji melalui watak dalam kalangan pekerja Tamil di Ladang Myna. Watak Muthukarupan kasihan melihat masyarakat ladang yang daif dan miskin akibat gaji yang rendah. Keadaan mereka amat menyedihkan. Kadangkala mereka sanggup berkelaparan. Pakaian mereka pula lusuh, koyak-rabak dan kotor. Mereka tidak dapat menanggung beban keluarga kerana gaji mereka adalah rendah.

> *“மழை என்றும் வெயிலென்றும் பாராது மாடா உழைக்கும் நம் தொழிலாளர்கள் தங்கள் வருமானத்தை எண்ணிப் பார்த்ததில்லை. உழைப்பிற்கேற்ற ஊதியம் கிடைக்கிறதா? கிடைக்கும் ஊதியத்தைக் கொண்டு வாழ்க்கைப் பாதையில் தொடர்ந்து செல்ல முடியுமா? உண்ணும் சோற்றுக்கே வழியின்றி, கிழமையில் சில தடவை வயிற்றை*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

வாடப்போடும் தொழிலாளி: கட்டிய கந்தைக்கு மாற்று இன்றி அழுக்கடைந்த கிழிசலுடை இரவும் பகலும் அணிந்து அல்லலுறும் பாட்டாளி; போதாத வருவாயால் குடும்பச் சுமை தாங்காது கூனிக்குறுகி நிற்கிறான் (பெருமாள்,கா. 1978, ப. 228).

Pekerja ladang sanggup bekerja keras siang dan malam tanpa memikirkan gaji. Adakah mereka menerima gaji yang setimpal dengan pekerjaan? Dapatkah mereka menyara keluarga dengan gaji tersebut? Kadangkala pekerja akan berlapar beberapa hari dalam seminggu kerana tiada makanan. Mereka memakai pakaian yang kotor dan koyak-rabak kerana tiada pakaian lain. Pekerja kelihatan daif kerana tidak dapat menanggung beban keluarga akibat gaji yang rendah (Perumal, K. 1978, ms.228).

Dalam pada itu, golongan pendapatan rendah dikenal pasti dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam* berdasarkan pekerja Tamil Ladang Padang. Masyarakat Tamil ladang terpaksa berhutang kerana pendapatan mereka tidak mencukupi untuk membeli keperluan asas. Pada hari gaji, ramai peniaga akan berkumpul di Ladang Padang untuk memungut hutang daripada masyarakat Tamil ladang.

தொழிலாளர் சம்பளம் பெறுவதற்குள்ளாகவே ரொட்டிக்கார "பாய்"யும் மீன்காரத் தவக்கேயும், துணிக்காரனும், காய்கறி வியாபாரியும் வளையல்காரனும் இன்னும் சம்சு கடைக்காரன், கோழி வியாபாரி என்று பலரும் குழுமிவிட்டனர். மலைக்காட்டில் மனித ரத்தத்துக்காகக் காத்திருக்கும் அட்டையும் கொசுவும் போல காத்திருந்தனர் (இளவழகு, ஐ.1983, ப.171).

Sebelum pekerja menerima gaji, "*bhai*" roti, tauke ikan, penjual kain, penjual sayur dan gelang, penjual samsu, penjual ayam dan ramai lagi sudahpun berkumpul. Mereka menunggu gaji pekerja umpama lintah dan nyamuk yang menunggu untuk menghisap darah manusia di hutan (Ilavalagu, I. 1983, ms.171).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, dalam novel *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḻum* dikenal pasti aspek pendapatan rendah berdasarkan watak pekerja Tamil ladang. Watak Kanniapan berasa kecewa dan kasihan melihat keadaan masyarakat Tamil ladang yang tidak mempunyai wang simpanan. Gaji mereka dihabiskan dengan minum todi ataupun dihantar untuk keluarga mereka di negara India. Pada ketika itu berlaku fragmentasi di Ladang Bukit Tanah Merah. Ladang tersebut dibahagi-bahagikan kepada saiz kecil lalu dijual. Masyarakat Tamil ladang tidak mampu membeli ladang tersebut kerana tiada wang simpanan akibat gaji yang rendah.

> தோட்டம்துண்டாடுனதாலே வெள்ளைக்காரன் துண்டு போட்டு விக்கிறான் சீனன் வாங்குகிறான். தோட்டத்திலே வேலை செய்யுற நம்மவங்க வாங்க முடியுதா? ஏன் முடியலே. பணமில்லே. பணத்தைக் குடிச்சுத் தீர்க்கிறது. இல்லேன்னா எவன் எவனையோ நம்பி ஊருக்கு அனுப்பிப்புட்டு கடைசி காலத்திலே ஒத்தக் காசுக்கு வழியில்லாம திண்டாடுகிறது (குமாரன், எம். 1971, ப.66).

> Pemilik British telah menjual ladang lalu berlaku fragmentasi ladang. Orang Cina membeli ladang itu. Kita yang bekerja di ladang tidak mampu membeli ladang itu. Kenapa tidak mampu? Tiada wang. Gaji yang diperoleh dihabiskan untuk minuman arak. Kalau tidak minum, wang akan dihantar untuk keluarga di negara India. Akhirnya, hidup mereka merana tanpa wang dan simpanan (Kumaran, M. 1971, ms.66).

Seterusnya, melalui watak bapa Santuru dikenal pasti golongan pendapatan rendah dalam novel *Noiva Pūkkaḻ*. Santuru teringat akan cerita bapanya tentang keadaan hidup masyarakat Tamil yang mula-mula datang ke Tanah Melayu. Bapanya pernah menceritakan bahawa masyarakat Tamil ladang hidup dalam keadaan sengsara. Bapanya juga menyatakan bahawa gaji rendah diterima oleh mereka sekadar cukup untuk sesuap nasi sahaja. Nasi itu tidak dapat mengenyangkan perut mereka. Hanya sekadar mengalas perut sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

குறைந்த ஊதியத்தில் அரைவயிறு கஞ்சி குடித்து வாழ்நாட்களை ஓட்டியிருக்கிறார்கள். வேலை செய்ய தயங்கும்போது வெள்ளையர்களிடம் அடி வாங்கி கொத்தடிமைகளாகவும் காலத்தைக் கழித்திருக்கிறார்கள். கிராணி, தண்டல்மார்கள், ஏச்சுக்கும்பேச்சுக்கும் ஆளாகியிருக்கிறார்கள் (புண்ணியவான், கோ. 2008, ப.14).

Pekerja menjalani hidup dengan makan sekadar separuh perut sahaja dengan gaji yang rendah. Jika tidak berdaya bekerja, akan dipukul dan ditendang oleh orang putih bagai hamba abdi. Pekerja juga pernah menjadi mangsa kejian dan kemarahan kerani dan *kangani* (Punniavan, Ko. 2008, ms.14).

Manakala dalam novel *Selancar Empat*, golongan pendapatan rendah dikenal pasti melalui watak orang tua Sattu. Pekerja ladang yang ramainya terdiri daripada orang Tamil; telah diberi notis pemberhentian kerja oleh majikan British ekoran fragmentasi ladang. *Kangani* Irulapan membawa masyarakat Tamil ini untuk bekerja di ladang tauke Cina. Watak Muniamah, ingin tahu akan tempat letaknya ladang tauke Cina itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Orang tua Sattu memarahi Muniamah yang mempersoalkan tentang tempat baru itu. Dia berasa marah kerana sudah sebulan mereka asyik mencari pekerjaan baru. Oleh itu, Sattu berasa bahawa mereka harus pergi sahaja ke tempat yang menawarkan kerja tanpa banyak soal. Menurutnya, walau ke mana-mana sekali pun, pastinya kerja adalah sama. Mereka terpaksa bekerja dengan gaji yang tidak cukup untuk menampung perbelanjaan makanan. Orang tua Sattu terus mengeluh dan melahirkan perasaan marah.

எங்க போனாலும் அதே வேலதான். வாய்க்கும் வயித்துக்கும் பத்தாத வக்கத்த பொலப்புதான். நம்ம பொலப்பு. இதுல எங்க போனா என்ன (புண்ணியவான், கோ. 2013, ப.29).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Ke mana kita pergi pun kerja adalah sama juga. Kerja dengan gaji yang tak cukup untuk makan dan hidup menderita. Itulah kehidupan kita. Peduli apa pergi ke mana-mana sekali pun? (Punniavan, Ko. 2013, ms.29).

Dalam pada itu, golongan pendapatan rendah dikenal pasti dalam novel *Maṇpulukkaḷ* melalui watak Rajamma. Dia kasihan mengenangkan nasib ibunya yang terpaksa membuat kerja sampingan kerana pendapatannya rendah. Setelah kematian anak perempuan, ibunya terpaksa bekerja keras mencari nafkah. Bapanya pula hilang punca pendapatan selepas kakinya dipotong akibat jangkitan kuman. Dulu, bapanya menjadi penoreh getah. Di samping itu, dia mempunyai 50 ekor lembu dan kebun sayur. Kini, semuanya sudah tiada. Beban keluarga dipikul oleh ibunya.

> *அக்கா செத்து போய், அப்பாவுக்கு காலு மொடமா போயி வீட்ல உக்காந்துட்ட பின்னால, அம்மாதான் எல்லாத்துக்கும் சேத்து ஒழக்கிறா. காலயில மரத்த சீவிட்டு வந்து, நாலு சோத்து பருக்கய அள்ளி வாய்ல போட்டு, மம்மட்டிய தூக்கி, அந்தி வேலக்கி ஓடறா. வெறகு பொறுக்கிட்டு வர்றா. காண்டா வாளிய தூக்கிட்டு கேணிக்கு ஓடறா (முத்துசாமி, சீ. 2006, ப.170).*

> Selepas kakak meninggal dunia dan kaki bapa menjadi kudung, ibulah yang mencari nafkah untuk keluarga. Pagi dia menoreh getah. Selepas pulang, ibu akan makan sedikit nasi. Pada sebelah petang pula, ibu akan membuat kerja mencangkul. Kemudian akan mencari kayu api. Ibu juga membawa kandar untuk mengambil air dari pili ladang (Muthusamy, C. 2006, ms.170).

Melalui novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ*, golongan pendapatan rendah turut dikenal pasti melalui watak Sitambaram yang suka berhutang. Dia selalu menghadapi masalah kekurangan wang. Sebagai penoreh getah, Sitambaram tidak mampu untuk membiayai keperluan keluarganya dengan gaji yang rendah. Akhirnya, masalah hutang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini telah menjejaskan keharmonian keluarga Sitambaram. Beban hutang membawa pelbagai masalah dalam kehidupan Sitambaram dan anak-anaknya.

> *வருடத்தில் இரண்டு முறையாவது இரவு நேரங்களில் சாரதாவோ அல்லது சீதாம்பரமோ செட்டி வீட்டில் கடன் கேட்டு நிற்பது வழக்கமானது தான். கடன் வாங்குவதில் அவர்களுக்கு எந்த வருத்தமும் இல்லாமல் தான் இருந்தது(பாலமுருகன்,கே. 2009, ப.124).*

> Sudah menjadi kebiasaan untuk Sarata atau Sitambaram untuk pergi ke rumah *ceti* untuk pinjam wang. Mereka akan berhutang dua kali dalam setahun tanpa rasa segan dan malu (Balamurugan, K. 2009, ms.124).

4.2.2.3.2 Menganalisis Realiti Golongan Pendapatan Rendah dalam NTM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gambaran realiti tentang golongan pendapatan rendah telah berjaya dipaparkan oleh pengarang melalui watak-watak seperti penoreh getah, buruh kelapa sawit dan *chokra.* Majoriti masyarakat Tamil ladang menerima pendapatan yang rendah kerana hanya bekerja sebagai penoreh getah ataupun buruh kasar. Realiti ini turut dapat dikesan dalam banyak penulisan dan kajian di Malaysia.

Seterusnya, pihak penjajah British telah membawa masuk pekerja Tamil untuk membersihkan hutan tebal untuk menjadikannya sebagai kawasan pertanian yang membawa keuntungan lumayan. Pihak British menganggap masyarakat Tamil yang hidup dalam kemiskinan dan tertindas di negara India sebagai golongan yang paling sesuai untuk bekerja bagai hamba di hutan-hutan Tanah Melayu yang berbahaya. Majikan British yang sangat memahami sejarah latar belakang mereka telah mempergunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelemahan semulajadi mereka. Keadaan sosioekonomi yang amat rendah di negara asal telah mendorong majikan menawarkan gaji yang rendah dan kemudahan asas yang tidak menepati kepiawaian yang ditetapkan (Cheah, B. K. 2001).

Selain itu, tahap gaji yang rendah ini mengakibatkan masyarakat Tamil terpaksa berhutang untuk memenuhi keperluan asas. Kos perbelanjaan masyarakat Tamil yang berhijrah ke Tanah Melayu telah ditanggung oleh majikan. Namun, segala perbelanjaan ini dipotong daripada gaji mereka. Di samping itu, terdapat segelintir golongan masyarakat Tamil yang malang kerana tidak dapat membereskan hutang tersebut dalam masa lima tahun ketika tamatnya kontrak pekerjaan mereka. Akibatnya, mereka tidak dapat pulang ke tanah air lalu terpaksa menetap di sini (Ramasamy, P. 1999).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, pekerja Tamil yang rajin bekerja di Tanah Melayu telah disambung kontrak untuk terus bekerja di sini. Gaji dibayar berdasarkan kontrak yang ditandatangani di negara India. Persatuan kebajikan pekerja S*traits Settlement* tahun 1890, dalam laporannya menyatakan bahawa pekerja ini telah menandatangani kontrak di negara India tanpa mengetahui keadaan sebenar di Tanah Melayu. Oleh itu, mereka terpaksa menerima upah atau gaji yang rendah (Kondapi, C. 1951).

Selain itu, seperkara lagi yang memberi kesan kepada kehidupan pekerja ladang ialah masalah hutang. Sistem kontrak menjadikan pekerja ladang terperangkap dalam masalah hutang. Menurut sistem ini, perbelanjaan perpindahan untuk setiap pekerja dari India ke Tanah Melayu ditanggung oleh majikan. Wang pendahuluan akan diberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada pekerja semasa bertolak dari negara India. Namun, setelah mula bekerja di Tanah Melayu, hutang ini mula ditolak daripada gaji selama 24 bulan. Apabila semua hutang selesai, hutang baru pula akan bermula. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat pulang ke tanahair selagi hutang diselesaikan. Pendekatan ini merupakan satu cara pihak British mengekalkan pekerja selama-lamanya di ladang mereka. Oleh itu, pekerja terpaksa terus bekerja keras. Wang dan tenaga pekerja dipergunakan oleh majikan demi mengaut keuntungan lumayan (Kurinjivendhan, R. 2013).

Manakala, Parmer, N. J. (1960) pula berpendapat bahawa majikan mengamalkan struktur gaji yang rendah untuk buruh ladang dalam industri perladangan. Ramasamy, P. (1991), turut menyokong pandangan tersebut. Beliau berpendapat bahawa majikan ladang mendominasi ekonomi ladang dengan cara membayar gaji yang rendah yang tidak adil kepada pekerja ladang.

Sementara itu, dalam tempoh masa antara 1920 hingga 1930, majikan-majikan ladang mengamalkan dasar gaji yang berbeza untuk buruh India dan Cina. Buruh Cina yang dikendalikan melalui sistem kontrak mendapat gaji yang lebih tinggi daripada buruh India. Pihak majikan mempertahankan dasar ini atas alasan bahawa buruh Cina mempunyai kepakaran yang lebih tinggi daripada buruh India (Ramasamy, P. 1991).

Manakala, pada tahun 1884, masyarakat Tamil telah dibayar gaji harian sebanyak 12 sen. Selain itu, walaupun pekerja membuat kesalahan kecil, gaji akan dipotong sebagai denda. Oleh itu, kerajaan di India pada ketika itu telah mencadangkan satu skim

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gaji pada tahun 1922 untuk membantu masyarakat Tamil yang tertindas dan dibayar gaji yang rendah. Berikutan ini, pihak pemerintah British di Tanah Melayu turut bersetuju dengan cadangan itu. Kuasa untuk menentukan skim gaji ini diberikan kepada *Indian Immigration Community* (Perbadanan Imigresen India) (Sandrakantham, P, 2011).

Sementara itu, pihak Perbadanan Imigresen India itu telah memutuskan bahawa gaji harian untuk pekerja lelaki ialah 35 sen dan 27 sen untuk pekerja wanita. Skim gaji itu berkuatkuasa mulai 1 Jun 1924. Pada awal tahun 1927, tercetus masalah kegawatan dunia. Hal ini merosotkan harga getah di pasaran dunia. Oleh itu, pekerja ladang getah menghadapi masalah. Pada tahun 1930, seramai 67,000 pekerja ladang getah telah dihantar pulang ke negara India (Sandhu, K. S. 1969).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 1931, sebanyak 56,000 pekerja lagi dihantar ke negara India akibat terus berlakunya kemerosotan harga getah. Maka, gaji pekerja dikurangkan. Sementara itu, berikutan kemrosotan kegawatan ekonomi dunia, *Indian Immigration* di Tanah Melayu telah berbincang dan membuat keputusan mengenai gaji pekerja. Pada 5 Oktober 1930, gaji pekerja lelaki di ladang getah ditetapkan sebanyak 40 sen. Pekerja wanita pula ditetapkan sebanyak 32 sen. Gaji pekerja kanak-kanak pula ditetapkan 16 sen (Sandrakantham, P. 2011). Rajah 4.6 menunjukkan gaji harian pekerja ladang mengikut tahun bagi lelaki, wanita dan *chokra.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Gaji Harian Pekerja India Tahun 1924-1938

Tahun	Gaji lelaki (sen)	Gaji wanita (sen)	*Chokra* (sen)
1924	35	27	-
1930	40	32	16
1931	25	20	-
1932	25	20	-
1933	35	30	-
1934	50	40	-
1938	40	35	-

(Sumber: Sandrakantham, P. (2011). *200 Āṇṭukaḷil Malaycia Intiyarkaḷ*.

Sementara itu, pada tahun 1947, selepas perang dunia kedua, jumlah pekerja Tamil di ladang getah semakin meningkat. Sejak tahun 1921, masyarakat Tamil ladang mula mengadakan tunjuk perasaan atas alasan bahawa dibayar gaji yang rendah, terpaksa melakukan kerja yang berat, perumahan yang tidak dilengkap dengan kemudahan asas dan pihak pengurusan yang kejam. Tambahan pula, setiap rumah tidak disediakan kemudahan asas seperti air, tandas dan elektrik, tiada perkhidmatan kesihatan yang baik, gaji yang dibayar tidak setimpal dengan kerja. Pada ketika itu, setiap pekerja Tamil dibayar 55 sen manakala buruh Cina pula dibayar 85 sen. Mereka mahukan keadilan atas tuntutan mereka dan persamaan gaji tanpa mengira perbezaan kaum (Sandrakantham, P. 2011).

Namun, selepas beberapa tunjuk perasaan diadakan, akhirnya pada tahun 1941 pihak pengurus ladang bersetuju dengan tuntutan pekerja. Gaji harian untuk pekerja lelaki ditetapkan sebanyak 60 sen. Pekerja wanita pula dibayar 50 sen. Dalam konteks ini,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tunjuk perasaan yang diadakan di Klang pada tahun 1941 telah membuka mata pelbagai pihak di Tanah Melayu terhadap keadaan sosioekonomi masyarakat Tamil di ladang yang sungguh menyedih dan memeranjatkan (Sandrakantham, P. 2011). Jadual 4.7 menunjukkan gaji harian pekerja ladang getah dari tahun 1946-2007.

Jadual 4.7

Gaji Harian Pekerja India Ladang Getah Dari Tahun 1946-2007

Tahun	Gaji Harian
1946	RM 0.70
1947	RM 1.30
1948	RM 2.15
1950	RM 2.40
1951	RM 3.50
1952	RM 3.00
1953	RM 2.75
1954	RM 2.25
1955	RM 2.70
1959	RM 2.20
1962	RM 2.25
1964	RM 2.55
1968	RM 3.10
1972	RM 3.20
1976	RM 3.60
1979	RM 4.30
1986	RM 7.90
1990	RM 8.75
1995	RM 10.40
1999	RM 11.50
2007	RM 13.50

(Sumber: Sandrakantham, P. (2011). *200 Āṇṭukaḷil Malaycia Intiyarkaḷ*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 1933, harga getah mula meningkat di pasaran dunia. Oeh itu, keperluan untuk pekerja ladang getah telah meningkat. Lantaran itu, imigran India mula datang semula ke Tanah Melayu melalui pelabuhan Nagapattinam di negara India. Walaupun harga getah meningkat, namun gaji pekerja ladang getah masih rendah. Justeru, taraf kehidupan masyarakat Tamil adalah rendah (Janakey Raman, 2013).

Akhirnya, kehidupan mereka terus dilanda kemiskinan dengan gaji yang rendah. Kemuncak kepada masalah mereka ialah apabila majikan tidak bersetuju untuk membayar gaji yang sama seperti sebelum kejatuhan harga getah. Kini, gaji mereka lebih rendah daripada sebelumnya (Stenson, M. R. 1980). Neelakanda Aiyer (1938) pernah menyatakan bahawa pekerja Tamil merupakan golongan yang paling ramai di ladang getah kerana mereka sanggup bekerja walaupun dibayar gaji yang rendah.

4.2.2.4 Golongan Tiada Pendapatan

Menurut *MASCO-08* (2010), tiada pendapatan dibahagikan kepada empat. Antaranya ialah majikan, pekerja, bekerja sendiri dan pekerja tanpa gaji. Maka, dalam konteks kajian ini golongan tiada pendapatan dapat dikategorikan sebagai pekerja tanpa gaji. Hal ini merujuk kepada seseorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang. Kajian ini mendapati masyarakat Tamil ladang merupakan pekerja ladang yang tidak dibayar gaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, menurut Seksyen 15 (1) Akta Pekerjaan 1955, setiap majikan mesti membayar upah kepada pekerjanya apabila kerja tersebut telah selesai. Jika gagal berbuat demikian adalah menjadi satu perlanggaran pada terma kontrak. Selain itu, Seksyen 25 (1) menegaskan bahawa bayaran gaji hendaklah dibuat dalam nilai yang sah, iaitu dibayar dalam RINGGIT MALAYSIA. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa setiap pekerja mesti dibayar gaji. Tindakan tidak membayar gaji merupakan satu kesalahan majikan yang boleh dikenakan tindakan mahkamah. Hanya sebuah novel telah dikenal pasti golongan tiada pendapatan iaitu *Selancar Empat.*

4.2.2.4.1 Mengenal Pasti Golongan Tiada Pendapatan dalam NTM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, hanya dalam sebuah novel sahaja dikenal pasti golongan tiada pendapatan. Novel tersebut ialah *Selancar Empat*. Watak-watak yang terdiri daripada masyarakat Tamil ladang digambarkan tidak dibayar gaji masing-masing. Pada asalnya, golongan ini bekerja di sebuah ladang getah. Selepas ladang getah tersebut dijual, mereka diberi notis pemberhentian kerja. Di samping itu, golongan ini yang merupakan pemilik kad pengenalan merah yang tidak diiktiraf sebagai warganegara. Oleh itu, mereka tidak diterima bekerja di ladang lain. Akhirnya, mereka terpaksa bekerja sebagai pekerja kontrak di sebuah ladang kelapa sawit milik Tauke Cina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah bekerja selama dua bulan, mereka tidak dibayar gaji. Watak Muniamah merupakan watak yang mewakili masyarakat Tamil ladang yang melahirkan keluhan dan kemarahan mereka. Apabila Muniamah bertanya mengenai gaji, dia dimarahi dan dipukul. Muniamah tidak puas hati akan tindakan orang suruhan Tauke Cina. Orang suruhan tauke Cina mengarahkan mereka supaya membeli barangan keperluan harian dan todi dari kedai Cina. Bayaran barang tersebut dipotong daripada gaji mereka. Pengarang jelas menggambarkan keluhan dan perasaan marah Muniamah yang ditindas dan tidak dibayar gaji.

> *எஸ்டேட்டில் இருக்கும் போது ஒவ்வொரு மாதமும் சம்பளமும் பிலாஞ்சாவும் வாங்கி பழகிய கைகள். ஆனால் லீவே கொடுக்காமல் ஒவ்வொரு நாளும் வேலைக்கு இழுத்துக் கொண்டு போய், குறைந்தது பத்து மணி நேரம் உழைப்பை சுரண்டியதற்கு முறைப்படி கூலி கொடுத்திருக்க வேண்டும்.அடிம மாதிரி வச்சிருக்கணுமா? இது ஞாயமே இல்ல..எங்க வேர்வைய வாங்கிட்டு .. கூலி கூட இல்லேனா...நாங்க மனுசாளா மாடா? (புண்ணியவான், கோ. 2013, ப.80).*

> Semasa bekerja di ladang getah, kami lazim menerima gaji dan wang pendahuluan setiap bulan. Tetapi di sini, kami bekerja tanpa cuti setiap hari. Kami diheret bekerja sekurang-kurangnya 10 jam setiap hari. Kami sepatutunya dibayar gaji kerana dikerah bekerja begitu lama. Adakah wajar layan kami bagai hamba. Ini tidak adil. Walaupun kami diperah tenaga, namun tidak dibayar gaji. Adakah kami manusia atau lembu? (Punniavan, Ko. 2013, ms.80).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2.4.2 Menganalisi Realiti Golongan Tiada Pendapatan dalam NTM

Gambaran realiti tentang golongan yang tidak dibayar gaji sebenarnya didedahkan oleh Janakey Raman (2013) dalam bukunya 'Dilema Kaum India di Malaysia'. Berita mengenai penindasan manusia di ladang Selancar Empat telah mengejutkan seluruh rakyat Malaysia pada ketika itu. Menurutnya, pihak kerajaan telah bercadang membersihkan beberapa kawasan hutan untuk dijadikan kawasan pembangunan. Ekoran itu, kerajaan telah memberikan kontrak membersihkan kawasan hutan kepada beberapa buah syarikat. Ladang Selancar Empat merupakan salah satu syarikat yang melaksanakan kontrak tersebut.

Janakey Raman (2013) terus mengulas bahawa peluang ini turut digunakan oleh majikan Ladang Selancar Empat. Namun, syarikat ini telah menindas dan menjadikan masyarakat Tamil sebagai hamba abdi. Mereka tidak dibayar gaji. Selain itu, mereka juga tidak diberikan makanan yang mencukupi dan berkhasiat. Mereka tidak dibenarkan keluar dari kawasan ladang itu. Seorang wanita yang berani telah melarikan diri dari ladang lalu mendapatkan bantuan orang ramai. Akhirnya, penindasan manusia di Selancar Empat dibawa ke muka pengadilan. Peristiwa yang menyayatkan hati dibawa ke perhatian Menteri Kerjaraya pada ketika itu, iaitu Datuk Samyvellu. Majikan yang terlibat dalam isu tersebut dikenakan tindakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya akhbar *Malaysian Business* (1983) turut menyiarkan berita penindasan di Selancar Empat dengan tajuk *"Contract Labour: Cancer in the Estates"* pada Ogos, 1983. Menurut berita tersebut, Selancar Empat terletak di persimpangan jalan di antara Segamat dengan Kuantan. Felda Selancar Empat terletak sejauh 15km dari kawasan ini. Kawasan ini dibahagikan kepada tujuh bahagian. Selancar Empat merupakan bahagian keempat. Kawasan ini penuh dengan hutan tebal. Penanaman kelapa sawit mula diusahakan dengan gigih di kawasan ini. Golongan masyarakat yang tidak mempunyai tanah dan rumah berharap pekerjaan ini akan membantu mereka.

Sementara itu, majalah Nadi Insan (1983) pula menyiarkan Laporan Penyiasatan Kes Buruh di Felda Selancar Empat pada Ogos 1983. Felda Selancar Empat terletak 18km dari lebuh raya Segamat-Kuantan. Temubual pemberita dengan beberapa orang pekerja di Selancar Empat membuktikan realiti exploitasi pekerja Tamil di situ. Seorang pekerja bernama Ramasamy mendedahkan bahawa dia telah bekerja di Selancar Empat selama tiga tahun. Dia dijanjikan bayaran gaji sebanyak RM 7 sehari tetapi tidak pernah menerima gaji walau satu sen daripada majikannya. Rumusan laporan tersebut menyatakan bahawa pekerja tersebut menjadi mangsa exploitasi majikan yang tidak membayar gaji dan gagal mematuhi kepiawaian Kementerian Sumber Manusia yang berkaitan dengan kemudahan asas yang ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, laporan akhbar *New Straits Times* (18 Julai 1983) menjelaskan bahawa Presiden Kongres India Malaysia (MIC) pada ketika itu, Datuk S.Samyvellu telah menubuhkan jawatankuasa khas di ibu pejabatnya untuk menyiasat rapi skandal skim kelapa sawit di Felda Selancar Empat.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa isu masyarakat Tamil yang tidak dibayar gaji merupakan realiti kejadian yang benar-benar berlaku di Felda Ladang Selancar Empat. Peristiwa penindasan ini bukan sahaja merana kehidupan segelinitir masyarakat Tamil ladang bahkan menyayatkan hati keseluruhan rakyat Malaysia. Pengarang membawa realiti isu *Selancar Empat* ini dalam novelnya melalui watak Muniamah. Watak sebenar adalah bernama Saraswathy. Manakala latar tempat ialah Felda Selancar Empat. Latar masa pula ialah zaman selepas merdeka iaitu tahun 1983.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ringkasnya, pengkaji telah membincangkan aspek kedua iaitu pendapatan, dalam kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang berdasarkan objektif pertama. Aspek pendapatan ini dikaji berdasarkan empat kategori, iaitu golongan pendapatan tinggi, golongan pendapatan sederhana, golongan pendapatan rendah dan golongan tiada pendapatan. Pengkaji mengenal pasti aspek pendapatan melalui watak dan latar dalam novel berdasarkan objektif pertama.

Golongan pendapatan tinggi digambarkan melalui watak pengurus ladang (British), pengurus ladang (Tamil), pegawai perinyu kesihatan, ceti, dan peniaga. Golongan pendapatan sederhana pula digambarkan melalui watak kerani, pembantu perubatan (*dresser),* guru dan kangani. Manakala, golongan berpendidikan rendah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tiada pendidikan formal pula digambarkan melalui watak penoreh getah, buruh kelapa sawit dan *chokra* (buruh kanak-kanak).

Kebanyakan masyarakat Tamil ladang yang dipaparkan dalam novel-novel dikategorikan dalam golongan pendapatan rendah dan golongan tiada pendapatan. Mereka adalah penoreh getah, buruh kelapa sawit dan chokra (buruh kanak-kanak). Pendapatan rendah ini menyebabkan masyarakat Tamil ladang berada dalam keadaan miskin, menderita dan serba kekurangan. Justeru, kedudukan sosioekonomi mereka digambarkan amat rendah dan menyedihkan.

Seterusnya, berdasarkan objektif kedua, realiti tentang aspek pendapatan tersebut telah dianalisis oleh pengkaji. Dapat disimpulkan bahawa aspek pendapatan yang dipaparkan dalam novel tersebut merupakan gambaran sebenar pada ketika itu. Aspek pendapatan yang dinyatakan dalam novel tersebut; adalah realiti pendapatan yang diperolehi golongan tersebut di Tanah Melayu pada zaman penjajahan British dan juga zaman selepas kemerdekaan.

Kesimpulannya, pengarang menggambarkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang yang rendah melalui pendapatan mereka. Hal ini merupakan realiti pendapatan mereka pada ketika itu. Maka, golongan pendapatan rendah dan golongan tiada pendapatan menunjukkan kedudukan sosioekonomi yang rendah dan membimbangkan. Jadual 4.8 menunjukkan gambaran kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam novel dan realiti kedudukan sosioekonomi mereka yang sebenar dalam aspek pendapatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Gambaran dan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang: Aspek Pendapatan

Bil	Aspek Pendapatan	Gambaran kedudukan sosioekonomi dalam novel	Realiti kedudukan sosioekonomi sebenar
1	Golongan Pendapatan tinggi	Tinggi	Tinggi
2	Golongan Pendapatan Sederhana	Sederhana	Sederhana
3	Golongan Pendapatan Rendah	Rendah	Rendah
4	Golongan Tiada Pendapatan	Rendah	Rendah

4.2.3. Aspek Pendidikan

Aspek pendidikan dalam konteks kajian ini, dikaji melalui taraf pendidikan untuk menentukan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang. Menurut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (2011), taraf pendidikan merujuk kepada peringkat seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi. Laporan itu juga membahagikan taraf pendidikan kepada empat kategori, iaitu tiada pendidikan rasmi, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan tertiari.

Taraf pendidikan memainkan peranan penting yang menentukan kedudukan sosioekonomi sesuatu masyarakat. Taraf pendidikan menentukan pekerjaan setiap individu dalam sesebuah masyarakat. Taraf pendidikan yang tinggi menawarkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Manakala, taraf pendidikan yang rendah atau tiada pendidikan rasmi akan membawa pekerjaan yang berpendapatan rendah .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pendidikan turut memainkan peranan utama dalam perkembangan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah merupakan petunjuk utama yang dapat mengukur tahap kemajuan negara pada masa hadapan. Dalam menghadapi persaingan ekonomi global kini, kejayaan sesebuah negara amat bergantung kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang dimiliki oleh rakyatnya (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025).

Oleh sebab itu, bidang pendidikan dilihat sebagai salah satu aspek utama yang dapat mempertingkat kedudukan sosial dan ekonomi sesuatu bangsa. Dalam konteks ini, tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan berkeupayaan meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang. Justeru, pendidikan juga menjadi penentu dan pengukuran kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang.

Aspek taraf pendidikan yang dipaparkan dalam novel dikaji melalui unsur intrinsik, iaitu watak dan latar. Latar mefokuskan kepada latar masa dan tempat sahaja. Latar masa ialah semasa penjajahan British di Tanah Melayu dan juga zaman selepas kemerdekaan. Manakala, latar tempat dalam kesemua novel ialah ladang getah di Tanah Melayu. Jadual 4.9 menerangkan taraf pendidikan dan watak masyarakat Tamil dalam NTM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Aspek Pendidikan dan Watak Dalam NTM

Novel / Aspek Pendidikan dan Watak	*Ilaţciyap Payaṇam*	*Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḻum*	*Tuyara Pātai*	*Selancar Empat*	*Maṇpulukkaḻ*	*Noiva Pūkkaḻ*	*Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḻ*
1.Golongan tiada pendidikan rasmi	Orang tua Muthusamy	Pekerja Tamil ladang	Singgaram	Munian	Addukkaran	Ibu Velu	Sitambaram
2.Golongan pendidikan rendah	Leela	Maari	Ponamal dan Muthu karupan	Muniamah	Sinnapulla	Tulasi	Ganesan
3.Golongan pendidikan menengah	Mathavan (LCE) Adik Mathavan (MCE)	Kanniapan (LCE)	Muniraju (LCE)	Tiada	Tiada	Velu (SPM)	Anjali (SPM)
4.Golongan pendidikan tertiari	Mathialagan	Tiada	Sarkunam	Tiada	Anak Tikkuvayan	Tiada	Tiada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.1 Golongan Tiada Pendidikan Rasmi

Menurut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (2011), keadaan tiada pendidikan rasmi merujuk kepada kumpulan yang tidak pernah menghadiri mana-mana institusi pendidikan rasmi yang memberi pendidikan percuma. Dengan kata lain, ketiadaan pendidikan rasmi bermakna buta huruf.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesemua tujuh buah novel yang dikaji menggambarkan bahawa kebanyakan masyarakat Tamil ladang adalah golongan tidak mempunyai pendidikan rasmi atau buta huruf. Seterusnya, unsur intrinsik yang terdiri daripada watak serta latar masa dan tempat digunakan untuk mengenal pasti golongan tiada pendidikan formal. Kebanyakan golongan awal masyarakat Tamil ladang yang berpindah ke Tanah Melayu tidak memiliki pendidikan formal. Mereka telah menetap di ladang getah selama 50 hingga 60 tahun. Kemudahan sekolah tidak disediakan di ladang getah (Kalaimuthu, K. 2008). Oleh itu, ramai golongan masyarakat Tamil ladang pada ketika itu didapati tidak mendapat pendidikan formal.

4.2.3.1.1 Mengenal Pasti Golongan Tiada Pendidikan Rasmi dalam NTM

Dalam novel *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum* golongan tiada pendidikan rasmi atau buta huruf dalam kalangan masyarakat Tamil ladang dikenal pasti oleh pengkaji berdasarkan watak yang terpapar sebagai pekerja di Ladang Bukit Tanah Merah. Oleh sebab kebanyakan pekerja itu adalah buta huruf, mereka tidak dapat berfikir secara rasional apabila berhadapan dengan sesuatu masalah mengancam kepentingan bersama mereka. Keadaan ini jelas terpapar dalam novel tersebut apabila masalah fragmentasi ladang getah yang menular seluruh negara telah sampai ke ladang itu. Akhirnya, Ladang Tanah Merah juga dijual lalu tanah di ladang itu turut mengalami fragmentasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikutan ini, pekerja di ladang itu diberi notis pemberhentian kerja lalu diarah keluar dari ladang itu. Watak Kanniapan berusaha mencari jalan untuk menyelamatkan masyarakat Tamil ini. Oleh itu, dia memohon kerjasama dan sumbangan daripada mereka untuk mengumpulkan wang sebanyak 1 juta ringgit untuk membeli ladang itu agar pekerja-pekerja itu boleh menjadi pemilik ladang. Menurut Kaniapan, mereka boleh mengusahakan ladang itu secara bersama.

Malangnya, masyarakat Tamil ladang itu tidak menyambut baik akan cadangan Kanniapan. Keadaan buta huruf menyebabkan mereka tidak berpandangan luas. Mereka tidak menyedari kepentingan kerjasama demi membaiki kedudukan sosioekonomi mereka. Mereka khuatir bahawa diri mereka akan diperdaya oleh pihak tertentu. Malah, pengalaman pahit saudara mara yang pernah terpedaya oleh janji-janji agen tanah tertentu telah mencetuskan perasaan khuatir dan curiga dalam diri mereka.

Sebenarnya, agen-agen penjual tanah pernah mengaburi mata sebilangan pekerja jahil dan buta huruf yang berusaha membeli tanah-tanah yang difragmentsikan. Oleh itu, kejujuran Kanniapan untuk membantu masyarakat Tamil ladang turut disangsikan serta tidak menghasilkan sebarang kejayaan. Pengarang novel jelas menggambarkan sikap jahil dan tidak berpandangan jauh masyarakat Tamil ladang akibat tidak berpendidikan langsung.

> *என்னாய்யா ஒத்தும ஒத்துமங்கிறே. படிச்ச உங்களுக்கு ஒத்தும இல்லே. படிக்காத ஏல சனங்களுக்கு எப்படியா ஒத்தும வரும்? எனக்குக் காசு கொடு, எனக்குக் காசு கொடுன்னு பிச்சுப் பிடுங்கிறீங்க. கிடைக்கிறதே வவுத்துப் பாட்டுக்குப் போதுலே (குமரன், எம்.1971, ப.64).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kamu asyik bercakap tentang kerjasama. Orang berpelajaran seperti kamu semua tidak kerjasama. Apatah lagi, golongan kami yang tidak berpelajaran? Kamu asyik meminta wang daripada kami sedangkan kami pun tidak cukup wang untuk mengisi perut kami (Kumaran, M. 1971, ms.64).

Seterusnya, dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam*, golongan buta huruf atau ketiadaan pendidikan rasmi dikenal pasti melalui gambaran watak Muthusamy yang sudah meningkat tua di Ladang Padang. Dia telah diperdaya oleh golongan tertentu. Dia digambarkan sebagai golongan yang tiada pendidikan rasmi. Anak perempuannya yang berumur 17 tahun telah meninggal dunia kerana ditimbus tanah semasa bekerja di ladang. Watak Mathavan selaku setiausaha dalam kesatuan pekerja telah berusaha membantu orang tua itu. Dia telah mengadakan perbincangan dengan pihak majikan ladang untuk mendapatkan ganti rugi. Namun, majikan ladang telah memperdaya Muthusamy yang buta huruf dan jahil dengan menyerahkan hanya RM 250 sebagai wang ganti rugi.

Mathavan terkejut mengetahui hal itu. Mathavan difahamkan bahawa wang ganti rugi yang sepatut diterima oleh Muthusami ialah sebanyak RM2500. Oleh sebab Muthusami merupakan seorang yang buta huruf, majikan telah mengambil kesempatan atas kejahilan untuk memperdayanya. Lebih malang lagi, orang tua itu menuduh bahawa kesatuan pekerja telah gagal membantunya. Sebaliknya, dia memuji majikan yang telah memberikan wang gantrugi sebanyak RM250 itu.

> *இரண்டாயிரத்து ஐந்நூறு வெள்ளிக்கான வவுச்சரில் முத்துச்சாமிக் கிழவனின் கையெழுத்து இருந்தது. மாதவனுக்கு இந்த மந்திரம் விந்தையாய் இருந்தது. இரண்டாயிரத்து ஐந்நூறு வெள்ளிக்குக்*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

கையொப்பம் போட்டுவிட்டு ஒரு சைபரை நீக்கிக் கொண்ட தொகையைக் கிழவன் பெற்றிருந்தான். நியாயத்துக்குப் போராடுவதற்கு வாய்ப்பில்லாமல் இருந்தது. சான்று இல்லாமல் யாரிடமும் வாதிடமுடியவில்லை (இளவழகு, ஐ. 1983, ப.326).

Orang tua Muthusamy telah menurunkan tandatangan pada baucer yang tercatat RM 2500. Mathavan terkejut akan keajaiban yang berlaku. Selepas menurunkan tandatangan untuk RM 2500, Muthusami telah menerima sejumlah wang yang dikurangkan 1 sifar. Mathavan tidak dapat menuntut keadilan kerana tidak ada bukti yang nyata (Ilavalagu, I. 1983, ms.326).

Selain itu, golongan buta huruf atau ketiadaan pendidkan turut dikenal pasti dalam novel *Noiva Pūkkaḷ* melalui watak ibu Velu, Mariyayi. Velu telah meninggalkan ladang getah setelah mendapat pekerjaan sebagai pegawai perinyu kesihatan di Kedah. Dia telah memaklumkan hal ini melalui sepucuk surat kepada ibunya di ladang. Namun, ibunya ialah seorang buta huruf. Dia terpaksa meminta bantuan jirannya, iaitu Tulasi, untuk membacakan isi kandungan surat tersebut. Sebenarnya, watak ibu Velu melambangkan golongan tiada pendidikan formal yang sentiasa memerlukan bantuan orang lain dalam hal surat-menyurat.

மாரியாயிக்கு மகன் என்னதான் எழுதியிருக்கிறான் என்று உடனே தெரிந்து கொள்ள ஆசை. அவசரத்துக்குத் துளசிதான் கிடைத்தாள் (புண்ணியவான், கோ. 2008, ப.69).

Mariyayi tak sabar untuk mengetahui isi kandungan surat anaknya. Maka dia meminta pertolong Tulasi untuk membacakan surat tersebut (Punniavan, Ko. 2008, ms.69).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, dalam novel *Maṇpulukkaḷ* telah dikenal pasti golongan buta huruf atau golongan tiada pendidikan formal melalui watak Addukkaran. Watak Addukkaran mewakili majoriti masyarakat Tamil ladang itu yang digambarkan tidak pendidikan. Walaupun dirinya buta huruf, Addukkaran meminta guru yang mengajar anak supaya tegas terhadap anaknya. Addukkaran tidak mahu anaknya menjadi seorang buta huruf sama seperti dirinya.

Watak Addukkaran memang mengakui dirinya sebagai buta huruf yang hanya mampu menurunkan cap tangan sebagai tandatangannya. Dia sedar akan kesan keadaan buta huruf. Oleh itu, dia memberi kebenaran kepada guru untuk merotan anaknya agar dia belajar bersungguh-sungguh demi memperoleh kejayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

வாத்தியாரே,படுப்புல செல்லம் வேணாம்...அவ கண்ண மட்டும் உட்டுடுங்க....தோல உரிச்சாலும் பரவால்ல...அவ நல்லா படிச்சு வரணும்...என்ன மாதிரி கைநாட்டு பயலா ஆயிடக் கூடாது... (முத்துசாமி. சீ. 2006, ப. 131).

> ‘Cikgu, dalam hal pelajaran jangan tunjukkan rasa manja. Cikgu rotanlah anak saya kecuali matanya. Saya mahu dia belajar bersunggu-sungguh. Biar jangan jadi buta huruf macam saya’’ (Muthusamy, C. 2006, ms.131).

Selanjutnya, melalui novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ* pula turut dikenal pasti golongan tiada pendidikan atau buta huruf melalui watak Sitambaram yang telah mula bekerja pada usia mudanya. Watak Sitambaram digambarkan telah mula bekerja sejak berumur 8 tahun lagi. Dia terkenang kisah dia mula bekerja di Ladang Bukit Lembu. Dia tidak pernah ke sekolah dan menjadi golongan tiada pendidikan formal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

8 வயதில் மரக்காட்டில் மங்கைத் துடைக்கத் தொடங்கியவர்,கொஞ்சம் கொஞ்சமாக வளர்ந்து 13 வயதிலேயே மரம் வெட்டச் சென்று விட்டார் (பாலமுருகன், கே. 2009, ப.49).

Pada usia 8 tahun, Sitambaram telah mula mencuci mangkuk susu getah. Apabila usianya meningkat 13 tahun, Sitambaram sudah menjadi penoreh getah (Balamurugan, K. 2009, ms49).

Tambahan pula, golongan tiada pendidikan formal atau buta huruf turut dikenal pasti melalui watak Munian dalam novel *Selancar Empat*. Majoriti masyarakat di Ladang *Selancar Empat* digambarkan tidak mendapat pendidikan formal atau buta huruf. Watak Munian pula mewakili golongan itu. Dia ialah seorang pemegang kad pengenalan merah. Dia telah berusaha mendapatkan kewarganegaraan dengan mengisi borang permohonan tersebut beberapa kali sebelum ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, kesemua permohonannya ditolak kerana tidak mengisi namanya dengan tepat. Munian berharap bahawa kali ini dia dapat mengisi namanya dengan ejaan yang tepat. Malangnya, dia tidak kenal sesiapa pun di pejabat itu yang dapat membantunya. Munian tercari-cari orang yang boleh membaca dan menulis dalam kalangan orang yang turut hadir ke pejabat itu.

Watak Munian jelas melambangkan majoriti masyarakat Tamil ladang yang menghadapi dilema ketika memohon kewarganegaraan atau kad pengenalan biru kerana tiada pendidikan formal. Akibatnya, watak Munian sama seperti golongan Tamil ladang yang lain, tidak dapat mengisi borang permohonan kewarganegaraan dengan tepat akhirnya gagal memperoleh sijil kewarganegaraan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

படிவத்தில் பெயர் இம்முறை சரியாகக் எழுதப்பட வேண்டும் என்று யாரைக் கேட்டு தொலைப்பது என்று தெரியவில்லை முனியனுக்கு. பாரத்தைத் தூக்கிக்கொண்டு படிக்கத் தெரிந்த ஒருவரைக் கூட்டத்தில் தேடினான் (புண்ணியவான், கோ. 2013, ப.37).

Munian tidak tahu siapa yang dapat bantunya kali ini mengisi namanya dengan betul dalam borang. Munian tidak kenal sesiapa yang dapat membantunya. Sambil memegang borang, dia tercari-cari seseorang yang boleh membaca di pejabat itu (Punniavan, Ko. 2013, ms.37).

Akhir sekali, golongan tiada pendidikan formal atau buta huruf telah dikenal pasti dalam novel *Tuyara Pātai*. Golongan tiada pendidikan rasmi atau buta huruf ditonjolkan melalui watak Singgaram di Ladang Myna. Walaupun tiada pendidikan formal, Singgaram mampu berhujah tentang falsafah kehidupan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

சிங்காரத்தின் பேச்சு ஆயம்மாளையும், முத்துக்கருப்பனையும் வியப்பில் ஆழ்த்தியது. கல்வியறிவில்லா சிங்காரம் பேசும் பேச்சா இது என்று ஆச்சரியப்பட்டனர் (பெருமாள். கா, 1978, ப.159).

Ucapan Singgaram telah mengkagumkan Ayammal dan Muthukarupan. Mereka berasa hairan kerana Singgaram tidak pernah bersekolah dan buta huruf (Perumal, K. 1978, ms.159)

4.2.3.1.2 Menganalisis Realiti Golongan Tiada Pendidikan Rasmi dalam NTM

Gambaran realiti tentang golongan tiada pendidikan formal atau keadaan buta huruf dalam kalangan pekerja di ladang dapat diketahui melalui; sejarah kedatangan masyarakat Tamil ke Tanah Melayu semasa penjajahan British. Pada awalnya mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibawa untuk bekerja di ladang lada hitam, ladang tebu dan ladang kopi. Apabila ladang getah mula diusahakan, lebih ramai pekerja dibawa ke tanah Melayu. Menurut Murasu Nedumaran (2007), sebanyak 85% daripada pekerja ladang ialah kaum Tamil. Majikan British sanggup menyediakan kedai todi untuk pekerjanya. Namun, majikan tersebut tidak berusaha untuk mendirikan sebarang sekolah.

Manakala menurut Mannar Mannan, M. R. dan Chandrasegar, C. (1998), pula Munshi Abdullah (1796-1854) merupakan seorang ulama yang mahir bertutur dan menulis dalam bahasa Tamil. Menurut catatannya, beliau mempelajari bahasa Tamil dengan berlatih menulis di pasir. Oleh itu, dipercayai bahawa pada sekitar tahun 1800-an lagi, bahasa Tamil pernah diajar di sekolah pondok, rumah, tempat awam dan secara persendirian di Tanah Melayu. Namun, ramai masyarakat Tamil tidak menghantar anak ke sekolah tersebut kerana lebih mementingkan gaji daripada pendidikan.

Selain itu, pada awalnya, masyarakat Tamil yang bekerja di Tanah Melayu bercadang untuk pulang ke negara asal setelah tamat kontrak lima tahun. Terdapat sebahagian orang ini memang telah pulang ke negara India. Namun sebahagian lagi memilih untuk tinggal di sini kerana tanggungan hutang masih tidak dapat dilunaskan oleh mereka sepenuhnya. Oleh itu, mereka terpaksa bekerja keras sehingga hutang mereka dapat dibereskan. Walau bagaimanapun, sebilangan besar ini mula menetap di sini dengan mendirikan keluarga mereka (Shiffman, H. F. 1996). Oleh itu, mereka tidak menunjukkan minat terhadap pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum sistem persekolahan diwujudkan di ladang, anak-anak pekerja itu biasanya mengikuti ibu bapa untuk bekerja di ladang. Majikan juga menyediakan peluang pekerjaan yang mudah dan ringan untuk kanak-kanak (Kurinjivendhan, R. 2013). Kanak-kanak Tamil yang tinggal di ladang tidak pernah bersekolah sehingga Kod Buruh diperkenalkan pada tahun 1912. Kod Buruh mewajibkan pihak majikan ladang untuk menyediakan kemudahan pendidikan (Janakey Raman, 2016). Maka ramai kanak-kanak keciciran pendidikan dan tiada pendidikan formal ketika itu.

Realitinya, hampir kesemua masyarakat Tamil yang dibawa masuk ke Tanah Melayu sebagai pekerja ialah golongan yang tidak pernah menerima pendidikan formal. Selain itu, anak-anak mereka yang dilahirkan di sini juga terus tidak menerima pendidikan formal atau menjadi buta huruf kerana pihak majikan ladang getah tidak menyediakan kemudahan persekolahan sehingga Kod Buruh yang diperkenalkan pada tahun 1912 mewajibkan mereka berbuat demikian (*History of Development of Schools in Selangor*, 1975). Di samping itu, sikap tidak ada kesedaran akan kepentingan pendidikan dan kemiskinan telah mendesak masyarakat Tamil; menghantar anak mereka untuk berkerja sebagai *chokra*. Hal ini telah memburukkan lagi keadaan tiada pendidikan formal.

Di samping itu, novel-novel Tamil yang dikaji, memperlihatkan bahawa kebanyakan anggota masyarakat Tamil ladang ialah golongan tiada pendidikan formal. Oleh itu, mereka tidak sedar akan kepentingan pendidikan. Perkara utama dalam kehidupan mereka ialah gaji untuk menyara keluarga yang miskin. Lebih malang lagi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

anak-anak juga turut dibawa untuk bekerja. Mereka berpendapat bahawa pendapatan tambahan daripada anak-anak yang bekerja sebagai *chokra* dapat membantu kemiskinan mereka. Oleh itu, didapati kebanyakan masyarakat Tamil ladang adalah golongan mempunyai tiada pendidikan formal. Hal ini mengakibatkan kedudukan sosioekonomi yang rendah dan kemiskinan yang berlarutan dalam kalangan mereka.

Maka, pengarang telah menggambarkan realiti golongan tiada pendidikan formal dalam novel melalui watak masyarakat Tamil ladang. Realiti ini dibuktikan melalui data dan kajian para sarjana. Realiti ini telah direfleksi melalui watak, latar tempat dan latar masa. Didapati kebanyakan golongan masyarakat ladang tiada pendidikan formal di Tanah Melayu ketika itu. Hal ini mencerminkan kedudukan sosioekonomi yang rendah dalam kalangan masyarakat Tamil ladang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.2 Golongan Pendidikan Rendah

Menurut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (2011), pendidikan rendah adalah merujuk kepada seseorang yang telah mencapai tahap pendidikan di peringkat tahun satu hingga enam. Pengkaji mendapati bahawa segelintir masyarakat Tamil ladang mendapat pendidikan rendah sahaja. Terdapat kanak-kanak yang diberhentikan sekolah oleh ibu bapa. Sebaliknya, ada juga ibu bapa yang prihatin terhadap pendidikan anak-anak walaupun diri mereka tidak berpendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kanak-kanak di ladang mula bersekolah apabila Kod Buruh diperkenalkan pada tahun 1912. Kod Buruh ini mewajibkan majikan untuk menyediakan kemudahan pendidikan kepada kanak-kanak ladang. Kesemua tujuh buah novel yang dikaji turut menggambarkan masyarakat Tamil ladang yang mendapat pendidikan rendah. Unsur intrinsik iaitu watak, latar tempat dan latar masa digunakan untuk mengkaji taraf pendidikan masyarakat Tamil ladang. Masyarakat Tamil ladang yang dikenal pasti mendapat pendidikan rendah dalam novel ialah golongan yang mendapat pendidikan sehingga darjah tiga, darjah empat dan juga darjah enam (Veerapan, N. 1988).

Pada awalnya, kanak-kanak ladang hanya mendapat pendidikan sehingga darjah empat sahaja. Kemudian, tempoh persekolahan kanak-kanak di ladang dilanjutkan sehingga darjah lima. Setelah tamat pendidikan rendah, kanak-kanak ini menjadi pekerja *chokra,* iaitu buruh kanak-kanak. Akhirnya, mereka juga mewarisi pekerjaan ibu bapa mereka sebagai penoreh getah di ladang (Veerapan, N. 1988).

4.2.3.2.1 Mengenal Pasti Golongan Pendidikan Rendah dalam NTM

Dalam novel yang berjudul *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum,* golongan pendidikan rendah dikenal pasti oleh pengkaji melalui watak Maari. Masyarakat Tamil di Ladang Padang digambarkan sebagai golongan yang tidak mementingkan pendidikan anak mereka. Watak Maari digambarkan hanya belajar sehingga Tahun tiga sahaja. Dia telah diberhentikan sekolah oleh ibunya untuk dibawa bekerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

மூன்றாம் வகுப்பில் படிக்கும்போது 'படித்தது போதும்' என்று அவனுடைய அம்மா தனக்கு ஒத்தாசையாக இருக்கும் பொருட்டு அவனையும் அழைத்துச் சென்று விட்டாள்.மாரி கூட போன மற்றப் பையன்களும் இப்படித்தான் படிக்கிற வயசுல மங்கு துடைக்க அழைத்துச் சென்று அவர்களைச் சீரழித்து விட்டார்கள். வாழ்க்கை நிலை அப்படி (குமாரன்,எம்.1971, ப.16).

Semasa belajar dalam darjah tiga, Maari diberhentikan sekolah oleh ibunya. Dia dibawa untuk membantu ibunya bekerja. Kawan-kawan Maari juga dibawa oleh ibu bapa mereka untuk mencuci mangkuk getah. Masa depan mereka musnah kerana keadaan hidup yang miskin (Kumaran, M. 1971,ms.16).

Seterusnya, dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam*, golongan pendidikan rendah dikenal pasti melaui gambaran watak Leela. Watak Leela digambarkan hanya belajar sehingga darjah enam sahaja di sekolah rendah ladang. Dia diberhentikan sekolah oleh keluarganya. Masyarakat Tamil ladang beranggapan anak perempuan tidak perlu belajar tinggi.

நீலா தோட்டத்துப் பள்ளியில் ஆறாம் வகுப்பை முடித்தவள் (இளவழகு,ஐ.1983, ப.77).

Neela hanya belajar sehingga tahun enam sahaja di sekolah ladang itu (Ilavalagu, I.1983, ms.77).

Selain itu, golongan pendidikan rendah turut dikenal pasti dalam novel *Noiva Pūkkaḷ*. Golongan pendidikan rendah digambarkan melalui watak Tulasi. Watak Tulasi digambarkan sebaya dengan Velu dan Santuru. Namun, dia hanya belajar setakat tahun enam sahaja. Selepas berhenti sekolah, dia membuat kerja rumah sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

துளசியின் வீடு வேலுவின் வீட்டுக்குப் பக்கத்து வீடு. தமிழ்ப்பள்ளியில் ஆறாம் வகுப்போடு நிறுத்திக் கொண்டாள். பள்ளியிலிருந்து நின்ற கையோடு வீட்டு வேலையில்தான் மூழ்கிக் கிடப்பாள் (புண்ணியவான்,கோ. 2008, ப.10).

Rumah Tulasi terletak bersebelahan dengan rumah Velu. Dia hanya belajar setakat tahun 6 sahaja di sekolah ladang. Selepas berhenti sekolah, dia hanya membuat kerja rumah sahaja (Punniavan, Ko. 2008, ms.10).

Dalam pada itu, dalam novel *Maṇpulukkaḷ* telah dikenal pasti golongan pendidikan rendah melalui watak Sinnapulla. Dia digambarkan tidak berminat untuk belajar. Sinnapulla selalu dimarahi oleh guru kerana tidak pandai membaca. Akhirnya dia berhenti sekolah. Dia hanya belajar hingga darjah lima sahaja. Selepas berhenti sekolah, dia menjaga kambing milik bapanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

தரையில மணல கொட்டி சின்னப் புள்ளய, அது முன்னால உக்கார வச்சு, சட்டாம்பிள்ளய கூப்புட்டு, 'டேய்...வெரல புடிச்சு, இந்த மணல்ல அ'னா ஆ'வன்னா எழுதுடா...நல்லா மணல்ல அழுத்தி தேச்சு எழுது..அப்பதான் இந்த மண்டையில ஏறும்..வெரல்ல ரத்தம் வந்தாலும் பரவால்ல..உடாத..'அன்னயோட சின்னபுள்ள படுப்பு நின்னு போச்சு (முத்துசாமி.சீ. 2006, ப. 131).

Pasir ditabur di atas lantai. Sinnapulla duduk di hadapan pasir. Cikgu mengarah pengawas mengajar Sinnapulla untuk menulis. 'Ajar dia menulis di atas pasir. Tekan jarinya di atas tanah, baru dia akan membaca. Biar jarinya berdarah'. Sejak hari itu, Sinnapulla telah berhenti sekolah (Muthusamy, C. 2006, ms.131).

Manakala, melalui novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ* pula pengkaji dapat mengenal golongan pendidikan rendah watak Ganesan. Bapa Ganesan, iaitu Sitambaram digambarkan mempunyai hutang yang banyak. Oleh itu, dia selalu memaksa anaknya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ganesan untuk membantunya dalam pekerjaan. Oleh itu, Ganesan terpaksa ponteng ke sekolah. Akibatnya Ganesan diberhentikan sekolah oleh Guru Besar. Sikap Sitambaran mengakibatkan pendidikan dan masa depan Ganesan terjejas. Ganesan berasa kecewa dan sedih atas sikap bapanya.

> *ஒங்க மகன் இங்க என்னாத்த படிச்சி கிளிச்சிட்டான்?ஒரு வூட்டு பாடமும் செய்றதுல்ல....புக்க காணா அடிச்சிடு வந்து நிக்கிறான்.... என்னாத்தான் பண்றது? இதுல ரொம்ப லீவு ஏறி போச்சு...கவர்மெண்டு சட்டம்...அவன் இங்கு வேணாம்...(பாலமுருகன், கே.. 2009, ப.209).*

> Anak kamu tidak belajar apa-apa di sini. Dia tidak pernah membuat kerja rumah. Selalu pula menghilangkan buku. Apa kami nak buat? Malah, banyak hari dia tidak datang ke sekolah. Ini arahan kerajaan. Dia tidak boleh belajar di sini lagi (Balamurugan, K. 2009, ms.209).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, golongan pendidikan rendah turut dikenal pasti melalui watak Muniamah dalam novel *Selancar Empat*. Novel ini juga menggambarkan masyarakat Tamil ladang yang berfikiran konservatif. Masyarakat beranggapan kanak-kanak perempuan tidak perlu belajar tinggi. Mereka mahukan anak perempuan sekadar membaca dan menulis. Oleh itu, Watak Muniamah diberhentikan sekolah oleh ibunya yang turut termakan fikiran kolot masyarakat di sekelilingnya. Muniamah kesal akan sikap ibunya. Namun, Muniamah bertekad untuk memberikan pendidikan yang sempurna kepada anaknya Tamu.

> *இதே தோட்டத் தமிழ்ப்பள்ளியில் ஐந்தாம் வகுப்பைக் கூட முழுமையாகப் படித்து முடிக்க பெற்றோர் விடவில்லை.” பொட்ட பிள்ளைக்கு எலுத படிக்கத் தெரிஞ்சாலே போதும்” என்ற சமூகத்தின் ஒட்டுண்ணிச் சித்தாந்தம் அவள் பெற்றோரையும் பாதித்தது (புண்ணியவான்,கோ. 2013, ப.16).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Ibu bapa tidak benarkan Muniamah belajar darjah lima sepenuhnya di sekolah Tamil ladang. "Budak perempuan cukup setakat belajar menulis dan membaca". Hal ini merupakan kepincangan dalam kalangan masyarakat Tamil yang berfikiran kolot. Hal ini turut mempengaruhi ibu bapa Muniamah. Punniavan, Ko. 2013, ms.16).

Akhir sekali, golongan pendidikan rendah telah dikenal pasti dalam novel *Tuyara Pātai* melalui watak Ponamal dan Muthukarupan. Watak Ponamal dan Muthukarupan digambarkan telah belajar di sekolah ladang. Mereka menamatkan pendidikan rendah pada umur 13 tahun. Seterusnya, mereka telah mewarisi pekerjaan ibubapa sebagai penoreh getah di ladang itu.

> *சிவலிங்க வாத்தியாரிடம் முறையான கல்வி பயிலச் சென்றார்கள் பொன்னம்மாளும் முத்துக்கருப்பனும். இருவரும் படிப்பில் அக்கறை செலுத்திப் படித்தனர். இருவரும் தேர்ச்சியுற்று பதின்மூன்றாம் வயதில் பள்ளிப் படிப்பை முடித்துக் கொண்டனர். பிறகு தொழிலாளர் பதிவுப் புத்தகத்தில் தங்களின் பெயரை பதிவு செய்து கொண்டனர் (பெருமாள்.கா, 1978, ப.36).*

> Ponamal dan Muthukarupan telah mendapat pendidikan formal dengan cikgu Sivalingam. Mereka belajar dengan bersungguh-sungguh dan telah menamatkan pendidikan rendah pada umur 13 tahun. Seterusnya, mereka telah mendaftarkan nama dalam buku pendaftaran sebagai pekerja Ladang Myna (Perumal,K. 1978, ms.36).

4.2.3.2.2 Menganalisis Realiti Golongan Pendidikan Rendah dalam NTM

Gambaran realiti tentang golongan pendidikan rendah dalam kalangan masyarakat Tamil ladang dapat diketahui berdasarkan sejarah awal perkembangan pendidikan Tamil di Tanah Melayu. Pada awalnya, majikan ladang tidak mengambil berat tentang pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak-kanak. Setelah kod buruh diperkenalkan pada tahun 1912, majikan ladang diwajibkan menyediakan kemudahan pendidikan asas kepada kanak-kanak. Sekiranya terdapat sepuluh orang kanak-kanak yang berumur antara 7-14 tahun, maka sekolah wajib didirikan di ladang (Cheah, B. K. 2001).

Kanak-kanak yang berumur 10 tahun dan ke atas digalakkan bekerja di ladang. Oleh itu, ramai pekerja mengabaikan pendidikan anak kerana mementingkan wang gaji mereka. Pendidikan yang sistematik dan sepenuhnya hanya dilaksanakan di ladang selepas negara mencapai kemerdekaan (Kurinjivendhan, R. 2013).

Menurut Samikanu, J. dan Kingston, P. (2018), kelas Tamil pertama telah dimulakan oleh Rev.Hutchings di sekolah Penang Free School pada tahun 21 Oktober 1816. Beliau merupakan mubaligh Kristian.Tujuan utama beliau ialah untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak yang miskin dan yatim piatu. Sekolah ini terpaksa ditutup selepas dua tahun kerana tiada sambutan yang menggalakkan (Kalaimuthu, K.2008).

Pada awalnya, sekolah di ladang telah dijalankan di bangunan seperti di dewan serbaguna ladang dan juga di rumah asuhan kanak-kanak. Majikan British juga menggunakan tenaga pengajar seperti kangani, kerani, *dresser* dan sembarang orang yang berpendidikan asas di ladang yang tidak terlatih. Kebanyakan sekolah Tamil telah menggunakan buku teks dan sukatan pelajaran dari negara India (Veerapan, N. 1988).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas kemerdekaan negara, sukatan pelajaran yang asas telah diperkenalkan. Sekolah Tamil telah mengikuti kurikulum yang lebih berkait rapat dengan keadaan dan suasana tempatan dan juga mengikut aspirasi national. Lebih banyak sekolah Tamil telah dibina di beberapa tempat di Tanah Melayu. Collette, N. J. (1978) menyatakan bahawa majikan telah menggunakan sekolah Tamil sebagai alat untuk mengawal mobiliti pekerja ladang.

Selain itu, Collette, N. J. (1978) turut mendedahkan keadaan yang tidak memuaskan dari segi kualiti guru yang mengajar di sekolah Tamil. Menurutnya, guru-guru di situ kurang berkelayakan akademik dan tidak mempunyai kelayakan ikhtisas. Malah, orang yang pernah menjadi guru sambilan di sekolah Tamil pada awalnya ialah petani, kerani ladang dan pekerja ladang. 'Guru' ini juga tidak arif akan sukatan pelajaran yang diajar. Mereka hanya mengikuti kursus pada masa cuti sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.3 Golongan Pendidikan Menengah

Menurut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (2011), pendidikan menengah merujuk kepada seseorang yang telah mencapai taraf pendidikan di peringkat tingkatan satu hingga lima termasuk kelas peralihan. Dalam konteks kajian ini, golongan pendidikan menengah yang dikenal pasti dalam novel ialah golongan pendidikan peringkat *Lower Certificate of Education (LCE), Malaysian Certificate of Education (MCE)* atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, golongan pendidikan menengah rendah, iaitu *LCE* hanya dikenal pasti dalam dua buah novel sahaja, iaitu *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḻum* dan *Ilaṯciyap Payaṇam.* Manakala, golongan pendidikan menengah atas, iaitu *MCE* pula dikenal pasti hanya dalam sebuah novel di samping SPM pula dikenal pasti dalam dua buah novel.

4.2.3.3.1 Mengenal Pasti Golongan Pendidikan Menengah dalam NTM

Dalam novel *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḻum* golongan pendidikan menengah iaitu *LCE* (tingkatan tiga) dikenal pasti melalui watak Kanniapan. Dia telah bekerja sebagai guru sandaran tidak terlatih selama tiga tahun. Dia pulang ke Ladang Tanah Merah setelah tamat kontraknya sebagai guru sandaran. Dia pernah bekerja di Nilai, di Kajang dan akhir sekali di Pahang selama setahun masing-masing.

Guru Besar menasihati Kanniapan supaya berusaha lulus dalam peperiksaan *LCE* lalu memohon ke Maktab Perguruan Tanjung Malim. Oleh sebab gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan *LCE*, dia tidak layak untuk memohon ke Maktab Perguruan. Watak Kanniapan dikenal pasti sebagai golongan pendidikan *LCE*.

> *“சார் எப்படியாவது எல்.சி.இ, பாஸ் பண்ணி தஞ்ச மாலிம் கோர்ஸ்லே சேர்ந்திடுங்க” என்று தலைமையாசிரியர் வழியனுப்பும் போது சொன்னார் (குமாரன்,எம். 1971, ப.10).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Cikgu, cuba berusaha lulus dalam *LCE*. Seterusnya, pohonlah latihan perguruan di Tanjung Malim," pesan Guru Besar semasa hari terakhir Kaniapan di sekolah (Kumaran, M. 1971, ms.10).

Seterusnya, dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam*, golongan pendidikan menengah *LCE* dikenal pasti menerusi watak Mathavan. Mathavan ialah setiausaha dalam kesatuan pekerja ladang. Kerani di ladang telah memukul seorang pekerja kerana menyoal mengenai berat susu yang ditimbangkan. Mathavan berasa marah akan tindakan agresif kerani itu. Dia telah membuat aduan kepada pengurus ladang. Pihak pengurus ladang telah mengadakan perjumpaan dengan jawatankuasa kesatuan itu. Biasanya, kerani besar akan menjadi jurubahasa kepada pengurus British.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, Mathavan yang berpendidikan *LCE*, tidak memerlukan bantuan kerani besar sebagai jurubahasa. Dia terus menerangkan aduannya kepada pengurus British itu dalam bahasa Inggeris. Masyarakat Tamil ladang telah berasa kagum akan kefasihan Mathavan bertutur dalam Bahasa Inggeris. Aduan mereka telah difahami oleh pengurus itu lalu telah diselesaikan dengan mudah. Jika tidak, kerani itu akan memutar belitkan cerita lalu pekerja ladang itu akan dipersalahkan. Justeru, taraf pendidikan yang baik memudahkan tuntutan keadilan.

> *மாதவன் எல்.சி வரை படித்திருந்ததால் சங்க செயலவை சார்பில் அவனே மேனேஜர்களோடு ஆங்கிலத்தில் பேசினான். மாது படிச்ச பிள்ளியா இருக்கிறதைக் கண்டு இன்னிக்குத் தொரைங்ககிட்டே பேசி ஜெயிக்க முடிஞ்சது! இல்லா விட்டா...?(இளவழகு,ஐ.1983, ப.30).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Oleh sebab Mathavan berpendidikan *LCE*, dia dapat bertutur dengan pengurus ladang dalam bahasa Inggeris. Kita memperoleh kejayaan kerana Mathavan berpendidikan. Jika tidak… (Ilavalagu, I. 1983, ms.30).

Selain itu, dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam*, golongan pendidikan menengah atas, *MCE* dikenal pasti melalui watak tiga orang adik Mathavan iaitu Manogari, Sangkari dan Mathialagan. Watak Mathavan digambarkan amat menitikberatkan pendidikan adik-adiknya. Walaupun dirinya hanya berkelulusan *LCE*, namun dia berharap agar adik-adiknya mencapai tahap yang lebih tinggi. Dia memastikan adik-adiknya meneruskan pelajaran ke sekolah menengah walaupun ladangnya terletak jauh dari bandar. Akhirnya, status kehidupan mereka telah meningkat berikutan semua adiknya lulus dalam *MCE*.

> *தம்பி சீனியர் தேர்வை எழுதி முடித்தான்.அவன் அந்தக் குடும்பத்தின் வழக்கப்படி அந்தத் தேர்வில் வெற்றி பெறுவான். அதில் ஏதும் சந்தேகமில்லை. பெரிய தங்கையும், இளைய தங்கையும் அந்த மரபுப்படி வெற்றி பெற்றிருந்தார்கள் (இளவழகு,ஐ.1983, ப.363).*

> Adik lelakinya telah tamat peperiksaan *MCE*. Dia akan tetap lulus Itulah adat keluarganya. Dia tidak berasa was-was. Kedua-dua adik perempuannya juga lulus dalam *MCE* mengikut adat ini (Ilavalagu, I. 1983, ms.363).

Selanjutnya, golongan pendidikan menengah atas seperti SPM dikenal pasti melalui watak Velu dalam novel *Noiva Pūkkaḻ*. Velu yang memperoleh kepujian dalam bahasa Melayu di peringkat SPM telah bekerja sebagai pegawai perinyu kesihatan di Kulim, Kedah. Manakala, kawannya Santuru kecewa dan kesal kerana tidak mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu walaupun lulus dalam SPM. Bahasa Melayu merupakan prasyarat utama untuk mendapatkan jawatan dalam kerajaan. Aspek pendidikan telah menyebabkan keluarga Velu dipandang tinggi dan taraf hidupnya juga terus meningkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

எஸ்.பி.எம்.தேர்வுகளின் முடிவுகள் அறிவிக்கப்பட்டது.வேலு மலேசிய மொழியில் சிறப்பாகத் தேர்ச்சி பெற்று இரண்டாவது கிரேட் பெற்றிருந்தான். மலேசிய மொழியில் சிறப்புத் தேர்ச்சிப் பெற்றால் மட்டுமே அரசு வேலைக்கான லைசன்ஸ் அது. அந்தத் தேர்ச்சி எஸ்.பி.எம் சான்றிதழுக்கு வலுவைப் பெற்றுத்தரக்கூடியது (புண்ணியவான் கோ. 2008, ப.24).

Keputusan SPM telah diumumkan. Velu telah memperoleh gred dua dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia. Kepujian dalam Bahasa Malaysia merupakan syarat utama untuk memohon jawatan dalam kerajaan. Kepujian Bahasa Malaysia ini menambahkan nilai pada sijil SPM (Punniavan, Ko. 2008, ms.24).

Di samping itu, dalam novel *Nakarntu Koṇṭirukum Vācalkaḷ* turut dikenal pasti golongan pendidikan SPM melalui watak Anjali. Sitambaram selalu membawa bersama anak sulungnya Ganesan untuk membantunya kerja-kerja di ladang getah. Akibatnya, Ganesan dibuang sekolah. Selepas insiden itu, Sitambaram bertekad untuk memberi pendidikan yang sebaiknya kepada anak keduanya, Anjali.

Akhirnya, Anjali telah berjaya meneruskan pelajarannya hingga SPM. Namun, ibu bapanya tidak membenarkannya untuk bekerja. Mereka takut akan keselamatan Anjali sewaktu pulang ke rumah selepas bekerja pada waktu malam. Namun, Anjali tetap mahu bekerja demi membantu keluarganya yang kesusahan.

“பா,பிளிஸ்,என்ன சும்மா இப்படிச் சொல்லி சங்கடப்படுத்தாதிங்க, நீங்களும் அம்மாவும் படாத கஷ்டத்தையா நான் பட்டுக்கிட்டு இருக்கேன்?இந்த வயசுல வேலைக்குப் போறது என்ன தப்புச் சொல்லுங்க?அதும் என் எஸ்.பி.எம் படிப்புக்குத் தகுந்த வேலதானே?(பாலமுருகன்,கே.. 2009, ப.164).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Ayah, tolong jangan halang saya dengan alasan begini. Saya rasa serba salah. Adakah saya mengalami kesusahan sama seperti ayah dan ibu. Apa salahnya saya bekerja pada usia ini? Lagipun kerja ini setaraf dengan pendidikan SPM saya (Balamurugan, K. 2009, ms.164).

4.2.3.3.2 Menganalisis Realiti Golongan Pendidikan Menengah dalam NTM

Gambaran realiti tentang golongan pendidikan menengah masyarakat Tamil ladang dapat diketahui melalui sejarah perkembangan pendidikan menengah di Tanah Melayu. Selepas Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada tahun 1957, murid yang belajar di sekolah Tamil mendapat peluang untuk meneruskan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Laporan Abdul Razak mewujudkan peluang kepada murid sekolah Tamil untuk meneruskan persekolahan mereka ke sekolah menengah. Selepas kemerdekaan, Akta Pendidikan 1961 telah dikuatkuasakan. Sebelum merdeka, terdapat dua jenis sekolah menengah, iaitu aliran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Namun, selepas merdeka terdapat satu aliran sekolah menengah sahaja, itu aliran bahasa Melayu (Samikkanu, J. dan Kingston, P. 2018).

Laporan Razak yang dikeluarkan pada tahun 1956 pula menggariskan syarat bahawa pelajar yang lulus dalam peperiksaan tingkatan tiga, *LCE* sahaja akan diterima untuk mengikuti kursus perguruan. Pada tahun 1962, semua guru Bahasa Tamil diwajibkan menduduki peperiksaan *LCE* (Kalaimuthu, K. 2008). Pada tahun 1964,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peperiksaan *MCE* diperkenalkan. Seterusnya, pelaksanaan Laporan Kabinet (1979) telah menyeragamkan sistem pendidikan negara. Pada tahun 1980, peperiksaan SPM telah menggantikan *MCE* (Samikkanu, J. dan Kingston, P. 2018).

Dalam konteks ini, novel-novel yang dikaji turut memanifestasikan perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam sistem pendidikan negara kita. Perubahan dan perkembangan ini telah mendorong segelintir masyarakat Tamil ladang meneruskan persekolahan mereka sehingga *LCE* dan *MCE* atau SPM yang membuka ruang untuk menjawat pekerjaan sebagai guru dan pegawai dalam perkhidmatan kerajaan.

Perubahan ini juga membantu waris-waris imigran awal dan generasi baru membebaskan diri mereka daripada belenggu kemiskinan dan kehidupan di ladang. Menerusi pendidikan peringkat menengah ini, mereka telah memperoleh mobiliti sosial dan fizikal yang dapat meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang.

4.2.3.4 Golongan Pendidikan Tertiari

Menurut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (2011), pendidikan tertiari merujuk kepada seseorang yang telah mencapai pendidikan tertinggi selepas tingkatan lima. Taraf pendidikan yang dimaksudkan ialah tahap pendidikan peringkat Ijazah Sarjana Muda dan sebagainya. Pada zaman British, peluang pendidikan tertiari dalam kalangan masyarakat Tamil ladang adalah amat tipis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, hanya tiga buah novel sahaja memaparkan kisah berkaitan dengan golongan pendidikan tertiari dalam kalangan masyarakat Tamil ladang. Antaranya ialah novel *Ilaṯciyap Payaṇam, Maṇpulukkaḷ* dan *Tuyara Pātai.*

4.2.3.4.1 Mengenal Pasti Golongan Pendidikan Tertiari Dalam NTM

Dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam*, golongan pendidikan tertiari dapat dikenal pasti melalui watak Mathialagan. Mathialagan ialah adik Mathavan. Mathavan mempunyai dua adik perempuan dan seorang adik lelaki. Sebagai anak sulung, Mathavan terpaksa mengorbankan pendidikan demi membantu keluarganya. Di samping itu, dia ingin memberi ruang dan peluang kepada adik-adiknya untuk belajar dan memajukan diri masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhirnya, adik-adiknya telah menjejakkan kaki mereka di menara gading dan berjaya mendapat segulung ijazah. Adik lelakinya Mathialagan telah memperoleh ijazah dalam bidang pertanian. Dia dilantik menjadi pengurus di ladang getah yang dibeli oleh abangnya. Apabila watak Mathialagan berjaya memperoleh ijazahnya, gambaran tentang kegembiraan Mathavan jelas dipaparkan oleh pengarang novel ini.

> *தம்பி மதியழகன் பி.ஏ. ஹானஸ் பட்டம் பெற்று அண்ணனின் கனவை நனவாக்கினான். தம்பியைக் கட்டியணைத்து அவனைப் பாராட்டினான் மாதவன் (இளவழகு.ஐ,1978, ப.407).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Adik Mathialagan telah mendapat Ijazah Sarjana Muda pada peringkat kepujian. Dia telah merealisasikan impian abangnya. Mathavan memeluk erat sambil memuji adiknya (Ilavagu, I. 1978, ms.407).

Dalam novel *Maṇpulukkaḷ* pula, golongan pendidikan tertiari dikenal pasti melalui watak anak Tikkuvayan. Tikkuvayan ialah pemilik kedai runcit di ladang itu. Dia telah menghantar dua orang anaknya melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di negara India. Maka, dapat dilihat bahawa anak masyarakat Tamil ladang pada ketika itu mampu melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiari. Pengarang terus menggambarkan sikap segelintir pekerja ladang yang mementingkan pelajaran anak-anak mereka.

> *"ரெண்டு புள்ளங்கள நம்ப இந்தியாவுக்கு டாக்டருக்கு படிக்க அனுப்பி ரெண்டு வருஷமாச்சு. நாமதான் நாலு எழுத்து படிகாம இப்படி லோலு படறோம். அவங்களாவது நாலு எழுத்து கத்து கிட்டு நகக்கண்ணுல மண்ணு படாம வேல பாத்து நல்லாருக்கட்டும்" (முத்துசமி, சி. 2006, ப.75).*

> Sudahpun dua tahun, kedua-dua anak saya belajar perubatan di negara India. Hidup kita susah kerana tiada pendidikan. Biarlah anak-anak mendapat pendidikan yang sewajarnya dan hidup bahagia. Mereka tidak perlu membuat kerja susah dan mengotorkan tangan mereka seperti kita(Muthusamy, C. 2006, ms.75).

Sementara itu, dalam novel *Tuyara Pātai* pula, golongan pendidikan tertiari dikenal pasti melalui watak anak *dresser* Irulanantham. Dia telah menghantar anak tunggalnya ke negara India untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan. Masyarakat Tamil Ladang Myna tidak sabar menanti kepulangan anak *dresser* itu. Mereka berharap anaknya yang baik hati seperti ayahnya akan membantu mengubati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyakit mereka. *Dresser* Irulanantham memberitahu ayamma, iaitu pengasuh kanak-kanak ladang mengenai kepulangan anaknya dari negara India.

> *"ஆயம்மா..என் மகன் சற்குணம் மேற்படிப்பிற்காக வெளிநாடு சென்றவன் படிப்பை முடித்துக் கொண்டு வருகிறான். திறமையாகப் படித்துத் தேர்வுற்று முழுவைத்தியனாக வருகிறான்"(பெருமாள், கா. 1978, ப.140).*

> "Ayamma, anak saya Sarkunam yang pergi ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran, akan pulang dari India selepas menamatkan pengajiannya. Setelah belajar dengan gigih dan lulus peperiksaan, dia sudah menjadi seorang doktor yang bertauliah"(Perumal, K. 1978, ms.140).

4.2.3.4.2 Menganalisis Realiti Golongan Pendidikan Tertiari Dalam NTM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gambaran realiti tentang pendidikan tertiari dapat dikaitkan dengan sejarah perkembangan pendidikan di Malaysia. Dalam konteks pendidikan tertiari, universiti yang tertua dan pertama di Malaysia ialah Universiti Malaya. Pada awalnya, Kolej Perubatan King Edward VII (1905) dan Kolej Raffles *(*1929) telah bergabung menubuhkan Universiti Malaya pada 8 Oktober 1949 di Singapura. Seterusnya, pada tahun 1959, universiti ini berpecah kepada dua, iaitu satu di Singapura dan satu lagi di Kuala Lumpur (Kalaimuthu, K. 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Realiti golongan pendidikan tertiari di negara ini adalah tokoh Tamil terkenal seperti Tun V. T. Sambanthan dan Datuk S.Subramaniam. Mereka merupakan bukti nyata tentang realiti watak dalam kalangan masyarakat Tamil ladang yang memiliki kelulusan tertiari.

Tun V.T. Sambanthan yang mempunyai latar belakang ladang ialah seorang siswazah. Beliau merupakan anak masyarakat Tamil di ladang getah. Beliau dilahirkan pada 16 Jun 1919 di Sungai Siput, Perak. Selepas tamat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Inggeris Kuala Kangsar, beliau meneruskan pendidikan tertiari di Universiti Annamalai di India. Beliau telah terpilih sebagai Presiden MIC Kebangsaan pada tahun 1955 dan telah berkhidmat selama 18 tahun. Beliau telah melaksanakan pelbagai rancangan untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil di Tanah Melayu, terutamanya masyarakat di ladang (Sandrakantham, P. 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, suatu sumbangan terbesar dan ternilai beliau ialah penubuhan Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah Berhad yang membeli dan menguruskan ladang-ladang getah yang dijual. Penubuhan Koperasi ini memberi peluang pekerjaan kepada pekerja ladang yang kehilangan pekerjaan akibat fragmentasi ladang. Penubuhan Koperasi tersebut membolehkan beliau membeli ladang getah yang pertama iaitu Ladang Bukit Sidin di negeri Kedah. Seterusnya pelbagai rancangan peningkatan sosioekonomi masyarakat Tamil dilakukan. Antaranya ialah pendidikan wajib kepada kanak-kanak ladang, pengangkutan untuk kanak-kanak, kelas tambahan Bahasa Melayu, program kemahiran, projek perumahan, kesihatan dan infrastruktur (Janakey Raman, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maka, tidak dapat dinafikan bahawa golongan pendidikan tertiari seperti Tun V.T. Sambanthan telah mengilhamkan Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah Berhad untuk membantu para pekerja ladang; terutama masyarakat Malaysia, yang kehilangan peluang pekerjaan akibat fragmentasi ladang getah. Di samping itu, golongan ini juga menjadi pemilik bersama dalam koperasi tersebut yang turut menganjurkan pelbagai program sosioekonomi.

Adalah jelas bahawa pengarang seperti Ilavalagu, I. telah membawa realiti kisah Tun V.T. Sambanthan dalam novelnya. Watak Mathavan dalam novel *Ilaţciyap Payaṇam* menggambarkan watak Tun V. T. Sambanthan yang berusaha membeli ladang semasa fragmentasi. Selain itu pelbagai program peningkatan sosioekonomi masyarakat Tamil yang digambarkan dalam novel tersebut merupakan refleksi program sebenar yang dijalankan oleh Tun Sambanthan.

Di samping itu, gambaran realiti tentang golongan pendidikan tertiari juga dapat dikaitkan dengan Datuk. S.Subramaniam; yang merupakan anak kelahiran ladang getah. Beliau dilahirkan pada 26 Oktober 1944 di Ladang Limabelas, Slim River, Perak. Ibu dan bapanya ialah pekerja ladang getah. Beliau merupakan mantan Naib Presiden MIC kebangsaan dari tahun 1979 hingga 2006. Beliau pernah dilantik sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada tahun 1976 (Sandrakantham, P. 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Datuk.S.Subramaniam mendapat pendidikan rendah di sekolah ladang Limabelas, Slim River, Perak. Meskipun keluarganya dilanda kemiskinan, beliau tidak berputus asa untuk belajar. Kemiskinan keluarga tidak mematahkan semangatnya untuk terus belajar. Akhirnya, beliau telah memperoleh kelulusan tertiari dalam bidang perubatan di Universiti Malaya. Beliau juga telah meneruskan pengajian Ijazah Sarjana di Universiti Malaya (Sandrakantham, P. 2011).

Oleh itu, dapatlah merumuskan bahawa perkembangan sistem pendidikan negara, terutama penubuhan Universiti Malaya dan kemantapan aspek ekonomi dalam kalangan segelintir masyarakat Tamil di ladang; telah memperlihatkan sebilangan anak mereka berjaya memperoleh pendidikan tertiari. Hal ini membolehkan mereka menjadi golongan profesional dan pemimpin negara yang disegani. Justeru, golongan pendidikan teriari yang digambarkan melalui watak-watak dalam novel-novel yang dikaji merupakan realiti golongan pendidikan tertiari pada ketika itu. Tuntasnya, realiti golongan pendidikan tertiari telah berjaya digambarkan oleh pengarang dalam novel berdasarkan watak, latar masa dan latar tempat.

Kesimpulannya, pengkaji telah membincangkan aspek ketiga iaitu pendidikan, dalam kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang berdasarkan objektif pertama. Aspek pendidikan ini dikaji berdasarkan empat kategori, iaitu golongan tiada pendidikan rasmi, golongan pendidikan rendah, golongan pendidikan menengah dan golongan pendidikan tertiari. Pengkaji mengenal pasti aspek pendidikan melalui watak dan latar dalam novel berdasarkan objektif pertama. Golongan tiada pendidikan rasmi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

golongan pendidikan rendah digambarkan melalui watak masyarakat Tamil ladang yang terdiri dari penoreh getah dan kanak-kanak yang berhenti sekolah.

Manakala golongan pendidikan menengah pula digambarkan melalui watak segelintir anak masyarakat Tamil yang mengutamakan pendidikan dan meneruskan pelajaran hingga sekolah menengah. Sementara itu, golongan pendidikan tertiari juga digambarkan melalui watak segelintir anak masyarakat Tamil yang mementingkan pendidikan. Didapati golongan pendidikan menengah dan golongan pendidikan tertiari berjaya meningkatkan kedudukan sosioekonomi mereka dalam kalangan masyarakat Tamil ladang. Namun, jumlahnya adalah kecil sahaja.

Masyarakat Tamil ladang yang dipaparkan dalam novel-novel dikategorikan dalam golongan pendidikan rendah dan golongan tiada pendidikan rasmi. Maka, taraf pendidikan rendah dan tiada pendidikan rasmi ini menyebabkan masyarakat Tamil ladang hanya mampu membuat kerja-kerja seperti buruh kelapa sawit, penoreh getah dan *chokra* (buruh kanak-kanak) sahaja. Taraf pendidikan yang rendah merefleki kedudukan sosioekonomi mereka yang rendah.

Taraf pendidikan berkait rapat dengan pekerjaan yang dibuat oleh masyarakat Tamil ladang. Golongan pendidikan menengah digambarkan membuat pekerjaan seperti guru sambilan dan kerani. Sementara golongan pendidikan tertiari digambarkan membuat pekerjaan seperti pengurus ladang, doktor dan pegawai perinyu kesihatan. Taraf pendidikan ini menunjukkan kedudukan sosioekonomi mereka yang tinggi. Di samping

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

itu, golongan ini memperlihatkan peningkatan taraf hidup dan kehidupan yang selesa. Maka, aspek pendidikan merupakan salah satu faktor penentu sosioekonomi masyarakat Tamil ladang.

Seterusnya, berdasarkan objektif kedua, realiti tentang aspek pendidikan tersebut dianalisis oleh pengkaji. Dapat disimpulkan bahawa taraf pendidikan yang dipaparkan dalam novel tersebut merupakan realiti gambaran sebenar taraf pendidikan masyarakat Tamil ladang di Tanah Melayu pada zaman penjajahan British dan juga zaman selepas kemerdekaan. Masyarakat Tamil yang mementingkan pendidikan mampu mengubah nasib dan meningkatkan kedudukan soioekonomi mereka.

Kesimpulannya, pengarang menggambarkan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang yang rendah melalui taraf pendidikan berdasarkan watak dan latar. Maka, taraf pendidikan yang rendah ini menunjukkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil yang rendah. Jadual 4.10 menunjukkan gambaran kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam novel dan realiti kedudukan mereka berdasarkan aspek pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10

Gambaran dan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil ladang: Aspek Pendidikan

Bil	Aspek Pendidikan	Gambaran kedudukan sosioekonomi dalam novel	Realiti kedudukan sosioekonomi sebenar
1	Golongan tiada pendidikan rasmi	Rendah	Rendah
2	Golongan pendidikan rendah	Rendah	Rendah
3	Golongan pendidikan menengah	Sederhana	Sederhana
4	Golongan pendidikan tertiari	Tinggi	Tinggi

4.2.4 Aspek Kesihatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pertubuhan Kesihatan Sedunia, (*World Health Organization)[WHO](*1948), mendefinikan kesihatan sebagai satu keadaan yang membolehkan seseorang individu menikmati kesejahteraan yang sempurna. Hal ini termasuk aspek fizikal, mental dan sosial. Kamus Dewan (2010) pula menyatakan bahawa kesihatan adalah berkaitan dengan keadaan sihat, kesegaran dan kebaikan keadaan badan. Sektor kesihatan merupakan sebahagian daripada sistem sosioekonomi dan kemajuan dalam penjagaan kesihatan secara langsung meningkatkan taraf hidup rakyat (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2009). Justeru, aspek kesihatan diberikan perhatian dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek kesihatan merupakan aspek kedudukan sosioekonomi yang keempat dikaji berkaitan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM. Aspek kesihatan dikaji melalui tiga kategori iaitu makanan, minuman todi dan kemudahan kesihatan. Seterusnya setiap kategori ini dikaji dengan menggunakan unsur intrinsik, iaitu watak dan latar. Latar difokuskan kepada latar masa dan tempat sahaja. Latar masa ialah zaman penjajahan British dan juga zaman selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Manakala latar tempat ialah ladang getah di Tanah Melayu. Jadual 4.11 menunjukkan aspek kesihatan dan watak masyarakat Tamil ladang dalam

Jadual 4.11

Aspek Kesihatan dan Watak Dalam NTM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Novel / Aspek Kesihatan	*Ilaţciyap Payaṇam*	*Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum*	*Tuyara Pātai*	*Selancar Empat*	*Maṇpulukkaḷ*	*Noiva Pūkkaḷ*	*Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ*
1.Makanan	Arumugam	Ibu Kanniapan	Manikam	Pekerja Tamil ladang	Bala	Mariyayi	Amaci
2.Minuman Todi	Andiapan	Tiada	Muthu karupan	Irulapan	Bapa Muniapan	Pechayi	Tiada
3.Kemudahan Kesihatan	Mathavan dan Arumugam	Pekerja Tamil ladang	Doktor	Pekerja Tamil ladang	Addukaran	Tulasi	Tamil selvan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4.1 Makanan

Encyclopaedia Britannicca (2017), menjelaskan bahawa makanan merupakan bahan yang terdiri daripada protin, karbohidrat dan lemak yang digunakan dalam tubuh badan. Makanan ini penting untuk mengekalkan pertumbuhan, membaiki tisu badan dan membekalkan tenaga. Manakala, *Oxford English Dictionary* (2018) pula mendefinisikan makanan sebagai apa-apa jua bahan berkhasiat yang dimakan atau diminum oleh manusia atau haiwan. Bahan makanan ini membantu menjalani kehidupan seharian dan pertumbuhan tubuh badan.

Makanan merupakan keperluan asas kepada sesebuah keluarga. Berdasarkan piramid makanan Malaysia, pengambilan makanan yang seimbang haruslah merangkumi pelbagai sumber makanan daripada semua kumpulan makanan (Panduan Diet Malaysia, 2010). Aspek makanan dikenal pasti dalam ketujuh-tujuh novel yang dikaji. Unsur intrinsik iaitu, watak, latar tempat dan latar masa digunakan untuk menggambarkan aspek tersebut. Kesemua novel memaparkan aspek makanan

4.2.4.1.1 Mengenal Pasti Makanan Masyarakat Tamil Ladang Dalam NTM

Dalam novel *Tuyara Pātai ,* watak Manikam lazimnya berdepan dengan makanan yang tidak berkualiti dan berkhasiat. Latar tempat ialah kedai runcit di Ladang Myna. Manikam berasa sedih melihat masyarakat Tamil ladang terpaksa membeli barang makanan yang rosak dan reput di kedai runcit ladang. Malah, kacang hijau dan beras

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dijual di kedai runcit bercampuran tanah. Selain itu, ikan bilis juga berbau hapak, reput dan terlalu kering. Oleh itu, mereka makan hanya untuk menahan kelaparan demi melajutkan nyawa mereka.

> *மைனா தோட்ட கடைக்காரர் விற்கும் மண் கலந்த பாசிப் பயறும், அரிசியும் காய்ந்த மக்கிப் போன நெத்திலிக் கருவாட்டையுமே அருந்தாகக் கொண்டு, உடலை விட்டு உயிர் பிரிந்து செல்லாமல் பாதுகாத்து வரும் அவர்களின் உடல் வளமுற வழியேது? (பெருமாள்,கா:1978:73).*

> Kita hanya makan kacang hijau, beras yang dicampur tanah, ikan bilis yang kering kontang dan berbau hapak yang dijual di kedai runcit Ladang Myna. Makanan ini menahan kita daripada maut. Bagaimanakan badan akan menjadi sihat? (Perumal, Ka.1978, ms.73).

Dalam pada itu, aspek makanan jua digambarkan dalam novel *Ilatciya Payanam* melalui watak Arumugam. Dia menceritakan kepada Mathavan mengenai barang makanan tiruan yang dijual di kedai Cina di ladang itu. Latar tempat ialah kedai runcit Cina di Ladang Padang. Menurutnya, masyarakat ladang tidak dapat membezakan barang makanan asli daripada tiruan. Harga barang-barang di situ pula mahal. Malangnya, masyarakat Tamil ladang terpaksa membeli di situ kerana boleh berhutang di kedai tersebut. Namun, Arumugam pula telah mula membeli barang runcit di tempat lain.

> *இரண்டு மாசமா நான் இங்கே வாங்கிறதில்லை. இவன் வெலையும் ஜாஸ்தி. பொருள்லேயும் கலப்படமா இருக்கு. ஜனங்ககிட்டே சொல்லலாம். ஆனா அவங்க தொட்டத்துக் கடையிலே இருக்கிற பழைய சாமான்வாங்கிடவும் பணம் வேணுமே?(இளவழகு,ஐ,1970. ப:129).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Sudah dua bulan saya tidak membeli barang runcit di kedai itu. Harganya mahal dan menjual barangan campuran pula. Boleh maklumkan mereka. Tetapi masyarakat di ladang tidak boleh berbuat apa-apa kerana mereka berhutang di kedai tersebut (Ilavalagu, I. 1970, ms.129).

Seterusnya, aspek makanan dalam novel *Noiva Pūkkaḷ* dapat dikenal pasti melalui watak ibu Santuru. Ibu Santuru akan bangun awal pagi untuk membancuh kopi'o', menyediakan sarapan dan memanaskan kari yang dimasak semalam. Makanan ini dibawa sebagai bekalan untuk makan selepas menoreh getah. Oleh itu, makanan sisa semalam telah menjadi bekalan makanan pada keesokan hari. Mereka hanya mampu makan makanan yang ringkas sahaja.

> *எனக்கு நினைவு தெரிந்த நாளிலிருந்து பார்க்கிறேன். அதிகாலை மணி நான்குக்கே அம்மா எழுந்துவிடும் பழக்கம். விறகு அடுப்பு மூட்டி, வெறக்காப்பியைப் போட்டு, தோசை சுட்டு, பழைய கறியைச் சுட வைத்துவிட்டு, தனக்கும் அப்பாவுக்கும் வேலைகாட்டுக்கு கொண்டு செல்ல சாய்பானையில் போட்டு எடுத்துக்கொண்டு பெரட்டுக்கு கிளம்பி விடுவார்(புண்ணியவான்,கோ. 2008. ப.5).*

> Saya masih ingat sejak kecil, ibu biasanya bangun seawal pukul 4.00 pagi. Masak menggunakan dapur kayu. Membancuh kopi'o'. Masak tosai. Memanaskan kari yang dimasak semalam. Makanan ini dibawa sebagai bekalan untuk mereka di tempat kerja. Selepas itu, dia akan menuju ke *parade* (Punniavan,Ko. 2008. ms.5).

Selanjutnya, dalam novel *Selancar Empat* karya Ko.Punniavan, pengkaji dapat mengenal pasti makanan melalui watak pekerja Tamil yang dipaksa supaya berhutang di kedai runcit. Kedai runcit Cina di *Selancar Empat* ialah latar tempat dalam novel ini. Masyarakat Tamil ladang dibawa untuk bekerja di ladang kelapa sawit di Selancar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Empat. Mereka dipaksa membeli bahan makanan secara hutang dari kedai runcit Cina di ladang itu. Kedai itu diuruskan oleh sepasang suami isteri tua yang berbangsa Cina.

Bayaran untuk barang makanan tersebut akan dipotong daripada gaji mereka. Mereka dipaksa untuk berhutang di kedai itu. Kedai ini tidak menjual daging ayam, kambing atau ikan. Oleh sebab itu, mereka tidak dapat masak makanan yang memberi tenaga dan memelihara kesihatan. Kekurangan makanan yang baik menyebabkan mereka kurus-kering dan sakit. Pengarang jelas menggambarkan makanan yang dijual di kedai itu.

> *கொட்டடியை அடுத்து ஒரு கடை மட்டுமே இருப்பதாகவே தெரிகிறது அந்தக் காட்டில். முன்பக்கம் கடை. அரிசி, பருப்பு, புலி, உப்பு என கொஞ்சம் பலசரக்கு ஒழுங்கற்று மானாவாரியாய் கிடந்தது. ஒரு சீனக் கிழவி கடை வியாபாரத்தைக் கவனித்துக் கொண்டிருந்தாள்.” “என்னா வேணுன்னாலும் எடுத்துக்கங்க, சம்பளத்துல வெட்டிகுவம்,” என்றாள் தமிழில் (புண்ணியவான்,கோ. 2013. ப.69).*

> Sebelah pondok, kelihatan sebuah kedai sahaja di hutan itu. Di pintu masuk kedai itu, terselerak bahan makanan seperti beras, kacang dal, garam dan asam. Seorang wanita Cina tua menguruskan perniagaan di situ. “Boleh ambil apa-apa barang. Akan dipotong daripada gaji,” kata wanita Cina itu dalam bahasa Tamil (Punniavan,Ko. 2013. ms 69).

Dalam pada itu, aspek makanan watak-watak dalam novel *Maṇpulukkaḷ* turut dikenal pasti. Watak Bala membandingkan makanan mereka dengan dan makanan anjing peliharaan majikan British. Majikan British digambarkan menghidangkan anjing peliharan mereka dengan makanan yang berkualiti seperti daging lembu yang diimport dari luar negara. Manakala, makanan masyarakat Tamil ladang pula hanya terdiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada beras yang hapak dan ikan bilis yang berulat. Makanan mereka yang tidak berkhasiat itu dikatakan pasti menjejaskan kesihatan mereka.

> *தொர நாய்க்கு என்ன மாதிரி சாப்பாடு தெரியுமா? நாம சாப்படற அந்த புழுத்த அரிசி....புழு நெளியற தலவட்டி கருவாடு, மரவள்ளிக்கெழங்கு மாதிரி இல்ல.. எல்லாமே ஒசத்தி சாப்பாடு மாட்டிறைச்சி....தொர ஊர்லருந்து தண்ணி கப்பல்ல வர்றது.....(முத்துசாமி, சீ. 2006, ப.23).*

> Tahukah makanan anjing *torai*? Bukan semacam makanan kita yang terdiri daripada beras yang hapak, ikan kering yang berulat dan ubi kayu. Semua makanannya berkualiti. Daging lembu dari negara *torai* dibawa melalui kapal air (Muthusamy, C. 2006. ms.23).

Sementara itu, dalam novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ*, dapat dikenal pasti aspek makanan melalui watak ibu Sitambaram iaitu Amaci. Amaci biasanya bangun pagi-pagi lagi untuk menyediakan sarapan. Sitambaram dan isterinya mesti keluar pagi-pagi lagi untuk menoreh getah. Amaci akan masakkan tosai sebagai sarapan pagi. Sitambaram akan membawa sarapan tersebut sebagai bekalan. Itulah makanan harian yang mampu disediakan oleh mereka.

> *அம்மாச்சி இருவருக்கும் தோசை சுட்டு தட்டில் போட்டுவைத்திருப்பாள். தூக்குச் சட்டியில் கொஞ்சம் தோசையையும் ஊறுகாயையும் சேர்த்து பையில் கட்டி வைத்திருப்பாள் (பாலகுமாரன்,கே.. 2009. ப.50).*

> Amaci menghidangkan tosai dalam piring untuk mereka sebagai sarapan pagi. Dia akan membungkus sedikit tosai dan jeruk lagi untuk dibawa sebagai bekalan (Balamurugan, K. 2009. ms50).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malahan, aspek makanan juga dikenal pasti dalam novel *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḻum* melalui watak ibu Ka*n*niapan. Ibu Ka*n*niapan hanya mampu menyediakan biskut tawar dan kopi'o' sahaja sebagai sarapan pagi. Makanan ini merupakan sarapan pagi dan minuman petang bagi kebanyakan masyarakat ladang.

> *அம்மா கலக்கி வைத்திருந்த காப்பி சுடுதண்ணிப் போத்தலில் இருந்தது. அதை ஊற்றி உப்பு பிஸ்கட்டும் எடுத்து சாப்பிட்டான்(குமாரன், எம்.1971, ப.29).*

> Kopi yang dibancuh oleh ibu ada di dalam bekas air panas. Dia menuangkan kopi itu lalu makan biskut tawar (Kumaran, M.1971, ms.29).

4.2.4.1.2 Menganalisis Realiti Makanan Masyarakat Tamil Ladang Dalam NTM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gambaran realiti tentang makanan masyarakat Tamil ladang dapat dikesan dalam kajian Janakey Raman (2013). Menurut beliau, Dasar Ekonomi Baru telah diperkenalkan untuk meningkatkan keadaan sosioekonomi pelbagai kaum di Malaysia. Namun, keadaan sosioekonomi masyarakat Tamil tidak mengalami sebarang perubahan.

Justeru, Jawatankuasa Penasihat Ekonomi Negara Kedua telah membuat satu laporan mengenai kegagalan Dasar Ekonomi Baru. Dalam konteks sosioekonomi masyarakat Tamil yang terpinggir, Jawatankuasa Penasihat Ekonomi Negara telah menggariskan beberapa masalah yang dihadapai oleh masyarakat Tamil ladang. Salah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu masalah tersebut ialah kekurangan makanan yang berkhasiat (Janakey Raman, 2013).

Selain itu, Tinker, H. (1974) menyatakan bahawa antara tahun 1860 hingga 1957, seramai empat juta orang India yang kebanyakannya kaum Tamil telah berhijrah ke Tanah Melayu. Namun, hanya seramai 2.8 juta orang telah kembali ke negara India. Sementara itu, kebanyakan baki 1.2 juta orang telah mati akibat penyakit, gigitan ular, dan ketiadaan makanan yang cukup dan berkhasiat.

Realiti ini juga dapat dikesan dalam kalangan masyarakat Tamil yang dijadikan mangsa penindasan di Felda Selancar Empat. Mereka dipaksa tinggal di pondok buruk seperti kandang kambing. Lebih malang lagi, mereka tidak diberi makanan untuk beberapa hari. Oleh sebab tidak mendapat makanan yang mencukupi dan berkhasiat, mereka kelihatan kurus-kering sehingga nampak rangka tulang badan dan lemah longlai ketika diselamatkan oleh pihak berkuasa Pekerja ladang itu tidak dibekalkan makanan yang berkhasiat dan tidak dibayar gaji (Bhattacharjee, B. C. 1989).

Tambahan pula, buruh-buruh di ladang dikatakan tidak mahu membelanjakan wang yang banyak untuk membeli makanan yang berkhasiat. Malah, mereka dikatakan berbelanja hanya 5% daripada jumlah yang dibelanjakan oleh orang Cina. Dalam hal ini, buruh Cina didapati lebih sihat dan bertenaga. Pemakanan yang tidak seimbang dalam kalangan buruh India mendedahkan diri mereka kepada ancaman penyakit cacing dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

anaemia. Mereka kelihatan lemah dan mengalami kekurangan zat Selain itu, inflasi dan harga makanan yang semakin meningkat turut menyumbang kepada masalah makanan berkhasiat (Chee, H. L. 1982).

Manakala, Netto, G. (1961) berpendapat kekurangan makanan merupakan salah satu punca utama menjejaskan kesihatan masyarakat Tamil pada zaman itu. Sementara itu, Nisha Bhatt (2000) dalam kajiannya menyatakan bahawa gaji pekerja ladang hanya cukup untuk makan supaya dapat terus hidup. Mereka tidak mampu untuk menyediakan makanan yang seimbang dan berkhasiat.

Selain itu, Kajian Laporan Kesihatan (1938) merumuskan bahawa kekurangan makanan berkhasiat menjadi aspek utama yang menjejaskan perkembangan fizikal dan kesihatan. Oleh itu, sistem tahanan badan menjadi rendah dan lemah. Akibatnya, pekerja mudah dijangkiti penyakit berbahaya. Justeru, masalah kekurangan makanan berkhasiat yang mendatangkan pelbagai penyakit berbahaya menyebabkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang tetap rendah (Janakey Raman, 2013).

Pandangan Vanaja Sathivel (2008) juga selari dengan pandangan Netto, G. Menurut Vanaja, upah yang rendah menyukarkan buruh Tamil di ladang memenuhi keperluan asas seperti mendapatkan makanan berkhasiat. Oleh itu, pengambilan makanan yang tidak seimbang melemahkan daya tahan diri serta memudahkan jangkitan penyakit. Seterusnya, Chee, H. L. (1982) berhujah bahawa masalah makanan menjadi punca utama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kematian dalam kalangan buruh Tamil di ladang semasa zaman penjajahan British. Menurut beliau lagi, pemakanan buruh India adalah tidak seimbang dan kekurangan protin, terutamanya protin haiwan. Lazimnya, penyakit seperti cirit-birit, disentri dan anemia ialah punca yang menyebabkan kematian pada zaman penjajah.

> *" The diet of Indian labourer was ill balanced and lacking in protein, especially animal protein. Diarrhoea, dysentery, and anaemia were common causes of death in colonial times".*
>
> *(Chee, H L. 1982, p.404)*

Selain itu, Sinnappah Arasaratnam (1970) memperkukuhkan pandangan Chee, H. L. Menurut beliau, kekurangan makanan yang wujud di negara kita telah memberi kesan kepada kesihatan pada jangka masa panjang dan kadar kelahiran masyarakat India.

> *"The denial of various social amenities they had enjoyed in the estate, and the general food shortage in the country, had long term effects on the health and fertility rate of the Indians."*
>
> *(Sinnappah Arasaratnam, 1970,p.3)*

Oleh itu, dapatlah merumuskan bahawa masalah makanan, iaitu kekurangan dari segi kualiti dan kuantiti makanan ialah salah satu masalah ketara yang terpapar dalam kesemua novel yang dikaji. Kajian-kajian juga turut membuktikan bahawa keadaan ini ialah satu realiti dalam kalangan masyarakat Tamil ladang terutama semasa penjajahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan zaman pasca kemerdekaan. Tahap gaji atau upah yang sangat rendah telah menyukarkan mereka untuk membeli makanan yang secukup dan berkhasiat.

Keadaan ini telah secara langsung menjejaskan kesihatan serta mendedahkan diri mereka kepada pelbagai penyakit. Mereka kelihatan kurus-kering, kurang bertenaga dan lemah. Justeru, keadaan sosioekonomi mereka juga turut terjejas. Maka, pengarang berjaya menggambarkan realiti aspek makanan berdasarkan watak dan latar.

Penulis novel Tamil Malaysia menggambarkan masyarakat Tamil ladang tidak mendapat makanan yang mencukupi. Malah makanan yang dibekalkan digambarkan tidak berkhasiat dan tidak berkualiti. Di samping itu, bahan makanan yang dijual di kedai runcit ladang pula dalam keadaan rosak, reput dan tidak berkualiti. Namun, masyarakat Tamil ladang tiada pilihan lain. Mereka terpaksa membeli barang makanan tersebut.

Kekurangan makanan berkhasiat dan bahan makanan yang rosak sudah pasti memudaratkan kesihatan masyarakat Tamil ladang. Tubuh badan mereka juga kelihatan kurus-kering dan cengkung kerana makanan tidak berkhasiat. Selain itu, kebanyakan keluarga makan pada ala kadar dan menu harian adalah ringkas. Kekurangan makanan yang digambarkan oleh pengarang dalam novel adalah realiti keadaan sebenar masyarakat Tamil ladang getah pada ketika itu. Realiti tersebut digambarkan secara terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4.2 Minuman Todi

Todi merupakan sejenis minuman keras yang diturunkan daripada bahagian putik bunga yang belum mekar di pokok kelapa. Minum todi merupakan satu amalan meluas dalam kalangan masyarakat Tamil ladang, khususnya kaum lelaki. Todi mewujudkan ketagihan atau pemabukan apabila diambil secara lebihan dan berterusan. Sebenarnya, pengambilan todi membawa pelbagai masalah sosial dalam kalangan masyarakat Tamil ladang (Parameswari Krishnan, 2017).

Keadaan mabuk itu melalaikan diri dan mendedahkan diri pemabuk kepada masalah sosial seperti pergaduhan, penderaan ahli keluarga, kemalangan di samping mengabaikan hal kebajikan keluarga dan sering ponteng kerja. Justeru, todi dianggap menjadi punca utama keruntuhan imej buruh India di Tanah Melayu serta membantutkan perkembangan sosial masyarakat Tamil di kawasan ladang (Kanaganayagi Ramasamy, 1992).

Kajian menunjukkan bahawa setiap anggota masyarakat Tamil menggunakan 10% daripada gaji bulanan untuk membeli todi dan samsu Masyarakat Tamil ladang sanggup berhutang dan mengabaikan keperluan keluarga demi mendapatkan todi ini. Amalan pemgambilan todi dikatakan punca kemiskinan dalam kalangan masyarakat Tamil ladang. (Arasaratnam Sinappah, 1970).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, pengambilan todi secara berlebih-lebihan untuk suatu jangka masa panjang boleh menjejaskan kesihatan seseorang. Peminum yang tertagih akan berasa lemah dan kurang maya apabila tidak diminum todi. Daya tahan penyakit juga turut merosot. Akibatnya, masyarakat Tamil ladang khususnya kaum lelaki, mengidap penyakit dan kadangkala menemui ajal (Arivananthan, M. 2004).

Selanjutnya, matlamat utama pihak majikan British mendirikan kedai todi di setiap ladang ialah sebagai daya tarikan untuk bekerja di ladang mereka. Keadaan ini akan menyebabkan kaum pekerja tidak perlu keluar dari ladang; lalu hubungan mereka dengan dunia luar terputus serta menghadkan pergaulan sosial mereka. Oleh itu, iklan untuk mencari pekerja ladang juga menawarkan todi sebagai ganjaran (Kanaganayagi Ramasamy, 1992).

Todi ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan bahkan membazirkan wang masyarakat Tamil ladang. Dalam kajian ini, hanya lima buah novel, iaitu *Ilaṯciyap Payaṇam, Tuyara Pātai, Noiva Pūkkaḷ, Maṇpulukkaḷ dan Selancar Empat* memaparkan masalah todi. Aspek ini akan dikupas menggunakan unsur intrinsik iaitu watak, latar masa dan latar tempat. Latar masa bagi kesemua novel ini adalah pada zaman pemerintahan British dan selepas kemerdekaan di Tanah Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4.2.1 Mengenal Pasti Minuman Todi dalam NTM

Todi dikenal pasti dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam* melalui watak Andiapan yang ketagihan todi. Andiapan ialah bapa Mathavan. Watak Andiapan digambarkan sebagai seorang bapa yang tidak bertanggungjawab kerana selalu minum todi. Malah, dia juga boros dan tidak menguruskan keluarga dengan baik. Dulu, dia tidak pernah minum todi, sebaliknya mengumpulkan sedikit harta dengan membela lembu.

Setelah mula minum todi, semua hartanya dijual. Akibat todi, dia juga jatuh sakit dan badannya menjadi cengkung. Keadaan kesihatannya kian merosot dan akhirnya meninggal dunia. Amalan minum todi telah menjejaskan kesihatan Andiapan di samping mencemarkan maruah dan status ekonomi keluarganya.

> *“அப்ப எல்லாம் இவரு குடிக்கவும் மாட்டாரு; ராவும் பகலுமா வேலை செஞ்சார். மாடும் கன்னுமா கொஞ்சம் சொத்தும் சேர்ந்தது. பின்னாலே எப்படியோ குடிக்கக் கத்துக்கிட்டார். எல்லாச் சொத்தும் கொஞ்சம் கொஞ்சமா தீர்ந்து போச்சி”மாதவனின் அம்மா நினைவு கூர்ந்தார் (இளவழகு, ஐ.1970,ப.198).*

> “Dulu dia tidak pernah minum todi. Siang dan malam dia bekerja keras. Dia telah memelihara lembu lalu mengumpulkan sedikit harta. Kemudian, dia telah mula minum todi. Sedikit demi sedikit kesemua hartanya telah kehabisan”, ibu Mathavan mengimbas kembali (Ilavalagu, I. 1970, ms.198).

Dalam novel *Tuyara Pātai* karya Ka.Perumal, minuman todi dikaitkan dengan watak Muthukarupan yang ingin membanteras gejala sosial itu. Muthukarupan memberi cadangan kepada *dresser* supaya kedai todi di ladang itu ditutup. Oeh itu, mereka bercadang untuk membawa perkara ini kepada perhatian pengurus ladang. Mereka mahu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membawa kesedaran kepada masyarakat Tamil ladang akan keburukan todi. Menurut Muthukarupan, todi dikatakan mengugat kesihatan peminum dan juga taraf hidup masyarakat ladang. Wang yang dibelanjakan untuk todi dapat digunakan untuk memenuhi keperluan keluarga. Dia menegaskan bahawa pelbagai masalah sosial wujud akibat todi.

> *“ஐயா, நம் தோட்டத்தில் கள்ளுக்கடையே இல்லாமலிருந்தால் நன்றாக இருக்கும். குடிக்குச் செலவாகும் பணத்தைக் குடும்பச் செலவிற்கு உபயோகப் படுத்தினால், பல வழிகளில் நன்மையாக இருக்கும். இப்படிக் குடித்து விட்டு ஆடுவதாலும், குடியை வாங்கி ஊற்றுவதாலும் உடலும் உள்ளமும் கெட்டு, தொழிலாளர்களுக்குள்ளேயே மன ஒற்றுமையின்றி, வாழ்க்கை தரமும் கெட்டு வாட வேண்டியிருக்கிறது” என்று பணிவோடு கூறினான் முத்துக்கருப்பன்(பெருமாள்,கா.1978, ப.151).*

> “Tuan, alangkah baiknya kalau tidak ada kedai todi di ladang ini. Wang yang dibelanjakan untuk membeli todi, jika digunakan untuk keperluan keluarga tentu mendatangkan banyak kebaikan. Minum todi membawa banyak keburukan kepada masyarakat ladang. Keadaan mental dan fizikal mereka juga terjejas. Selain itu, turut mencetuskan masalah perpaduan. Masyarakat juga menderita kerana taraf hidup terus merosot akibat todi”, kata Muthukarupan dengan hormat (Perumal, K.1978, ms.151).

Seterusnya, masalah todi turut dikenal pasti dalam novel *Noiva Pūkkaḷ*. Watak Pechayi, iaitu ibu Tulasi digambarkan sebagai seorang kaki botol. Setiap petang dia akan minum todi lalu mengganggu ketenteraman masyarakat Tamil ladang. Dia akan memarahi semua jirannya dengan kata-kata kesat. Sebaliknya, pada waktu pagi pula, dia merupakan seorang yang pendiam. Tulasi memarahi ibunya yang ketagihan todi tanpa menghiraukan anak perempuannya. Dia akan menangis melihat sikap ibunya yang tidak bertanggungjawab itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

“ஊத்திக்கிட்டியா...? ஒன்னாலதான் அது இல்லாம இருக்கமுடியாதே? பிள்ளை இல்லாமல் இருக்க முடியும். அது இல்லாம செத்த நேரம் இருக்க முடியல? என்ன தாய் நீ? வயசுக்கு வந்த பொண்ணு ஒருத்தி வுட்ல இருக்கிறது ஒன் கண்ணுக்குத் தெரிலியா?”என்று துளசி கண்ணீர் சிந்துகிறாள்(புண்ணியவான்,கோ. 2008, ms.37).

“Sudah minumkah? Awak tak dapat hidup tanpa todi? Kamu boleh hidup tanpa anak. Awak tak dapat tahan ketagihan awak. Inikah sifat seorang ibu? Kamu tak ingatkah ada seorang anak dara di rumah ini?” Tulasi menangis sambil memarahi ibunya (Punniavan, Ko. 2008, ms. 37).

Dalam pada itu, masalah todi juga dikenal pasti dalam novel *Maṉpulukkaḷ* melalui watak bapa Muniapan. Watak bapa Muniapan digambarkan sebagai seorang kaki todi. Bapanya telah mendera ibu dan Muniapan setelah minum todi. Suatu hari ibunya mati kerana dibelasah oleh ayahnya. Oleh itu, Muniapan berdendam untuk membunuh bapanya apabila besar kelak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sejak hari itu, Muniapan berubah menjadi agresif dan bertingkah laku negatif. Kematian ibunya membawa kesan yang mendalam dalam jiwa dan sikap Muniapan. Dia mula mendera binatang untuk melepaskan kemarahan terhadap bapanya. Sebenarnya, pemabukan seseorang ayah telah menghancurkan rumah tangganya dan masa depan anaknya.

அப்பவும் அப்பங்காரன் குடிச்சுட்டு வந்து அம்மாவ போட்டு அடிச்சான். ஒரு நா, விடிஞ்சு எழுப்ப அம்மா செத்துக் கிடந்தா (முத்துசாமி, சி. 2006, ப.136).

Seperti biasa, pada hari itu bapa telah memukul ibu setelah minum todi. Pada keesokan pagi, ibu didapati sudah meninggal dunia (Muthusamy, C. 2006, ms.136).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, dalam novel *Selancar Empat* karya Ko.Punniavan, pengkaji mengenal pasti masalah samsu melalui watak *kangani* Irulappan yang menjadi kaki botol. Masyarakat Tamil ladang telah dibawa bekerja di ladang kelapa sawit di Selancar Empat. Tauke mengarah mereka membeli bahan makanan dan samsu dari kedai runcit Cina di ladang itu.

Kedai runcit Cina di *Selancar Empat* ialah latar tempat yang dinyatakan dalam novel ini. Kedai itu diuruskan oleh sepasang suami isteri tua yang berbangsa Cina. Kaum lelaki diberikan samsu. Bayaran untuk bahan makanan dan samsu itu dipotong daripada gaji mereka. Kangani Irulapan yang tidak pernah minum samsu juga telah mula minum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *இந்த மனுஷன்...இருளப்பன் தண்டலும் குடிக்க ஆரம்பிச்சுட்டாரு. நல்லாத்தான் இருந்தாரு! இவனுங்க நம்பல கூட்டிடு வரதுக்கு முன்ன இது எப்படிப்பட்ட எடம், யாருக்கிட்ட வேலைக்குப் போறம்னு வரதுக்கு விசாரிகிறதில்லை? எஸ்டேட்டுல் இருக்கும் போது கள்ளுக்கட கெதியா இருப்பானுங்க....!இங்க சாரயத்த கூப்புட்டு கூப்புட்டு ஊத்துனா ச்சொம்மாவா இருப்பானுங்க. போய் ஊத்திக்கிட்டு வந்துறானுங்க (புண்ணியவான்,கோ: 2013, ms.87).*

> Orang yang baik seperti *kangani* Irulapan pun sudah mula minum. Sebelum ini, dia tidak pernah minum. Kenapa *kangani* tidak siasat lebih dahulu sebelum datang ke tempat ini? Keadaan tempat ini dan maklumat tentang majikan sepatutnya disiasat oleh *kangani* terlebih dahulu. Semasa dulu tinggal di ladang, kaum lelaki berlumba-lumba untuk minum todi. Di sini pula, kaum lelaki dipelawa untuk minum samsu. Adakah kaum lelaki akan berdiam diri, tentu akan minum juga (Punniavan, Ko. 2013, ms. 87).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4.2.2 Menganalisis Realiti Minuman Todi dalam NTM

Novel-novel yang dikaji berjaya memaparkan masalah todi yang benar-benar wujud dalam kalangan masyarakat Tamil ladang. Realiti ini dapat dikesan dalam kajian Kanaganayagi Ramasamy (1992). Beliau menyatakan bahawa pihak pengurus Brtish telah menggunakan todi sebagai umpan untuk menarik minat pekerja ke ladang mereka. Majikan ladang British demi menjayakan dasar ekonomi mereka, iaitu mengaut keuntungan lumayan melalui sektor perladangan; membuka kedai todi di setiap ladang untuk mengekalkan pekerja dan memastikan agar mereka tidak berpindah ke ladang lain.

Sejak masyarakat Tamil berhijrah ke Tanah Melayu, majikan tidak pernah mengambil sebarang tindakan untuk membendung masalah minuman todi yang menjadi punca pelbagai masalah sosial, kemiskinan, kesihatan dan perlakuan jenayah. Sebilangan masyarakat Tamil yang datang dari negara India juga pernah menjadi pekerja todi. Malah, terdapat banyak pokok kelapa di Tamah Melayu ketika itu. Oleh itu, kebanyakan masyarakat Tamil ladang menjadi kaki todi setelah datang ke Tanah Melayu. (Kalaimuthu, K. 2008).

Sementara itu, pada tahun 1935, keuntungan yang diperoleh oleh kerajaan melalui penjualan todi telah menyumbang kepada 40% cukai negara, iaitu sejumlah 2,081,718 *dollar*. Di samping itu, jumlah wang yang dibelanjakan oleh pekerja Tamil ladang untuk membeli todi ialah sejumlah 5,204,295 *dollar*. Malah, majikan ladang dikatakan juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuat iklan kedai todi untuk menarik minat pekerja untuk bekerja di ladang mereka (Arasaratnam Sinnapah, 1970).

Selain itu, Parameswari Krishnan (2017), dalam kajiannya menyatakan bahawa pengambilan todi telah mencetuskan tiga implikasi besar terhadap buruh Tamil di ladang. Akibat ketagihan todi, mereka mengalami masalah kesihatan dan kemiskinan di samping mencetuskan pelbagai masalah sosial. Parameswari menambah lagi bahawa buruh Tamil yang berpendapatan rendah menghabiskan keseluruhan gaji mereka di kedai todi. Selain itu, Parameswari turut menyatakan bahawa *Annual Report (1934)* jelas menunjukkan bahawa hampir 50 hingga 75 peratus daripada sumber pendapatan buruh dibelanjakan di kedai todi. Parameswari mendapati bahawa ramai buruh Tamil sentiasa dikejarkan ke hospital ladang selepas minum todi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa masalah minuman todi merupakan satu masalah sosial yang ketara pada ketika itu. Todi menjadi punca utama keruntuhan imej buruh India di Tanah Melayu serta membantutkan perkembangan sosial masyarakat Tamil di kawasan ladang. Oleh itu, risalah-risalah yang dicetak dalam bahasa Tamil oleh kerajaan negara India telah dihantar kepada kerajaan British di Tanah Melayu; untuk melahirkan kesedaran dalam kalangan buruh Tamil ladang akan kesan buruk minum todi (Parameswari Krishnan, 2017).

Keadaan ini jelas membawa gambaran bahawa masyarakat Tamil ladang dan minuman todi seolah-olah tidak dapat dipisahkan. Lantaran itu, realiti ini dipaparkan oleh pengarang secara realistik dalam novelnya. Maka, aspek minuman todi yang dipaparkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh pengarang dalam novel merupakan keadaan sebenar yang berlaku kepada masyarakat Tamil ladang ketika itu. Minuman todi ini telah menjejaskan kesihatan mereka.

4.2.4.3 Kemudahan Kesihatan

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, *(World Health Organizasion) [WHO[* (1948), kemudahan kesihatan adalah merujuk kepada hospital, pusat rawatan utama, kem pengasingan, unit pesakit dan kemudahan-kemudahan lain. Pertubuhan Kesihatan Sedunia *[WHO]* (1948), juga menggariskan beberapa langkah untuk menguruskan penjagaan kesihatan. Antaranya ialah penjagaan kesihatan yang selamat seperti bekalan air yang selamat, asas sanitasi dan pengurusan penjagaan kesihatan.

Sektor kesihatan merupakan sebahagian daripada sistem sosioekonomi, dan kemajuan dalam penjagaan kesihatan secara langsung dapat meningkatkan taraf hidup rakyat. Sejak merdeka, Malaysia telah berjaya menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang baik kepada rakyat serta memberi penekanan berterusan terhadap penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan cekap. Sistem kesihatan, terutamanya perkhidmatan yang disediakan oleh sektor awam adalah meliputi seluruh negara dengan penjagaan kesihatan yang komprehensif pada kos yang berpatutan kepada rakyat (Unit Perancangan Ekonomi, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan utama usaha tersebut adalah untuk mempertingkat akses dan mengoptimumkan penggunaan sumber penjagaan kesihatan. Oleh itu, kerajaan telah melaksanakan empat inisiatif utama dalam RMKe-10, iaitu transformasi sistem kesihatan; meningkatkan kualiti, keupayaan dan liputan perkhidmatan; peralihan kepada promosi kesihatan dan pencegahan berbanding rawatan dan meningkatkan kualiti sumber manusia kesihatan (Unit Perancangan Ekonomi, 2015).

Di samping itu, sistem kesihatan Malaysia adalah setanding dengan negara maju. Kaji selidik Bloomberg pada tahun 2014 telah meletakkan Malaysia dalam kalangan 30 negara teratas di dunia yang mempunyai sistem penjagaan kesihatan yang paling cekap. Pertubuhan Kesihatan Sedunia *(WHO)* pada tahun 2013 juga mengiktiraf sistem kesihatan negara sebagai satu daripada sistem yang terbaik dalam kalangan 37 negara anggota di rantau Pasifik Barat (Unit Perancangan Ekonomi, 2015).

Dalam konteks kajian ini, aspek kemudahan kesihatan yang disediakan oleh majikan British di ladang ialah hospital, *dresser* (pembantu perubatan) dan ubat. Kebanyakan ladang tidak menyediakan kemudahan kesihatan sepenuhnya. Walaupun ada hospital kecil di ladang, namun doktor pelawat akan datang hanya seminggu atau sebulan sekali sahaja dan *dresser* (pembantu perubatan) yang tidak bertauliah pula menguruskan pesakit dan hospital tersebut. Dalam kes penyakit kritikal, pesakit itu terpaksa dibawa ke hospital besar di bandar. Ubat yang disediakan juga tidak berkualiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesemua tujuh buah novel yang dikaji turut memaparkan masalah kemudahan kesihatan di ladang. Kemudahan kesihatan dikenal pasti melalui unsur watak, latar tempat dan latar masa. Latar tempat ialah hospital di ladang getah. Manakala latar masa ialah semasa penjajahan British dan selepas kemerdekaan Tanah Melayu.

4.2.4.3.1 Mengenal Pasti Kemudahan Kesihatan dalam NTM

Dalam novel *Tuyara Pātai,* kemudahan kesihatan dikenal pasti melalui watak doktor besar. Doktor besar yang melawat ladang telah memberikan laporan bahawa ‘semua pekerja ladang sihat belaka’. Hal ini kerana majikan ladang telah memberikan ganjaran kepada doktor tersebut supaya berbuat demikian. Mengikut Undang-undang Persatuan Kebajikan Pekerja, majikan perlu melantik seorang pembantu kesihatan (s*enior dresser*) di ladang masing-masing.

Tujuan penyediaan kemudahan kesihatan di ladang adalah menjaga kesihatan pekerja ladang. Selain itu, seorang doktor perlu dilantik oleh majikan untuk memeriksa dan memberi laporan mengenai kesihatan pekerja ladang. Malangnya, doktor itu hanya datang ke ladang sebulan sekali sahaja. Pekerja ladang tidak mendapat pemeriksaan kesihatan yang baik dan rapi. Rupa mereka kelihatan seperti orang tua walaupun berusia muda. Mereka juga kelihatan pucat-lesu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

மாதமொருமுறை பார்வையிட்டுப் போக, வந்து போகும் பெரிய டாக்டர், இத்தொழிலாளர்களின் துயர் துடைக்க வழி செய்தாரில்லை. மைனா தோட்ட முதலாளி கொடுக்கும் காணிக்கை, டாக்டர் விடுக்கும் அறிக்கைப் புத்தகத்தில் கையெழுத்தாக மாறியது. அறிக்கை ஏட்டில் 'யாவரும் நலம்' என்று எழுதி வைத்து விட்டுப் போவார் (பெருமாள்,கா.1978, ப.73).

Doktor besar yang melawat sebulan sekali, tidak berusaha untuk membantu memelihara kesihatan pekerja. Ganjaran yang diberikan oleh majikan ladang mempengaruhi laporan doktor itu. Dalam buku laporan kesihatan, doktor akan mencatatkan 'semua pekerja sihat' (Perumal, Ka. 1978, ms.73).

Sementara itu, aspek kesihatan juga dikenal pasti dalam novel *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum* melalui watak masyarakat Tamil ladang. Watak Kanniapan sedih memikirkan keadaan masyarakat Tamil ladang. Suatu ketika dahulu, masyarakat Tamil dibawa dari negara India seperti kambing dan lembu. Di Tanah Melayu, mereka meneroka hutan yang tebal. Binatang buas dan pelbagai penyakit telah dihadapi. Ramai pekerja telah menjadi mangsa penyakit *malaria* dan binatang buas di hutan.

Masyarakat yang terselamat telah meredah hutan untuk meneroka ladang yang memberikan keuntungan kepada majikan British. Pengarang novel tersebut secara tidak langsung menegaskan bahawa banyak imigran menjadi mangsa pelbagai penyakit mungkin tiada kemudahan kesihatan yang membantu merawat mereka. Serangan penyakit malaria dan cirit-birit jelas menunjukkan bahawa ketiadaan usaha yang konkrit untuk memelihara kesihatan para pekerja tersebut. Pengarang jelas menggambarkan cara beribu-ribu pekerja dibawa ke negara ini.

ஒரு காலத்தில் சஞ்சிக் கூலியாக ஆடுமாடுகள் போல் கொண்டுவந்து இறக்கபட்டபோது காடும் மலையும், கொடிய மிருகங்களும், நோயும் வரவேற்றன. எத்தனை பேர் வாந்திபேதியில் இறந்தனர்,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

மலேரியாவுக்கும் காட்டு மிருகங்களுக்கும் பலியானவர் எத்தனை பேர்? (குமாரன், எம்.197, ப.82).

Suatu ketika dahulu, masyarakat Tamil dibawa dari negara India seperti kambing dan lembu. Mereka disambut oleh hutan belantara, binatang buas dan penyakit. Ramai masyarakat Tamil menjadi mangsa cirit-birit, demam malaria dan binatang buas (Kumaran, M.1971, ms.82).

Seterusnya, aspek kesihatan dikenal pasti dalam novel *Noiva Pūkkaḷ* melalui watak Tulasi. Latar tempat ialah *Group Hospital* ladang. Tulasi yang sakit telah berjumpa *dresser* di *Group Hospital* ladang. Hanya seminggu sekali sahaja doktor datang ke ladang. Kes yang tidak dapat diselesaikan oleh *dresser* akan diserahkan kepada doktor.

Terdapat juga pekerja yang meninggal dunia disebabkan penyakit kritikal. Tidak ada doktor jikalau berlaku sebarang kecemasan di ladang itu. Wad di hospital tidak mempunyai kemudahan yang baik. Ubat yang diberikan pula tidak berkualiti. Pengarang novel ini memberi gambaran jelas mengenai *Group Hospital* di ladang.

தோட்ட மருத்துவமனை 'வார்டு' அப்படியொன்றும் வசதிகள் கொண்டதல்ல. வார்ட் நோயாளிகளுக்கென்று சமைப்பதற்குச் சமையல்காரன் ஒருவன் இருப்பான். அந்தச் சமையலைப் பலர் சாப்பிடமாட்டார்கள். குறைந்த செலவில் சாப்பாடு போட வேண்டும் என்ற தோட்ட நிர்வாகத்தின் கெடுபிடி. மருந்து மாத்திரைக் கூட தரமானதாக இருக்காது. தோட்ட நிர்வாகம் குறைந்தபட்ச செலவில் நடத்தும் மருத்துவமனை இது (புண்ணியவான், கோ. 2008, ப.102).

Wad di hospital ladang tidak mempunyai kemudahan yang baik. Ada seorang tukang masak yang menyediakan makanan untuk pesakit di wad. Ramai yang tidak suka makanan itu. Pihak majikan ladang mahu berjimat dalam hal makanan. Ubat yang diberikan juga tidak berkualiti. Pihak majikan mahu menguruskan hospital dengan kos yang rendah (Punniavan, Ko. 2008, ms.102).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dalam novel *Selancar Empat*, dapat dikenal pasti akan ketiadaan langsung kemudahan kesihatan. Keadaan ini dikesan melalui watak dan latar tempat yang dipaparkan dalam novel ini. Masyarakat Tamil dibawa bekerja di ladang kelapa sawit kepunyaan Tauke Cina di Felda Selancar Empat. Pekerja yang sakit akan diberikan ubat *panadol* sahaja atau ubat kuning untuk membaluti luka. Kemudahan perubatan langsung tidak disediakan.

Masyarakat Tamil diberikan layanan yang buruk oleh orang-orang suruhan Tauke Cina. Tiada pula pengangkutan untuk pergi ke hospital di bandar. Malahan, mereka tidak dibenarkan keluar dari tempat itu yang terletak di kawasan terpencil dan dikelilingi hutan tebal. Anak Muniamah, iaitu Tamu yang sakit tidak dihiraukan oleh orang-orang suruhan tauke Cina. Akhirnya, Tamu meninggal dunia kerana tiada kemudahan kesihatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *“போய் மாத்திரைய கொடு...மஞ்ச மருந்த புண்ணுல பூசு... ஆஸ்பத்திரிக்கெல்லாம் கூட்டிடு போவ முடியாது!”(புண்ணியவான், கோ: 2013, ப.106).*

> “Berikan sahaja ubat ini. Sapukan ubat kuning pada luka.Tidak boleh bawa ke hospital (Punniavan, Ko. 2013, ms.106).

Novel *Nakarntu Koṇṭirukum Vācalkaḷ* juga memaparkan masalah ketiadaan kemudahan kesihatan. Latar tempat dalam novel ialah Ladang Bukit Lembu. Watak Tamilselvan, iaitu anak ketiga Sitambaram dilahirkan sebagai anak kurang upaya. Dia selalu muntah dan bercirit-birit. Sitambaram terpaksa berulang alik ke hospital di bandar, namun tidak mampu kerana kemiskinan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, dia bercadang untuk menyerahkan anaknya sebagai anak angkat. Anaknya diserahkan kepada seorang kenalan yang tinggal di Kuala Lumpur. Harapan Sitambaram hanya satu sahaja supaya anaknya dijaga dengan baik. Tambahan pula, kemudahan perubatan mudah diperoleh di bandar Kuala Lumpur.

> *அவன வச்சு நாங்க பாத்துகிட்டு, இந்த எடத்துல... அவன் வாழ முடியாதுங்க. அவன் இப்படிப் பொறந்து புட்டான்.அதான் எங்குட்டாவது போயி எப்படியாவது நல்லாருக்குட்டும். ஒங்கள மாதிரி நல்ல மனசுக்காரங்க இருக்கிற வரைக்கும், இந்த மாசி பிள்ளைங்கலாம் வாழும்ங்கயா.இந்தப் பையன ஆஸ்பித்திரி கையுமா தெனமும் ரோதனையா இருக்குயா... பால் குடிச்சா வாந்தி எடுத்துர்றான்... வைத்தாள.ஏதோ கடவுள் புண்ணியத்துல நல்லா இருந்தா சரியா (பாலகுமாரன்,கே.. 2009, ப.100).*

> Kami tidak terdaya menjaga anak di ladang ini. Dia lahir sebegini. Kami harap dia membesar dengan baik di tempat lain. Selagi orang yang baik seperti kamu ada, anak seperti ini boleh hidup di dunia ini. Kami tak terdaya berulang-alik membawa anak ini ke hospital. Akan muntah susu yang diminum. Bercirit-birit pula. Harap dia dalam keadaan baik dengan restu Tuhan (Balamurugan, K. 2009, ms.100).

Dalam pada itu, aspek masalah kemudahan kesihatan dikenal pasti dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam.* Latar tempat ialah Ladang Padang. Watak Mathavan dan Arumugam telah dipukul oleh orang yang tidak dikenali. Mathavan terpaksa dibawa ke hospital Sitiawan kerana kakinya patah. Hospital di ladang tidak mempunyai kemudahan x-ray dan rawatan untuk patah tulang. Arumugam terpaksa meminjam kereta kawannya, iaitu Govindan untuk pergi ke hospital yang terletak di bandar yang jauh dari ladang. Hospital di Ladang Padang tidak menyediakan kemudahan kesihatan yang lengkap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

“அப்படியே உட்கார்ந்திரு. இதோ போய் கோவிந்தனோட காரைக் கொண்டாந்துடறேன். ஆஸ்பத்திரிக்குப் போய்ப் பார்க்கலாம். சித்தியாவானை நோக்கி கார் ஓடிக்கொண்டிருந்த போதே மாதவனின் இடதுகால் வீங்கத் தொடங்கியது. பெயர் பதிவு செய்து கொண்டு மாதவனை ட்ரோலியில் அமர்த்தி எக்ஸ்ரே பகுதிக்கு அழைத்துப் போனார்கள் (இளவழகு,ஐ.1970, ப.232).

“Duduk dulu, Mathavan. Biar saya membawa kereta Govindan. Kita akan pergi ke hospital. Ketika kereta menuju ke Sitiawan, kaki kiri Mathavan mula membengkak. Selepas mendaftarkan nama, Mathavan dibawa ke bilik x-ray dengan troli (Ilavalagu, I. 1970, ms.232).

Gambaran pengarang novel ini jelas menunjukkan bahawa keadaan kemudahan kesihatan yang disediakan di Ladang Padang adalah kurang memuaskan. Pihak pengurus ladang hanya menyediakan kemudahan minimum sahaja. Sekiranya berlaku sebarang kecemasan, pesakit perlu mencari pengangkutan tersendiri untuk sampai ke hospital kerajaan yang juga terletak jauh dari ladang itu.

Dalam pada itu, kemudahan kesihatan juga dikenal pasti dalam novel *Maṇpulukkaḷ*. Latar tempat ialah Ladang Selambau, di Sungai Petani, Kedah. Watak Addukaran digambarkan tidak mementingkan kesihatan diri. Kakinya membengkak dan bernanah kerana tercucuk paku. Dia mendapatkan rawatan tradisional di ladang. Dia dinasihati supaya mendapatkan rawatan di hospital bandar kerana tiada kemudahan hospital di ladang itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, dia tidak mempedulikannya. Akhirnya, sikap Addukaran membawa padah. Kakinya terpaksa dipotong. Dia tidak dibenarkan bekerja di ladang itu lagi. Isterinya pula terpaksa memikul beban keluarganya. Ketiadaan kemudahan kesihatan di Ladang Selambau itu menyebabkan kaki Addukaran terpaksa dipotong dan keluarganya hilang punca pendapatan.

> *புட்டுக்கார்ரு அன்னக்கி சொன்னது நெசமா போச்சு. 'டேய் ஆட்டுக்காரா...கவனண்டா தண்ணிகிண்ணில கால் வச்சுடாதடா... அப்புறம் பொடம் வச்சுடும். ஆஸ்பத்திரில படுக்கப் போட்டு கால் வெட்டிப் போட்ருவான் (முத்துசாமி, சீ. 2006, ப.163).*

> Kata-kata penjual putumayam memang benar. "Hei Addukara…jaga-jaga kaki, jangan kena air. Boleh jadi kudis. Nanti kaki terpaksa dipotong di hospital (Muthusamy, C. 2006, ms.163).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4.3.2 Menganalisis Realiti Kemudahan Kesihatan dalam NTM

Pengarang-pengarang novel yang dikaji telah berjaya merakamkan gambaran sebenar tentang keadaan kemudahan kesihatan di ladang-ladang. Semua hospital di ladang yang dipapar dalam novel-novel hanya menyediakan kemudahan yang minimum sahaja. Realiti ini dapat diketahui berdasarkan Kod Buruh yang diperkenalkan pada tahun 1912.

Kod ini bertujuan memelihara kebajikan pekerja ladang. Kod ini mewajibkan pihak majikan menyediakan kemudahan asas tertentu. Antara kemudahan yang mesti disediakan ialah kemudahan kesihatan. Pembantu perubatan atau doktor wajib disediakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di setiap ladang. Begitu juga dengan penyediaan ubat-ubatan di ladang (Janakey Raman, 2016).

Seterusnya, ladang-ladang di Tanah Melayu dikenali sebagai jaringan maut kerana dikatakan tempat merebak penyakit. Kadar kematian adalah tinggi dalam kalangan pekerja ladang. Pada era awal penghijrahan, masyarakat Tamil ladang tidak diberikan kemudahan kesihatan yang sempurna di ladang. Maka, kadar kematian terus meningkat. Malah tiada kemudahan kesihatan yang baik dan doktor yang bertauliah (Sandhu, K. S. 1969).

Menurut Rabindra Daniel (1983) Undang-undang buruh di Malaysia memerlukan majikan ladang untuk melengkapkan kemudahan kesihatan dan kebersihan persekitaran. Namun kajian beliau mendapati pihak majikan ladang tidak menyediakan kemudahan perubatan dan tidak mengikuti undang-undang itu dengan sepenuhnya.

Keadaan ini merupakan satu realiti yang jelas dipaparkan dalam novel-novel yang dikaji. Tambahan pula, Tinker, H. (1974) menyatakan bahawa sebanyak 4 juta orang imigran India yang tiba di Tanah Melayu antara tahun 1860 hingga 1957, seramai 1.2 juta orang tidak pulang ke India kerana kebanyakan orang dikatakan telah mati akibat penyakit, gigitan ular ,dan ketiadaan makanan yang cukup dan berkhasiat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, Vanaja Sathivel (2008) berdasarkan kajiannya mendapati masalah utama yang dihadapi oleh buruh Tamil di ladang ialah masalah kesihatan. Tambahan pula, perkhidmatan kesihatan dan perubatan ketika itu telah mengutamakan golongan elit dan tertumpu di kawasan bandar. Beliau berhujah bahawa ramai daripada imigran dari negara India membawa penyakit berjangkit semasa tiba di Tanah Melayu. Hal ini adalah kerana perjalanan yang jauh serta keadaan yang penuh sesak dan kurang bersih dalam kapal menyebabkan penyakit merebak.

Dalam pada itu, pada tahun 1910, sebanyak 60% hingga 90% daripada buruh mati dalam tempoh setahun ketibaan mereka di ladang. Selain itu, kerja-kerja penerokaan tanah baru untuk penanaman getah juga dikatakan sebagai punca penyebaran wabak penyakit seperti malaria. Keadaan ini bertambah buruk apabila majikan memeras tenaga pekerja supaya bekerja lebih masa dengan membayar upah yang rendah (Vanaja Sathivel, R. 2008). Maka ketiadaan kemudahan kesihatan menjejaskan kesihatan masyarakat Tamil ladang.

Seterusnya, selepas merdeka, tumpuan kerajaan adalah lebih kepada mempertingkat sosioekonomi penduduk di luar bandar. Ketika mencapai kemerdekaan, iaitu pada tahun 1957, negara mempunyai sebanyak 65 buah hospital. Sejak kemerdekaan negara, Kementerian Kesihatan menunjukkan prestasi cemerlang dalam penjagaan kesihatan rakyat Malaysia. Dalam tempoh 20 tahun selapas merdeka, (1957-1977), perkhidmatan penjagaan kesihatan negara memberi tumpuan utama kepada proses pembangunan dan menaik taraf perkhidmatan kesihatan yang sedia ada. Ketika inilah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pusat Kesihatan Besar, Pusat Kesihatan Kecil, Rumah Bidan dan Klinik Desa mula dibina (Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia, 2013).

Secara keseluruhan, didapati bahawa keadaan kesihatan masyarakat Tamil ladang adalah amat buruk sekali dan memeranjatkan. Ladang-ladang tidak menyediakan kemudahan perubatan yang sempurna bagi mengubati pelbagai penyakit yang dihidapi oleh para pekerja dalam suasana yang membahayakan kesihatan mereka. Ubat tertentu seperti kuinin diberi sebagai penawar bagi segala jenis penyakit. Selain itu, kakitangan perubatan yang ditempatkan di hospital atau klinik perubatan di ladang pula tidak terlatih atau diuruskan oleh orang yang tidak kena-mengena dengan bidang perubatan. Tambahan pula, terdapat doktor pelawat yang hanya datang sama ada seminggu atau sebulan sekali sebagai ‘pelawat’ sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ringkasnya, pengkaji telah membincangkan aspek keempat iaitu aspek kesihatan dalam kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang. Aspek kesihatan ini dikaji berdasarkan tiga kategori, iaitu makanan, minuman todi dan kemudahan kesihatan. Pengkaji mengenal pasti aspek kesihatan melalui watak dan latar dalam novel berdasarkan objektif pertama.

Dalam kajian ini, didapati aspek makanan masyarakat Tamil ladang amat buruk dan menyedihkan. Mereka tidak mendapat makanan yang mencukupi dan tidak berkualiti. Keadaan ini diburukkan lagi dengan amalan minum todi dalam kalangan masyarakat Tamil. Tambahan pula, kemudahan kesihatan yang disediakan di ladang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah tidak memuaskan dan buruk. Ketiga-tiga aspek kesihatan ini mencerminkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil yang rendah. Maka, pengarang telah menggambarkan aspek kesihatan masyarakat Tamil secara terperinci.

Seterusnya, berdasarkan objektif kedua, realiti tentang aspek kesihatan tersebut dianalisis oleh pengkaji. Dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga aspek kesihatan yang dipaparkan pengarang dalam novel; merupakan realiti gambaran sebenar aspek kesihatan masyarakat Tamil ladang di Tanah Melayu pada zaman penjajahan British dan juga zaman selepas kemerdekaan. Masyarakat Tamil ladang sengsara, menderita dan tertekan dengan masalah kekuranagn makanan, amalan minuman todi dan kekurangan kemudahan kesihatan. Realiti aspek kesihatan ini jelas dalam isu penindasan pekerja ladang di Felda Selancar Empat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, aspek kesihatan yang merangkumi gabungan faktor pemakanan yang buruk dan amalam minuman todi telah menjejaskan keadaan kesihatan masyarakat Tamil ladang. Hal ini secara langsung menjejaskan kedudukan sosioekonomi mereka. Pengarang berjaya menggambarkan realiti aspek kesihatan masyarakat Tamil ladang dalam novelnya. Realiti aspek kesihatan ini jelas dipaparkan melalui unsur watak, latar tempat dan masa. Jadual 4.12 menunjukkan hasil kajian kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam novel dan realiti kedudukan mereka berdasarkan aspek kesihatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Gambaran dan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil ladang : Aspek Kesihatan

Bil	Aspek Kesihatan	Gambaran Kedudukan sosioekonomi dalam novel	Realiti kedudukan sosioekonomi sebenar
1	Makanan	Rendah	Rendah
2	Minuman Todi	Rendah	Rendah
3	Kemudahan Kesihatan	Rendah	Rendah

4.2.5 Infrastruktur

Menurut *American Public Works Association (APWA)* (*2018*), infrastruktur ialah kemudahan fizikal yang diperlukan oleh agen-agen kerajaan. Kemudahan infrastruktur termasuklah bekalan air, tenaga elektrik, sanitari dan pengangkutan yang berkaitan dengan kemudahan sosial dan ekonomi. Manakala, *American Heritage Dictionary* (2000) pula mentakrifkan infrastruktur sebagai kemudahan asas, perkhidmatan dan keperluan sesuatu masyarakat atau komuniti untuk berfungsi. Misalnya, sistem perhubungan, sistem komunikasi, bekalan air, elektrik, sekolah dan pejabat pos.

Manakala, Rancangan Malaysia ke-11(2016-2020), telah menggariskan aspek memperkukuhkan infrastruktur yang menyokong pertumbuhan ekonomi. Sementara itu, penyediaan infrastruktur dan utiliti diperkukuh demi menyokong serta memudahkan acara aktiviti ekonomi. Justeru, tiga bidang utama telah dikenal pasti, iaitu memperkukuh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pertumbuhan sektoral dan reformasi struktur, meningkatkan inovasi dan penerimagunaan teknologi serta menyediakan infrastruktur berkualiti (Unit Perancangan Ekonomi, 2018)

Aspek infrastruktur ialah aspek kedudukan sosioekonomi kelima dalam kajian kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM. Dalam konteks kajian ini, aspek infrastruktur yang dikaji merangkumi kemudahan perumahan, bekalan air dan kebersihan. Ketiga-tiga aspek infrastruktur dikenal pasti dalam novel berdasarkan watak, latar tempat dan latar masa. Jadual 4.13, menunjukkan aspek infrastruktur dan watak masyarakat Tamil dalam NTM.

Jadual 4.13

Aspek Infrastruktur dan Watak Dalam NTM

Novel / Aspek Infrastruktur	*Ilaṯciyap Payaṇam*	*Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḻum*	*Tuyara Pātai*	*Selancar Empat*	*Maṇpulukkaḻ*	*Noiva Pūkkaḻ*	*Nakarntu Koṇṭirukum Vācalkaḻ*
1.Perumahan	Mathavan	Kanniapan	Right Honourable Sastiri	Muniamah	Tiada	Santuru	Tiada
2.Bekalan Air	Mathavan	Kanniapan	Muthu karupan	Muniamah	Rengasamy	Santuru	Sitambaram
3.Kebersihan	Kanak-kanak ladang	Kanniapan	Ponamal	Salamal	Ammasi dan Malaya	Kanak-kanak ladang	Tiada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.5.1 Perumahan

Rumah merupakan satu keperluan asas yang penting untuk mencapai taraf hidup yang sempurna dan selesa. Menurut *American Public Health Association (APHA)(*2014), rumah yang selesa memenuhi keperluan fizikal seperti suhu yang sesuai, pergerakan udara yang segar dan suasana aman. Manakala, *Business Dictionary* (2018) pula menjelaskan perumahan sebagai struktur atau bangunan yang didiami oleh seseorang individu dan keluarganya. Keadaan rumah itu bergantung kepada umur, keluarga dan kedudukan geografi tempat itu. Justeru, perumahan ialah komponen yang utama dalam pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah negara.

Dalam konteks kajian ini, perumahan pekerja Tamil di ladang akan dibincangkan. Menurut Perancangan Klasifikasi dan Kod Gunatanah **(**2008)**,** perumahan ladang atau estet merupakan rumah pekerja ladang yang disediakan oleh majikan ladang dan bercorak kelompok. Dalam konteks kajian ini, aspek perumahan dikenal pasti dalam lima buah novel sahaja. Manakala, dua buah novel, iaitu *Maṇpulukkaḷ* dan *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ* tidak menggambarkan aspek perumahan secara mendalam. Aspek perumahan ini akan dikaji berdasarkan dua unsur intrinsik, iaitu watak dan latar. Latar masa adalah semasa zaman penjajahan British dan selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Latar tempat pula ialah kawasan perumahan di ladang getah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.5.1.1 Mengenal Pasti Perumahan dalam NTM

Dalam novel *Tuyara Pātai,* aspek perumahan dikenal pasti oleh pengkaji melalui watak Right Honourable Sastri. Beliau ialah wakil yang dihantar dari negara India untuk menyiasat keadaan masyarakat Tamil di Tanah Melayu. Latar tempat ialah rumah masyarakat Ladang Myna. Latar masa ialah pada tahun 1930, iaitu semasa pemerintahan British. Raid Honourable Sastri telah melihat pondok papan masyarakat Tamil dalam keadaan buruk dan usang. Masyarakat Tamil yang mempunyai ramai ahli keluarga terpaksa tinggal di pondok yang kecil. Pondok tersebut tidak ada sistem peredaran udara yang baik. Kenyataan itu jelas digambarkan oleh pengarang dalam novelnya.

> *ரைட் ஆனரபிள் சாஸ்திரியார் வந்தபோது ஆடி அசைந்து தாலாட்டுப் பாடிக்கொண்டிருந்த மைனாத் தோட்டத் தொழிலாளர்களின் மரவீடுகள், காற்று உள்ளே வர வசதியின்றி ஒருண்டு புகை மண்டிக்கிடக்கும் அந்தக் குடிசைகள். சிறு குடிசைக்குள் முடங்கி ஆட்டுமந்தை போல் கால்மாடு, தலைமாடாய்க் கிடக்கும் தொழிலாளப் பெருங் குடும்பம் (பெருமாள்,கா.1978. ப.25).*

> Apabila Right Honourable Sastri datang ke Ladang Myna, kelihatan rumah papan pekerja ladang berhuyung-hayang. Pondok pekerja itu gelap dan tidak ada peredaran udara. Pondok pekerja sangat kecil seperti kandang kambing. Namun, ahli keluarga yang ramai terpaksa tinggal di situ (Perumal, Ka. 1978, ms.25).

Dalam pada itu, aspek perumahan juga dikenal pasti dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam* melalui watak Mathavan. Latar tempat ialah rumah Mathavan di Ladang Padang. Mathavan menjelaskan jenis rumah dan kedudukan rumah di ladangnya. Terdapat tiga jenis rumah pekerja di ladang itu. Mathavan terus menerangkan jenis rumah dan kawasan perumahan di ladang itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

தொழிலாளர் குடியிருப்புப் பகுதியில் ஆகக் கடைசியில் இருந்தது மாதவனின் வீடு. இரண்டு விதமான அமைப்புகளில் வீடுகள் அமைந்திருந்தன. ஒரு பகுதியில் மூன்று தொடர் வீடுகள் இருந்தன. ஒரு தொடர் வீட்டில் பத்து வீடுகள் மேனி மூன்று தொடர் வீடுகளில் முப்பது வீடுகள் இருந்தன. மறுபக்கத்தில் நான்கு வீடுகளாகக் கொஞ்சம் நேர்த்தியான ஓட்டு வீடுகள் இருந்தன. குடியிருப்புகளின் எல்லையில் இரண்டு வீடுகளாக ஐந்து கட்டிடங்கள் அமைந்திருந்தன (இளவழகு, ஐ.1970. ப.74).

Di kawasan perumahan pekerja, rumah Mathavan terletak paling di hujung pula. Terdapat dua jenis rumah di ladang itu. Di satu kawasan terdapat tiga deret rumah. Di dalam setiap deret, terdapat sepuluh buah rumah. Maka terdapat 30 buah rumah di dalam tiga buah deret rumah itu. Di depan deret-deret itu, terdapat kelompok-kelompok empat buah rumah dalam sebaris yang sederhana baik serta beratap genting. Di sempadan kawasan perumahan pula, dibina kelompok dua buah rumah dalam sebaris (Ilavalagu, I. 1970, ms.74).

Sementara itu, dalam novel *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum* dikenal pasti aspek perumahan melalui watak Kanniapan. Latar tempat ialah rumah Kanniapan di Ladang Bukit Tanah Merah. Dia sedang membersihkan rumahnya. Atap rumah kelihatan berlubang. Kanniapan sedih melihat keadaan rumahnya. Walaupun usia rumah itu sudah menjangkau 60 tahun, majikan ladang tidak berusaha untuk membaiki kerosakan. Ladang itu telah bertukar tangan empat orang majikan Cina. Hal ini merupakan faktor utama keadaan rumah yang buruk tidak diberi perhatian. Jikalau ladang diawasi oleh seorang majikan, kemungkinan rumah buruk ini telah dibaiki. Pengarang novel turut menggambarkan keadaan rumah Kanniapan.

நட்சத்திரம் போல் ஓட்டைவிழுந்த வீடு. அந்த லயமே கட்டி ஐம்பது அறுபது வரிடம் இருக்குமாம். மழை பெய்தால் பூச்சியும் பூராணும் தொப்தொபென்று விழும். ஓடு நீக்கிப் புதுசா தகரம் போட்டாலும் பரவாயில்லை. ஒரு முதலாளி கையிலிருந்தாலல்லவாஅக்கறையுடன் புனரமைப்புச் செய்வதற்கு. கன்னியப்பனுக்கு விவரம் தெரிந்தே வெள்ளைக்காரன் நிர்வாகத்திலிருந்து மூன்று நான்கு சீன முதலாளி

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

கைக்கு மாறிவிட்டது. பிறகு எங்கே அக்கறையுடன் வீட்டைக் கட்டித் தருவது? (குமாரன்,எம். 1971. ப.29).

Atap berlubang bagaikan bintang di langit. Rumah pekerja di ladang itu dikatakan telah berusia 50 atau 60 tahun. Kalau hujan, serangga dan lipan akan jatuh dari bumbung. Sepatutnya, bumbung itu digantikan. Kerja penyelenggaraan mungkin dibuat jika ladang itu diuruskan oleh seorang pemilik sahaja. Mengikut pengetahuan Mathavan, pengurusan ladang telah bertukar milik daripada orang putih kepada tiga atau empat pemilik Cina. Apatah lagi mereka akan memberi keutamaan kepada hal rumah pekerja lagi? (Kumaran, M.1971, ms.29).

Seterusnya, aspek perumahan yang terpapar dalam novel *Noiva Pūkkaḷ* dapat dikenal pasti melalui watak Santuru. Latar tempat ialah rumah Santuru di Ladang Selambau, Kedah. Keadaan dan struktur rumah Santuru turut digambarkan dalam novel ini. Rumah berderet di ladang digelar *layam* dalam bahasa Tamil yang bermakna barisan rumah. Terdapat dua kawasan perumahan pekerja di ladang. Kawasan perumahan di atas bukit disebut sebagai *mēlkucci*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kawasan perumahan di kaki bukit pula disebut sebagai *kīlkucci*. Biasanya, majikan ladang menempatkan masyarakat Kristian di kawasan bukit, manakala masyarakat Tamil dan Telugu pula ditempatkan di kaki bukit. Saiz rumah Santuru kecil dan tidak dapat menampung keluarga yang besar. Pengarang turut menggambarkan keadaan rumah Santuru.

எங்கள் லயம் (Line-வரிசை வீடுகள்) மேல்குச்சியில் அமைந்திருந்தது. ஒரு படுக்கையறை, ஒரு விருந்தினர் அறை, ஒரு குசினி. தரையிலிருந்து மூன்று அடி உயரத்தில் சுவர். அதற்குமேல், கூரை வரை பலகை தடுப்பு. மூன்றடிச் சுவர் மூட்டைப்பூச்சி குடும்பம் நடத்த வசதியான இடமாக மாற்றியிருந்தது. சுவர் அம்மைபோட்டதுபோல் ஆயிரக்கணக்கான

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

சின்னச்சின்னத்துளைகள் தென்படும். அதற்குள்ளேதான் தோட்ட நிர்வாகம் உறிஞ்சி எஞ்சிய ரத்தத்தை உறிஞ்சும் மூட்டைப்பூச்சிகள் குடியிருந்தன (புண்ணியவான்,கோ. 2008. ப.1).

Deretan rumah kami terletak di kawasan bukit. Dalam setiap rumah terdapat sebuah bilik tidur, bilik tetamu dan bilik dapur. Setiap rumah berdinding tiga kaki dari lantai. Kemudian, dinding disambung dengan kayu papan sampai ke bumbung. Dinding setinggi tiga kaki itu menjadi tempat selesa bagi pepijat berumah tangga di situ. Pada dinding terdapat beribu-ribu lubang kecil berupa ruam cacar. Di situlah hidupnya pepijat yang menghisap saki-baki darah pekerja yang telah dihisap oleh majikan ladang (Punnivan, Ko. 2008, ms.1).

Manakala, dalam novel *Selancar Empat* pengkaji turut dapat mengenal pasti aspek perumahan melalui watak Muniamah. Latar tempat ialah pondok buruk di kawasan Felda Selancar Empat. Masyarakat Tamil dibawa oleh tauke Cina untuk bekerja di ladang kelapa sawit yang terletak di Selancar Empat di negeri Pahang. Watak Muniamah terkejut melihat pondok yang usang dan sempit itu.

Pondok itu seolah-olah akan tumbang pada bila-bila masa apabila ditiup angin kencang. Lantai tanah pula menjadi tempat ular dan lipan bersembunyi. Seramai 40 orang masyarakat Tamil dipaksa tinggal di pondok buruk itu. Pengarang turut menggambarkan keadaan pondok yang menjadi ‘rumah’ pekerja ladang itu.

அத்தாப்பு கூரை கிழிந்து கூரைக்கு வெளியே விரிந்து தொங்கியது. பழைய சட்டங்களாலும் பலகைகளாலுமே கட்டப்பட்டிருந்தது. மண்ணுக்குள் புதைக்கப்பட்ட நான்கு தியான்கள் கொட்டடியைத் தாங்கிப் பிடித்திருந்தன. கீழ்த்தளம் மண்ணாகவே விடப்பட்ட திறந்த வெளி. இருண்டு கிடந்தது. பாம்போ, செய்யானோ, தேளோ படுத்துக் கிடப்பதற்கான வசதி.பலமான காற்றுக்குத் தாங்காத கொட்டடி. நாற்பது பேரும் அதில் தங்குவென்பது பெரும் பாடு!(புண்ணியவான், கோ, 2013, ப.41).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Atap pondok itu kelihatan terkoyak dan bergantungan ke bawah. Pondok usang itu dibina daripada kayu dan tiang yang lama. Empat batang tiang yang dipacak di tanah menahan pondok itu. Bahagian bawah rumah pula ialah ruang kosong bertanah. Gelapnya keadaan di situ. Ruang itu amat sesuai untuk ular, lipan dan kala jengking untuk berkeliaran. Pondok usang ini akan tumbang jika ditiup angin kencang. Amat sukar bagi 40 orang tidur di pondok usang itu (Punniavan, Ko. 2013, ms.41).

4.2.5.1.2 Menganalisis Realiti Perumahan dalam NTM

Pengarang telah memaparkan gambaran sebenar tentang bangunan atau pondok yang digelar sebagai rumah pekerja pada zaman penjajahan British. Pekerja ladang ditempatkan di rumah-rumah yang usang yang bersama-sama dihuni oleh pelbagai serangga yang berbahaya. Menurut Watt, I. (1957) antara ciri realisme ialah penggambaran sebenar tanpa imaginasi pengarang. Selain itu, unsur tempat dan masa adalah saling mempengaruhi penggambaran peristiwa yang benar-benar berlaku.

Dalam konteks kajian ini, latar tempat iaitu perumahan pekerja menjadi tumpuan utama. Pengarang telah menggambarkan keadaan perumahan seperti sedia ada. Para pengarang telah merakamkam realiti tentang perumahan pekerja ladang dengan jelas pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu.

Pengarang telah membincangkan dengan terperinci tentang jenis rumah yang dinamakan "*line*" (rumah berderet), struktur serta saiz rumah yang kecil, sempit dan tidak cukup untuk keluarga besar, atap yang berlubang, rumah berlantaikan tanah serta rumah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang penuh dengan pepijat dan serangga lain. Gambaran ini adalah gambaran realisitk dan sebenar tentang rumah pekerja ladang pada ketika itu

Gambaran ini diperkukuhkan oleh fakta yang disampaikan oleh watak Srinivasa Sastri yang dinyatakan dalam novel *Tuyara Pātai*. Sebenarnya beliau telah melawat Tanah Melayu pada tahun 1930. Hal ini dapat dibuktikan dengan Laporan Srinivasa Sastri dan juga catatan sejarah kedatangan beliau. Latar masa yang dibawa oleh pengarang adalah tepat mencatatkan peristiwa sebenar semasa lawatan beliau ke Tanah Melayu iaitu pada bulan April tahun 1930 (Kalaimuthu, K. 2008).

Realiti tersebut dapat dilihat pada perumahan ladang yang disebut sebagai "*line".* Rumah ini amat kecil dan sempit. Realiti mengenai perumahan dapat dilihat pada Laporan Tahunan *Straits Settlement* (1909) mengenai Ladang Malakaoff di Pulau Wellesly. Laporan tersebut menyatakan bahawa rumah pekerja merupakan pondok yang diperbuat daripada buluh. Pondok tersebut dalam keadaan buruk sekali dan hampir tumbang (Jackson, R. N. 1961). Keadaan sebenar ini memang digambarkan oleh pengarang dalam novelnya.

Di dalam sesebuah rumah ditempatkan ramai penghuni. Rumah tersebut berlantaikan tanah sahaja. Atap yang bocor menyebabkan hari hujan membasahi keseluruhan rumah. Pekerja tidur beralaskan daun-daun sahaja. Kawasan perumahan ini dikelilingi hutan, semak dan belukar. Kawasan sekeliling rumah pula kotor dan bertakungan air dan berlumpuran. Nyamuk pula membiak dengan banyak. Akibatnya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ramai pekerja ladang telah mengidap penyakit malaria. Hal ini turut membawa kematian dalam kalangan pekerja ladang (Jackson, R. N. 1961).

Rumah pekerja masih berwajah sama walupun bilangan pekerja semakin meningkat setiap tahun. Sebanyak 600 pekerja baru pula sampai di Tanah Melayu. Keadaan yang sama masih berulang. Mereka tidak mempunyai kemudahan tempat tinggal yang sesuai. Hal ini menunjukkan bahawa majikan British tidak memberi perhatian terhadap perumahan pekerja. Malah, mereka tidak mengendahkan Laporan Tahunan *Straits Settlement* (Jackson, R. N. 1961).

Keadaan sebenar ini turut digambarkan oleh pengarang dalam novelnya. Keadaan perumahan pekerja adalah amat menyedihkan dan memeranjatkan. Pada tahun 1890, kesatuan pekerja ditubuhkan untuk memperjuangkan kebajikan masyarakat Tamil ladang. Kesatuan itu memberi keutamaan kepada masalah perumahan di ladang. Kajian pihak kesatuan menunjukkan bahawa terlalu ramai pekerja tinggal di sebuah rumah yang kecil. Kesatuan tersebut menuntut supaya rumah berkeluasan 12x12 kaki dibina dan turut menegaskan bahawa rumah tersebut tidak boleh dihuni lebih daripada enam orang (Jackson, R. N. 1961).

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa aspek perumahan masyarakat Tamil ladang adalah sungguh menghampakan dan menyedihkan. Para pekerja tidak dilayan sebagai manusia sebaliknya sebagai haiwan peliharaan. Pada awalnya, mereka ditempatkan di pondok-pondok yang dibuat daripada daun nipah. Selain itu, ramai orang pekerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditempatkan dalam sesebuah pondok. Kawasan sekitar pondok itu dikelilingi hutan dan paya yang menjadi tempat pembiakan nyamuk. Ramai pekerja mati akibat demam malaria yang dibawa oleh nyamuk ini. Ular, lipan, kala jengking dan pepijat turut huni bersama-sama dengan pekerja ini.

Apabila pondok ini digantikan dengan rumah berderet keadaan sama berterusan. Sebenarnya, pihak majikan ladang tidak menunjukkan minat untuk menyediakan kemudahan merumahan yang selesa untuk pekerjanya. Oleh itu, keadaan perumahan para pekerja Tamil ladang mencerminkan kedudukan sosial yang menghampakan dan mendukacitakan. Keadaan ini turut memperkukuhkan pendapat bahawa masyarakat Tamil yang berhijrah untuk membaiki kedudukan sosioekonomi mereka di tanah baru, namun gagal mencapai hasrat tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.5.2 Bekalan Air

Bekalan air merujuk kepada pengurusan dan penggunaan air, terutamanya untuk memberi faedah kepada penduduk. Pengurusan air merangkumi penyediaan air untuk kegunaan penduduk seperti bekalan air, rekreasi, kawalan banjir dan penjanaan tenaga (Thompson, S. A.1999). Air yang selamat dan mudah diperolehi penting untuk kesihatan awam. Bekalan air dan pengurusan sumber air yang baik meningkatkan pertumbuhan ekonomi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

negara dan dapat memberi sumbangan besar dalam pengurangan kemiskinan (WHO, 2010).

Dalam konteks kajian ini, aspek bekalan air di kawasan ladang getah dibincangkan. Aspek bekalan air dikenal pasti dalam tujuh buah novel Tamil yang dikaji. Aspek tersebut dikenal pasti dengan menggunakan unsur intrinsik, watak dan latar. Latar tempat ialah kawasan sumber air di ladang, iaitu paip, kolam dan perigi. Manakala, latar masa ialah semasa penjajahan British dan juga zaman selepas kemerdekaan Tanah Melayu.

4.2.5.2.1 Mengenal Pasti Bekalan Air dalam NTM

Dalam novel *Tuyara Pātai,* aspek infrastruktur kedua, iaitu bekalan air dikenal pasti oleh pengkaji melalui watak Muthukarupan. Latar tempat ialah kolam air. Muthukarupan berasa sedih melihat keadaan kolam air yang kotor dan penuh najis. Kolam ini terletak berhampiran dengan rumah penjagaan kanak-kanak di Ladang Myna. Terdapat juga timbunan sampah-sarap di merata tempat. Kolam yang menjadi sumber air Ladang Myna digambarkan dalam keadaan kotor dan menjijikkan. Keadaan ini dikatakan boleh membawa penyakit kepada kanak-kanak di rumah penjagaan tersebut.

> *குப்பை மேட்டில், சாக்கடைத் தண்ணீரும், மலக்கழிவும் குளமாய்க் கிடக்கும் குட்டையருகில், தோட்ட முதலாளியால் கட்டிக் கொடுக்கப்பட்ட பிணிகளின் பிறப்பிடமான, குழந்தைகளின் விடுதி(ஆயாக்கொட்டகை)(பெருமாள்,கா.1978, ப.27)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kawasan tersebut bertimbun dengan sampah-sarap dan takungan air longkang yang kotor. Di sebelah kolam yang penuh najis, terdapat rumah penjagaan kakak-kanak yang dibina oleh pihak majikan. Rumah ini menjadi tempat pembiakan pelbagai penyakit.(Perumal, Ka.1978, ms.27).

Dalam pada itu, masalah bekalan air dikenal pasti dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam* melalui watak Mathavan. Latar tempat ialah Ladang Padang. Watak Mathavan mengeluh kerana menghadapi masalah air pada setiap tahun. Hal ini menyulitkan aktiviti seharian, khususnya semasa musim kemarau yang berpanjangan selama dua bulan. Walaupun terdapat dua telaga di ladang, namun air di situ tidak dapat menampung keperluan masyarakat ladang. Pihak majikan juga tidak mengambil tindakan walaupun aduan telah dibuat. Pengarang jelas menggambarkan kerumitan para pekerja untuk mendapatkan bekalan air yang mecukupi dan bersih. Malahan, air yang dibekalkan ialah air telaga yang belum dirawati.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *முந்நூற்றுக்கு மேற்பட்ட தொழிலாளருக்கும் தொழிற்சாலைக்கும் வேண்டிய அளவு நீரை இரு கிணறுகள் தர முடியாமல் இருந்தன. மேலும் இரண்டு கிணறுகளைத் தோண்டினால் தண்ணீர்த் தட்டுப்பாட்டுக் காலங்களில் கை கொடுக்கும் என்று தொழிலாளர்கள் பலமுறை இதனைத் தெரிவித்து விட்டார்கள். தோட்டத்து நிர்வாகம் காதில் போட்டுக் கொள்லவில்லை. வேலை செய்து களைத்து போய் வந்த தொழிலாளர்கள் பட்டை உரிக்கும் வெயிலில் தண்ணீருக்காக வரிசை பிடித்து நிற்க வேண்டியதாயிற்று (இளவழகு, ஐ.1983, ப.264).*

> Dua air telaga tidak dapat menampung keperluan lebih daripada 300 pekerja. Para pekerja telah membuat cadangan untuk menambah dua lagi perigi supaya masalah ini dapat diatasi. Namun, majikan ladang tidak menghiraukan cadangan itu. Pekerja yang letih pulang dari kerja terpaksa beratur untuk mengambil air di pili di bawah terikan matahari yang membakar kulit mereka (Ilavalagu, I. 1983, ms.264).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, dalam novel *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum*, bekalan air dikenal pasti melalui watak Kaniapan. Dia selalu mengamati keindahan dan kebersihan air sungai di Ladang Bukit Tanah Merah. Latar tempat ialah sungai di ladang itu. Air sungai yang bersih dan sejuk itu menjadi tumpuan remaja dan kanak-kanak yang ingin bermandi-manda. Air sungai digunakan untuk mandi dan membasuh pakaian. Hal ini adalah kerana pili air yang disediakan di ladang tidak dapat memenuhi keperluan seharian. Oleh itu, air sungai digunakan untuk mandi dan mencuci pakaian.

> *சிறுவர்களும் இளவட்டங்களும்தான் அங்கே குளிக்கப்போவது, அரட்டை அடித்துக்கொண்டு குளிக்க நல்ல இடம். கண்ணாடி போன்ற குளு குளு நீர் (குமாரன்,எம்.1971, ப.15).*

> Kanak-kanak dan remaja suka mandi sambil bersembang-sembang berhampiran sungai ini. Airnya sangat sejuk dan bersih (Kumaran, M. 1971, ms.15).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dalam novel *Noiva Pūkkaḷ*, masalah bekalan air turut dikenal pasti melalui watak Santuru. Latar tempat ialah sungai di ladang. Sungai ini menjadi sumber air di ladang itu. Santuru dan kawan-kawannya selalu ke sungai untuk bermandi-manda. Airnya sangat bersih. Masyarakat Tamil ladang memerlukan air sungai untuk mencuci pakaian dan bermandi-manda. Sebuah pili air yang disediakan oleh pihak ladang tidak dapat menampung keperluan keseluruhan masyarakat di ladang itu.

> *கீக்குச்சியிலிருந்து மேக்குச்சியிலிருக்கும் தோட்ட மக்கள் அந்த ஆற்றையே பெரிதும் நம்பி இருந்தனர். இரண்டு லயத்து மக்களுக்கும் பொருத்தப்பட்ட ஒரு பொது தண்ணீர்க்குழாய் வசதி போதாத காரணத்தால் ஆற்று நீர் அதனை நிவர்த்தி செய்ய வந்தது.கோடை காலத்தில கூட வற்றாத ஜீவ நதியாக இது இருந்தத (புண்ணியவான்,கோ. 2008, ப.29).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Keseluruhan masyarakat di ladang bergantung pada sungai itu untuk keperluan air mereka. Mereka bermandi di sungai di samping mencuci pakaian. Sebuah paip air umum yang disediakan untuk kegunaan penghuni dua buah deretan rumah di ladang itu tidak dapat menampung keperluan mereka. Maka, sungai ini menjadi sumber air yang penting. Walaupun pada musim panas, sungai ini tidak pernah kering (Punniavan, Ko. 2008, ms.29).

Manakala, dalam novel *Selancar Empat*, pengkaji dapat mengenal pasti masalah bekalan air melalui watak Muniamah. Latar tempat ialah telaga di Ladang Selancar Empat. Muniamah ternampak sebuah telaga yang kotor dan berbau busuk di belakang pondok itu. Malah, terdapat serangga dan buah kelapa sawit terapung di atas permukaan air telaga itu. Telaga itu sahaja satu-satunya sumber air untuk masyarakat tersebut. Pengarang turut menggambarkan keadaan telaga itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *அழுகிய செம்பனைப் பழங்கள் மிதந்து கிடந்தன. காய்ந்த செம்பனைக் கீற்றுகள் மிதந்தன. தண்ணீரின் நிறம் திரிந்த பாலாய், பழுப்பு நிறத்தில் மிதந்தது. கிணற்றின் நீரின் மேல் தளத்தில் பூச்சிகள் நீந்திக்கொண்டிருந்தன. தண்ணீரை மெதுவாகச் சேந்தித் தூக்கி முகம் கை கால்களைக் கழுவி கொண்டனர். துருவேறிய நாற்றம் லேசாக அடித்தது. சில சமயம் மெல்லிய மலத்தின் நாற்றமும் கிணற்று நீரிலிருந்து கசிந்து நிலைப்பதை உணர்ந்தனர்(புண்ணியவான்,கோ, 2013, ப.44).*

> Buah kelapa sawit yang busuk terapung di permukaan air. Pelepah kelapa sawit yang kering juga terapung. Air kelihatan berwarna kelabu. Terdapat serangga berenang di permukaan air. Para pekerja perlahan-lahan mengambil air itu dengan kedua-dua telapak tangan lalu membasuh muka dan tangan mereka. Mereka dapat menghidu bau busuk. Adakalanya air itu berbau najis (Punniavan, Ko. 2013, ms. 44).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, masalah bekalan air dikenal pasti dalam novel *Maṇpulukkaḷ* melalui watak Rengasamy. Latar tempat ialah telaga di ladang. Sebuah telaga tidak dapat menampung keperluan air keseluruhan masyarakat Tamil di ladang. Rengasamy telah meminta jasa kerani ladang untuk mendirikan sebuah perigi lagi. Namun, majikan tidak menghiraukan permintaan itu. Pada musim hujan, air melimpah keluar dari telaga itu. Sebaliknya, pada musim kemarau pula, air telaga menjadi cetek. Hal ini merumitkan kerja seharian masyarakat ladang.

> *ஐயா...வெயில் நாளு வந்துட்டா அந்த ஒத்த கேணி தண்ணி குச்சிக்காட்டு சனங்களுக்கு பத்தல..ஐயா நம்ப தொரகிட்ட சொல்லி புதுசா ஒரி கெணறு தோண்டிக் குடுத்துடுங்க (முத்துசாமி, சீ. 2006, ப.101).*
>
> Tuan..semasa musim kemarau, air dari sebuah perigi tidak cukup untuk kami. Tuan tolong minta kebenaran *torai* (majikan) untuk membuat sebuah lagi perigi (Muthusamy, C. 2006, ms.101).

Sementara itu, dalam novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ,* masalah bekalan air dikenal pasti melalui watak Sitambaram. Latar tempat ialah perigi di rumah Sitambaram di Ladang Bukit Lembu. Sitambaram dan isterinya digambarkan menggunakan air perigi untuk kegunaan seharian kerana ketiadaan kemudahan air. Setiap pagi, Sitambaram dan isterinya menggosok gigi dan mandi menggunakan air perigi. Pengarang turut menggambarkan suasana tersebut.

> *அம்மாச்சி கிணற்றோரத்தில் பல் பொடியை ஒரு தட்டில் குவித்து வைத்திருப்பாள். அதை வாயில் போட்டுக் கொண்டு பல் தேய்த்துக் கொள்வார். சீதாம்பரம் கிணற்றடியிலிருந்து பின் வாசல் வழியாக வீட்டுக்குள் சென்றவுடன், சாரதா கைலியைக் கட்டிக்கொண்டு கிணற்றடியில் போய்க் குளிக்கத் தொடங்குவாள் (பாலமுருகன்,கே. 2009, ப.49).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Amaci (panggilan untuk nenek sebelah ibu) akan meletakkan serbuk gigi di tepi perigi. Sitambaram menggunakan serbuk itu untuk menggosok gigi. Selepas Sitambaram masuk ke dalam rumah, Saratha yang memakai sarung pula akan mandi di tepi perigi (Balamurugan, K. 2009, ms.49).

4.2.5.2.2 Menganalisis Realiti Bekalan Air dalam NTM

Seterusnya, aspek realiti yang berkaitan dengan masalah bekalan air yang digambarkan oleh pengarang dalam novel-novel akan dibincangkan. Pengarang menggambarkan keadaan bekalan air tidak mencukupi untuk keseluruhan masyarakat di ladang pada zaman kolonial. Sebuah pili umum sahaja disediakan di sesuatu kawasan ladang. Setiap hari pada pukul 3.00 petang masyarakat Tamil yang baru pulang dari kerja terpaksa beratur di sekitar pili untuk mengambil air. Paip ini akan ditutup pada pukul 5.00 petang. Oleh itu, masyarakat Tamil telah mendirikan perigi di rumah masing-masing untuk mengatasi masalah kekurangan air.

Selain itu, pengarang juga menggambarkan masyarakat Tamil ladang yang menggunakan air dari sungai di ladang mereka. Air sungai digunakan untuk mandi dan membasuh pakaian. Pada musim kemarau, perigi akan kering, air sungai tetap digunakan. Majikan ladang digambarkan tidak memandang serius masalah kekurangan bekalan air ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, para pengarang berjaya merakamkan gambaran realiti ini, iaitu kekurangan bekalan air dalam karya masing-masing. Menurut Janakey Raman (2016), kemudahan air juga tidak menentu di sesetengah ladang. Sementara itu, sebuah Jawatankuasa Penasihat Ekonomi Negara telah ditubuhkan untuk mengatasi masalah ini ketika Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan. Jawatankuasa ini telah menyediakan satu laporan yang terperinci.

Dalam laporan tersebut, jawatankuasa ini telah memberikan beberapa cadangan untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang. Jawatankuasa ini juga mengkaji masalah yang dihadapi oleh mereka. Antara masalah pekerja yang dikenal pasti ialah kemudahan asas seperti perumahan pekerja, kemudahan tandas, bekalan air dan elektrik yang disediakan di ladang adalah kurang memuaskan. (Janakey Raman, 2013).

Selanjutnya, Persatuan Pengguna Pulau Pinang telah menjalankan satu kajian di 25 buah ladang di negeri Pulau Pinang. Kajian tersebut meliputi kemudahan seperti perumahan pekerja, bekalan elektrik, sumber dan bekalan air, perkhidmatan perubatan dan rumah penjagaan kanak-kanak. Kajian terhadap bekalan dan sumber air mendapati bahawa sebanyak sembilan buah ladang menggunakan air kolam, lapan buah ladang pula menggunakan air perigi, tujuh buah ladang menggunakan air sungai dan hanya sebuah ladang menyediakan air paip di ladang. Kajian ini juga mendapati bahawa setiap empat keluarga dalam ladang terpaksa mengongsikan sebuah paip air (Janakey Raman, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, semua novel yang dikaji memaparkan masalah bekalan air yang berlaku pada ketika itu. Walaupun terdapat kemudahan pili air, namun tidak dapat menampung keperluan semua anggota masyarakat Tamil ladang. Sebagai alternatifnya, mereka terpaksa menggunakan air perigi, sungai dan kolam. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kemudahan bekalan air di ladang adalah kurang memuaskan dan keadaan ini turut mendorong masyarakat di situ menggunakan air tercemar.

Tidak dapat menafikan bahawa keadaan bekalan air yang begitu buruk telah menjejaskan kesihatan mereka. Keadaan ini secara tidak langsung menjejaskan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang. Oleh itu, dapatlah rumuskan bahawa para pengarang telah berjaya menggambarkan masalah kekurangan air yang benar-benar wujud di ladang pada ketika itu. Pengarang telah memaparkan realiti ini melalui watak, latar tempat dan latar masa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.5.3 Kebersihan

Perkataan kebersihan ini lebih dikenali sebagai sanitasi. *(World Health Organization-United Nations International Children's Education Fund)* [*WHO-UNICEF]*, (2014) mendefinisikan sanitasi sebagai proses pelupusan kumbahan manusia secara selamat. Sebenarnya, sanitasi juga merujuk kepada sistem kawalan kebersihan awam, termasuk bekalan air bersih, pembuangan sampah dan pembuangan najis. Sanitasi juga dianggap sebagai asas kepada kesihatan manusia dan keperluan hidupan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek kebersihan ini dikenal pasti dalam enam buah novel Tamil sahaja. Dalam konteks kajian ini, aspek kebersihan yang dikaji merangkumi kebersihan tandas, rumah asuhan kanak-kanak, longkang dan kawasan persekitaran ladang. Unsur intrinsik pula melibatkan watak, latar tempat dan latar masa yang digunakan untuk menghuraikan aspek kebersihan. Latar masa ialah semasa penjajahan British dan juga selepas kemerdekaan.

4.2.5.3.1 Mengenal Pasti Kebersihan dalam NTM

Dalam novel *Tuyara Pātai,* aspek kebersihan dikenal pasti oleh pengkaji melalui watak Ponnamal. Latar tempat ialah rumah penjagaan kanak-kanak di Ladang Myna. Watak Ponamal sedih melihat keadaan rumah penjagaan kanak-kanak yang kotor. Rumah penjagaan tersebut terletak berhampiran dengan timbunan sampah-sarap serta longkang dan kolam yang kotor. Rumah penjagaan kanak-kanak tersebut berbau hancing dan masam. Keadaan ini membawa gambaran yang jelas bahawa kebersihan rumah penjagaan kanak-kanak tidak dipelihara.

> *தத்தித் தவழும் குழந்தைகள் அட்டைக் குழியிற் போட்டாற் போன்று, குப்பை மேட்டில், சாக்கடைத் தண்ணீரும், மலக்கழிவும் குளமாய்க் கிடக்கும் குட்டையருகில், தோட்ட முதலாளியால் கட்டிக்கொடுக்கப்பட்ட பிணிகளின் பிறப்பிடமான குழந்தைகளின் விடுதி (ஆயாக்கொட்டகை) (பெருமாள், கா.1978, ப.27).*

> Rumah penjagaan kanak-kanak adalah dalam keadaan kotor. Rumah itu terletak berhampiran dengan kawasan timbunan sampah, longkang yang berbau hanyir dan kolam yang penuh kumbahan najis. Rumah jagaan kanak-kanak yang dibina oleh pemilik ladang ini merupakan tempat pembiakan penyakit (Perumal, K.1978, ms.27).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, masalah kebersihan juga dikenal pasti dalam novel *Ilaṯciyap Payaṇam* melalui gambaran watak kanak-kanak Tamil ladang. Kebersihan kanak-kanak itu tidak diutamakan. Hal in dapat dilihat pada keadaan fizikal kanak-kanak yang datang ke rumah Mathavan untuk belajar. Pakaian dan rambut mereka tidak terurus. Masyarakat Tamil ladang tidak menghiraukan kekemasan diri anak-anak mereka. Mereka dikenakan baju yang labuh tanpa butang dan rambut mereka tidak disikat dan berwarna perang. Mathavan teringat akan keadaan dirinya juga begitu rupa semasa kecil. Kebersihan fizikal kanak-kanak tidak diutamakan oleh ibubapa. Keadaan tersebut turut digambarkan oleh pengarang.

> *பையன்கள் சிலரில் தலையில் எண்ணெய் இல்லை.சிறுமி ஒருத்தி கிழிந்த பாவாடை அணிந்திருந்தாள் (இளவழகு, ஐ.1970, ப.74).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Ada antara kanak-kanak lelaki yang tidak dikenakan minyak pada rambut mereka. Seorang kanak-kanak perempuan kelihatan memakai skirt yang telah koyak (Ilavalagu, I.1970, ms. 74).

Sementara itu, pengkaji mengenal pasti masalah kebersihan dalam novel *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḻum* melalui watak Kanniapan. Latar tempat ialah tandas di rumah Kanniapan. Watak Kanniapan sedih melihat kemudahan tandas yang disediakan di situ kurang sempurna. Sistem saliran dan perparitan tidak diurus dengan baik di Ladang Bukit Tanah Merah. Pada hari hujan, tanah lumpur dari bukit akan mengalir masuk ke dalam rumah, termasuk tandas. Seterusnya, pengarang memberi gambaran jelas tentang suasana dan keadaan di ladang itu ketika hujan turun.

> *ஒழுங்காக ஒரு கக்கூசு கூட இல்லை. மழை பெய்தால் மேட்டிலுள்ள வெள்ளம் சகதியுடன் வீட்டுக்குள் பிரவேசித்து விடும். ஒரு சின்ன வாய்க்கால் மாதிரி வெட்டிப் பாசாவில் வெள்ளம் போகிற மாதிரி*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

செய்யலாம். எத்தனை முறையீடு நடத்தியும் ஒன்றும் நடக்கவில்லை. நிர்வாகம் அப்படி! (குமாரன்,எம்.1971, ப.30).

Tidak ada kemudahan tandas yang sempurna di ladang. Jika hari hujan, air banjir yang mengalir dari bukit akan membawa masuk lumpur ke dalam rumah. Sepatutnya, parit kecil boleh dikorek supaya air dapat mengalir ke paya .Walaupun aduan telah dibuat beberapa kali, namun tidak berhasil. Itulah sikap pihak pengurusan (Kumaran, M.1971, ms.30).

Seterusnya, masalah kebersihan turut dikenal pasti dalam novel *Noiva Pūkkaḷ* melalui watak kanak-kanak Tamil ladang. Latar tempat ialah rumah penjagaan kanak-kanak di ladang. Rumah penjagaan kanak-kanak tersebut sentiasa dalam keadaan basah dan berbau hancing. Hal ini kerana dua orang pengasuh sahaja terpaksa menjaga 50 orang kanak-kanak. Oleh itu, mereka tidak mampu menjaga semua kanak-kanak itu. Malahan, kanak-kanak tersebut sentiasa dalam keadaan basah kerana pakaian yang basah tidak digantikan. Pengarang turut memaparkan keadaan ini dalam novelnya.

மூத்திர நாற்றமும், மல நாற்றமும் ஆயக்கொட்டகைகளில் சதா வீசிக்கொண்டே இருக்கும். நனைந்த சொதசொதப்பான குழந்தைகளின் துணியிலிருந்து அந்த வாடை கசிந்தவாறிருக்கும். ஆயக்கொட்டகையின் சிமிந்துத்தரை எந்நேரமும் ஈரப்பிசுபிசுப்பு இருந்து கொண்டே இருக்கும். குழந்தைகளின் கழிவுகளை நீக்கவேண்டியிருப்பதால் நீங்காத ஈரம், அதன் மேல் தான் குழந்தைகள் நடமாடியும், உருண்டும் புரண்டும் கிடக்கும். பால் புட்டியில் கிடந்து திரிந்த பாலிலிருந்து புளித்தவாடை உபரியாக வியாபித்திருக்கும் (புண்ணியவான்,கோ. 2008. ப.86).

Bau hancing dan najis sentiasa menyelubungi rumah penjagaan kanak-kanak itu. Bau itu datangnya daripada pakaian kanak-kanak yang basah kuyup dengan kencing. Lantai simen rumah asuhan itu sentiasa basah dan melekit. Lantai menjadi basah kerana terpaksa membersihkan najis kanak-kanak. Di atas lantai yang basah itulah kanak-kanak berjalan, berguling dan merangkak. Bau masam daripada susu yang sudah basi dalam botol susu juga menyelubungi tempat itu (Punniavan,Ko. 2008. ms.86).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dalam novel *Selancar Empat*, pengkaji dapat mengenal pasti masalah kebersihan melalui watak Salamal. Latar tempat ialah kawasan semak yang dijadikan sebagai tandas. Keadaan ini jelas digambarkan oleh pengarang ketika Salamal berasa sakit perut dan hendak membuang air besar. Malangnya, majikan ladang kelapa sawit itu tidak menyediakan kemudahan tandas.

Masyarakat di ladang itu terpaksa membuang air besar dan air kecil di kawasan semak di belakang pondok mereka. Mereka khuatir akan ular, lipan, kala jengking atau bahaya lain di kawasan itu. Mereka tidak dapat membuang air dengan selesa dan selamat di tempat itu. Pihak majikan tidak menghiraukan kemudahan tandas. Seterusnya, pengarang menggambarkan keadaan tempat yang dijadikan sebagai tandas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *அதிகாலையில் சாலம்மாளுக்கு வயிற்றைக் கலக்கியது. கொட்டடியை விட்டு மெதுவாய் இறங்கினாள். அடிக்கடி தேளும் பூராணும் சாவகாசமாய் ஊறும் இடம்.ஒவ்வொரு அடியாய் எடுத்து வைக்கும் போது விஷ ஜந்தின் மேல் வைத்துவிட்ட பீதி.ஒண்ணுக்கு ரெண்டுக்குக் கூட நிம்மதியா போக முடியுதா? (புண்ணியவான்,கோ. 2013, ப.77).*

> Pagi-pagi lagi, Salamal senak perut. Dia turun perlahan dari pondok. Lipan dan kala jengking selalu berkeliaran di tempat itu. Salamal melangkah berhati-hati supaya tidak memijak serangga tersebut. Dalam keadaan getir, tidak dapat buang air kecil dan besar dengan selesa (Punniavan, Ko. 2013, ms. 77).

Dalam pada itu, masalah kebersihan dikenal pasti dalam novel *Maṇpulukkaḷ* melalui watak Ammasi dan isterinya, Malaya. Latar tempat pula ialah tandas. Ammasi dan Malaya ialah pencuci tandas di ladang itu. Pagi-pagi lagi mereka akan keluar untuk mencuci tandas dan longkang yang kotor. Tandas yang digunakan pada ketika itu ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tandas jenis angkut. Ammasi dan Malaya akan menuangkan najis ke dalam satu baldi lain. Kemudian, najis itu dibawa ke tempat lain untuk dibuang. *Kangani* akan memarahi mereka jika lambat datang untuk mencuci tandas.

> *டேய்..அம்மாசி அங்க என்னடா பண்ற? இங்க பாரு.. இப்ப மணி என்னா ஆச்சு? இன்னும் ஜாமக்கொட்டா பக்கம் கால வக்க முடியலடா..நாறுது.. போ..போய் சீக்கிரம் அள்ளிப் போடு.. (முத்துசாமி,சீ. 2006, ப.174).*

> Hoi, Ammasi..apakah awak buat di situ? Tengok di sini…sekarang dah pukul berapa? Masih tak dapat masuk ke tandas lagi. Sangat bau busuk. Pergi cepat. Pergi buang najis tu… (Muthusamy, C. 2006, ms.174).

4.2.5.3.2 Menganalisis Realiti Kebersihan dalam NTM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, keadaan realiti yang berkaitan dengan kebersihan turut dibincangkan oleh pengkaji. Para pengarang novel telah jelas menggambarkan aspek kebersihan yang tidak dipelihara di ladang. Aspek kebersihan yang dipaparkan itu benar-benar membimbangkan. Sebenarnya, realiti ini dapat dikesan di Ladang Malakoff. Kawasan rumah pekerja berbau busuk, air berlumpur bertakung di sana sini dan kebersihan sekeliling tidak dijaga. Kawasan tersebut kelihatan sangat kotor dan berbau busuk. Air juga kelihatan bertakung seperti kolam di kawasan sekeliling rumah. Tidak ada kemudahan elektrik di rumah pekerja di situ. Pekerja hanya menggunakan lampu pelita (Janakey Raman, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, kajian Janakey Raman (2016), juga mendapati kemudahan tandas tidak disediakan di setiap rumah di ladang. Sebuah tandas umum disediakan untuk kegunaan semua orang. Kebersihan tandas itu tidak dipantau oleh pihak majikan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kebersihan sanitari kurang diberi perhatian oleh pihak majikan.

Selain itu, tempat penjagaan kanak-kanak, tandas, longkang dan kolam air didapati kotor dan berbau busuk. Keadaan ini pula membawa pelbagai penyakit. Justeru, aspek infrastruktur seperti perumahan, bekalan air dan keadaan kebersihan didapati tidak diutamakan oleh majikan. Hal ini jelas mencerminkan bahawa kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang adalah pada tahap yang rendah dan sangat membimbangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, aspek kebersihan didapati kurang diberi perhatian oleh pihak pengusaha ladang. Kebersihan kesemua kemudahan seperti rumah asuhan kanak-kanak, tandas di rumah, tandas umum dan kolam air tidak dipelihara lalu sentiasa berbaur bau hancing dan busuk. Di samping itu, para ibu bapa juga tidak memelihara kebersihan dan kekemasan diri anak-anak mereka. Justeru, keadaan kebersihan yang menjijikkan itu turut mencerminkan kedudukan sosioekonomi yang rendah dalam kalangan masyarakat Tamil ladang.

Maka, pengkaji telah membincangkan aspek kelima iaitu aspek infrastruktur dalam kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang. Aspek infrastruktur ini dikaji berdasarkan tiga kategori, iaitu perumahan, bekalan air dan kebersihan. Pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengenal pasti aspek infrastruktur melalui watak dan latar dalam novel berdasarkan objektif pertama.

Dalam kajian ini, didapati aspek perumahan masyarakat Tamil ladang dalam keadaan yang buruk dan menyedihkan. Saiz rumah adalah kecil dan sempit. Di samping itu, bekalan air tidak disediakan dengan baik di ladang. Bekalan air adalah terhad dan menyukarkan masyarakat Tamil ladang. Seterusnya kebersihan di ladang pula dalam keadaan yang kotor dan buruk. Didapati rumah jagaan kanak-kanak, tandas dan kolam air dalam keadaan kotor. Ketiga-tiga aspek infrastruktur ini mencerminkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil yang rendah. Maka, pengarang telah menggambarkan aspek infrastruktur masyarakat Tamil secara terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, berdasarkan objektif kedua, realiti tentang aspek infrastruktur tersebut dianalisis oleh pengkaji. Dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga aspek infrastruktur yang dipaparkan pengarang dalam novel; merupakan realiti gambaran sebenar aspek infrastruktur masyarakat Tamil ladang di Malaysia pada ketika itu.

Kesimpulannya, aspek infrastruktur yang merangkumi gabungan faktor perumahan bekalan air dan kebersihan menunjukkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil yang rendah. Pengarang berjaya menggambarkan realiti aspek infrastruktur masyarakat Tamil ladang dalam novelnya. Realiti aspek infrastruktur ini jelas dipaparkan melalui unsur watak, latar tempat dan masa. Jadual 4.14 menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gambaran kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam novel dan realiti kedudukan sebenar mereka berdasarkan aspek infrastruktur.

Jadual 4.14

Gambaran dan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang: Aspek Infrastruktur

Bil	Aspek Infrastruktur	Gambaran kedudukan sosioekonomi dalam novel	Realiti kedudukan sosioekonomi sebenar
1	Perumahan	Rendah	Rendah
2	Bekalan Air	Rendah	Rendah
3	Kebersihan	Rendah	Rendah

4.3 Menghuraikan Unsur Ekstrinsik dalam Pemaparan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam NTM

Seterusnya, pengkaji akan membincangkan objektif ketiga, iaitu menghuraikan unsur ektrinsik dalam pemaparan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang. Unsur ekstrinsik bermakna perkara yang berada di luar karya. Unsur ektrinsik ini penting dalam proses penciptaan sesebuah karya. Unsur ekstrinsik berperanan sebagai faktor sebab akibat yang mempengaruhi penciptaan sesebuah karya sastera. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih Teori Kesusasteraan Wellek, R. dan Warren, A. (1948) yang termuat dalam bukunya "*Theory of Literature".*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Wellek, R. dan Warren, A. (1948), ekstrinsik terdiri daripada lima unsur. Antara unsur tersebut ialah biografi pengarang, psikologi, masyarakat, pemikiran pengarang dan kesenian lain. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah memilih tiga unsur ekstrinsik sahaja. Unsur-unsur itu ialah biografi pengarang, masyarakat di persekitaran pengarang dan pemikiran pengarang. Pengkaji berpendapat bahawa ketiga-tiga unsur ini dapat menghuraikan pemaparan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil dalam novel dengan jelas. Malahan, ketiga-tiga unsur ini menjadi faktor pendorong kepada pengarang dalam proses penciptaan dan penghasilan novel secara realistik.

Seramai enam pengarang dan tujuh buah novel dikaji berdasarkan unsur ekstrinsik, iaitu biografi pengarang Perumal, K. *(Tuyara Pātai*), Ilavalagu, I. (*Ilaţciyap Payaṇam*), Kumaran, M. (*Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum*), Muthusamy, C. (*Maṇpulukkaḷ*), Balamurugan, M. (*Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ*) dan Punniavan, Ko. (*Noiva Pūkkaḷ* dan *Selancar Empat*). Kesemua penulis merupakan penulis realisme yang berpengalaman. Keenam-enam pengarang novel tersebut adalah berasal dari ladang getah. Mereka dilahirkan, dibesarkan dan belajar di ladang getah. Kehidupan mereka amat bersinonim dengan persekitaran dan kehidupan di ladang getah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Biografi , Masyarakat Persekitaran Pengarang dan Pemikiran Pengarang

Unsur ekstrinsik pertama, iaitu biografi pengarang merupakan latar belakang pengarang yang secara langsung atau tidak langsung memainkan peranan penting dalam penciptaan novel. Latar belakang pengarang merujuk kepada latar sosial, ekonomi, politik, agama dan kebudayaan seseorang pengarang. Selain itu, aspek seperti asal-usul diri, keluarga pengarang, taraf pendidikan, pekerjaan dan pengalaman pengarang turut diambil kira. Sebenarnya, seseorang pengarang merefleksikan dokumen, surat dan bukti daripada pengalaman hidupnya dalam karya yang dihasilkannya itu. Karya seseorang pengarang ialah refleksi dan manifestasi diri, kehidupan, kebijaksanaan, nilai moral, martabat dan emosinya (Wellek, R. & Warren, A. 1948).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nama ladang yang dinyatakan dalam novel merupakan ladang yang benar-benar wujud di Tanah Melayu pada ketika itu. Malah, kebanyakan pengarang juga dilahirkan di ladang tertentu. Selain itu, pekerjaan yang dinyatakan dalam novel merupakan pekerjaan yang pernah dilakukan oleh pengarang itu sendiri. Terdapat pengarang yang pernah bekerja sebagai *chokra* (buruh kanak-kanak), penoreh getah, guru dan peniaga.

Seseorang pengarang realisme akan menurunkan segala pengalaman ini melalui watak yang dipaparkan dalam novelnya. Pengalaman hidupnya dalam suasana ladang dan juga pengalaman yang ditimpa ketika melakukan pelbagai pekerjaan di ladang telah menajamkan pengamatan dan pengetahuannya tentang segala aspek kehidupan masyarakat Tamil ladang, termasuk pendapatan para pekerja itu. Hal ini memudahkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengarang ketika memaparkan aspek realiti yang berkaitan dengan kedudukan ekonomi masyarakat Tamil ladang.

Begitu juga ketika beliau memaparkan kehidupan sosial masyarakat Tamil ladang secara realistik dalam novelnya. Pengarang menurunkan segala pengalaman dan pemerhatiannya terhadap aspek pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur di ladang dalam novelnya. Oleh itu, biografi pengarang memang membantu dalam memaparkan realiti yang diamati dan dilalui oleh pengarang itu sendiri. Segala peristiwa dalam novelnya digambarkan secara realistik kerana pengalaman hidup pengarang itu di ladang getah dimanifestasikan dalam karyanya.

Seterusnya, unsur ekstrinsik kedua, iaitu aspek masyarakat pula membincangkan sikap, keadaan, latar belakang dan persekitaran masyarakat yang pernah dialami dan disaksikan oleh pengarang ketika karya dicipta. Persekitaran masyarakat terdiri daripada aspek sosial, ekonomi, politik, budaya dan agama (Wellek, R. & Warren, A. 1948).

Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan membincangkan unsur ekstrinsik yang difokuskan kepada keadaan masyarakat di persekitaran pengarang dari aspek sosial dan ekonomi sahaja. Pengarang mampu memaparkan realiti hidup masyarakat Tamil ladang dengan tepat kerana mereka pernah hidup dalam kalangan masyarakat tersebut dengan menikmati suasana dan keadaan berbaur pahit-maung dan suka-duka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat di persekitaran pengarang ialah masyarakat Tamil yang berhijrah dari negara India Selatan ke Tanah Melayu. Masyarakat Tamil merupakan sebahagian besar daripada kaum India yang termasuk kaum Telugu, Malayalee, Sri Lanka dan Sikh. Kebanyakan masyarakat Tamil bekerja sebagai penoreh getah di ladang. Oleh itu, pengarang sebagai anggota masyarakat tersebut berhasrat untuk menggambarkan kisah kehidupan dan keadaan sosioekonomi masyarakatnya.

Kedudukan masyarakat Tamil dalam bidang sosial dan ekonomi dibincangkan oleh pengkaji dalam konteks setiap novel yang dikajinya. Kedudukan sosial dan ekonomi mereka digarapkan dalam karyanya. Antara aspek sosioekonomi yang dipaparkan ialah sikap masyarakat Tamil yang tidak mementingkan pendidikan, ketagihan minuman todi, tidak menabung dan suka berhutang. Pengarang ingin mengubah status kehidupan masyarakat Tamil ladang dengan membawa perubahan pada minda pembaca Tamil. Oleh itu, kehidupan masyarakat Tamil ladang dan masalah sosioekonomi mereka dijadikan sebagai tema dan persoalan dalam hasil karya pengarang.

Unsur ekstrinsik ketiga iaitu, pemikiran pengarang pula membincangkan pandangan hidup, pegangan, falsafah dan ideologi pengarang (Wellek, R. & Warren, A. 1948). Kesemua pengarang menyisipkan pemikiran mereka dalam karya masing-masing. Dalam konteks kajian ini, pemikiran sosial dan ekonomi tentang masyarakat di persekitaran pengarang dibincangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengarang berkeyakinan bahawa pemikirannya dapat membawa perubahan sikap dan fikiran dalam kalangan masyarakat Tamil ladang. Pengarang berpendirian bahawa beliau perlu mendedahkan segala kepincangan sosial dan ekonomi yang berlaku dalam kalangan masyarakatnya. Lantaran itu, beliau mempunyai tanggungjawab sosial untuk membawa kesedaran kepada masyarakat Tamil ladang. Pemikiran pengarang digarapkan dalam novel berdasarkan pengalaman sebenar yang dilalui dan dilihat oleh pengarang itu sendiri. Pemikiran ini digarap kerana pengarang sendiri mengalami kemelut sosioekonomi tersebut.

Pemikiran pengarang merupakan cadangan untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang. Oleh itu, pengarang memperlihatkan pemikirannya berkaitan dengan bidang sosial dan ekonominya dengan memaparkan watak yang melakukan kerja sampingan, mengusahakan tanah pertanian, menabung, mengutamakan pendidikan dan amalan-amalan lain agar masyarakat Tamil, terutama para pembacanya menjadikan segala ini sebagai panduan dan pedoman untuk membaiki dan meningkatkan kedudukan sosioekonomi mereka.

4.3.1.1 Punniavan, Ko.

Punniavan, Ko. merupakan pengarang novel *Noiva Pūkkaḷ* dan *Selancar Empat.* Beliau dilahirkan pada 1949 di negeri Kelantan. Pendidikan asas beliau bermula di sekolah Tamil ladang sehingga darjah tiga. Kemudian, beliau meneruskan pendidikannya, dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

darjah empat sehingga peringkat menengah di negeri Kedah. Beliau telah bertugas sebagai guru sekolah Tamil di negeri Kedah. Akhirnya, beliau bersara sebagai Guru Besar (*Malaysian Tamil Writers Gallery*, 2001).

Asal usul diri dan keluarganya berlatarkan ladang getah. Beliau membesar, belajar dan bekerja di persekitaran ladang getah. Kehidupan beliau amat bersinonim dengan persekitaran ladang getah. Selepas menamatkan persekolahan menengah, beliau telah berkecimpung dalam dunia penulisan selama 40 tahun. Beliau pernah memenangi peraduan mengarang cerpen, *Pēravaik Kataikaḷ* yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya (*Selliyal*, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selama empat tahun berturut-turut beliau telah memenangi hadiah pertama bagi peraduan mengarang cerpen. Selain itu, beliau juga memenangi hadiah pertama dalam pertandingan di peringkat kebangsaan. Beliau memenangi pingat emas dalam peraduan mengarang cerpen sebanyak lapan kali. Peraduan bulanan mengarang cerpen ini dianjurkan oleh Persatuan Penulis Malaysia. Anugerah pingat emas juga dimenangi dalam peraduan yang dianjurkan oleh surat khabar Tamil Nesan (*Selliyal*, 2014).

Sementara itu, dalam peraduan mengarang puisi yang dianjurkan oleh Astro Vanavil sempena hari peringatan pelakon veteran Sivaji Ganesan, beliau meraih hadiah wang sejumlah RM25,000 bagi tempat pertama. Novel pertama beliau ialah *Noiva Pūkkaḷ*. Manakala, novel kedua ialah *Selancar Empat*. Novel ini memenangi tempat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kedua dalam peraduan mengarang novel yang dianjurkan oleh Persatuan Penulis Malaysia dan Astro Vanavil (*Selliyal,* 2018).

Nijam yang diterbitkan pada 1998 merupakan Antologi cerpen beliau yang pertama. Antologi cerpen yang kedua *Sirai* pula diterbitkan pada tahun 2002. Pada tahun 2011 pula, antologi cerpen ketiga, iaitu *Etirvīṇaikaḷ* diterbitkan. Karya-karya beliau lebih menumpukan kepada usaha membawa perubahan sosial dalam masyarakat Tamil. Setakat ini, beliau telah menghasilkan sebanyak 130 buah cerpen dan lebih daripada 200 puisi moden. Beliau juga aktif dalam laman webnya. (*Vallinam,* 2014).

Beliau telah mengisahkan kemelut hidup masyarakat Tamil ladang akibat masalah kewarganegaraan dalam novelnya *Selancar Empat.* Kisah tersebut ialah pengalaman hidupnya sendiri. Beliau tidak memiliki sijil kewarganegaraan Malaysia dan hanya memiliki kad pengenalan merah. Segala kerumitan, kesukaran dan tekanan emosi yang dilaluinya mendorong beliau untuk menghasilkan novel *Selancar Empat.* Walaupun dilahirkan di negara ini, pengalaman sebagai rakyat yang bukan warganegara memberi impak yang mendalam kepada beliau (temubual telefon).

Ketika itu, beliau telah menamatkan pendidikan sekolah menengah dan sedang mencari pekerjaan. Namun, beliau terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah dan rintangan hidup kerana masih memegang kad pengenalan merah. Sebagai pemilik kad pengenalan merah, beliau dinafikan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor pekerjaan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

termasuk sektor awam. Pengalaman yang penuh pahit-maung itu, dipaparkan dalam novel ini (Punniavan, Ko. 2013).

Pengalaman berkaitan dengan masalah kewarganegaraan yang dilaluinya dan peristiwa penindasan dan penghambaan pekerja Tamil di Ladang Selancar Empat mencetuskan inspirasi kepada pengarang untuk mencipta novel *Selancar Empat.* Novel ini dicipta berdasarkan peristiwa sebenar yang menyayatkan hati rakyat di Malaysia pada tahun 1981. Peristiwa penindasan dan penghambaan masyarakat Tamil ini berlaku di kawasan ladang terpencil di Felda Selancar Empat (Punniavan, Ko. 2013).

Seterusnya, unsur ekstrinsik berkaitan dengan masyarakat di persekitaran pengarang dibincangkan. Masyarakat di persekitaran pengarang yang dimaksudkan ialah masyarakat Tamil di Ladang Bukit Mertajam di negeri Kedah. Pengarang Punniavan, Ko. mengisahkan kehidupan masyarakat Tamil di Ladang Bukit Mertajam dalam novel *Noiva Pūkkaḷ*. Masyarakat Tamil Ladang Bukit Mertajam tidak mementingkan pendidikan dan ketagihan minuman todi. Masalah kejahilan akibat buta huruf dan segala kerumitan akibat amalan minum todi dalam kalangan masyarakat di sekitarnya digambarkan dalam novel tersebut (Punniavan, Ko.2008).

Dalam novel *Selancar Empat* pula, pengarang menfokuskan perhatiannya terhadap segala penderitan dan keperitan hidup masyarakat di persekitaran pengarang, iaitu di Ladang Selancar Empat yang terletak di Negeri Sembilan. Masyarakat Tamil ladang yang tidak mendapat pendidikan asas telah menjadi mangsa penindasan majikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cina. Malah, mereka tidak dibayar gaji dan dijadikan hamba kepada todi. Maka, mereka mudah diperdaya oleh golongan majikan. Realiti ini dalam kalangan masyarakat di persekitaran pengarang digambarkan pengarang dalam novelnya. Dengan ini, pengarang ingin membawa perubahan dalam pemikiran masyarakat Tamil ladang. Oleh yang demikian, pengarang memperlihatkan pemikirannya melalui watak-watak dan peristiwa tertentu dalam novelnya (Punniavan, Ko. 2013).

Novel *Noiva Pūkkaḷ* memperlihatkan pemikiran pengarang tentang isu sosial dan ekonomi masyarakat Tamil Ladang Bukit Mertajam. Pengarang menekankan pemikirannya tentang kepentingan pendidikan melalui watak Velu dalam novel ini. Oleh sebab mendapat keputusan cemerlang dalam SPM, Velu telah mendapat tawaran pekerjaan sebagai pegawai perinyu kesihatan dalam sektor awam yang menjamin masa depan yang cerah. Pada ketika itu, amatlah sukar untuk masyarakat Tamil mendapat kelulusan dalam Bahasa Melayu dalam SPM dan apatah lagi peluang pekerjaan dalam sektor awam (Punniavan, Ko.2013).

Akhirnya, tahap pendidikan yang baik telah mengubah nasib dan meningkatkan kedudukan sosioekonomi Velu. Dia tidak lagi tinggal di ladang getah kerana ditugaskan di bandar Kulim, Kedah. Selain itu, dia tidak lagi hidup dalam kemiskinan dan serba kekurangan. Dia mendapat gaji lumayan. Kehidupannya berubah dalam sekelip mata. Cara pakaian, pergaulan dan kehidupannya jauh berbeza dengan kehidupan di ladang getah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rakan-rakannya yang gagal dalam SPM terus bekerja sebagai penoreh di ladang itu. Pemikiran pengarang adalah tepat dan kena-mengena dengan masa ketika menghasilkan karya yang mengisahkan penderitaan masyarakat Tamil, terutama berkaitan dengan isu sosial dan ekonomi. Maka, pengarang telah menekankan kepentingan pendidikan dalam novel ini. Malahan, sebagai seorang guru dan guru besar, beliau amat memahami akan kepentingan kelulusan dalam Bahasa Melayu untuk memperoleh pekerjaan dalam sektor awam (Punniavan, Ko.2008).

Dalam pada itu, novel *Noiva Pūkkaḷ* merupakan pengalaman sebenar pengarang Punniavan, Ko. semasa tinggal di Ladang Bukit Mertajam, Kedah. Beliau pernah menyaksikan sendiri segala masalah tercetus akibat minuman todi yang berlaku di ladangnya. Selain itu, Punniavan, Ko. dan rakan-rakan telah menduduki peperiksaan SPM. Walaupun lulus dalam SPM , Punniavan, Ko. telah tidak lulus dalam bahasa Melayu (Temubual telefon).

Sementara itu, rakannya Velu lulus dalam bahasa Melayu dan mendapat tawaran pekerjaan sebagai pegawai perinyu kesihatan. Jarang sekali anak masyarakat Tamil ladang mendapat peluang pekerjaan sebegini. Oleh sebab Velu telah memiliki pencapaian baik dalam pendidikan, kedudukan sosioekonominya telah bertambah baik. Justeru, pengalaman pengarang itu sendiri telah memberikan ilham untuk mencipta novel itu (Temubual telefon).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemikiran tentang keburukan minuman todi telah diterapkan melalui watak ibu Tulasi. Watak ibu Tulasi yang digambarkan ketagihan todi setiap hari, tidak dapat menguruskan keluarga dan memelihara kebajikan anaknya. Sikap ibu Tulasi yang tidak peduli akan hal keluarga menyebabkan anak perempuannya dinodai orang. Akhirnya, ibu Tulasi berasa kesal dan bersalah kerana gagal mengawasi tindak-tanduk anak perempuannya akibat keadaan mabuknya. Justeru, dapat disimpulkan bahawa unsur ekstrinsik telah memberikan inspirasi kepada pengarang untuk memaparkan aspek realiti berkaitan persekitaran masyarakat dalam novelnya berasaskan pengamatan dan pengalamanya dalam masyarakat itu.

4.3.1.2 Ilavalagu, I.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ilavalagu, I. merupakan pengarang novel *Ilaṯciyap Payaṇam*. Nama sebenar beliau ialah Arumugam. Beliau dilahirkan pada 1941 dan berasal dari Seremban, Negeri Sembilan. Beliau bekerja sebagai peniaga. Beliau telah mula menulis sejak tahun 1960. Karya beliau merangkumi cerpen, artikel, puisi dan novel (Ilavalagu, I. 1983).

Karya ciptaan beliau ialah artikel berjudul *Maṉitaṉ Katai*, novel *Ilaṯciyap Payaṇam*, kumpulan puisi lama bertajuk *Vēlavaṉ Veṇbā Nūṟu*, cerpen *Maṇṇukku Sontam* dan *Mīṯci*. Beliau juga telah memenangi beberapa anugerah dalam bidang penulisan. Beliau memperoleh Anugerah *Pāvalar Poṉpuṉai* pada tahun 1967. Seterusnya, beliau pernah menjadi Pengerusi Peravai Persatuan Penulis Tamil Malaysia pada tahun 1988-1990. Selain itu, beliau juga menjadi pengarang majalah "*Agaram*" (Ilavalagu, I. 1983).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Asal-usul pengarang ini yang berlatarkan ladang turut membantu dalam penciptaan novel ini. Beliau telah mengadunkan pengalaman sendiri dan rakan-rakannya yang terlibat dalam masalah fragmentasi di ladang tempat tinggalnya. Pekerjaannya sebagai penulis dan peniaga turut digambarkan secara terperinci melalui watak Mathavan (Ilavalagu, I. 1983).

Masyarakat di persekitaran pengarang merujuk kepada masyarakat Tamil Ladang Padang di Negeri Sembilan. Mereka tidak mementingkan pendidikan dan tidak ambil peduli tentang masalah yang wujud di sekeliling mereka. Malahan, mereka ketagihan todi dan suka berhutang. Keadaan masyarakat Tamil Ladang Padang menjadi inspirasi untuk mencipta novelnya. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa pengarang telah menggunakan bidang penulisan sebagai medan untuk mengubah corak kehidupan dan pemikiran di samping memberi pencerahan kepada masyarakat Tamil Ladang Padang khususnya dan masyarakat Tamil ladang secara umumnya (Ilavalagu, I. 1983).

Seterusnya, pemikiran pengarang telah diterapkan dalam novelnya *Ilaţciyap Payaṇam*. Segala kepincangan masyarakat Tamil Ladang Padang yang disaksikannya telah dijadikan pemikiran dalam novelnya. Pengarang memperlihatkan pemikiran seperti mengutamakan pendidikan, mengusahakan perniagaan, menceburi bidang penulisan, memahirkan diri dalam bidang teknologi dan kemahiran hidup, menubuhkan perpustakaan di ladang, mewujudkan kerja sambilan untuk wanita, menabung wang,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemudahan perumahan dan kelas Bahasa Melayu untuk pelajar dewasa (Ilavalagu, I. 1983).

Pemikiran demikian pengarang telah disisipkan melalui watak Mathavan. Watak Mathavan digambarkan berusaha gigih untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi keluarga selepas kematian bapanya. Mathavan berjaya memberi pendidikan tertinggi kepada ketiga-tiga adiknya. Pelbagai kerja sampingan dilakukan oleh Mathavan untuk membeli sebuah ladang getah semasa fragmentasi ladang getah berlaku. Dia juga terlibat dalam perniagaan seperti menguruskan kedai majalah, kedai makanan dan kedai kain. Akhirnya, berkat usaha gigih, dia berjaya membeli ladang getah yang diimpikannya (Ilavalagu, I. 1983).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemikiran pengarang turut dapat dikesan pada perubahan yang dilakukan oleh watak Mathavan selepas membeli ladang getah itu. Perubahan ini bertujuan untuk mengatasi masalah sosioekonomi yang dihadapi masyarakat Tamil di bawah majikan zaman British. Antara perubahan yang dilakukannya adalah mengutamakan kebajikan pekerja di ladangnya, khususnya aspek gaji, perumahan yang baik dan bekalan air yang bersih. Selain itu, satu skim simpanan untuk pekerja diwujudkan. Sebuah kedai runcit yang menjual barangan makanan yang berkualiti didirikan. Keuntungan kedai tersebut diagihkan kepada pekerja (Ilavalagu, I. 1983).

Di samping itu, para belia didedahkan kepada program kemahiran hidup dan teknologi seperti membaiki peralatan elektrik. Mereka juga dilatih dalam bidang penulisan cerpen dan novel. Kaum wanita pula diberikan latihan dalam bidang jahitan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan kraftangan. Bidang ini menjadi kerja sampingan mereka. Kelas Bahasa Melayu diadakan pada waktu malam bagi pelajar dewasa supaya mendapat kelulusan dalam Bahasa Melayu (Ilavalagu, I. 1983).

Setiap anak pekerja ladang diwajibkan mengikuti pendidikan asas di sekolah rendah. Oleh itu, kesemua pemikiran pengarang ini merupakan refleksi beliau untuk mencegah segala kemelut yang wujud dalam kalangan masyarakat Tamil ladang semasa penjajahan British. Justeru, ketiga-tiga unsur ekstrinsik ini menjadi inpirasi dan pendorong kepada pengarang dalam penciptaan karyanya (Ilavalagu, I. 1983).

4.3.1.3 Kumaran, M.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumaran, M. merupakan pengarang novel *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḻum*. Beliau juga menulis menggunakan nama samaran Malabar Kumar dan Manjari. Beliau dilahirkan pada 27 Disember 1937 di Jasin, Melaka. Pada umur 12 tahun beliau telah pergi ke Kerala, India untuk belajar sehingga pendidikan menengah. Pada umur 15 tahun beliau telah mula berkarya dalam bahasa Malayalam. Beliau banyak menghasilakan cerpen, artikel, puisi dan drama. Beliau juga seorang dalam bidang mencipta lagu dan penyanyi. Pada tahun 1957, beliau kembali ke Tanah Melayu dan mula berkarya semula sejak tahun 1960 (Kumaran, M. 1971).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beliau telah memperoleh banyak anugerah dan memenangi banyak peraduan mengarang. Beliau memenangi hadiah pertama dalam peraduan mencipta cerpen yang dianjurkan oleh surat khabar Tamil Nesan. Selain itu, tempat pertama juga dimenangnya dalam peraduan mengarang cerpen yang dianjurkan oleh Persatuan Belia. Seterusnya, Persatuan Penulis Malaya telah menganjurkan peraduan mencipta cerpen pada setiap tahun (Kumaran, M. 1971).

Kumaran, M. mendapat tempat pertama dalam pertandingan cerpen pada tahun 1967 dan 1969. Pada tahun 1970, beliau telah menerbitkan antologi cerpen *Sīnakkil̲avan* yang mengandungi 11 buah cerpen. Beliau juga mempunyai kepakaran dalam penterjemahan bahasa. Beliau telah menterjemahkan karya-karya Malayalam dalam bahasa Tamil (Kumaran, M. 1971).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengalaman dan pengamatan pengarang di persekitaran ladang telah memberi inspirasi untuk mencipta novel ini. Pengalamannya sebagai guru turut menyumbang pengetahuan dalam proses penghasilan novel ini. Kesukaran yang dihadapi oleh watak Kaniapaan ketika bertugas sebagai guru sandaran di sekolah Tamil dalam novel ini merupakan pengalaman sendiri pengarang ini.

Seterusnya, masyarakat di persekitaran pengarang ialah masyarakat Tamil di Ladang Bukit Tanah Merah di Negeri Sembilan. Masyarakat ini dipaparkan sebagai golongan yang bergantung pada pekerjaan menoreh getah, tiada semangat bekerjasama,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak mementingkan kesihatan dan tidak mengamalkan amalan menabung demi masa hadapan mereka.

Di samping itu, pengarang memperlihatkan pemikirannya tentang kepentingan kelulusan Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM. Pada ketika itu, kelulusan Bahasa Melayu adalah wajib untuk memohon pekerjaan dalam sektor awam. Watak Kanniapaan digambarkan sebagai seorang guru sandaran yang terus berusaha mendapatkan lulus dalam Bahasa Melayu supaya dapat memohon kursus perguruan. Sebenarnya, pengarang memanifestasikan diri dan pemikiranya melalui watak Kanniapaan (Kumaran, M. 1971).

Selain itu, pengarang juga memperlihatkan pemikirannya tentang kepentingan melibatkan diri dalam bidang pertanian. Watak Kanniapan digambarkan bercadang untuk mengusahakan tanah pertanian sendiri selepas berlaku fragmentasi ladang getah. Sebenarnya, pengarang melalui watak Kanniappaan ingin mencetuskan kesedaran kepada masyarakat Tamil ladang supaya tidak mengharapkan pekerjaan menoreh getah sahaja. Mereka digalakkan menceburi bidang pertanian yang ada kaitan dengan pekerjaan sebagai penoreh getah. Oleh itu, mereka digalakkan untuk menggunakan kemahiran sedia miliki itu untuk meningkatkan kedudukan ekonomi mereka (Kumaran, M. 1971).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.4 Muthusamy, C.

Muthusamy, C. merupakan pengarang novel *Maṇpulukkaḷ.* Beliau dilahirkan pada tahun 1949. Beliau ialah seorang guru di sekolah Tamil. Beliau mula berkecimpung dalam bidang penulisan pada tahun 1973. Beliau banyak menghasilkan cerpen, novel dan puisi moden. Kebanyakan karya beliau disiarkan dalam surat khabar dan majalah (*Vallinam,* 2017).

Karya pertama yang diterbitkan oleh beliau ialah antologi cerpen *Iraikaḷ* pada tahun 1978. Seterusnya, novel bertajuk *Vitaikaḷ Pālaivaṉattil Muḷaippatilai* dihasilkan pada tahun 1980. Selepas itu, novel *Maṇpulukkaḷ* pula dihasilkan pada tahun 2006. Beliau banyak memenangi anugerah untuk hasil ciptaannya. Kumpulan cerpen *Iraikaḷ* telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan yang dianjurkan oleh Majalah *Kumutam* di negara India pada tahun 1977. Seterusnya, beliau telah memenangi hadiah emas beberapa kali dalam peraduan bulanan mencipta cerpen yang dianjurkan oleh Persatuan Penulis Malaysia (*Vallinam,* 2017).

Selain itu, novelnya juga memenangi tempat pertama dalam peraduan yang dianjurkan oleh Majalah *Sembarutti* pada tahun 2002. Pada tahun 2005 pula, Persatuan Penulis Malaysia dan Astro telah menganjurkan peraduan mencipta novel. Beliau meraihkan tempat pertama untuk novel *Maṇpulukkaḷ.* Anugerah *Viṣnupuṟam* pula menyusuli pada tahun 2017 (*Vallinam,* 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Novel *Maṇpulukkaḷ* merupakan cetusan ilham mengenai tempat lahirnya, iaitu ladang getah. Pengarang telah lama berhasrat untuk menghasilkan kisah dan pengalaman hidupnya di ladang getah. Beliau merakamkan gambaran realiti tentang keadaan ladang dan masyarakat Tamil di situ dalam novel ini. Beliau berharap bahawa pengalaman dan kisah hidup masyarakat Tamil ladang getah termasuk dirinya sendiri tidak sepatutnya luput begitu sahaja. Sebaliknya beliau ingin merakamkan kisah itu untuk pengetahuan dan tatapan generasi akan datang (Muthusamy, C. 2006).

Selanjutnya, masyarakat di persekitaran pengarang merupakan masyarakat Tamil Ladang Selambau di Sungai Petani, Kedah. Masyarakat Tamil ladang tersebut suka berhutang, tidak mementingkan kesihatan, mengabaikan pendidikan dan tertagih akan todi. Oleh itu, masyarakat di persekitaran pengarang telah dijadikan watak dalam novelnya. Watak ini merupakan orang sebenar yang pernah wujud pada ketika itu (Muthusamy, C. 2006).

Seterusnya, pengarang memperlihatkan beberapa pemikiran dalam novelnya. Salah satu pemikiran tersebut adalah menyeru para pembacanya untuk membuat kerja sampingan untuk menambahkan pendapatan bagi membaiki kedudukan ekonomi mereka. Walaupun masyarakat Tamil ladang melakukan kerja menoreh getah, terdapat segelintir masyarakat yang membuat kerja sampingan. Sebenarnya, pengarang memanifestasikan pemikiranya melalui watak Salabatan yang digambarkan menanam sayur-sayuran untuk memperoleh wang tambahan. Begitu juga dengan watak Addukaran dan Salabattan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digambarkan menanam sirih dan menternak kambing sebagai kerja sampingan (Muthusamy, C. 2006).

Selain itu, pengarang turut memperlihatkan pemikiran tentang perniagaan kedai runcit. Watak Tikkuvayan digambarkan sebagai peniaga kedai runcit. Walaupun tidak berpelajaran, namun dia berjaya menghantar dua orang anaknya ke negara India untuk mempelajari bidang perubatan. Pemikiran pengarang tentang kepentingan pendidikan turut digarapkan melalui watak Tikkuvayan. Tidak dapat dinafikan bahawa unsur ekstrinsik seperti biografi, masyarakat di persekitaran dan pemikiran pengarang menjadi faktor luaran yang membantu dalam proses penciptaan novel. Unsur luaran ini telah memberi kesan dalam pemaparan gambaran realiti tentang kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang (Muthusamy, C. 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.5 Balamurugan, K.

Balamurugan, K. merupakan pengarang novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ*. Beliau dilahirkan pada 27 Jun 1982 di negeri Kedah. Beliau membesar di Ladang Skapro 2, negeri Kedah. Pendidikan awal beliau adalah di SJKT Saraswathy. Seterusnya mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Dato Bijaya Setia. Beliau menjadi guru setelah menamatkan kursus di Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim, Kedah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beliau dilahirkan di negeri Kedah dan bekerja sebagai guru. Beliau juga mempunyai laman web sendiri bernama *Kaḻam.* Selain itu, beliau menerbitkan majalah yang bernama *Aṇaṅkam* dan *Pāṟai*. Beliau juga aktif menjalankan bengkel penulisan cerpen dan novel untuk kanak-kanak di seluruh Malaysia (Balamurugan, K. 2009).

Banyak anugerah telah diperoleh oleh beliau. Beliau memenangi hadiah pertama bagi novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḻ* dalam peraduan mencipta novel anjuran Persatuan Penulisan Malaysia dan Astro pada tahun 2008. Seterusnya, pada tahun yang sama beliau telah memperoleh hadiah ketiga dalam peraduan mengarang novel bagi novel *Uṟavukaḻ Nakarum Kālam* yang dianjurkan oleh Persatuan Penulisan Malaysia dan Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah *(National Land Finance Co-operative Society)* [NLFCS] (Balamurugan, K. 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, cerpennya bertajuk *Bōtakkāra Aṇṇaṉ* memenangi tempat pertama dalam peraduan mengarang cerpen, *Pēravaik Kataikaḻ*, yang dianjurkan oleh Universiti Malaya pada tahun 2007. Pada tahun 2008 pula, cerpen *Kaṟuppāyi Makaṉiṉ* mendapat tempat kedua. Cerpen *Suppayavuţaṉ Mitakkum Aṅkila Kaṉavukaḻ* mendapat hadiah saguhati pada tahun 2009. Selain itu, pada tahun 2007, cerpen *Naţantu Koṇţirukkirēṉ* telah memenangi tempat pertama dalam peraduan mengarang cerpen-puisi anjuran Universiti Malaya. Akhir sekali, cerpen *Paḻaiya Paţţaṇattil Maṉita Kuṟippukaḻ* mendapat hadiah keempat pada tahun 2008 (Balamurugan, K. 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Novel *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ* merupakan pengalaman pengarang sendiri semasa tinggal di Ladang Bukit Lembu, di Sungai Petani, Kedah. Masalah hutang dan perlakuan meminjam wang daripada *ceti* menjadi amalan biasa dalam kalangan masyarakat Tamil ladang tersebut. Justeru, pengalaman tersebut dijadikan sebagai pengajaran kepada pembaca. Oleh sebab beliau ialah seorang guru, dia turut menekankan kepentingan pendidikan anak pekerja di ladang (Balamurugan, K. 2009).

Seterusnya, masyarakat di persekitaran pengarang ialah masyarakat Tamil di Ladang Bukit Lembu, di Sungai Petani, Kedah. Mereka suka berhutang tanpa batasan, tidak mementingkan pendidikan dan masyarakat yang terjerat oleh kaum *ceti*. Sikap suka berhutang terjadi kerana gaji yang rendah tidak dapat menampung keperluan keluarga mereka. Oleh itu, anak diberhentikan persekolahan demi membantu mereka menoreh getah agar dapat menambahkan pendapatan keluarga (Balamurugan, K. 2009).

Berhutang pada ceti sudah menjadi perkara biasa di ladang getah. Oleh itu, masalah-masalah sebegini dalam masyarakat di persekitaran pengarang dijadikan isu utama dalam novelnya. Justeru, tidak dapat menafikan bahawa pengalaman pengarang di persekitaran masyarakatnya memang membantu untuk memaparkan peristiwa dan masalah tersebut secara realistik (Balamurugan, K. 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengarang turut memperlihatkan beberapa pemikiran dalam novelnya. Antaranya ialah sikap mengutamakan pendidikan. Watak Sitambaram digambarkan bahawa telah sedar akan kesilapannya membawa anaknya Ganesan untuk menoreh getah. Dia berasa bersalah kerana tindakan memberhentikan anaknya dari sekolah telah sekali gus menghancurkan masa depannya. Oleh itu, dia telah menyekolahkan anak perempuannya Anjali sehingga SPM. Anjali yang telah lulus dalam SPM, telah bekerja dan dapat hidup berdikari. Seterusnya, pandangannya tentang keburukan berhutang digambarkan melalui watak Sitambaram. Dia mengalami pelbagai masalah sosial dan ekonomi dalam hidupnya akibat berhutang pada ceti (Balamurugan, K. 2009).

Akhirnya, kehidupan Sitambaram bagaikan pelarian kerana dikejar ceti dan tidak tenteram. Oleh itu, pemikiran pengarang sedemikian ditonjolkan supaya masyarakat Tamil menjadikannya sebagai iktibar supaya tidak terjerat dalam masalah hutang. Justeru, unsur ekstrinsik seperti biografi, masyarakat dan pemikiran pengarang memainkan peranan penting dalam pemaparan gambaran realiti tentang kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil (Balamurugan, K. 2009).

4.3.1.6 Perumal, K.

Perumal, K. merupakan pengarang novel *Tuyara Pātai*. Beliau dilahirkan di negara India dan berhijrah ke Tanah Melayu pada tahun 1938. Beliau juga mempunyai nama pena, iaitu Kaviyalagar. Pada mulanya, beliau bekerja sebagai buruh di Ladang Teh Boh di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cameron Highland. Di samping itu, beliau pernah berkhidmat di stesen radio Tamil di Tanah Melayu dan di Singapura (Perumal, K. 1978).

Beliau telah menghasilkan koleksi lagu bertajuk *Sińkappūr pāṭalkaḷ* yang mengandungi lagu-lagu Tamil. Lagu yang berteraskan kebesaran Islam juga dicipta oleh beliau. Selain itu, beliau juga menhasilkan drama puisi bertajuk *Kaṭṭai Viral.* Beliau turut menghasilkan novel bertajuk *Tuyara Pātai* yang memaparkan kehidupan masyarakat Tamil ladang (Perumal, K. 1978).

Walaupun berkecimpung dalam bidang penulisan sastera Tamil, beliau juga berminat dalam bidang kajian sastera. Dalam konteks ini, beliau telah menghasilkan artikel bertajuk "*Tattuvak Kalai", "Kuttuk kalai", "Nāṭakam Pi*r̲*antatu*" dan "*Malaināṭṭu U*l̲*aippōr Ilakkiyam".* Di samping itu, beliau juga berkebolehan dalam bidang muzik. Beliau telah menghasilkan persembahan muzik bertajuk "*Vāl̲kai Vinōtam*". Seterusnya, beliau telah menghasilkan banyak cerpen dan novel untuk beberapa buah majalah seperti "*Sańkamaṇi", "Janōbakari"* dan *"Muttamil̲"* (Perumal, K. 1978).

Biografi dan pengalaman pengarang yang berlatarkan ladang di samping peranannya sebagai peniaga dan penulis memberi peluang untuk mengamati kehidupan sosial dan kedudukan ekonomi masyarakat di sekitarnya untuk memaparkan aspek sosial dan ekonomi masyarakat Tamil ladang secara realistik dan terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengarang yang pernah bekerja di ladang amat arif akan amalan minum todi yang menghancurkan kehidupan berkeluarga. Selain itu, masyarakat di persekitaran pengarang ialah masyarakat Tamil Ladang Myna di Negeri Sembilan. Masyarakat di situ telah ketagihan minuman todi dan tidak mementingkan pendidikan. Justeru, keadaan sedemikian dalam masyarakat di persekitaran pengarang dijadikan asas untuk penciptaan karyanya (Perumal, K. 1978).

Begitu juga dengan masyarakat di persekitran pengarang yang tidak mengendahkan nasihat supaya berhenti minum todi yang membahayakan kesihatan. Masyarakat Tamil tidak mengendahkan nasihat yang positif ini. Mereka telah lebih mengutamakan todi berbanding dengan kepentingan pendidikan dan keluarga. Hal ini juga turut digambarkan secara realistik melalui watak masyarakat Tamil di Ladang Myna untuk mencetuskan kesedaran dan perubahan pemikiran (Perumal, K. 1978).

Seterusnya, pengarang memperlihatkan beberapa pemikiran seperti sikap mengutamakan pendidikan dan tindakan menghapuskan todi. Hal ini dapat dikesan melalui watak Muthukarupan yang berusaha menghalang penjualan todi di ladangnya. Usahanya telah menemui kegagalan. Akhirnya, Muthukarupan dibuang kerja kerana difitnah oleh *kangani* (Perumal, K. 1978).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui watak Muthukarupan, pengarang berusaha memaparkan pandangan bahawa seseorang harus sanggup mengorbankan kepentingan diri demi kebaikan masyarakat. Selain itu, pemikiran tentang kepentingan pendidikan digambarkan melalui watak cikgu Muniraj yang menjalankan kelas malam untuk pelajar dewasa (Perumal, K. 1978).

Tuntasnya, tidak dapat dinafikan bahawa unsur ekstrinsik seperti biografi, masyarakat dan pemikiran pengarang menjadi faktor luaran yang membantu dalam penciptaan novel pengarang. Unsur ini telah memberi kesan dalam pemaparan gambaran realiti tentang kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang. Pemikiran pengarang telah dilahirkan melalui watak dalam novelnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan pemikiran pengarang itu adalah untuk membawa kesedaran tentang keburukan todi yang memberi kesan negatif kepada sosial dan ekonomi masyarakat Tamil ladang. Jadual 4.15 menunjukkan hasil dapatan unsur ekstrinsik dalam pemaparan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil Malaysia berdasarkan unsur biografi, masyarakat di persekitaran pengarang dan pemikiran pengarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Unsur Ekstrinsik dalam Pemaparan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam NTM

Bil	Pengarang dan Novel	Biografi (Tempat asal pengarang)	Keadaan Masyarakat di Persekitaran	Fokus Pemikiran Pengarang
1	Punniavan, Ko. *Noiva Pūkkaḷ*	Ladang BMR, Kedah	1.Tiada pendidikan 2.Minuman Todi	1. Pendidikan 2. Keburukan Todi
2	Punniavan, Ko. *Selancar Empat*	Ladang BMR, Kedah	1.Tiada pendidikan 2.Minuman Todi 3.Fragmentasi 4.Amalan Berhutang	1.Pendidikan
3	Ilavalagu, I. *Ilaṯciyap Payaṇam*	Ladang Seremban, Negeri Sembilan	1.Tiada pendidikan 2. Minuman Todi 3.Fragmentasi 4.Amalan Berhutang	1. Pendidikan 2. Perniagaan 3. Kemahiran Teknologi 4. Kerja Sambilan 5. Menabung
4	Kumaran, M. *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum*	Ladang Jasin, Melaka	1.Tiada pendidikan 2.Amalan Berhutang 3.Fragmentasi	1.Mengusaha Tanah Sendiri 2.Pendidikan
5	Muthusamy, C. *Maṇpulukkaḷ*	Ladang Selambau Sg.Petani, Kedah	1.Tiada pendidikan 2. Minuman Todi 3. Amalan Berhutang	1.Kerja Sambilan 2.Pendidikan
6	Balamurugan, K. *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ*	Ladang Skapro 2, Kuala Ketil, Kedah.	1.Tiada pendidikan 2.Amalan Berhutang	1. Pendidikan 2. Keburukan Hutang
7	Perumal, K. *Tuyara Pathai*	Ladang, Negeri Sembilan	1.Tiada pendidikan 2. Minuman Todi	1.Keburukan Todi 2. Pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. 4 Kesimpulan

Kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dikaji dalam lima aspek iaitu pekerjaan, pendapatan, taraf pendidikan, kesihatan dan infrastruktur. Kelima-lima aspek ini dapat menentukan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang. Didapati kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil berdasarkan lima aspek tersebut adalah amat rendah dan menyedihkan.

Dalam aspek pekerjaan kebanyakan masyarakat Tamil bekerja sebagai penoreh getah dengan pendapatan yang rendah. Hal ini menyebabkan masalah hutang dan kemiskinan dalam kalangan masyarakat Tamil. Taraf pendidikan pula adalah pendidikan rendah dan tiada pendidikan asas. Akibatnya mereka terpaksa menjadi penoreh getah dengan gaji yang rendah. Seterusnya, aspek kesihatan seperti makanan yang tidak berkualiti, minuman todi dan kekurangan kemudahan kesihatan memberi kesan kepada kesihatan masyarakat Tamil ladang.

Selain dari itu, aspek infrastruktur seperti perumahan, bekalan air dan kebersihan juga turut memburukkan kesihatan masyarakat Tamil ladang. Aspek kesihatan dan infrastruktur yang buruk memberi impak kepada kedudukan sosioekonomi mereka. Justeru, didapati kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil adalah rendah dan menyedihkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapat dirumuskan bahawa unsur ekstrinsik seperti biografi pengarang, masyarakat di persekitaran pengarang dan pemikiran pengarang menjadi faktor luaran yang mendorong seseorang pengarang untuk menghasilkan karya seara realistik. Keenam-enam pengarang ini mempunyai latar belakang yang sama, iaitu berasal dari ladang getah. Pengalaman dan kehidupan dalam suasana dan persekitaran ladang getah membantu mereka memaparkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang secara realistik. Sikap dan kehidupan masyarakat Tamil ladang yang diamati oleh pengarang telah dijadikan sebagai asas bagi penciptaan karya mereka.

Dari kacamata pengarang, masyarakat Tamil ladang dikatakan tidak mementingkan pendidikan dan tiada amalan menabung wang demi masa depan selain ketagihan todi, terlalu bergantung pada pekerjaan di ladang getah untuk meneruskan kehidupan dan suka berhutang. Selain itu, masyarakat Tamil ladang turut memperlihatkan sikap tidak mahu bekerjasama untuk mengatasi masalah bersama dan mengusahakan pertanian secara bersama-sama, sebaliknya masih ingin mengambil upah dan tidak berani melakukan perubahan pada pemikiran mereka.

Lantaran, pengarang menggunakan medan penulisan untuk menyampaikan pesanan untuk mengubah keadaan serta sikap masyarakat Tamil ladang. Maka, pemikiran pengarang yang digarap dalam novel berfokus kepada peningkatan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang. Justeru,pengarang telah menegaskan pemikiran mengenai sosioekonomi, iaitu kepentingan menabung wang, keperluan pendidikan, kepentingan membuat kerja sampingan dan kelebihan mengusahakan tanah secara bersama supaya mampu meningkatkan kedudukan sosioekonomi mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

KESIMPULAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji merumuskan dapatan kajian tentang kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM. Hal ini bermakna pengkaji memperlihatkan segala penemuan tentang kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam tujuh buah novel Tamil Malaysia; yang diteliti berdasarkan tiga objektif kajian. Kedudukan sosioekonomi ini diteliti berdasarkan lima aspek iaitu pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur dengan menggunakan dua unsur intrinsik iaitu watak dan latar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, pengkaji merumuskan secara keseluruhannya mengenai kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam tujuh buah novel Tamil Malaysia berdasarkan segala dapatan kajian dan penemuan yang telah diperoleh. Sehubungan dengan itu, pengkaji juga memberikan beberapa idea, pendapat atau cadangan untuk memantapkan kajian-kajian mengenai masyarakat Tamil ladang pada masa akan datang. Di samping itu, cadangan-cadangan yang disampaikan oleh pengkaji juga bertujuan untuk membuka ruang kepada bakal pengkaji yang ingin menjalankan kajian berkaitan dengan tajuk ini secara terperinci lagi. Selain itu, cadangan ini juga boleh dimanfaatkan oleh pembaca, pengkritik, penulis dan masyarakat umum.

Setelah menjalankan kajian terhadap kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam tujuh buah novel Tamil Malaysia, pengkaji memperoleh gambaran jelas dan terperinci tentang realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam aspek pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur. Selain itu, pengkaji juga menemui aspek unsur ekstrinsik yang mendorong pengarang dalam memaparkan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang secara realistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Penemuan

Penemuan dibincangkan berdasarkan tiga objektif kajian.

5.2.1 Mengenal Pasti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam NTM

Demi mencapai objektif pertama, pengkaji telah menjalankan kajian berpandukan tujuh buah novel Tamil Malaysia untuk mengenal pasti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang. Kedudukan sosioekonomi telah diteliti berdasarkan lima aspek, iaitu pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur. Setelah menjalankan kajian berdasarkan objektif pertama, pengkaji memperoleh beberapa penemuan bagi mengenal pasti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang.

Dalam aspek pekerjaan, sebanyak sembilan jenis pekerjaan dikenal pasti dalam tujuh buah novel Tamil Malaysia. Manakala dalam aspek pendapatan pula, empat kategori pendapatan dikenal pasti, iaitu golongan pendapatan tinggi, golongan pendapatan sederhana, golongan pendapatan rendah dan golongan tiada pendapatan. Sementara itu, dalam aspek pendidikan pula dikenal pasti kategori golongan tiada pendidikan rasmi, golongan pendidikan rendah, golongan pendidikan menengah dan golongan pendidikan tertiari. Selanjutnya, aspek kesihatan dikaji melalui pemakanan, minuman todi dan kemudahan kesihatan. Akhir sekali, aspek infrastruktur pula dikaji melalui perumahan, bekalan air dan kebersihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.1.1. Aspek Pekerjaan

Sebanyak sembilan jenis pekerjaan dikenal pasti dalam tujuh buah novel Tamil Malaysia. Pekerjaan tersebut ialah penoreh getah, buruh kelapa sawit, *chokra* (buruh kanak-kanak), kerani, *kangani*, pengurus ladang, pegawai perinyu kesihatan, *dresser* dan guru. Pekerjaan penoreh getah, *chokra* (buruh kanak-kanak), kerani, kangani, *dresser* dan guru dikenal pasti dalam kesemua tujuh buah novel. Manakala, pekerjaan buruh kelapa sawit hanya dikenal pasti dalam dua buah novel sahaja, iaitu *Selancar Empat* dan *Ilaṯciyap Payaṇam.*

Pekerjaan pegawai perinyu kesihatan hanya dikenal pasti dalam sebuah novel sahaja iaitu *Noiva Pūkkaḻ*. Walaupun pekerjaan ini tidak terdapat di ladang, namun watak yang berasal dari suasana ladang didapati mampu menjawat pekerjaan ini di bandar. Dalam pada itu, pekerjaan pengurus ladang yang disandang oleh anak pekerja ladang hanya dikenal pasti dalam sebuah novel sahaja, iaitu *Ilaṯciyap Payaṇam.*

Oleh itu, dapat diringkaskan bahawa majoriti masyarakat Tamil ladang digambarkan sebagai penoreh getah. Sementara itu segelintir masyarakat Tamil bekerja sebagai *kangani*, *chokra* dan guru. Selain itu, jawatan seperti pegawai perinyu kesihatan dan pengurus ladang hanya digambarkan satu watak sahaja.

Pekerjaan di ladang ditentukan berdasarkan taraf pendidikan pekerja. Masyarakat Tamil yang tiada pendidikan rasmi bekerja sebagai penoreh getah, buruh kelapa sawit dan *chokra.* Mereka membuat pekerjaan berat yang memerlukan kekuatan tenaga fizikal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebaliknya, kaum Malayalee dan Sri Lanka yang menjadi kerani dan *dresser* di ladang menyandang pekerjaan yang lebih baik. Hal ini kerana mereka memiliki tahap pendidikan yang lebih tinggi berbanding dengan masyarakat Tamil yang kebanyakannya tiada pendidikan asas atau berpendidikan rendah sahaja.

Selain itu, masyarakat Tamil yang berpendidikan mampu menikmati kehidupan yang lebih selesa dan menghantar anak mereka untuk melanjutkan pelajaran hingga tertiari. Sebaliknya, masyarakat Tamil yang kebanyakan ialah penoreh getah adalah miskin dan berhutang. Lebih malang lagi anak mereka tidak dapat menamatkan pendidikan rendah dan terpaksa menjadi *chokra*.

Secara keseluruhannya boleh dirumuskan bahawa pekerjaan masyarakat Tamil ladang sebagai penoreh getah, buruh kelapa sawit dan *chokra* menggambarkan kedudukan sosioekonomi yang rendah.

5.2.1.2. Aspek Pendapatan

Aspek pendapatan dikenal pasti dalam tujuh buah novel Tamil Malaysia. Kategori golongan pendapatan tinggi, golongan pendapatan sederhana dan golongan pendapatan rendah dikenal pasti dalam kesemua tujuh buah novel tersebut. Manakala, golongan tiada pendapatan hanya dikenal pasti dalam sebuah novel sahaja, iaitu *Selancar Empat*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, golongan pendapatan tinggi dikenal pasti dalam kalangan watak pengurus British dan seorang pengurus masyarakat Tamil, pegawai perinyu kesihatan, peniaga dan ceti. Manakala, golongan pendapatan sederhana dikenal pasti dalam kalangan watak guru, *kangani*, kerani dan *dresser.* Sementara itu, golongan pendapatan rendah dikenal pasti dalam kalangan watak penoreh getah, *chokra* dan buruh kelapa sawit. Akhir sekali, golongan tiada pendapatan ialah semua buruh ladang kelapa sawit yang terpapar dalam novel *Selancar Empat.*

Secara keseluruhannya, boleh dirumuskan bahawa pendapatan majoriti masyarakat Tamil ladang yang bekerja sebagai penoreh getah, buruh kelapa sawit dan *chokra* yang digambarkan dalam semua novel Tamil yang dikaji adalah rendah. Golongan pendapatan rendah dan golongan tiada pendapatan menyebabkan mereka menderita dalam kemiskinan serta menjalani kehidupan yang serba kekurangan. Golongan pendapatan yang rendah dan golongan tiada pendapatan dalam kalangan masyarakat Tamil ladang menegaskan bahawa tahap kedudukan sosioekonomi mereka adalah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.1.3 Aspek Pendidikan

Aspek pendidikan dikaji melalui empat taraf pendidikan iaitu golongan tiada pendidikan rasmi, golongan pendidikan rendah, golongan pendidikan menengah dan golongan pendidikan tertiari. Taraf pendidikan mempunyai hubungan yang signifikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan pekerjaan masyarakat Tamil ladang. Taraf pendidikan menentukan pekerjaan yang dilakukan oleh masyarakat di ladang.

Golongan tiada pendidikan rasmi dan golongan pendidikan rendah dikenal pasti dalam semua novel Tamil Malaysia yang dikaji. Manakala, golongan pendidikan menengah dikenal pasti dalam empat buah novel sahaja, iaitu *Ilaṯciyap Payaṇam, Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum, Noiva Pūkkaḷ* dan *Nakarntu Koṇṯirukum Vācalkaḷ.* Akhir sekali, golongan pendidikan tertiari pula dikenal pasti dalam tiga buah novel sahaja, iaitu *Ilaṯciyap Payaṇam, Tuyara Pātai* dan *Maṇpulukkaḷ*.

Masyarakat Tamil ladang yang bekerja sebagai penoreh getah, buruh kelapa sawit dan *chokra* digambarkan sebagai golongan yang tiada pendidikan rasmi walaupun terdapat segelintir golongan yang dikatakan berpendidikan rendah. Manakala, watak guru, beberapa orang penoreh getah dan anak penoreh getah digambarkan berpendidikan menengah. Akhir sekali, golongan pendidikan tertiari dikaitkan dengan beberapa orang anak penoreh getah, anak peniaga kedai runcit dan anak *dresser*.

Dalam konteks ini, watak Mathialagan telah memecahkan kepompongan tradisi masyarakat Tamil ladang yang hanya menjadi penoreh getah sahaja. Dia berjaya mendapat pendidikan tertiari dan memperoleh ijazah sarjana muda dalam bidang pertanian. Buat kali pertama dalam sejarah masyarakat Tamil ladang, dia merupakan seorang pengurus ladang getah yang menjadi kebanggaan masyarakat Tamil ladang dalam novel tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peniaga kedai runcit dan *dresser* ladang telah berusaha memberikan pendidikan yang terbaik kepada anak mereka. Anak mereka mampu meneruskan pendidikan dalam bidang perubatan di negara India. Oleh itu, taraf pendidikan tertiari menunjukkan kedudukan sosioekonomi yang tinggi.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa majoriti masyarakat Tamil ladang mempunyai taraf pendidikan rendah dan tiada pendidikan rasmi. Oleh itu, tahap kedudukan sosioekonomi mereka adalah tetap rendah. Hanya segelintir masyarakat Tamil ladang yang mengutamakan pendidikan telah berjaya meningkatkan kedudukan sosioekonomi diri dan keluarga mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.1.4 Aspek Kesihatan

Aspek kesihatan dikenal pasti melalui makanan, minuman todi dan kemudahan kesihatan. Ketiga-tiga aspek ini dikenal pasti dalam kesemua novel Tamil Malaysia yang dikaji. Semua novel menggambarkan bahawa masyarakat Tamil ladang tidak mendapat makanan yang mencukupi, berkhasiat dan berkualti. Hal ini menjejaskan penampilan diri fizikal masyarakat Tamil ladang yang kelihatan kurus kering dan selalu berpenyakit.

Manakala, gejala minuman todi yang menjadi amalan meluas dan masalah kritikal dalam kalangan masyarakat Tamil ladang digambarkan dalam semua novel. Kesemua novel memaparkan gambaran tentang kesan negatif minuman todi. Keseluruhan gaji pekerja dihabiskan tanpa memikirkan keperluan keluarga dan pendidikan anak-anak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, amalan minum todi dalam kalangan masyarakat Tamil ladang dikatakan mencetuskan pandangan negatif dalam kalangan masyarakat umum.

Akhir sekali, kesemua novel turut membawa gambaran bahawa kemudahan kesihatan yang disediakan di ladang getah adalah amat kurang memuaskan. Hospital ladang diselia oleh seorang *dresser* yang kadangkala tidak bertauliah. Seorang doktor pula melawat hospital bersatu di ladang sekali dalam seminggu atau sebulan sahaja. Doktor tersebut hanya berperanan sebagai pelawat yang memantau keadaan kesihatan di ladang dan bukan merawati pesakit. Penyakit kritikal pula terpaksa dirujuk ke hospital bandar yang terletak jauh dari ladang. Ubat yang disediakan juga tidak berkualiti. Justeru, banyak kes kematian dilaporkan pada ketika itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa aspek kesihatan seperti masalah pemakanan, gejala todi dan kekurangan kemudahan kesihatan di ladang secara langsung telah menjejaskan keadaan fizikal dan tahap pengeluaran para pekerja. Justeru, hal ini menyumbang kepada kedudukan sosioekonomi yang rendah dalam kalangan masyarakat Tamil ladang.

5.2.1.5 Aspek infrastruktur

Aspek infrastruktur dikenal pasti melalui perumahan, bekalan air dan kebersihan. Perumahan hanya dikenal pasti dalam lima buah novel sahaja, iaitu *Ilaṯciyap Payaṇam, Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḻum, Tuyara Pātai, Selancar Empat* dan *Noiva Pūkkaḻ.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, bekalan air dan kebersihan dikenal pasti dalam kesemua tujuh buah novel yang dikaji.

Lima buah novel membawa gambaran buruk tentang keadaan perumahan di ladang getah. Rumah pekerja digambarkan mempunyai atap yang berlubang, hanya terdapat sebuah bilik tidur yang sempit dan kecil yang tidak dapat menampung ahli keluarga yang ramai. Tambahan pula, rumah pekerja juga menjadi tempat pembiakan pepijat, tikus dan nyamuk. Deman malaria pula dikatakan menjadi punca kematian yang tinggi dalam kalangan masyarkat Tamil yang telah tiba pada peringkat awal di Tanah Melayu.

Semua ladang yang diceritakan dalam novel digambarkan tidak menyediakan bekalan air yang bersih dan mencukupi untuk keperluan pekerja ladang. Rumah pekerja tidak disediakan kemudahan paip air, sebaliknya setiang atau dua paip umum didirikan untuk kegunaan berpuluh-puluh penghuni di sesebuah ladang. Oleh itu, masyarakat Tamil ladang terpaksa menggunakan air telaga, perigi dan sungai yang tercemar yang memberi kesan pada kesihatan mereka.

Lebih malang sekali, terdapat, pihak majikan ladang yang tidak langsung menyediakan kemudahan air paip. Oleh itu, masyarakat Tamil di situ terpaksa menggunakan air dari sumber lain yang kotor dan berbau busuk. Di samping itu, pihak majikan ladang digambarkan seolah-olah tidak mengendahkan permintaan para pekerja untuk membaiki keadaan ini. Natijahnya, tahap bekalan dan sumber air yang digunakan oleh masyarakat Tamil ladang adalah sungguh buruk dan menjijikkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, semua novel menggambarkan bahawa keadaan kebersihan di semua ladang adalah buruk dan menjijikkan. Pihak majikan tidak memberi perhatian terhadap perkara ini. Tandas, longkang dan pusat asuhan kanak-kanak didapati dalam keadaan kotor dan berbau. Keseluruhan masyarakat Tamil ladang digambarkan terpaksa berkongsi sebuah atau dua buah tandas awam dan jarang disediakan bilik tandas di rumah pekerja ladang.

Longkang di sekeliling kawasan perumahan pekerja dipaparkan penuh dengan najis dan air kencing lalu bau hancing dan hanyir sentiasa menyelubungi kawasan itu. Di samping itu, keadaan rumah asuhan kanak-kanak dan kawasan sekitarnya dikatakan sungguh menjijikkan. Bau hancing air kencing dan bau masam najis kanak-kanak digambarkan menyelubungi rumah asuhan itu. Secara ringkasnya, rumah asuhan itu dipaparkan sebagai tempat pembiakan pelbagai penyakit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa kemudahan infrastruktur tidak diberi keutamaan oleh majikan ladang. Kemudahan infrastruktur yang buruk merefleksikan imej kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil yang rendah.

5.2.2 Menganalisis Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam NTM

Setelah menjalankan kajian berdasarkan objektif kedua, iaitu menganalisis realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang yang terpapar dalam NTM, pengkaji memperoleh beberapa penemuan mengenai realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tamil ladang dalam semua NTM yang dikaji. Kelima-lima aspek berkaitan dengan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dianalisis berdasarkan keadaan realiti masyarakat itu di Tanah Melayu pada ketika itu. Pengkaji mendapati bahawa aspek pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur yang digambarkan dalam semua novel Tamil Malaysia yang dikaji merupakan realiti dan peristiwa sebenar di Tanah Melayu semasa dan selepas penjajahan British.

Sebenarnya, hasil kajian ini turut disokong dengan data, maklumat dan penulisan para sarjana. Oleh sebab itu, pengarang telah memaparkan kisah dan peristiwa sebenar sebagai rakaman sejarah dalam karya mereka. Hal ini membuktikan bahawa seseorang pengarang mencipta novel berdasarkan keadaan realiti yang digambarkan melalui watak, latar masa dan latar tempat seperti yang ditegaskan oleh Watt, I.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa keadaan realiti yang berkaitan dengan pekerjaan seperti penoreh getah, buruh kelapa sawit dan *chokra*, pendapatan yang rendah, tahap pendidikan yang rendah, masalah pemakanan, ketagihan todi, kekurangan kemudahan kesihatan, keadaan perumahan yang buruk, kekurangan bekalan air dan hal kebersihan yang menjijikkan merupakan keadaan sebenar yang turut digambarkan oleh para pengarang dalam novel masing-masing. Latar tempat yang dinyatakan oleh pengarang ialah ladang getah yang benar-benar wujud pada ketika itu. Manakala, latar masa ialah semasa penjajahan British dan selepas kemerdekaan di Tanah Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3 Menghuraikan Unsur Ekstrinsik dalam Pemaparan Realiti Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Tamil Ladang dalam NTM

Setelah menjalankan kajian berdasarkan objektif ketiga, iaitu menghuraikan unsur ekstrinsik dalam pemaparan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang, pengkaji memperoleh beberapa penemuan berdasarkan unsur ekstrinsik dalam pemaparan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM yang dikaji. Unsur ekstrinsik seperti biografi pengarang, masyarakat di persekitaran pengarang dan pemikiran pengarang didapati amat mempengaruhi pengarang dalam pemaparan realiti kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang dalam NTM yang dikaji.

Pengkaji mendapati bahawa aspek biografi mempengaruhi karya ciptaan pengarang. Hal ini kerana pengarang yang berasal dari ladang getah pernah mengamati dan menghayati latar belakang dan kehidupan masyarakat Tamil ladang. Oleh itu, kehidupan pengarang sangat sinonim dengan keadaan dan suasana hidup masyarakat Tamil di ladang getah. Justeru, pengarang mendapat inspirasi untuk mencipta karya yang realistik untuk memaparkan keadaan realiti tentang kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang.

Seterusnya, masyarakat di persekitaran pengarang mendorong beliau untuk mencipta novel yang menceritakan kemelut sosioekonomi mereka. Pengarang pernah hidup dalam kalangan masyarakat Tamil ladang. Oleh itu, pelbagai masalah sosioekonomi masyarakat Tamil turut diketahui dan dialami oleh pengarang. Berikutan ini, para pengarang menggunakan hasil penulisan mereka sebagai medan untuk memaparkan masalah tersebut secara realistik. Justeru, unsur masyarakat di persekitaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengarang memberi ilham kepada pengarang untuk memaparkan keadaan realiti tentang kedudukan masyarakat seperti yang diterangkan oleh Wellek, R. dan Warren, A.

Akhir sekali, unsur pemikiran pengarang turut mempengaruhi pemaparan realiti kedudukan masyarakat Tamil ladang. Setelah meneliti masalah kedudukan masyarakat Tamil, pengarang berusaha membawa perubahan dalam kedudukan sosioekonomi. Oleh itu. pemikiran pengarang digarapkan melalui watak yang dicipta dalam novel. Watak tersebut dicipta untuk menyelesaikan masalah sosioekonomi masyarakat di persekitarannya. Justeru, pemikiran pengarang seperti kepentingan pendidikan, kesan minuman todi, kepentingan kerjasama dalam mengusahakan tanah sendiri dan amalan menabung demi masa depan diterapkan oleh pengarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya boleh dirumuskan bahawa unsur ekstrinsik telah memainkan peranan yang penting dalam penciptaan novel-novel pengarang. Biografi, masyarakat persekitaran pengarang dan pemikiran pengarang telah membantu pengarang memaparkan keadaan realiti tentang kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang.

5.3 Cadangan Kajian Lanjut

Dalam kajian ini, pengkaji ingin memberikan beberapa cadangan kepada para pengkaji masa depan. Pengkaji mencadangkan agar lebih banyak kajian mengenai realisme dijalankan pada masa akan datang, khususnya dalam genre puisi dan cerpen. Pengkaji juga mencadangkan para pengkaji melanjutkan kajian mengenai perbandingan aliran realisme dalam novel Tamil Malaysia dan novel Melayu. Pendekatan ini dapat membantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

para pengkaji dan pembaca mengetahui aspek realisme dalam novel daripada kedua-dua bahasa tersebut.

Seterusnya, pengkaji berharap bahawa kajian ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat Tamil di Malaysia; khususnya kisah hidup dan kemelut yang dilalui oleh masyarakat Tamil ladang dapat diketahui generasi datang. Sehubungan dengan itu, kajian ini menjadi suatu lembaran baharu untuk kajian yang selanjutnya.

5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhan, aspek realisme yang diutarakan oleh Watt, I dapat dikesan dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Watt, I. menerangkan bahawa penciptaan sebuah novel adalah berdasarkan watak, latar tempat dan latar masa yang sebenarnya. Menurutnya, sesuatu realiti dapat digambarkan berdasarkan unsur-unsur intrinsik ini.

Selain itu, unsur ekstrinsik turut memainkan peranan penting dalam menggambarkan realiti dalam sesebuah novel. Pengarang telah mencipta novel berdasarkan kisah dan peristiwa yang benar-benar berlaku dengan mengadunkan pengalaman, masyarakat di persekitaran dan pemikiran yang ingin disampaikannya. Seterusnya, watak dicipta untuk menyampaikan pesanan serta pemikiran yang dapat mengubah kedudukan sosioekonomi dan nasib masyarakat Tamil ladang. Pemaparan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

realiti ini diharapkan dapat mencetuskan perubahan sikap dan pemikiran dalam kalangan masyarakat.

Selanjutnya, aspek pemaparan realiti ini amat diperlukan untuk mendedahkan kepincangan dalam masyarakat ini. Oleh itu, pemikiran pengarang diterapkan dalam watak ciptaannya untuk menyampaikan hasrat pengarang itu. Selain itu, unsur biografi dan masyarakat persekitaran mempengaruhi ciptaan karya pengarang untuk menggambarkan kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil secara realistik.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang sememangnya sangat rendah dan membimbangkan sama seperti yang digambarkan oleh pengarang dalam novel mereka. Sikap dan pemikiran masyarakat Tamil ladang perlu diubah agar dapat mempertingkatkan kedudukan sosioekonomi mereka.

Perubahan ini hanya akan berlaku sekiranya masyarakat Tamil ladang bersedia mengubah sikap dan pendirian terhadap pendidikan dan cara meningkatkan ekonomi keluarga mereka. Sebenarnya, pendidikan merupakan salah satu aspek yang mampu meningkatkan kedudukan sosioekonomi serta keseluruhan kehidupan masyarakat Tamil ladang. Di samping itu, unsur luaran dalam sesebuah karya memberi ilham kepada pengarang untuk mencipta karya yang berfokus kepada kedudukan sosioekonomi masyarakat Tamil ladang secara realistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

A Theoretical Foundation. (2012*). Improving the Measurement of Sosioeconomic Status for the National Assessment of Educational Progress*. Princeton: National Education Centre.

Abdul Rahman Hj. Abdullah. (2000). *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.

Abdulsyani (1994). *Sosiologi dan Perubahan Masyarakat. Jakarta*: Pustaka Jaya.

Abrams, M. H. (1958). *The Mirror and the Lamp: Romantic Theory and the Critical Tradition.* USA: Oxford University Press.

Abrams, M. H. (1988). *A Glossary of Literary Terms.* 5th Edition. San Francisco: Holt, Rinehart and Winston, Inc.

Abinaya, T. (2012*). Pālakōpālan Nampiyārin Kanavu Kōlaṅkaḷ*: Tesis Sarjana. Tamilnadu, India: Universiti Tanjavur.

Achee Subramaniam. (1991). *Wanita dalam Novel Tamil Malaysia (1910-1970).* Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Admassie, A. (2003). Child Labour and Schooling in the Context of a Subsistence Rural Economy: Can They Be Compatible? *International Journal of Educational Development.23(2), 167-185.*

Ahmad Jelami Halimi. (2006). *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka Abad ke-15 hingga abad ke-18.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ali Taghizadeh. (2014). *A Theory of Literary Realism.* Theory and Practise in Language Studies. Vol.4, No.8. 1628-1635.

Alhody, SMA. (1978). *The History of Development of Surgery in Malaysia.* Vol. 48 (4).

Amarjit Kaur, R. (2012). *Rubber Plantation Workers, Work hazards, and Health in Colonial Malaya.* 1900-1940. Diperolehi daripada : www.jstor.org.stable

Amarjit Kaur, R. *Aliens in the land: Indian migrant workers in Malaysia* (2013, Feb 21). Diperoleh Oktober 15, 2018 daripada http://www.themalaysianinsider.com.

American Heritage Dictionary.(2005).Diperoleh dari http://www.ahditionary.com

American Heritage Dictionary.(2000).Diperoleh dari http://www.ahditionary.com

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

American Medical ASSO. JAMA Feb 14 2017 Vol.317, No.6.

American Public Work Association (APWA). (2018)

American Psycological Association. (2007). APA Dictionary of Psycology, Washington, DC: Author.

Anbalakan. K. (2008). *Identiti India di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Andaya, B. W. (2017). *A History of Malaysia.* 3rd Edition. New York: Palgrave Macmillan.

Annamalai Masi. (1982). *Tamil̲arkaḷ Tamil̲ Ilakkiya Koḷkai.* Kelang, Selangor: Percetakan Asean.

Annual Report (1976), Rubber Research Institute of Malaysia.

Apparow Sannasi. (2017). *The Rubber Tapper's Son*. Singapore: Partridge Publishing. www.partridgepublishing.com/singapore.

Arasaratnam Sinappah. (1970). *Indians in Malaysia and Singapore*. London: Oxford University Press.

Arivananthan, M. (2004). "*Ítu Eńkaḷ Cuvaţu".These are our footprints. 21st Century, The Malaysian Indian (Tamil Edition).* Kelana Jaya, Selangor: Vilasiny Govindan.

Aujaria, Ulka. (2012). *Realism in the Twentieth-Century Indian Novel: Colonial Difference and Literary Form*. New York: Cambridge University Press.

Australian Bureau of Statistics. (2011). *Measures of Sosioeconomic Status*. Canberra: Australian Bureau of Statistics.

Ayalew, B. (2011). *Realism in Sahle Sellassie Berhane Meriam's Warrior King and the Afersata.* Tesis Sarjana. Ethiopia, Afrika: Universiti Addis.

Azharuddin Mohamed Dali. (2012). *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Babu, K. (2004). *El̲upatukaḷil Malaycia Tamiḻ-Nōvelkaḷ (Novel Tamil Malaysia Tahun 1970-an).* Tesis Sarjana. Tamil Nadu: Universiti Tanjavur.

Bahasa Othman. (1989). *Melaka: Sejarah Awal Negara Kita.* Selangor: Marwilis Publisher & Distributor Sdn. Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Balamurugan, K. (2018, Dis 20). *Ennaip Patri*. Diperoleh daripada http://www.bala-balamurugan.blogspot.com/p/blog-page.

Balamurugan, K. (2009). *Nakarntu Koṇţirukum Vācalkaḷ.* Selangor: RMK Press.

Baker, E.H. (2014). *Sosioeconomic Status, Definition*. The Wiley Blackwell Encyclopedia of Health, Ilness, Behaviour and Society. 2210-2214.

Baldick, C. (1990). *A Concise Dictionary of Literary Terms*. New York: Oxford University Press.

Ministry of Human Resourse.(1992, April 1)"Basic Amenities on Plantations Sector*"*. *Tamil Nesan*.

Becker, G. S. (1964). *Human Capital: A Theoritical and Empirical Analysis with Special Reference to Education.*New York: Colombia Univesity Press.

Becker, G. J. (1980). *Realisme in Modern Literature.* New York: Frederick Ungar Publishing.

Belle, C. V. (2014). *Tragic Orphans in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bintarto (1986). *Interaksi Desa Kota dan Permasalahannya. Jakarta*: Ghalia Indonesia.

Birkert, S. P. (1993). *Literature the Involving Canon.* Boston: Allyn and Bacon.

Brooks, C. (1952). *An Approach of Literature*. New York: Appleton Century Crotfz Inc.

Brown, J, N. (1974). *Schooling, Experience and Earnings.* National Bureau of Economic Research Working Paper. New York.

Bhattacharjee, B, C. (1989). *The Migrant* . Kuala Lumpur: Academe Art and Printing

Brook, R. H. (2016). *Define of Health.* JAMA, 2017: 317 (6): 585-586 doi: 10.1001/jama.216.14372.

Brooks, J. R. (2017). Should the Define of Health Involve a Measure of Tolerance. *JAMA, American Medical ASSO.* Vol.317(6).

Bucher, K. & Manning, M. L. (2006). *Penelitian Kualitatif*. Kencana: Jakarta.

Burhan Nurgiyantoro. (1994). *Teori Pengkajian Fiksi.* Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

Burhan Bungin. (2008). *Penelitian Kualitatif*. Kencana: Jakarta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Burra, N. (1989). *Child Labour and Eduation.* Paris: UNESCO-UNCEF.

Brunvard Harold, B. (1986). *Study of American Folkfore.* London: WW Norton & Co.

Bryman, A. (2008). *Sosial Research Methods, Third Edition*. Oxford: Oxford University Press.

Cambridge Dictionary. (2018). Diperoleh pada 6 Oktober 2018

Coedes G. (1968). *The Indianizes States of South-Eats Asia.* London: Wiley Blackwell.

Colletta, N. J. (1978). "*Malaysian's Forgotten People: Education, Cultural Identity and Socio-Economic Mobility Among South Indian Workers."*Contribution to Asian Studies. Vol.7.

Collin English Dictionary (10th ed.). (2019). Harper Collins. Diperoleh pada 16 November 2019.

Collin English Dictionary (2017). Harper Collins. Diperoleh pada 12 Jan 2018.

Curley, R. H. V. & Tinker, P. B. (2016). *The Oil Palm.* 5th Edition. London: Wiley Blackwell.

Cheah, B.K. (2001). *Early Modern History (1800- 1940),(The Encyclopedia of Malaysia),* Editions Didier Millet. Singapore: Archipelogo Press.

Chee, H. L. (1982). Health Status and the Development of Health Services in Colonial State: The Case of British Malaya. *International Journal of Health Services.* Vol.12.

Chin, M. (2011). *Biofuels in Malaysia: An Analysis of the Legal and Instituitional Framework.*Working paper 64. CIFOR, Boger, Indonesia.

Chong, Ellyn, Farina Adam & Khang. (2017). *Outlook and Policy in Bank Negara.* Annual Report 2017. P. 90-99.

Creswell, J. W. (2005*). Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Pearson: Merill Prentise Hall.

Creswell, J. W. (2009). Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches, 3rd Edition, Los Angeles: Sage Publications.

Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches (4th ed.).* Thousand Oaks, California: Sage Publications.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Damono, Sapardi, Djoko. (1983). *Kesusastraan Indonesia Moden: Beberapa Catatan*. Jakarta: Gramedia.

Dargan, E. P. (1932). *Studies in Balzac's Realism.* Chiago: University of Chicago Press.

Dashini Jeyathurai. (2012). *Labouring Bodies;Labouring Histories: The Malaysian-Indian Estate Girl*. USA: University of Michigan.

David, M. (2007). *A New Handbook of Literary Terms*. London: Yale University Press.

De Bono, E. (1976). *Teaching Thinking.* London: Penguin Books.

Di Yanni, R. (2001). *Literature Reading Fiction, Poetry and Drama*. New York: Oxford University.

Dow, L.H. & Skinner, P. G. (1907), *Quel.gues. Contes Naturalistes*. New York : D. Health and Company.

Dhandayutham, R. (1973). *Istilah Novel*, Kuala Lumpur: Terbitan Pustaka Karya.

Drabble, J.H. (1973). *Rubber in Malaya 1876-1922: The Genesis of the Industry*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Fauconnier, H. (2015). (Eric Sutton translater) *The Soul of Malaya.* Singapore: Editions Didier Millet.

Federation of Malaya Census Report, (1957). Kuala Lumpur: Smith, G. A. Press.

Federation of Malaya Annual Report, (1955). Kuala Lumpur: Smith, G. A. Press.

Federation of Malaya Annual Report, (1954). Kuala Lumpur: Smith, G. A. Press.

Gamba, C. (1962). *The Origins of Trade Unions in Malaya: A Study in Colonial Labour Unrest, Singapore.* Kuala Lumpur: Eastern University Press.

Gay, Mills dan Airasian. (2009*). Educational Research: Competencies for Analysisand Application.* New Jersey: Merill Prentice Hall.

George, G. (1961). *Realism, Heroines, Haubert.* Master Thesis. London: University of Richmond.

Gill, R. (1997). *Mastering English Literature.* London: Prentice-Hall.Inc. Fifth Edition.

Glick, C. E. (1968). *Changing Positions of Two Tamil Groups in Malaysia 'Indian' Tamils and 'Ceylon' Tamils.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guerin (2005). *A Handbook of Critical Approaches to Literature.* New York: Oxford University.

Hall. D. G. E. (1987). *Sejarah Asia Tenggara.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harrison, B. (1966). *Asia Tenggara: Satu Sejarah Ringkas.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasyim Awang (1984). *Kesusasteraan Melayu dalam Kritikan dan Sejarah.* Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Hawthorn, J. (2001). *Studying the Novel*. New York: Oxford University.

Horton, P. B. dan Hunt, C. L. (1984). *Sosiologi.* Edisi kelapan. Michigan: McGraw-Hill. Terjemahannya dalam bahasa Indonesia, Paul, B. Horton dan Chester, L. (1993). Sosiologi. Terjemahan Aminuddin Ram dan Tita Sobari, Jakarta: Penerbit Erlangga.

Horton, P. B., Hunt, C. L. (1993). *Sosiologi (terjemahan Aminuddin Ram dan Tita Sobari).* Jakarta: Penerbitan Erlangga.

History of the Development of Schools in Selangor. (1975). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ilavalagu, I. (1983). *Ilaṭciyap Payaṇam.* Seremban: Sunrise Store.

Ilayaraja Atmanathan. A. (2006). *Putiyatōr Ulakam – Ōr Ăivu(Putiyatōr Ulakam Novel Malaysia- Satu Kajian.)* Tesis Sarjana. Tamilnadu, India: Universiti Tanjavur.

Income. Business Dictionary.com (2018, March 31). Diperoleh 5 May 2019, dari http://www.business.dictionary.com.

INSAN. (1989). *Sucked Orange: The Indian Poor in Malaysia.* Selangor: Institute of Sosial Analysis.

International Definition and Measurement of Standard and Level of Living (1954). New York: United Nations.

International Labour Organisation (ILO). (1992). *Every Child Counts*. Global Report. Geneva: ILO.

Intisari (1969), *The Research Journal Of Wider Malaysia Vol.III No.4.* Singapore: Malaysian Sosiological Research Institute Ltd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jaafar dan Tamuri (2013). Hubungan antara Efikasi Kendiri dengan Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. *Jurnal of Islamic and Eduation*. *5*(1), 41-60.

Jackson, R. N. (1961). *Immigrant Labour and the Development of Malaya 1786-1920.* Kuala Lumpur: Government Printers.

Jain, R. K. (1970). *South Indians on the Plantation Frontier in Malaya.* New Haven: Yale University Press.

Janakey Raman. (2006). *Malaysia Dilemma.* Brickfield: Ashwin Trading.

Janakey Raman. (2013). *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indians Community in Malaysia*. Kuala Lumpur: Divyam Marketing.

Janakey Raman Manickam. (2016). *Forgotten History of the Colonial Era: Sweat, Blood and Tears.* Kuala Lumpur: Raden Kreatif Sdn.Bhd.

Jayaraman, N. V. (1987). *Malaycia Tamil̲ Nōvel Vaḻarcci (Perkembangan Novel Tamil Malaysia).* Kuala Lumpur: Akhbar Tamil Nesan.

Jeyakumar. (1993). *The Poor in Malaysia: Problems and Solutions.* Indian Communities in Southeast Asia. Singapore:Times Academic Press.

Jeynes, W. H. (2002*).* Examining the Effects of Parental Abuse on the Academic Achievement of Adolescents: The Challenge of the Controlling for Family Income. *Journal of Family and Income.* Issue 23(2).

Joginder Singh Jessy. (1961). *History of Malaya 1400-1959.* Pulau Pinang: United Publishers.

Johnson, B. dan Christensen, L. (2000). *Education Research: Quantitative and Qualitative Approaches.* London: Allyn And Bacon.

Jomo, K. S.,& Josie Zaini (1984). *Early Labour: Children at Work on Malaysian Plantations in Malaysia.* Kuala Lumpur: London Press.

Jomo, K. S. (1992). *Child Labour in Malaysia.* University Malaya: Institute for Advance Studies.

Jomo, K. S. (editor) (2007). *Malaysian Industrial Policy.* Singapore: NUS Press.

Jomo, K. S. (2010). *Kompilasi Kajian Kanak-Kanak dan Remaja di Malaysia.* Kuala Lumpur: Institut Sosial Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Joseph Selvam. (1977). *Sastera Tamil di Malaysia – Satu Pengenalan*. Melaka: Persatuan Penulis Melaka (PENAMA).

Jothi Mani, Mu. (2005). *Rabindranin Nāvalkaḷil Nadapiyal*. Tirunelveli : Manonmaniam Sundranar Universiti.

Kalaimuthu, K. (2008). *Malaycia Intiyarkaḷ Ōr Ăivu*. Kuala Lumpur: Fine Arts Printing Works.

Kalaiselvi, K. (2002). *M. Ramaiyāvin Payaṇańkaḷ Muţivatillai Nōvel Ōr Āivu* (Novel M. Ramaiah Payaṇańkaḷ Muţivatillai–Satu Kajian). Tesis Sarjana. Tamilnadu, India: Universiti Tanjavur.

Kamus Dewan. (2010). Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kanaganayagi Ramasamy (1992).*Sejarah Kedatangan Masyarakat India dan Keadaan Sosial dan Ekonomi di Ladang dari 1920-30an*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013*). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.Ringkasan Eksekutif. Putrajaya: KPM.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Rancangan Malaysia Ke 11 (2016-2020). Keutamaan dan Penekanan Baharu*. Ringkasan Eksekutif.Teras Strategik dan Pemacu Perubahan. Putrajaya: KPM.

Kerjaya sebagai Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di Malaysia (2018). Kuala Lumpur: Terbitan EHOM.

Kerlinger, F. N. (1973). *Foundations of Behavioral Research (3rd. ed).* Fort Worth: Holt, Rinehart and Winston.

Kesavapathy. K, Mani. A. dan Ramasamy. P. (2008). *Rising India and Indian Communities in East Asia (Pembentukan India dan Komuniti India di Asia Timur).* Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Koentjaraningrat. (1989). *Sejarah Teori Antropologi 1*. Jakarta: UI Press.

Koentjaraningrat. (1990). *Pengantar Ilmu Antropologi.* Jakarta: PT Rineka Cipta.

Kondapi, C. (1951). *Indians Overseas, 1838-1949*. New Delhi: Indian Council of World Affairs.Oxford University Press.

Koh, Y. H. (2011). *Pramoedya Menggugat : Melacak Jejak Indonesia.* Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.

Kokasih, E. (2012). *Dasar-Dasar Ketrampilan Bersastra*. Bandung: Yama Widya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kowsalya Duraisamy (2014). Standard of Living of the Indian Origin Tamils in the Sri Lankan Estate Sector.*International Journal of Scientific and Research Publiation*. Volume. 4, 3.

Kukuh Yudha Karmanta (2018). *Mengakari Teks Menjelajahi Konteks Sekumpulan Esei Sastera dan Budaya.* Surabaya: Airlangga Uni Press.

Kumarasamy Thannirmalai. (2011). *Isu-Isu Sosial yang Digambarkan oleh Novel-Novel Tamil Malaysia Sekitar 1990an.* Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kumaran, M. (1971). *Cemmaṇṇum Nīla Malarkaḷum.* Madras: Tamil Puttakalayam.

Kuppusamy, C. V. (1971). *Malaycia Tamiḻ- Ilakkiyam (Sastera Tamil Malaysia).* Delhi: *Tamiḻ Cańka Veḷḷi Viḻā Malar*.

Kurinjivendhan, R. (2013). *Malaya Tamiḻar Carittiram*, Chennai: New Century Book House (P) Ltd.

Lal, V. Brij. (2006). *The Encyclopedia of The Indian Diaspora.* Singapore: Didier Millet.

Lembaga Pembantu Perubatan (2010), Kementerian Kesihatan Malaysia.

Levin, H. (1951). *What is Realism? Comparative Literature*. USA: Duke University Press.

Lim, C. H. (2007). *Penyelidikan Pendidikan Pendekatan Kuantitatif & Kualitatif*. McGraw Hill Education: Malaysia Sdn. Bhd.

Little, A. W. (2012). *Educational Progress Among the Indian Tamil Minority in the Plantation of Sri Lanka.* USA: University of Michigan.

Locke, J. (1803). *An Essay Concerning Human Understanding.* Vol.II , Boston: David Carlisle.

Loganayagi, N. (1971*). Perkembangan Novel Tamil Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Malaysia. Department of Statistics. (1983). *Population Census 1980*. Kuala Lumpur: Department of Statistic.

Malaysian Medical Association Survey on the Health Care Delivery System in the Plantation Sector in Peninsular Malaysia.(1995).

Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010*. Kuala Lumpur: Percetakan National.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia dan Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (2006). Akta Pekerjaan 1955 (Akta 265) Peraturan dan Perintah. Petaling Jaya: International Law Book.

Malaysia, Kementerian Kesihatan. (2013). Bahagian Pemakanan. Putrajaya. KKM.

Malaysia, Jabatan Perangkaan. (2016), Laporan Penyiasatan Gaji dan Upah. Kementerian Sumber Manusia.

Malaysia. Jabatan Perangkaan. (2007). Penyiasatan Tenaga Buruh, Profil Bukan Warganegara.Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia (Edaran Terhad).

Malaysia. Jabatan Perangkaan. (2012). Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2011.Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Mana Sikana. (2012). *Teori Sastera Kontemporari.* Kuala Lumpur: Pustaka Karya.

Mana Sikana. (2013). *Koleksi Teori Sastera*. Selangor: Pustaka Karya.

Mana Sikana. (2013). *Berdiri di Akar Diri- Kritikan Sastera Melayu Pascamoden.* Selangor: PNMB.

Mana Sikana. (2015). *Sasterawan Negara di Takhta Keunggulan.* Selangor: Legasi Press.

Mannar Mannan, M., R. & Chandrasegar, C. (1998). *Majalah Sembarutti.* September, Kuala Lumpur: Cetak.

Manikkavalli, R. (2011). *Malaycia Naṭṭil Kaṭanta Pattu Āṇṭukaḷil Veḻi Vantulla Tamil-Pattu Āṇṭukalil Nōvelkaḷin Vaḷarci Nilai – Or Āivu* (Perkembangan Novel Tamil di Malaysia dalam Jangkamasa 10 tahun). Tamilnadu, India: Universiti Tanjavur.

Manonmani Devi. (2008). *Citra Wanita dalam Novel-Novel R.Kartigesu.* Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

MASCO 2008 (2010), *Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2008*. Edisi Ketiga. Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

Marimuthu, T. (1975). "*Education forPoor Especially the Estate Children",* Kertas Kerja dalam Persidangan Modenisasi dan Keperibadian Budaya, Bangsa.Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Marimuthu, T. (1987, June). "Tamil Schools : Problem and Prospects*", Rising India and Indian Community in East Asia.* 88.

Mathavan, S. (2015, Jun 21). *Inraiya Ilakiyam : Nōkkum Pōkkum. Tiṇṇai.* Diperoleh daripada http://www. puthu.thinnai.com/.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mathiyalagan. (1985). *Malaycia Tamiḻ- Nōvelkaḻ - Ōr Aṟimukam (Novel Tamil Malaysia – Satu Pengenalan)*. India: Universiti Pondicherry.

Melinda Baharom (2010, Mei). Tapak Kajian Arkeologi Sg.Batu: Bukti Kewujudan Tamadun Tertua Asia Tenggara. *Anjung Warisan*, 9-10.

Meriam, S. B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

Meriam Webster Online Dictionary. (2016). London. Diperoleh 23 Mei 2017 dari http://www.meriam-webster.com/dictionary/wage.

Mills, L. A. (1958). *Malaya: A Political and Economic Appraisal.* London: University of Minnesota Press.

Millan, I.M. (editor)(2009). *Literary Movements for Students.* Second Edition. Gale: USA Vol.1.

Milne, I. M. (2009). *Literary Movements for Students*. Second Edition. Gale: Cengage Learning Farmington Hills.(Vol.2). USA.

Mincer, J. (1984). *Taxation, Wage Variation and Job Choice.* National Bureau of Economic Research Working Paper. No.1284.

Mogan, R. (1989). *Nōvel Vaḻarcci*. Chennai: Cetakan Manikavasagar.

Mogan, V. (2012). *Re. Kārtikēcuvin Antima Kālam Nōvel Ōr Āivu.* Tesis Sarjana. Madurai: Universiti Kamarajar.

Mohan, R. & Salmah Omar (2016). Buruh India: Kajian Mengenai Mekanisme Sosial dan Ekonomi di Pulau Pinang Menjelang 1900-1940. *Persidangan National Sejarah Melayu Kepulauan Melayu*. Vol.1.

Mohamed Najib Abdul Ghaffar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan.* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Supian Sabtu. (2002). *Tamadun Awal Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md. Yusof Hasan (1998). *Satu Analisis Kritis Intrinsik Ekstrinsik.* Tanjung Malim: UPSI.

Mohd Aqmin Abd Wahab, Hazrul Izwan Shahiri, Mustazar Mansur, Mohd Azlan Shah Zaidi. (2018). Kos Sara HidupTtinggi di Malaysia: Pertumbuhan Pendapatan Isi Rumah yang Perlahan atau Taraf Hidup yang Meningkat? *Jurnal Ekonomi Malaysia 52*(1). 117-133. Universiti Kebangsaan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd. Nasir, Mohd. Daud, Rohana & Jomo. (1983, Ogos). Laporan Penyiasatan Kes Buruh di Felda Selancar 4, Pahang. *Nadi Insan, 52.* 24-25.

Mok, S. S. (2010). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.

Mok, S. S. (2008). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran.* Puchong: Multi Media Sdn.Bhd.

Morris, P. (2003). *Realism*. London: Routledge.

Muhammad Shamsul Naim Mohd. Sukri. (2012). Lembah Bujang Misteri yang Tersingkap. *Jurnal Lembah Bujang*. Pulau Pinang: IPG Kampus Pulau Pinang Publishing Sdn. Bhd.

Murasu Nedumaran. (2007). *Malaycia Tamiḻarum Tamiḻum*. Chennai: International Institute of Tamil Studies.

Muthammal Palanisamy (2002). *From Shore to Shore.* Kajang: VGV.

Muthusamy, C. (2006). *Maṇpulukkaḷ.* Chennai: Tamilini.

Muzakki Akhmad (2011). *Pengantar Teori Sastra Arab.* Malang: UIN Maliki Press.

MyHEALTH (April 2018). *Edisi Hari Kesihatan Sedunia*. Bahagian Pendidikan Kesihatan. Kementerian Kesihatan Malaysia.

Naga Devi. (2005). *Kemiskinan di Kalangan Masyarakat Ladang: Kajian Kes di Lima Buah Ladang di Kajang, Selangor*. Tesis Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Nagarajan, S. (2008*). Indian in Malaysia: Towards Vision 2020. Rising India and Indian Communities in East Asia,* ed. Kesavapany, K., Mani. A.and Ramasamy. 375-398.

National Healthy Housing Standard ALHA Association. (2016)

Navin, M. (2017, Julai). *Muthusamy Enum Paṭaippāḷi. Vallinam*. Diperoleh daripada http://www.vallinam.com.my/version2/.

Neelakandha Aiyer. (1938). *Indian Problems in Malaya*: *A Brief Survey in Relation to Emigration.* Kuala Lumpur: Indian Office, F.M.S.

Netto, G. (1961). *Indians In Malaya, Historical Facts and Figures.* Singapore: Singapore and Federation of Malaya.

New English Encylopedia (2014). London. Diperoleh pada 4 Jun 2018.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilakanta Sastri, K. A. (1932). "The Thakua-paa (Siam) Tamil Inscription*". Journal of Oriental Research,* Vol.6, 300-310.

Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod, Marhanum Che Mohd Salleh, Ashgar Ali Muhammad, dan Azizah & Mohd (2016), A Study On Child Labour As a form of Child Abuse in Selangor. *International Journal of Sosial Science and Humanity,* Vol.6. No.7.

Nisah Haron. (2002, Mei 8). Realiti Masyarakat-Dipapar dalam Novel. *Berita Harian.*Diperoleh dari http://www.b.harian.com.my.
.

Nisha Bhatt (2000). *Sejarah Sosioekonomi Pekerja Estet Wanita di Tanah Melayu,1900-1957.* Tesis Sarjana. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Nurgiyantoro. (1994). *Teori Pengkajian Fiksi.* Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

Nurgiyantoro, B. (2010). *Teori Pengkajian Fiksi*.Yogyakarta: Gadjah Mada Universiti Press.

Nomer, G. B. (2001). *Realism in Gustave Flaubert;s Madame Bovary.* Tesis Sarjana. Yogyakarta: Universiti Sanata Dharma.

Norhayati Abdul Rahman (2014). *Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik.* Pulau Pinang: USM.

Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: UPSI.

Oxford English Dictionary. (2018). London. Diperoleh pada 10 Sept 2018.

Oxford University Press. (2018). London. Diperoleh pada 14 Oktober 2018.

Pama Periasamy. (2013). *Stereotaip Gender dalam Novel Terpilih Ramani Chandran.* Tesis Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Pandian, A. (2014, Sept). *Ko-Punniavanin 'Selancar Empat' Kōl̲aikaḷin̲ Viti Aṭimai Vāl̲vē. Vallinam.* Diperoleh daripada http://www.vallinam.com.my/version2/.

Pang, Y. F. *Children Working Unseen.* New Strait Times. 4 Mac 1993.

Parameswari Krishnan (2017).Implikasi Pengambilan Todi dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Melayu 1900-1957.*Journal of the Department of History*. (S.1), Vol.23, 1.

Parmer, N. J. (1960). *Colonial Labour Policy and Administration: a History of Labour in the Rubber Plantation Industry in Malaya.*1910-1941.New York: Augustin, J. J.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. London: Sage Publications.

Pavalar Thirukkural Manian (2015). *Oru Vaḻḻarin Varalāru.* Teluk Intan: Hindu Saba Hilir Perak.

Pejabat Perdana Menteri. (2017). *Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia (Malaysian Indian Blueprint).* Putrajaya: Sekretariat Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia.

Pierre, L. (1984). *Literature Structure, Sound and Sense.* 5th Edition. London: Harcourt Brace.

Perancangan Klasifikasi dan Kod Gunatanah (2008).V.8A Pindaan.

Perumal, K. (1978). *Tuyara Pātai.* Chennai: Tamil Puttakalayam.

Pillai, M. G. (1983, 12 July). Near Slavery Conditions Just Tip of the Iceberg. *The Straits Times.* Diperoleh daripada http://www.eresoures.nlb.gov.sg/newspapers/.

Pillai, M. G. (1983, 16 July). Top Level Probe into Labour Abusees Sought. *The Straits Times.* Diperoleh daripada http://www.eresoures.nlb.gov.sg/newspapers/.

Pillai, M. G. (1983, 17 July). Confrontation Over 'Slave' Reports. *The Straits Times.* Diperoleh daripada http://www.eresoures.nlb.gov.sg/newspapers/.

Pillai, M. G. (1983, 18 July). Across the Causeway- Felda Review. *The Straits Times.* Diperoleh daripada http://www.eresoures.nlb.gov.sg/newspapers/.

Pillai, M. G. (1983, 18 July). MIC Sets Up Panel to Investigate Scandal at Estate. *The Straits Times*. Diperoleh daripada http://www.eresoures.nlb.gov.sg/newspapers/.

Pillai, M. G. (2008, 17 August). Bonded Labour in Estates. *The Star Online.* Diperoleh daripada http://www.eresoures.nlb.gov.sg/newspapers/.

Prime Minister Department. *Sosio-Economic Study of Rubber Estate Workers*. (Okt 1980). Sosio-Economic Research Unit. Kuala Lumpur: Prime Minister Department.

Polak, M. (1976). *Sosiologi Suatu Buku Pengantar Ringkas.*Jakarta: Ikhtiar Baru.

Population Studies, Faculty of Economics Administration. (1986).*Infant And Child Care Plantations*. Kuala Lumpur: University of Malaya.

Portal Rasmi Kementerian Kesihatan. (2013). Kementerian Kesihatan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Potter, L. (2015) *Managing Oil Palm Landscapes A-seven Country Survey of the Modern Palm Oil Industry in Southeast Asia, Later America and West Africa.* Occational Paper 122, Boger, Indonesia: CIFOR.

Phoenixtasan. (2014, Ogos). *Ko.Punniavan Selancar Empat Nōvelku RM10,000 Parisu. Selliyal*. Diperoleh 13 Dis, 2018 daripada http://www.selliyal.com?s=punniavan.

Pradapo, R. D. (2003). *Beberapa Teori Sastra, Metode Kritik dan Penerangannya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Pramoedya Ananta Toer (2003). *Realisme Sosialis dan Sastera Indonesia.* Yogyakarta: Lentera Dipantara.

Proceedings of Government of Madras (1870). Madras: Madras Government Press.

Punniavan, Ko. (2008). *Noiva Pookkal.* Chennai: Seethi Publisher.

Punniavan, Ko. (2013). *Selancar Empat.* Sungai Petani: Deepa Oli Enterprise.

Pusat Kesihatan Persekitaran Malaysia (EHOM). (2018). Kementerian Kesihatan Malaysia.

Rabindra Daniel, (1978). *A Sosioeconomic Study of the Indians in the Rubber and Oil Palm Estates of Perak and Selangor*.Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Raghuraman, R. (2007). *Tamil Lexicon*.Chennai: University of Madras.

Rahmah Ismail (2011). Gender Wage Differentials in the Malaysian Services Sector. African. *Journal of Business Management*. *5*(19): 7781-7789.

Rahmah Ismail, Idris Jajri (2012). Gender Wage Differentials and Discrimination in Malaysian Labour Market. *World Applied Science Journal 19*(5): 719-728.

Rahmah Ismail, Zulkifly Osman dan Syazwani A.Malek. (2012). Perbezaan Upah Mengikut Jantina dan Diskriminasi Majikan dalam Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi. *Jurnal Teknologi.(Social Science). 63*(1): 41-50.

Rahman Shaari (2001). *Bimbingan Istilah Sastera.* Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Rajantheran. M. (1999). *Sejarah Melayu: Kesan Hubungan Kebudayaan Melayu dan India*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rajeswary Ambalavanar. (1981). *The Indian Minority and Political Change in Malaya, 1945-1957*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajaswari Vairan. (2015). *Feminisme dalam Novel Tamil Malaysia abad ke-21*. Tesis Doktor Falsafah. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Rajeswari, S. (2012). *Nīl Tuyil Nōvelkaḷil Varalāṯṟu Pativukaḷ-(Kesan Sejarah dalam Novel Nīl Tuyil)* Tesis Sarjana. Tanjavur: Tanjavur Tamil Universiti.

Rajakrishnan, R. (1984). *Caste Consciousness Among Indian Tamils in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.

Rajakrishnan. R. & Rajantheran. M. (1994). *Pengantar Tamadun India*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

Rama Subbiah. (1969). *Tamiḻ Malaycianā.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ramachandran, V. N (1968/69). *Some Aspects of A Malaysian Tamil Novel (Beberapa Aspek dalam Novel Tamil Malaysia).* Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Ramaiah, M. (1978). *Malaycia Tamiḻ-Varalāṟu.* Chennai: Puratci Pannai.

Ramasamy P. (1991). *Plantation Labour, Unions, Capital and the State in Peninsular Malaysia.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Ramasamy. P. (1993*).* Sosio *Economic Transformation of Malaysian Indians Plantation Worker: Indian Communities in Southeast Asia.* Singapore: Institute of Southeast Asian Press.

Ramasamy, P. (1999). *Malaycia Toṭṭa Toḻilāḻi Vāḻvum Pōraṭṭaṅkalum.* Kuala Lumpur: Sembarutti.

Ramasamy, A. (2007). *Tamiḻil Etārta Ilakiya Pōkkukaḷ.* Manimandaram Sandranar University. Tirunelveli : Department of Tamil Studies.

Ramasamy, P. (1984). *Status Sosioekonomi Pekerja Ladang di Malaysia.* Kertas Kerja Dalam Persidangan Kebangsaan Pembangunan di Malaysia. Perancangan Pelaksanaan dan Prestasinya. Bangi: Universiti Kebangsaan Bangi.

Ramasamy, P. (1992). "Labour Control and Labour Resistance in the Plantations of Colonial Malaya*". The Journal of Peasant Studies.*Vol.*19.* (3-4), 87-105.

Rehman Rasyid. (August 1983). "Contract Labour: Cancer in the Estates". *Malaysian Business.*

Robinson, C. (2011). *A Model For Qualitative Research Design*. New York: Sage Publications.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rosmah Awang Hasyim, Noran Fauziah Yaakob, Johan Hasyim, Abu Hassan Othman dan Ruzlan Md.Ali (2003). *Correlates of Academic Help Seeking Behaviours Among Adolescenes: Insights from a Cognitive Motivational Perspective*. *IPRA Research Grant.* Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Rinju Rasaily (1998*). Influence of Sosio-Economic and Working Conditions on the Health of the Tea Garden Female Workers–A Case Study*. Master Thesis. Centre of Sosial Medicine and Community Hall. School of Sosial Science. New Delhi: Jawaharlal Nehru University.

Sababathy, V. (1988). *Early Malaysian Tamil Novels (1910-1960).* Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sababathy, V. (1991). *Viṭutalaikku Mun Malaycia Tamil-Nōvelkaḷil Peṇ Māntarkaḷ (Watak Wanita Dalam Novel Tamil Malaysia Sebelum Kemerdekaan).* Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Sababathy, V. (1993a). *Malaysian Tamil Novel After Independence (1960-1981).* Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sababathy, V. (1993b). *Cayampunātanum Cannāciyarum ōr Āivu (Cayampunātanum Cannāciyarum–Satu Kajian).* Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Sababathy, V. (1993c). *Alākananta Puṣpam Nōvel ōr Āivu (Novel Alākananta Puṣpam – Satu Kajian).* Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Sababathy, V. (1993d). *Teṭiyirukkum Taruṇaṅkaḷ – Nōvel ōr Āivu (Novel Teṭiyirukkum Taruṇaṅkaḷ–Satu Kajian).*Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Sababathy, V. (1993e). *Malaycia Tamil- Nōvelkaḷil Camutāya Cikkalkaḷ-(Masalah Masyarakat dalam Novel-Novel Tamil Malaysia).* Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Sababathy,V. (1994a). *Viṭutalaikku Pintiya Malaycia Tamil- Nōvelkaḷil Ilakkiya Mērkōḷkaḷ - 1957-1982 (Contoh-contoh Sastera Dalam Novel Tamil Malaysia Selepas Kemerdekaan 1957-1982).* Kuala Lumpur: Akhbar Tamil Nanban.

Sababathy, V. (1994b). *Viṭutalaikku Muntiya Malaycia Tamil- Nōvelkaḷil Kālakurippum Varalātru Ceitikaḷum (Gambaran Zaman dan Sejarah Malaysia Dalam Novel-Novel Tamil Malaysia Sebelum Kemerdekaan).* Kuala Lumpur: Eṭṭam Ulaka Tamil-Āraicci Mānāṭu, Malaycia Malar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sababathy, V. (1995a). *Malaycia Tamiḻ- Nōvel Ilakkiya Vaḷarcikku Tamiḻākkam, Ilańkai Ātṟiyuḷḷa Pańku. (Sumbangan India dan Sri Lanka dalam Memperkembangkan Kesusasteraan Novel Tamil Malaysia).* Kuala Lumpur: Ulaka Tamiḻ-Ārāicci Mānāṭu.

Sabapathy, V. (1995b). *Viṭutalaikku Piṉtiya Malaycia Tamiḻ- Nōvelkaḷ.* Kuala Lumpur : Uma Publications.

Sabapathy, V. (1999). *Malaysian Tamil Novels Before Independence.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sabitha Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson.

Sabitha Marican, S. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.

Sagar Narayanan. (2009). *Satu Kajian Tentang Corak Pemikiran Sosial India yang Terpapar Dalam Novel Tamil Malaysia (1957-1987.)* Tesis Doktor Falsafah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Samikkanu, J. Kingston, P. (2018). *Malaycia Tamiḻ Kalvi.* Chennai: International Institute of Tamil Studies.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sandhu, K. S. (1969). *Indians In Malaya*: *Some Aspects of their Immigration and Settlement 1786-1957*. Cambridge: Cambridge University Press.

Sandhu, K. S. (1961).*Some Preliminary Observations of the Origin and Characteristic of Indian Imigrant to Malaya 1786-1957.* Kuala Lumpur: University Malaya.

Sandrakantham. P. (2011). *200 Āṇṭukaḷil Malaycia Intiyarkaḷ.* Kuala Lumpur: Perniagaan Normahs.

Santhiram, R. (1999). *Education of Minorities: The Case of Indians in Malaysia*. Petaling Jaya: Child Information Learning and Development Centre.

Santrock, W. J. (2007). *Psikologi Perkembangan.* Edisi 11. Jilid 1. Jakarta: Erlangga.

Sastra Indonesia dan Pengajarannya. Vol 4 (1), April. *Basastra Jurnal Penelitian Bahasa* 216 ISSN 12302-6405.

Selvakumaran, R. (1994). *Indian Plantation Labour in Malaysia*. Kuala Lumpur: S.Abdul Majeed & Co.

Sellers, C. & Melling, J (edited). (2012). *Dangerous Trade Histories of Industrial Hazard Across a Global World.* USA: Temple Uni Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semi, Atar. (1989). *Kritik Sastra.* Bandung: Angkasa.

Sinnathamby Muthusally,. (2000). *Peranan Parti Politik 'Malaysian Indian Congress (MIC)' dalam Pembangunan Sosioekonomi Kaum India di Malaysia.* Tesis Sarjana.Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sinniah (2000), *Malaysian Population Cencus* pada tahun 1990.

Sirin, S. R. (2005). Sosioeconomic Status and Academic Achievement : A Meta-Analytic Review of Research. Review of Educational Research.Vol.75, No.3.

Sivachandralingam Sundara Raja (2014). The Lost Indians in British Malaya. 23rd *Conference of the International Association of Historious of Asia.*

Shahnon Ahmad. (1991). *Sastera sebagai Seismografi Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sharan, B. Merriam, S. B. (2002). *Introduction to Qualitative Research*. San Francisco: Jossey-Bass.

Shanmugam, R. (2006). *Ulaippāl Uyarnta Pāṭṭāḷi Makan*.Tanjung Malim. SMN Printers.

Stenson, M.R. (1980). *Class, Race and Colonialism in West Malaysia, The Indian Case*. St.Lucia, Queensland: University of Queensland Press.

Smith, A. (1776). *The Wealth of Nations. The Modern Library.* London: Random House, Inc.

Srinivasa, K. R. (1962). *Indian Writing in English.* New Delhi: Sterling Publishers.

Srinivasa Sastri, V. S. (1937). *Report and Conditions of Indian Labour in Malaya*. Indiana University.Kuala Lumpur: The F.M.S. Government Press.

Stanford, J. A. (2003). *"Responding Two Literature : Stories, Poems, Play and Essays".* 4th Edition. New York: Mc-Graw Hill.

Stromberg, R. N. (1968). *Realisme, Naturalism & Symbolism. A Mode of Thought in Europe.* London: Oxford University Press.

Shiffman, H. F. (1996). *Long Shift in the Tamil Communities of Malaysia and Singapore the Paradox of Egalitarian.*Philadelpia: University of Pennsyvania.

Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal,Tesis).* Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributor Sdn. Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Susan Oorjitham, K. S. (1986). *Urban Indian Working Class in Malaysia: Problems and Prospects.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Swami Satyananda. (1949). *History of Malaya (Tamil Edition).*Kuala Lumpur: Manonmoney Villas Book Depot.

S.M.Zakir. (2014, Ogos 9). Realisme Baru Zainal Rashid.*Berita Harian.* Diperoleh dari http://www..b.harian.com.my.

Tallis, R. (1998). *In Defence of Realisme.* London: University Nebrasca Press.

Tamil Lexicon Dictionary. (2007). Oxford University Press. Diperoleh pada 23 Mei 2018, daripada http://www.tamillexicon.com.

Tamil Lexicon Dictionary. (2018). Oxford University Press. Diperoleh pada10 Oktober 2018, daripada http://www.tamillexicon.com.

Tate, M. D. (2008). *The Malaysian Indians: History, Problem and Future.* Selangor: Vinlin Press

Tinker, H. (1974). *A New System of Slavery: The Export of Indian Labour Overseas*: 1890-1920.London: Oxford University Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Thilagavathi. R. (2012). *C. Sockalinggattin Vallamai Tārayō: Nōvel ōr Āivu (Satu Kajian–Novel C.Sockalinggam Vallamai Tārayō).* Madurai: Universiti Kamarajar.

The Borneo Post (2012). *Mr.Dresser Plays on Integral Role in Health Service.*

The Bureau of Labour Statistic (2018).

The Encyclopedia Of The Indian Diaspora. (2006). Singapore: Editions Didier Millet.

The Healthcare Development (2012). Diperoleh daripada: www://moh.gov/index.php/.

The International Labour Organization (ILO). (1992).

Thomaz, L. F. (1991). *Nina Chatu and the Portugese Trade in Malacca.* Bandar Melaka*:* Luso-Malaysian Books.

Thompson, S. A. (1999). *Hydrology for Water Management*. USA: Balkena Publishers.

Unit Perancangan Ekonomi. (2006). Indeks Kemajuan Komposit. Kuala Lumpur:Percetakan National.

Unit Perancangan Ekonomi. (2015). Indeks Kemajuan Komposit. Kuala Lumpur:Percetakan National.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Unit Perancangan Ekonomi. (2018). Indeks Kemajuan Komposit. Kuala Lumpur:Percetakan National.

Usha Mahajani. (1960). *The Role of Indians Minorities in Burma and Malaya*. Bombay: Very & Co.

Vanaja Sathivel. (2008), *Perkembangan Kesihatan Buruh India di Estet-Estet di Negeri Kedah*. 1910-1945. Tesis Ijazah Sarjana Sastera.Universiti Sains Malaysia.

Varatharasu, M. (1941). *Malaycia Toṭṭa Toḻilāḻi Vāḻvum Pōrāṭṭaṅkalum*. Madras: Tamil Culture Society.

Varatarasan, M. (1989). *Tamiḻ Ilakkiya Varalāṟu*. New Delhi: Sagithiya Academic.

Varatarasan, M. (1990). *Ilakkiya Marapu.*Chennai: Pari Nilayam.

Veerapan, N. (1988). *Malaycia Tamiḻarkaḻ.* Mailapur, Chennai: Kanimozhi Achagam.

Veerasamy, D. A. (1987). *Tamiḻil Samūka Nōvelkaḻ.* Madras: Tamil Puthakalayam.

Velusamy. (2001, Mei). *Malaycia Tamiḻ Eḻuttāḻarkaḻ*. Malaysian Tamil Writers Gallery. Diperoleh daripada http://www.tamilheritage.org/old/photoarc/malaysia/msiawri.

Visvanathan, R. (2013). *Educator and Scholar of Tamil History and Culture and Language.* Chennai: World Press.Com.

Watt, I. (1957). *The Rise of the Novel: Studies in Defoe, Richardson and Fielding.* Berkeley: University of California.

Wellek, R. & Warren, A. (1948). *Theory of Literature*. New York: Harcourt, Brace and Company.

Wellek, R. & Warren, A. (1990). *Teori Kesusasteraan*. (Terjemahan Melanie Budiantara). Jakarta: Gramedia.

Wheatly, P. (1966). *The Golden Khersonese. Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula Before A. D. 1500.*Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.

White, N. (2004). *British Business in Post-Colonisme Malaysia's 1957-70. 'Neo-colonisme' or 'Disegregement'*. London: Routledge Curzon.

WHO (World Health Organization) (1948). Preamble to the Constitution of theWorld Health Organization as adopted by the International Health Conference. New York.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Yusoff Iskandar. (1979). *Masyarakat Melaka 1400-1511 T.M. dengan Tinjauan Khusus Mengenai Orang-orang Asing", Dalam Malaysia: Sejarah dan Proses Pengembangan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Zawiah Mat, Mashitah Sulaiman. (2012). Interaksi budaya India dan Cina ke atas pengukuhan bahasa dalam Tamadun Melayu. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 8. Diperoleh 20 Disember, 2015, daripada http://www.myjurnal.my.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi